

# جورنال معاملات

# JURNAL MUAMALAT

Bil.10 • 2017 | 1439H

ISSN:1985-6156

**Penasihat Syariah di Penyedia Perkhidmatan Ar-Rahnu: Tinjauan Semula Terhadap Garis Panduan dan Pelaksanaan**  
ASIAH ALKHARIB SHAH & DZIAUDDIN SHARIF

**Fungsi Semakan Syariah dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Bagi Institusi Kewangan Islam: Satu Perbandingan Terpilih dengan Fungsi Audit Syariah**  
MOHAMED HADI ABD HAMID

**Dasar Pinjaman Berkumpulan di Institusi Mikrokredit: Cadangan Penggunaan Kontrak Hiwalah**  
WAN NOR AISYAH BINTI WAN YUSSOF, ABDUL GHAFAR BIN ISMAIL & SHOFIAN AHMAD

**Corak Perbelanjaan Dana Masjid Negara dan Masjid Al-Ghufran: Analisis Perbandingan ke Arah Penjanaan Ekonomi**  
AMRU ALHAZ ADNAN & MOHAMMAD TAQUIDDIN BIN MOHAMAD

**Inflasi dan Kesan Penggantian Produk Pembiayaan Perumahan Islam Berbanding Konvensional**  
MOHD FAISOL IBRAHIM

**Saham Keutamaan: Suatu Dilema antara Hutang atau Ekuiti**  
AZMAN MOHD NOOR & MUHAMMAD NAJIB BIN ABDURRAHIM

**Analisis Syariah Terhadap Penggunaan Konsep Maslahah 'Ammah dalam Produk Kewangan Islam**  
LOKMANUL HAKIM BIN HUSSAIN

**Persepsi Asnaf Zakat *al-Gharimin* (perubatan) Terhadap Kaedah Agihan Zakat oleh Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Gombak, Selangor**  
NUR ALIAH MOHD SUKERI, ZULAIKHA MOHD HANAFIAH & HAIRUNNIZAM WAHID

**Kecekapan dalam Institusi Perbankan Islam : Satu Penjelasan Lanjut**  
WAN HAKIMAH WAN IBRAHIM & ABDUL GHAFAR ISMAIL

**Polemik Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB): Tinjauan Terhadap Perbezaan Pandangan Hukum**  
MUHAMMAD HAFFIZ MUHAMAD ISA & AHMAD AZAM SULAIMAN @ MOHAMAD

# جورنال معاملات

# JURNAL MUAMALAT

Bil.10 • 2017 | 1439H

ISSN:1985-6156

- Penasihat Syariah di Penyedia Perkhidmatan Ar-Rahnu: Tinjauan Semula Terhadap Garis Panduan dan Pelaksanaan** 1-17  
ASIAH ALKHARIB SHAH & DZIAUDDIN SHARIF
- Fungsi Semakan Syariah dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Bagi Institusi Kewangan Islam: Satu Perbandingan Terpilih dengan Fungsi Audit Syariah** 18-38  
MOHAMED HADI ABD HAMID
- Dasar Pinjaman Berkumpulan di Institusi Mikrokredit: Cadangan Penggunaan Kontrak *Hiwalah*** 39-62  
WAN NOR AISYAH BINTI WAN YUSSOF, ABDUL GHAFAR BIN ISMAIL & SHOFIAN AHMAD
- Corak Perbelanjaan Dana Masjid Negara dan Masjid Al-Ghufran: Analisis Perbandingan ke Arah Penjanaan Ekonomi** 63-84  
AMRU ALHAZ ADNAN & MOHAMMAD TAQUIDDIN BIN MOHAMAD
- Inflasi dan Kesan Penggantian Produk Pembiayaan Perumahan Islam Berbanding Konvensional** 85-101  
MOHD FAISOL IBRAHIM
- Saham Keutamaan: Suatu Dilema antara Hutang atau Ekuiti** 102-124  
AZMAN MOHD NOOR & MUHAMMAD NAJIB BIN ABDURRAHIM
- Analisis Syariah Terhadap Penggunaan Konsep *Maslahah 'Ammah* dalam Produk Kewangan Islam** 125-145  
LOKMANUL HAKIM BIN HUSSAIN
- Persepsi Asnaf Zakat *al-Gharimin* (perubatan) Terhadap Kaedah Agihan Zakat oleh Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Gombak, Selangor** 146-168  
NUR ALIAH MOHD SUKERI, ZULAIKHA MOHD HANAFIAH & HAIRUNNIZAM WAHID
- Kecekapan dalam Institusi Perbankan Islam : Satu Penjelasan Lanjut** 169-180  
WAN HAKIMAH WAN IBRAHIM & ABDUL GHAFAR ISMAIL
- Polemik Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB): Tinjauan Terhadap Perbezaan Pandangan Hukum** 181-206  
MUHAMMAD HAFFIZ MUHAMAD ISA & AHMAD AZAM SULAIMAN @ MOHAMAD



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (Jakim)  
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,  
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,  
62100 Putrajaya  
Tel: 03-8870 7000  
Fax: 03-8870 7003  
<http://www.islam.gov.my>

### **Cetakan Pertama 2017**

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**ISSN : 1985-6156**

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apajuga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 62100 Putrajaya.

*Konsep & reka bentuk oleh:*  
Sinar Tenggara Sdn Bhd

*Dicetak Oleh:*  
Sinar Tenggara Sdn Bhd  
No. 29-1, Jalan Camar 4/2  
Seksyen 4, Kota Damansara  
47810 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

# LEMBAGA EDITORIAL

## **PENASIHAT**

Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## **KETUA EDITOR**

Mohamad bin Saari  
Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

## **PENOLONG KETUA EDITOR**

Zaizurina binti Mansor

## **SIDANG EDITOR**

Dr. Wan Nor Aisyah binti Wan Yusof  
Siti Razmah binti Idris  
Shahrul Ridhwan bin S. Ali  
Mohd Naim bin Mustafa  
Munir Zihni bin Hassan  
Khairunnisa binti Khayun  
Nurul Tasnim binti Rusli

## **AHLI JAWATANKUASA**

Noor Shakilah binti Jaludin  
Mohd Faizal bin Yusof  
Selamah binti Mat Saman  
Nazamiah binti Hamzah  
Mohd Azhar bin Ismail

# KATA ALU-ALUAN

KETUA PENGARAH JAKIM



Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Jakim telah berjaya menerbitkan Jurnal Muamalat Bil 10/2017. Setelah sedekad penerbitan Jurnal Muamalat ini, ia telah banyak memberi peluang dan platform kepada para ulama, ahli akademik dan pengamal industri kewangan Islam untuk bersama-sama berkongsi pandangan dan pengalaman mereka bagi memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat selaras dengan teori ekonomi Islam.

Penerbitan Jurnal Muamalat secara tidak langsung menyemarakkan budaya penyelidikan serta perbahasan ilmiah mengenai isu-isu semasa berkaitan muamalat dan sosioekonomi Islam. Penerbitan jurnal ini merupakan manifestasi yang mempamerkan kesyumulan peranan Jakim sebagai sebuah institusi agama yang berperanan dalam menyelaras hal ehwal agama Islam.

Bagi pihak jakim, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan jurnal ini. Semoga usaha murni ini mendapat sebaik-baik ganjaran dari Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA**

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

# KATA PENGANTAR

KETUA EDITOR



Alhamdulillah, saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan inayah-Nya, Jurnal Muamalat Bil.10/2017 telah berjaya diterbitkan pada tahun ini. Sedekad Jurnal Muamalat diterbitkan, ianya telah banyak memberi ruang dan perkongsian para agamawan, para akademik, penyelidik mahupun pengamal industri perbankan dan kewangan Islam.

Artikel-artikel yang disumbangkan ini merangkumi beberapa aspek ekonomi dan kewangan Islam. Antara tajuk yang ditampilkan pada kali ini ialah Penasihat Syariah di Penyedia Perkhidmatan Ar-Rahnu: Tinjauan Semula Terhadap Garis Panduan dan Pelaksanaan, Fungsi Semakan Syariah dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam: Satu Perbandingan Terpilih dengan Fungsi Audit Syariah, Dasar Pinjaman Berkumpulan di Institusi Mikrokredit: Cadangan Penggunaan Kontrak *Hiwalah*, Corak Perbelanjaan Dana Masjid Negara dan Masjid Al-Ghufran: Analisis Perbandingan ke Arah Penjanaan Ekonomi, Inflasi dan Kesan Penggantian Produk Pembiayaan Perumahan Islam Berbanding Konvensional, Saham Keutamaan: Suatu Dilema antara Hutang atau Ekuiti, Analisis Syariah Terhadap Penggunaan Konsep *Maslahah 'Ammah* dalam Produk Kewangan Islam, Persepsi *Asnaf Zakat Al-Gharimin* (perubatan) terhadap Kaedah Agihan Zakat oleh Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Gombak, Selangor, Kecekapan dalam Institusi Perbankan Islam: Satu Penjelasan Lanjut dan artikel Polemik Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB): Tinjauan Terhadap Perbezaan Pandangan Hukum.

Kepelbagaian topik yang dimuatkan dalam penerbitan jurnal kali ini adalah bertujuan memberikan pendedahan informasi yang beraneka untuk tatapan para pengkaji dan pembaca dalam menzahirkan keunikan sistem muamalat Islam. Artikel-artikel tersebut juga menggunakan metodologi kajian secara kajian kualitatif dan kuantitatif. Penerbitan jurnal ini diharap dapat

menjana budaya pemikiran dan penyelidikan yang optimum di kalangan para penyelidik serta pengamal industri.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Jurnal Muamalat Bil.10/2017. Semoga segala usaha dan pengorbanan yang dicurahkan mendapat sebaik-baik ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

**MOHAMAD BIN SAARI**

Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

# **PENASIHAT SYARIAH DI PENYEDIA PERKHIDMATAN AR-RAHNU: TINJAUAN SEMULA TERHADAP GARIS PANDUAN DAN PELAKSANAAN**

*(Syariah Advisors in Ar-Rahnu Service Providers: A Review of  
Guidelines and Its Implementation)*

**Asiah Alkharib Shah<sup>1</sup>**

**Dziauddin Sharif<sup>2</sup>**

**Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

## **Abstrak**

Penasihat syariah memainkan peranan penting dalam mengawal selia produk kewangan Islam termasuklah produk ar-Rahnu. Justeru, penulisan artikel ini bertujuan untuk membuat tinjauan semula terhadap garis panduan dan pelaksanaannya dalam institusi berkaitan ar-Rahnu. Antara institusi berkaitan ar-Rahnu yang ditinjau dari segi garis panduannya termasuklah SKM, KPKT dan BNM. Ketiga-tiga institusi ini merupakan badan yang berautoriti mengawalselia perjalanan operasi ar-Rahnu di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga menasaskan tinjauan operasi ke atas empat penyedia perkhidmatan (PP) ar-Rahnu iaitu ar-Rahnu YaPEIM, ar-Rahnu Pos Malaysia, ar-Rahnu Agrobank dan ar-Rahnu Habib Jewels yang masing-masing bernaung di bawah SKM, KPKT dan BNM. Dengan menggunakan kaedah analisa dokumen dan temubual semi struktur, kajian ini mendapati beberapa penambahbaikan dari aspek perundangan mahupun pelaksanaan ke atas badan berkuasa dan PP ar-Rahnu perlu dilakukan. Ini termasuk memasukkan beberapa klausa tertentu dalam akta sedia ada, membuat perincian terhadap garis panduan sedia ada, mewujudkan penasihat syariah di premis ar-Rahnu dan juga mewujudkan dan/ atau mempertingkatkan kuasa staf di Bahagian Syariah badan pengawal selia seperti kuasa eksekutif, kuasa pengauditan, kuasa pengkajian dan kuasa pengoperasian.

**Kata kunci :** Penasihat syariah, penyedia perkhidmatan ar-Rahnu, garis panduan dan pelaksanaan

- 
- 1 Pelajar Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Jakim. Emel: [mohdasyrafazani@yahoo.com](mailto:mohdasyrafazani@yahoo.com)
  - 2 Pensyarah Kanan di Akademi Kontemporari Islam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka



### **Abstract**

*Shariah advisors play an important role in regulating Islamic financial products including Ar-Rahnu products. Hence, the writing of this article is intended to review the guidelines and its implementation in the relevant Ar-Rahnu institutions. Among the institutions related to Ar-Rahnu which are reviewed in terms of guidelines include SKM, KPKT and BNM. These three institutions are autonomous bodies regulating Ar-Rahnu's operations in Malaysia. In this regard, the study also aims to review the operations of four Ar-Rahnu service providers such as Ar-Rahnu YaPEIM, Ar-Rahnu Pos Malaysia, Ar-Rahnu Agrobank and Ar-Rahnu Habib Jewels respectively under SKM, KPKT and BNM. By applying the method of document analysis and semi structural interviews, this study found some improvements in the legal aspects and the implementation of the governing body and Ar-Rahnu service providers should be done. This includes inserting certain clauses in the existing Act, making details on the existing guidelines, establishing a syariah advisor on the Ar-Rahnu premises and also establishing and / or enhancing the staffing authority of the Syariah Division of the regulatory body such as executive powers, auditing powers, powers assessment and operation power.*

**Keywords :** *Syariah advisory, ar-Rahnu service providers, syariah compliance*

## **PENGENALAN**

Asas dan garis panduan kepada penerimaan ar-Rahnu telah dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah. Keharusan melaksanakan gadaian ar-Rahnu berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 283. Berdasarkan dalil dari surah tersebut, para fuqaha telah bersepakat mengenai keharusan hukum ar-Rahnu walaupun wujud perselisihan sama ada keharusan tersebut merujuk kepada hanya ketika dalam perjalanan ataupun boleh dalam situasi lain (al-Nawawi t.th : 178). Namun perbahasan dalam kalangan fuqaha menjelaskan syarat tersebut hanyalah menerangkan pada kebiasaan yang berlaku dan keharusan ar-Rahnu tidak tertakluk ketika dalam perjalanan sahaja. Hujah ini disandarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang melakukan gadaian baju besi baginda kepada seorang Yahudi bagi mendapatkan gandum ketika Baginda berada di Madinah dan bukan ketika dalam perjalanan (al-Asqalani, 1959) :

رهن رسول الله صلى الله عليه وسلم درعهُ عند يهودي بالمدينة فأخذ لإهله منه  
شعيرا

Maksudnya :

*“Bahawa Rasulullah SAW telah menggadaikan baju besinya kepada seorang Yahudi di Madinah dan telah mengambil daripada Yahudi tersebut gandum untuk keluarganya.”*

(Riwayat Ibnu Majah)

Berdasarkan kedua-dua dalil dari sumber al-Quran dan hadis di atas menunjukkan ar-Rahnu merujuk kepada situasi di mana barang berharga dicagarkan sebagai jaminan kepada bayaran balik hutang yang dipinjamkan dalam kes sekiranya penggadaai atau penghutang gagal menjelaskan bayaran kepada pemberi hutang atau pemegang gadaian (al-Sharbiniyy, 1997:v.2:121).

Selaras dengan konsep ar-Rahnu yang dianjurkan oleh syarak, tadbir urus yang cekap mampu memastikan produk kewangan Islam ini menjadi patuh syariah sejak awal proses pengoperasian lagi. Hal ini kerana isu-isu syariah yang mungkin membelenggu sebahagian produk kewangan Islam termasuklah ar-Rahnu mungkin dapat dikurangkan dengan kewujudan akta, peraturan dan garis panduan berkaitan ar-Rahnu yang disediakan oleh pihak berautoriti. Khususnya dalam kalangan pentadbir dan pengurus yang bukan berlatar belakang syariah dalam pengoperasian dan pengurusan produk, ia merupakan satu cabaran besar kepada mereka sendiri termasuklah ketidakupayaan untuk memahami prinsip asas syariah yang perlu diterap dalam produk kewangan Islam. Sehubungan dengan itu, kewujudan akta, peraturan dan garis panduan ar-Rahnu adalah sangat signifikan dengan pengawalseliaan operasi produk agar tidak tergelincir dengan prinsip-prinsip syariah.

Justeru, kewujudan panel syariah dalam setiap institusi perbankan dan kewangan Islam bukanlah suatu pilihan. Selaras dengan prinsip muamalat dalam Islam, tadbir urus operasi ar-Rahnu hendaklah sentiasa terpelihara daripada penyelewengan yang boleh membawa kepada ketidakpatuhan syarak seperti *riba* yang mungkin terhasil daripada akad pinjaman ar-Rahnu. Begitu juga elemen *gharar* yang mungkin terhasil akibat daripada sistem lelongan dimana penetapan harga juala ditentukan dahulu sebelum pembeli melihat barangan kemas yang ingin dibeli. Sehubungan dengan itu, kelompangan aspek pematuhan syariah dalam tadbir urus ar-Rahnu bukan sahaja dijangka akan mendedahkan institusi ar-Rahnu kepada unsur ketidakadilan, malahan berisiko menjadi produk yang akan menemui kegagalan dalam pengoperasiannya melainkan aspek syariah mula diberikan perhatian sewajarnya.

## SOROTAN LITERATUR

Beberapa kajian sebelum ini menunjukkan aspek syariah terhadap pelaksanaan ar-Rahnu sering diberi perhatian di peringkat pelanggan, pengkaji dan pihak berkuasa. Kajian di beberapa institusi ar-Rahnu mendapati pelanggan memberi perhatian dalam aspek syariah sebagai faktor pemilihan skim tersebut (Cheong, C. W. H. & Sinnakkannu, J., 2012; Farah, 2015; Koe, Wei-Loon & Nor Zalindah Abdul Rahman, 2012; Mohamad Abdul Hamid et al., 2014 dan Nadiah Nabilah, 2014). Hal yang sama diakui oleh Farah (2015) yang mendapati pengaruh sosial dan tanggungjawab agama menjadi motivasi utama kepada pelanggan untuk memilih ar-Rahnu. Atas faktor tersebut, kesemua kajian mencadangkan agar pihak pengurusan ar-Rahnu dan kerajaan memberi penekanan terhadap aspek pematuhan syariah dalam melaksanakan skim ar-Rahnu.

Sementara itu, data yang diperolehi antara tahun 2005 hingga 2014 mendapati para pengkaji membincangkan beberapa konsep ujah dalam kontrak ar-Rahnu secara kritikal (Abdul Khir et. al., 2013; Azman Mohd Noor, 2014; Dziauddin Sharif et.al, 2014; Nur Azura & Abdul Ghafar Ismail, 2005 dan Shamsiah Mohamad & Safinar Salleh, 2008). Impak dari semua kajian tersebut telah mencadangkan penambahbaikan konsep ujah kepada perincian kos pengurusan yang dikenakan ke atas penggadai. Justeru, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh para pengkaji iaitu pemakaian *konsep al-wadi'ah bi ajr, qard hasan dan rahn al-wadi'ah* bagi menggantikan konsep lama iaitu *qard hasan, al-wadi'ah yad ad-dhamanah dan al-ujrah* (Abdul Khir et al., 2013); mewujudkan tiga (3) pihak dalam kontrak ar-Rahnu iaitu pihak penggadai, pihak penerima gadaian dan pihak ketiga sebagai penyimpan *marhun* (Asmadi Mohamed Naim, 2004); mendiskriminasikan kadar upah penyimpanan mengikut kemampuan peminjam dengan mewujudkan beberapa tahap cawangan (Nurul Huda, Azila & Fidlizan, 2015); menjustifikasi perbelanjaan nafkah (kos pengurusan) sebagai menggantikan upah simpan (Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh, 2008); mengenakan caj berdasarkan perkhidmatan sebenar (Mohd Herwan & Mohd Hawari, 2015 dan Osman Sabran, 2001); memperkasa struktur ar-Rahnu dengan konsep *tawarruq* (Dziauddin Sharif & Amir Shaharuddin, 2014).

Manakala di peringkat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) kali ke-78 2007, pihak berautoriti telah mencadangkan agar pengendali ar-Rahnu melantik panel penasihat syariah dalaman bagi memantau operasi dan aktiviti setiap penyedia perkhidmatan ar-Rahnu (MJFK 2007). Saranan ini disokong oleh Abdul Halim Zulkiffi (2015) dengan mencadangkan kuasa diberikan kepada jawatankuasa syariah tersebut

dalam memberi pengesahan terhadap sebarang praktis ar-Rahnu sebelum dibenarkan beroperasi. Oleh yang demikian, sesebuah institusi yang didapati tidak patuh syarak hendaklah ditamatkan aktiviti mereka melalui prosedur tertentu (Ram Al-Jaffri Saad, 2014). Walau bagaimanapun, sehingga kini aspek pematuhan terhadap keputusan MJFK tersebut masih belum dibuktikan. Justeru, artikel ini berhasrat untuk membincangkan sejauh mana penetapan dan panduan badan pengawal selia ke atas PP ar-Rahnu serta pematuhan PP ar-Rahnu terhadap keputusan MJFK kali ke-78 dan kehendak garis panduan tadbir urus syariah yang ditetapkan oleh badan pengawal selia.

## **METODOLOGI**

Kajian ini telah mengguna pakai analisis dokumen dan temu bual separa struktur. Analisis dokumen digunakan dalam kajian ini kerana kajian bersifat tadbir urus sangat bergantung kepada pendekatan analisa dan menginterpretasikan dokumen yang bersifat peraturan dan undang-undang termasuk undang-undang subsidiari yang berkaitan dengannya (Marshall, C., 1995). Dalam konteks kajian ini, undang-undang atau dokumen berautoriti merujuk kepada dokumen yang dikeluarkan atau diwartakan oleh pihak kerajaan. Analisis dokumen telah dilakukan ke atas dokumen yang dikeluarkan oleh badan pengawal selia ar-Rahnu sedia ada. Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) dan Garis Panduan Pelaksanaan Perniagaan Pajak Gadai Secara Islam (ar-Rahnu) terbitan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT); Akta Perkhidmatan dan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) (Akta 759), Kerangka Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam 2010 (Shariah Governance Framework For Islamic Financial Institutions-SGF 2010) dan Deraf Garis Panduan Rahnu - Keperluan Syariah dan Amalan Pilihan (Rahn Draft Shariah Requirements and Optional Practices) terbitan Bank Negara Malaysia (BNM); Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) atau ringkasnya GP25 dan Garis Panduan Tadbir Urus Syariah GP28 terbitan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK kali ke-78 2007).

Selain itu, kaedah temu bual separa struktur telah dijalankan bersama empat (4) informan yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi di peringkat PP ar-Rahnu. Pemilihan temu bual secara mendalam ini membolehkan kajian memahami operasi dan perjalanan PP ar-Rahnu dalam menjelaskan realiti, pengalaman dan kefahaman yang berlaku melalui bahasa mereka yang tersendiri (Ummi Salwa, 2011). Jelas Chua Yan Piaw, (2014), ciri-ciri bagi temu bual separa formal ini adalah soalnya boleh diubahsuai untuk

ditambah atau dikurangkan serta fleksibel. Keempat-empat informan mewakili tiga kategori PP yang menjalankan aktiviti ar-Rahnu di negara ini iaitu:

- i) ar-Rahnu Koperasi YaPEIM (PP1) yang mewakili kelompok koperasi
- ii) ar-Rahnu Pos Malaysia (PP2) yang mewakili kelompok koperasi
- iii) ar-Rahnu Agro Bank (PP3) yang mewakili kelompok institusi kewangan perbankan
- iv) ar-Rahnu Express Habib Jewels Sdn Bhd (PP4) yang mewakili kelompok syarikat.

### **ANALISA DOKUMENTASI**

Dalam bahagian ini, data dan analisis akan memberi fokus terhadap dokumen berbentuk garis panduan yang disediakan oleh badan pengawal selia ar-Rahnu sedia ada iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kajian mendapati terdapat dua bentuk garis panduan di peringkat badan pengawal selia yang mempunyai kaitan langsung dengan ar-Rahnu iaitu garis panduan berkaitan konsep ar-Rahnu dan garis panduan berkaitan tadbir urus syariah. Hasil penetapan garis panduan yang disediakan oleh badan pengawal selia dinyatakan dalam Jadual 1 sebagaimana berikut :

**Jadual 1:** Undang-undang subsidiari yang disediakan oleh badan pengawal selia ar-Rahnu di Malaysia

<b>Undang-undang/ subsidiari</b>	<b>Badan Pengawal Selia</b>	<b>Penyedia Perkhidmatan ar-Rahnu</b>
Akta Pemegang Pajak Gadaai 1972 dan Garis Panduan Pelaksanaan Perniagaan Pajak Gadaai Secara Islam (ar-Rahnu)	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Syarikat ar-Rahnu Express Habib Jewels
Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadaai Islam (ar-Rahnu) yang diletakkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi, Garis Panduan ar-Rahnu GP25 dan Garis Panduan Tadbir Urus Syariah (GP28)	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	Koperasi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Koperasi Pos Malaysia

Draf Garis Panduan ar-Rahnu – Keperluan Syariah dan pendekatan pilihan dan  Kerangka Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam 2010 ( <i>Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions- SGF 2010</i> )	Bank Negara Malaysia (BNM)	Agro Bank, Bank Rakyat, Bank Islam, Bank RHB, Bank Muamalat
--	-------------------------------	--

Sumber : Pengkaji (2016)

## GARIS PANDUAN AR-RAHNU

### i. Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab ke atas Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) dan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004, KPKT telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Perniagaan Pajak Gadai Secara Islam (ar-Rahnu) (2007) yang diluluskan di bawah akta dan undang-undang subsidiari yang sama. Melalui garis panduan tersebut, pelaksanaan modus operandi dan konsep ar-Rahnu disediakan susulan daripada permintaan terhadap pemohon lesen ar-Rahnu (Garis Panduan LHDN dan Akta 81, 2011). Garis panduan tersebut antara lain memberi pengecualian kepada PP ar-Rahnu dalam konteks bayaran pampasan (seksyen 22), barang sandaran yang tidak ditebus (seksyen 23), menyatakan syarat tambahan lafaz ijab, qabul dan saksi dalam setiap surat gadaian (Peraturan 12) dan syarat maksimum upah simpan dikenakan tidak melebihi 1% sebulan (peraturan 17).

### ii. Akta Perkhidmatan dan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013), Bank Negara Malaysia (BNM)

APKI 2013 telah memperincikan aspek pelantikan jawatankuasa syariah dan tugas jawatankuasa syariah bagi memastikan institusi kewangan Islam mencapai tahap patuh syariah secara keseluruhan. Ia merupakan kesinambungan daripada Kerangka Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan (*Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions-SGF 2010*) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2011. SGF 2010 menjadi garis panduan terpenting yang mesti dipatuhi oleh setiap institusi kewangan Islam dan mempunyai kesan undang-undang yang sama seperti sebuah akta

kerana seksyen 29 APKI 2013 telah memberikan kuasa kepada BNM untuk mengeluarkan apa-apa standard mengenai perkara syariah berkenaan dengan perjalanan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti institusi kewangan Islam (Mohamed Hadi & Rusni Hassan, 2014).

Melalui SGF 2010, BNM telah mewajibkan semua institusi kewangan Islam yang menjalankan operasi syariah untuk mengimplementasikan kesemua struktur tadbir urus syariah bagi memastikan aktiviti kewangan dan perniagaan adalah patuh syariah. Antara fungsi pematuhan syariah yang ditekankan adalah jawatankuasa syariah, jawatankuasa audit syariah, jawatankuasa pematuhan syariah, jawatankuasa pengurusan risiko syariah dan penyelidikan syariah. Oleh itu, kehendak SGF 2010 bukan sahaja perlu dilaksanakan oleh setiap institusi kewangan Islam malah lebih utama dimestikan mempunyai polisi dan prosedur dalaman yang diluluskan bagi tujuan melaksanakan kehendak SGF 2010 (Mohamed Hadi & Rusni Hassan, 2014).

Khusus untuk memberi panduan kepada institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan ar-Rahnu secara subsidiari, BNM telah menyediakan Garis Panduan ar-Rahnu – Keperluan Syariah dan Pendekatan Pilihan yang masih di peringkat draf dan ketika ini dapat dicapai melalui laman web BNM (BNM 2016). Secara umum, Garis Panduan yang dikeluarkan oleh BNM lebih banyak menyentuh konsep ar-Rahnu yang digariskan oleh syarak sebagai panduan namun perbincangannya dilihat lebih terperinci dan mencakupi keseluruhan konsep ar-Rahnu berbanding KPKT yang hanya menyentuh sedikit dari konsep pelaksanaan ar-Rahnu. Dalam masa yang sama, perinciannya mampu memahami PP ar-Rahnu berhubung konsep ar-Rahnu yang digariskan dalam syarak termasuklah kepada mereka yang tidak mempunyai latar belakang pengajian Islam. Walau bagaimanapun, garis panduan tersebut tidak menyentuh berkaitan modus operandi dan tatacara pengendalian operasi ar-Rahnu.

### **iii. Garis Panduan Ar-Rahnu (GP25) dan Tadbir Urus Syariah (GP28), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**

Di peringkat SKM, Garis Panduan ar-Rahnu (GP25) telah berkuat kuasa pada 14 Februari 2013. Berdasarkan analisis, GP25 yang dikeluarkan oleh SKM dilihat lebih mendasar dan banyak menjurus kepada konsep dan kaedah pengendalian aktiviti ar-Rahnu dan keperluan yang perlu ada bagi setiap penyedia perkhidmatan serta beberapa elemen yang menyentuh kawal selia aktiviti. Manakala Garis Panduan Tadbir Urus Syariah (GP28) yang diperkenalkan pada 1 Julai 2015 bertujuan untuk memastikan aktiviti

pengantaraan kewangan (*financial intermediation*) bagi semua koperasi adalah patuh syariah (Ibrahim, 2016). Oleh yang demikian, GP 28 telah menetapkan aktiviti perbankan; kredit; pembiayaan dan operasi mestilah selaras dengan prinsip syarak. Antara lain, GP 28 menetapkan agar semua koperasi berkaitan perlu sekurang-kurangnya melantik panel syariah sendiri, mempunyai sekretariat syariah serta menjalankan fungsi audit yang merangkumi aspek pematuhan syariah. Selain itu, GP 28 turut menyatakan keperluan mewujudkan fungsi jawatankuasa syariah dan sekurang-kurangnya seorang yang berperanan sebagai sekretariat kepada jawatankuasa syariah (Ibrahim, 2016). Manakala pembentukan jawatankuasa syariah koperasi boleh diwujudkan dalam tiga (3) keadaan iaitu sama ada a) menubuhkan jawatankuasa syariah dalaman; b) mewujudkan jawatankuasa syariah bagi suatu kumpulan koperasi; atau c) melantik jawatankuasa syariah luaran yang diiktiraf seperti *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM)* dan *International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)* (GP 28 2015).

## **OPERASI AR-RAHNU - PELAKSANAAN PELANTIKAN PANEL PENASIHAT SYARIAH DALAM KALANGAN PP AR-RAHNU**

Dalam bahagian ini, perbincangan menyentuh aspek pelaksanaan dan pematuhan PP ar-Rahnu terhadap garis panduan dan keputusan MJFK kali ke-78, 2007 berhubung pelantikan panel penasihat syariah di peringkat dalaman. Secara umum, Jadual 2 di bawah mendapati 3 daripada 4 (75%) PP mempunyai panel penasihat syariah iaitu PP1, PP2 dan PP3. Kesemua panel syariah yang diwujudkan oleh tiga agensi tersebut merupakan inisiatif di peringkat badan induk masing-masing. Sementara itu, hanya PP1 dan PP3 mempunyai panel penasihat syariah di peringkat dalaman manakala PP2 menyandarkan keputusan berkaitan syariah pada panel penasihat syariah induk. Walau bagaimanapun, PP4 didapati tidak mempunyai panel penasihat syariah di peringkat dalaman mereka.

**Jadual 2:** Panel Penasihat Syariah dalam kalangan PP Ar-Rahnu

<b>PP Ar-Rahnu</b>	<b>Panel penasihat syariah khusus</b>	<b>Panel penasihat syariah induk</b>	<b>Seksyen Pengurusan Syariah</b>
PP1	√	√	
PP2		√	
PP3		√	√
PP4			

*Sumber : (Ani Salina 2016; Khairul Nizan 2016; Nor Suhairy 2016 dan Salleh Bakar 2016)*



Dalam aspek pematuhan syariah, PP1 telah mewujudkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Khas Program Mikro Kredit ar-Rahnu serta jawatankuasa penasihat syariah sebagai platform rujukan di kalangan pakar syariah. Jawatankuasa khas program mikro kredit ar-Rahnu diwujudkan bagi memantau pelaksanaan ar-Rahnu dalam sudut kepatuhan kepada tatacara pengendalian piawai (SOP) yang ditetapkan manakala jawatankuasa penasihat syariah berperanan untuk memastikan aspek kepatuhan syariah dalam pelaksanaan semua program skim aktiviti di bawah PP1 termasuk ar-Rahnu. Jawatankuasa penasihat syariah ini diketuai oleh mantan mufti Wilayah Persekutuan; Datuk Wan Zahidi Wan Teh. Kesemua program dan perkara berbangkit dirujuk kepada panel ini sebelum sesuatu keputusan dilaksanakan.

Sementara itu, PP2 menyandarkan rujukan dan pematuhan syariah kepada Jawatankuasa Syariah DRB Hicom selaku pemegang saham terbesar Pos Malaysia. Sebagai sebuah anak syarikat yang menjalankan aktiviti ar-Rahnu, perjalanan operasinya mengikut garis panduan yang disediakan oleh jawatankuasa syariah dari pemegang saham terbesar PP2. Perkara ini dinyatakan oleh informan PP2 sebagaimana berikut :

*“Kita ada guideline. Kita ada syariah team daripada DRB Hicom, itu kita kena patuh dari segi akad, ketelusan urus niaga itu kita ada compliance. Mereka akan buat auditan untuk comply dengan harga tu. Maknanya all the syariah check list we have to comply.”*

Kajian juga mendapati PP3 telah melaksanakan tadbir urus syariah secara komprehensif dalam operasinya berpandukan SGF 2010 yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia. Pelaksanaan ini selaras dengan transformasi PP3 kepada sebuah institusi kewangan Islam sepenuhnya bermula pada 1 Julai 2015. Oleh yang demikian, PP3 bukan sahaja mempunyai panel penasihat syariah yang tersendiri bahkan mempunyai seksyen pengurusan syariah dan struktur tadbir urus syariah sebagaimana dicadangkan dalam SGF 2010.

Bagi PP4 pula, operasi ar-Rahnu berjalan berdasarkan ketetapan dan garis panduan berasaskan syariah yang ditetapkan oleh KPKT selaku agensi pengawal. Antara ketetapan yang digariskan oleh KPKT adalah prosedur akad ketika transaksi berjalan dengan pelanggan, penentuan kadar upah simpan dan tidak wujud unsur ketidaktentuan kos yang dikenakan. Berdasarkan kefahaman PP5 lagi, kesemua langkah yang diambil adalah selari dengan pematuhan syarak yang menolak unsur riba' seperti *interest* atau kos tersembunyi. Perkara ini ditegaskan oleh PP4 yang menyatakan upah simpan dikenakan ke atas barang gadaian yang disimpan dan bukannya atas nilai pinjaman yang

diberikan. Maklum balas ini dipetik melalui kenyataan PP4 sebagaimana di bawah:

*“Yang pastinya tiada hidden cost, tiada hidden agenda bila kita dikenakan. Tiada extra charge atau riba. I tak charge you on the loan you pinjam. I charge you on the whole barang yang you simpan dengan I sebab I sediakan bilik kebal untuk you. The service that I provided to you is I menyimpan the whole thing of your barang semua tu. Sebab tu I dikenakan upah simpan atas keseluruhan barang punya nilai, bukan loan punya nilai. kalau I dikenakan upah simpan atas loan that you can call interest.”*

Selain itu, PP4 mengasingkan duit hasil operasi ar-Rahnu dengan operasi syarikat Habib yang lain. Tujuan pengasingan tersebut dilakukan bagi mengelakkan percampuran kewangan di antara konvensional dan syariah. Usaha ini dilakukan untuk memastikan unsur-unsur patuh syariah pada sumber dan hasil kewangan ar-Rahnu. Ia dijelaskan oleh PP5 seperti berikut :

*“Kita punya finance department is totally different department dengan Habib punya.. habib has their own finance. Ours mungkin sebab kita patuh syariah, they have their own department yang tidak bercampur. So bukannya finance kita semua habib ambil. So habib dia ada finance sendiri dan ar-Rahnu ada special ar-Rahnu department. Mungkin itu salah atau sebab takut unsur-unsur, sebab patuh syariah, finance dia berlainan.”*

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

### **Garis Panduan Badan Pengawal Selia**

Berdasarkan penetapan garis panduan yang dibincangkan di peringkat badan pengawal selia, kajian mendapati ketiga-tiga badan pengawal selia telah mengambil langkah sewajarnya dalam menyediakan garis panduan berhubung ar-Rahnu untuk diikuti oleh PP ar-Rahnu di bawah seliaannya. Walau bagaimanapun, kesemua garis panduan tersebut hanya membincangkan konsep ar-Rahnu dan tidak menyentuh secara spesifik berkaitan tadbir urus atau secara khususnya memastikan pelantikan panel penasihat syariah bagi setiap PP ar-Rahnu di bawah seliaannya selaras dengan keputusan MJFK kali ke-78 tahun 2007. Dalam usaha memperkukuh tadbir urus syariah, hanya BNM dan SKM telah mengeluarkan dua garis panduan berkaitan tadbir urus syariah yang terpakai kepada semua pengantaraan kewangan (*financial intermediation*) yang menjalankan kewangan Islam secara kredit termasuk

PP ar-Rahnu. Persamaan antara kedua-dua garis panduan tersebut (SGF 2010 dan GP28) adalah mensyaratkan kewujudan fungsi panel penasihat syariah di peringkat dalaman.

Hal ini menjelaskan tidak semua badan pengawal selia mensyaratkan setiap PP ar-Rahnu mewujudkan panel penasihat syariah menerusi garis panduan yang diwujudkan. Sehubungan dengan itu, kajian mencadangkan agar pelaksanaan beberapa klausa tertentu dimasukkan dalam akta sedia ada atau akta baru yang bakal digubal, membuat perincian dan penyeragaman melalui garis panduan sedia ada dan juga mewujudkan dan/ atau mempertingkatkan kuasa staf di Bahagian Syariah badan pengawal selia seperti kuasa eksekutif, kuasa pengauditan, kuasa pengkajian dan kuasa pengoperasian.

### **Pelaksanaan dalam kalangan PP Ar-Rahnu**

Dalam aspek pelaksanaan dalam kalangan PP ar-Rahnu, kajian mendapati semua PP menyedari akan kepentingan pematuhan syariah dalam operasi ar-Rahnu. Walau bagaimanapun, tidak semua PP ar-Rahnu telah mewujudkan Panel Penasihat Syariah di peringkat dalaman. Hal ini membuktikan tidak semua PP ar-Rahnu telah mematuhi garis panduan tadbir urus syariah yang dikeluarkan oleh badan pengawal selia seperti GP 28 dan SGF 2010 termasuklah keputusan MJFK kali ke-78.

Perkara ini dipengaruhi oleh beberapa faktor di peringkat tadbir urus sesebuah PP. Dalam kes PP1 sebagai sebuah koperasi dan yayasan yang diwujudkan oleh kerajaan persekutuan, tadbir urus PP1 bukan sahaja diletakkan di bawah seliaan SKM malah dipantau secara dekat di bawah pentadbiran Menteri Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri bersama 12 agensi agama yang lain seperti Jakim dan Lembaga Tabung Haji. Maka, segala dasar dan polisinya dibentuk dan dikawal dengan lebih teratur agar tadbir urus dan perkembangan PP1 sentiasa terpelihara.

Bagi kes PP2 pula, kajian mendapati PP2 masih tidak mewujudkan jawatankuasa syariah secara khusus di peringkat dalaman sebaliknya bergantung pada jawatankuasa syariah dari DRB Hicom. Hal ini dilihat tidak menepati GP 28 yang mensyaratkan semua koperasi yang menjalankan ar-Rahnu untuk menubuhkan jawatankuasa syariah dalaman atau bagi suatu kumpulan koperasi. Justeru, adalah tidak memadai untuk PP2 menyandarkan jaminan pematuhan syariah bagi operasi PP2 kepada badan syariah yang diwujudkan di peringkat DRB Hicom selaku pemegang saham (*shareholder*) utama Pos Malaysia. Tambahan pula PP2 mempunyai jumlah cawangan yang

banyak di seluruh Malaysia berserta kepelbagaian produk berupa *one gold stop center* (Asiah Alkharib Shah & Salmy Edawati Yaacob, 2016) .

Seterusnya, kajian mendapati PP3 telah berjaya memenuhi kehendak yang ditetapkan oleh BNM melalui SGF 2010. Kelebihan mempunyai dua daripada tiga pendekatan tadbir urus syariah sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2 memberi kelebihan kepada PP3 berbanding PP yang lain. Pengukuhan strategi tadbir urus syariah bagi PP3 ini dapat dirumuskan kepada dua faktor. Pertama, PP3 merupakan institusi kewangan yang mempunyai pengurusan dan tadbir urus yang lebih kompleks dan bersifat korporat. Kedua, PP3 mempunyai pengawalseliaan yang komprehensif daripada BNM khasnya untuk memastikan kestabilan tadbir urus dan aktivitinya. Malah, PP3 telah meluaskan paradigma institusinya menjadi institusi kewangan Islam sepenuhnya bermula pada 1 Julai 2015 yang lalu.

Dalam kes PP4, kajian mendapati sehingga kini tiada sebuah platform rujukan berhubung tadbir urus syariah yang wujud di peringkat PP4. Ketiadaan sebarang pengawasan syariah sebagaimana yang berlaku pada PP4 adalah perkara yang perlu diberi perhatian serius khususnya untuk mengelakkan kecenderungan ar-Rahnu kepada transaksi konvensional. Walau bagaimana pun, PP4 mengambil beberapa langkah pengawasan dalaman untuk memastikan perjalanan operasi ar-Rahnu benar-benar patuh syariah seperti akad, pengambilan takaful ke atas marhun sepenuhnya dan pengasingan akaun. Beberapa faktor yang dikenal pasti adalah ketiadaan satu penetapan khusus di peringkat KPKT kepada semua PP ar-Rahnu di bawah seliaannya untuk mewujudkan jawatankuasa syariah di peringkat dalaman. Oleh yang demikian, PP4 perlu mengambil langkah yang wajar untuk mengatasi kelemahan dan ancaman utama iaitu ketiadaan panel pengawasan syariah.

Kesemua dapatan ini sekali gus membuktikan masih terdapat PP ar-Rahnu yang tidak dipandu oleh sebuah platform yang berkepakaran dalam bidang syariah. Kenyataan ini membuktikan wujud ketidakpatuhan terhadap garis panduan tadbir urus syariah yang dikeluarkan oleh sebahagian badan pengawal selia serta keputusan MJFK kali ke-78 pada tahun 2007 yang telah mencadangkan panel penasihat syariah diwujudkan oleh setiap PP ar-Rahnu. Walaupun ada yang mendakwa urusannya disandarkan kepada panel syariah induk, namun jurang penyeliaannya agak besar ditambah pula dengan jumlah cawangan yang banyak dan kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Ketidakteraturan ini bukan sahaja menyukarkan penyelarasan di peringkat PP ar-Rahnu bahkan menyulitkan pemantauan ke atas tadbir urus syariah.

Dengan mewujudkan badan penasihat syariah yang secara khusus berfungsi untuk memantau setiap produk dan aktiviti yang dijalankan, pertimbangan hukum seperti halal dan haram dalam syariat Islam serta pengukuran nilai-nilai yang membawa makna kebaikan atau keburukan akan diambil kira. Hal ini kerana, risiko ketidakpatuhan syariah boleh memberi kesan terhadap keyakinan masyarakat terhadap PP ar-Rahnu dan sekaligus mendedahkan institusi kepada risiko reputasi institusi yang buruk.

## **KESIMPULAN**

Secara umum, kajian mendapati wujud ketidakseragaman penetapan tadbir urus syariah dalam undang-undang dan garis panduan yang dikeluarkan di peringkat badan pengawal selia. Dalam masa yang sama, wujud ketidakseragaman pelaksanaan pelantikan jawatankuasa Syariah di peringkat dalaman dalam kalangan PP ar-Rahnu. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak tiga daripada empat PP mempunyai panel penasihat syariah yang tersendiri iaitu PP1, PP2 dan PP3. Namun begitu, hanya PP1 dan PP3 yang mewujudkan jawatankuasa panel syariah di peringkat dalaman dan dilihat selaras dengan kehendak garis panduan yang ditetapkan oleh SGF 2010 dan GP28 serta keputusan MJFK 2007. Asas kepada tindakan mereka ini dipengaruhi oleh penetapan di peringkat badan pengawal selia masing-masing. Oleh yang demikian, usaha penyelarasan perlu diwujudkan di peringkat badan pengawal selia menerusi peruntukan undang-undang dan subsidiari yang berkuatkuasa agar penetapan dan penguatkuasaan untuk melantik panel penasihat syariah di peringkat dalaman organisasi terlaksana secara seragam di seluruh Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Abdi, F. M. (2015). *Determinants of Customer's Intention to Use Islamic Pawn Broking (ar-Rahnu) Scheme: A Case Study Of (UPSB) Staffs in University Utara Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Halim bin Zulkifli. (2015). *Kontrak Hubungan Penggadai dan Pemegang Gadaian dalam Pelaksanaan ar-Rahnu di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hamid, M., Abdul Rahman, I., & Abdul Halim, A. N. (2014). I A Multidisciplinary Journal of Global Macro Trends, 3(4), 22–35.
- Abdul Khir, M. F., Bahroddin Badri, M., & Hussain, L. (2013). Critical Appraisal of Rahn-Based Islamic Microcredit Facility from Shariah

Perspective. *American-Eurasian Journal of Sustainable Agriculture*, 7(4), 290–300.

- Ani Salina Salji. (2016). *Transkripsi Temu bual ar-Rahnu Express*. Kuala Lumpur.
- Asiah Alkharib Shah & Salmy Edawati Yaacob. (2016). *Skim Ar Rahnu Koperasi : Kajian Perbandingan Antara Ar Rahnu YaPEIM dan Pos Ar Rahnu Malaysia*. Bangi, Selangor.
- Asmadi Mohamed Naim. (2004). Sistem Gadaian Islam. *Islamiyyat*, 26(2) (26(2)), 39–57.
- Azman Mohd Noor. (2014). Bay' al-Wafa' Dalam Skim Jual Beli/Pelaburan Emas. Retrieved from <http://drazman.net/2014/10/bay-al-wafa-dalam-jual-beli-emas/>
- Barjoyai Bardai. (2014). Program Mikro Kredit Ar-Rahnu Sebagai Pemangkin (Catalyst) Pembangunan Sosioekonomi Ummah : Cadangan Program Pengukuhan Masa Hadapan. In *Inovasi Dalam Industri Emas dan Ar-Rahnu (Pertama, pp. 123–144)*. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).
- BNM, (2016). About Bank Negara Malaysia. [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en\\_about&pg=en\\_intro&ac=641&lang=en](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_about&pg=en_intro&ac=641&lang=en) (1 January 2016).
- Chua Yan Piaw (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Ed. Ke-3. Selangor: McGraw-Hill Education Sdn Bhd.
- Dziauddin Sharif & Amir Shahrusin (2014). Understanding The Reasoning Pattern Of Islamic Jurists, Views On The Status Of Ar-Rahn (Islamic Pawn Broking) Contract And Its Ruling. In *9th International Academic Conference Proceedings, Istanbul* (pp. 818–832).
- Hussin, M. H. S. M. H. & M. H. bin M. (2015). *Application of Shariah in Islamic Finance* (Ed. ke-2). Kuala Lumpur: IBFIM.
- Khairul Nizan Che Nik. (2016). *Temubual Pos Ar-Rahnu Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Magazine, G. I. F. (2012). Islamic Finance Gets a Boost From SGF. Retrieved from [http://www.globalislamicfinancemagazine.com/index.php?com=news\\_list&nid=1325](http://www.globalislamicfinancemagazine.com/index.php?com=news_list&nid=1325)
- Marshall, C., & G.C.R. (1995). *Designing Qualitative Research*. Ed. ke-5. London Sage Publication.

- Mohamed Hadi Abdul Hamid & Rusni Hassan (2014). Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: tinjauan awal kesannya dalam industri takaful. *Jurnal KANUN*, 26 (2), 254-267
- Mohd Hamdan Adnan. (2014). *Pajak Gadai Dari Sudut Pengguna. In Skim Ar Rahnū : Sumbangan & Cabaran dalam Pembangunan Sosioekonomi Ummah* (Pertama, pp. 134–147). Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).
- Mohd Nor Suhairy Zainal. (2016). Temu bual ar-Rahnū Agrobank. Kuala Lumpur.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-77. (2007). *Penentuan Hukum Syarak di dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (al-Rahnū) di Malaysia*.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-78. (2007). *Penentuan Hukum Syarak di dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (al-Rahnū) di Malaysia (Cadangan Kadar Upah Simpan Barang Gadaian)*.
- Nur Hayati Rasmin & Ruzian Markom. (2014). An Overview on Implementation of Ar Rahnū in Malaysia. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9), *Urus tadbir Ekonomi yang Adil: Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi*, 17-19.
- Osman Sabran. (2001). *Urus Niaga al-Qard al-Hasan dalam Pinjaman Tanpa Riba*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ram Al-Jaffri Saad. (2014). Kewangan Islam di Mata Rakyat Kita. Dlm Utusan Malaysia, p. hlm. 11.
- Sanusi, A. G. I. & N. A. (2005). A Framework for Regulating Pawnshops: Why Do, What Area and Syariah View. In *Proceedings of Malaysia Finance Association (MPA)'s 7th Annual Conference*. Kuala Terengganu, Terengganu.
- Salleh Bakar. (2016). Temu bual cabaran bagi industri ar-Rahnū. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. Kuala Lumpur.
- Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions-SGF* 2010. (2010). <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=3&pg=10&ac=37&bb=file>. [8 Jun 2015]
- Shamsiah Mohamad, & Safinar Salleh. (2008). Upah Simpan Barang Dalam Skim Ar-Rahnū: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Fiqh*, 5, 47–65. Retrieved from <http://myais.fsktm.um.edu.my/8000/>

- SKM. Suruhanjaya Koperasi Malaysia GP25: *Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (ar-Rahnu) Bahagian A: Pengenalan Tujuan (1993)*. Malaysia: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Al-Sharbiniyy, Muhammad bin al-Khatīb. (1997). *Mughnī al-Muhtāj ‘Ala Matn Minhāj al-Tālibīn*. Vol. 2. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ummi Salwa Ahmad Bustamam. (2011). *An Interpretive Case of Five Successful Malay Entrepreneurs*. Phd. Dr. Fal, La Trobe University Bundoora, Victoria Australia.
- Wahbah Al-Zuhaili. (1984). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juz.5. Edisi ke-2. Dimashq: Darul Fikri.
- Zaini Nasohah. (2005). “Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia.” *Islamiyyat* 27, No. 1, 25–44.



# FUNGSI SEMAKAN SYARIAH DALAM RANGKA KERJA TADBIR URUS SYARIAH BAGI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM: SATU PERBANDINGAN TERPILIH DENGAN FUNGSI AUDIT SYARIAH

*(Syariah Review Function in Syariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions: A Selected Comparison with Syariah Audit Function)*

**Mohamed Hadi Abd Hamid<sup>1</sup>**

## **Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk mengkaji persamaan dan perbezaan di antara fungsi semakan syariah dengan audit syariah dalam institusi-institusi kewangan Islam (IKI) sebagaimana yang terkandung di dalam rangka-rangka kerja terpilih yang dikeluarkan oleh para pengawalselia seperti Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi-Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Menelusuri dokumen AAOIFI, IFSB dan BNM, dapatlah disimpulkan bahawa AAOIFI dan IFSB memberikan definisi yang agak kabur berkenaan kedua-dua fungsi tersebut, manakala BNM pula memberikan definisi yang lebih jelas terhadap persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua fungsi berikut. Pemahaman yang jelas terhadap kedua-dua fungsi tersebut begitu penting agar Pegawai Semakan Syariah dan Audit Syariah boleh mengetahui mengenai perbezaan tugas masing-masing dan mereka dapat menjalankan tugas dengan teratur dan sistematik demi mencapai tadbir urus syariah yang cekap.

**Kata kunci:** Semakan Syariah, Audit Syariah, Institusi-Institusi Kewangan Islam, Rangka Kerja Tadbir Urus Bagi Institusi-Institusi Kewangan Islam, Pematuhan Syariah

## **Abstract**

*This article aims to study the similarities and differences between Shariah Review and Shariah Audit functions in Islamic financial institutions (IFIs) as enshrined in selected framework issued by regulatory bodies such as Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), Islamic Financial Services Board (IFSB) and Bank Negara Malaysia (BNM). A thorough*

---

1 Ketua Penyelidikan dan Nasihat Syariah / Setiausaha Jawatankuasa Syariah, Etiqa Takaful Berhad

*evaluation on the documents of AAOIFI, IFSB and BNM, it can be concluded that AAOIFI and IFSB provide vague definitions on both functions while BNM offers a more clear definition on both functions especially on their similarities and differences. A sound understanding on both functions are pertinent in order to ensure the Officers of Shariah Review and Shariah Audit know and appreciate the different nature of both functions and they are able to implement their duties appropriately and systematically with the aim to attain a robust shariah governance.*

**Keywords:** *Shariah Review, Shariah Audit, Islamic Financial Institutions, Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions, Shariah Compliance*

## PENDAHULUAN

Semakan Syariah (*Shariah Review*) dan Audit Syariah (*Shariah Audit*) merupakan dua fungsi baharu yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)<sup>2</sup> di bawah Rangka Kerja Tadbir Urus Bagi Institusi-Institusi Kewangan Islam Islam (*Shariah Governance Framework*) yang dikeluarkan oleh BNM pada tahun 2010 dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011. Walaupun industri kewangan Islam di Malaysia sudah bertapak lebih 30 tahun, namun istilah Semakan Syariah dan Audit Syariah hanya kedengaran beberapa tahun kebelakangan ini.

Makalah ini akan menelusuri kedua-dua konsep Semakan Syariah dan Audit Syariah sebagaimana yang terkandung dalam rangka-rangka kerja yang

- 
- 2 Seksyen 5(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701) memperuntukkan matlamat utama BNM adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Bagi mencapai matlamat tersebut, seksyen 5(2) Akta Bank Negara Malaysia 2009 menggariskan fungsi-fungsi utama BNM seperti yang berikut:
- (a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;
  - (b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;
  - (c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
  - (d) untuk mengadakan pengawasan ke atas pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;
  - (e) untuk menjalankan pengawasan ke atas sistem pembayaran;
  - (f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan merangkumi semua;
  - (g) untuk memegang dan menguruskan rizab luar negara Malaysia;
  - (h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran asing yang selaras dengan asas ekonomi; dan
  - (i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

telah dikeluarkan oleh pihak pengawalselia kewangan Islam seperti AAOIFI<sup>3</sup>, IFSB<sup>4</sup> dan BNM.

## KONSEP SEMAKAN SYARIAH OLEH AAOIFI, IFSB DAN BNM

Antara dokumen terawal yang menyentuh mengenai konsep Semakan Syariah ialah Piawaian Tadbir Urus Bagi Institusi-Institusi Kewangan Islam No. 2 Berkenaan Semakan Syariah (*Governance Standard for Islamic Financial Institutions No. 2 on Shariah Review – GSIFI No. 2*) yang dikeluarkan oleh AAOIFI pada tahun 1998<sup>5</sup>. Perenggan 3 GSIFI No. 2 mendefinisikan Semakan Syariah sebagai pemeriksaan tahap pematuhan syariah institusi kewangan Islam (IKI) dalam segala aktivitinya. Pemeriksaan ini termasuklah segala jenis kontrak, perjanjian, polisi, produk, transaksi, memorandum dan artikel pertubuhan, penyata kewangan, laporan (terutama berkenaan audit dalaman dan pemeriksaan bank negara), pekeliling dan sebagainya.

Pada tahun 1999, AAOIFI mengeluarkan satu lagi piawaian iaitu GSIFI No. 3 Berkenaan Semakan Syariah Dalaman. Apakah perbezaan utama di antara GSIFI No. 2 and GSIFI No. 3? Perenggan 2 GSIFI No. 3 Berkenaan


- 
- 3 AAOIFI ([www.aoofi.com](http://www.aoofi.com)) ditubuhkan berasaskan Perjanjian Pertubuhan yang ditandatangani oleh institusi-institusi kewangan Islam (IKI) pada 26 Februari 1990 di Algiers, Algeria. AAOIFI didaftarkan pada 27 Mac 1991 di Bahrain sebagai badan korporat autonomi antarabangsa yang tidak bermatlamatkan keuntungan. Objektif-objektif AAOIFI adalah seperti berikut:
    1. Untuk membangunkan pemikiran-pemikiran perakaunan dan pengauditan yang relevan untuk IKI;
    2. Untuk menyebarkan pemikiran-pemikiran perakaunan dan pengauditan yang relevan untuk IKI dan aplikasinya melalui latihan, seminar, penerbitan, kajian dan lain-lain cara;
    3. Untuk menyediakan, menggubal dan menafsirkan piawaian-piawaian perakaunan dan pengauditan untuk IKI;
    4. Untuk menyemak dan meminda piawaian-piawaian perakaunan dan pengauditan untuk IKI.
  - 4 IFSB ([www.ifsb.org](http://www.ifsb.org)) ialah organisasi penetapan piawaian antarabangsa yang mempromosikan dan mempertingkatkan kestabilan perkhidmatan kewangan Islam dengan mengeluarkan piawaian-piawaian pruden dan prinsip-prinsip pematuhan global. IFSB berpangkalan di Kuala Lumpur dan dirasmikan pada 3 November 2003 serta memulakan operasinya pada 10 Mac 2003. Malaysia sebagai negara tuan rumah bagi IFSB telah menggubal Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002 (Akta 623) yang memberikan IFSB imuniti dan keistimewaan yang lazimnya diberikan kepada organisasi-organisasi antarabangsa dan misi-misi diplomatik.
  - 5 Piawaian Semakan Syariah ini diterima oleh AAOIFI di dalam mesyuaratnya yang ke-15 bertarikh 21 dan 22 Jun 1998.

Semakan Syariah Dalaman menghuraikan bahawa Semakan Syariah Dalaman hendaklah ditubuhkan di dalam sesebuah IKI untuk memeriksa dan menilai tahap pematuhan terhadap hukum-hakam syariah, fatwa, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh badan pengawasan syariah IKI tersebut.

Sekali imbas, tiada perbezaan ketara di antara definisi Semakan Syariah di dalam GSIFI No. 2 dan Semakan Syariah Dalaman di dalam GSIFI No. 3. Apa yang berbeza hanyalah definisi pematuhan syariah sahaja. GSIFI No. 2 hanya mengungkapkan keperluan IKI untuk memastikan segala aktivitinya “patuh syariah” tanpa sebarang penjelasan lanjut. Manakala GSIFI No. 3 menghuraikan lebih lanjut maksud “patuh syariah” iaitu; pematuhan terhadap hukum-hakam syariah, fatwa, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh badan pengawasan Syariah IKI tersebut.

Pada Disember 2009, IFSB pula mengeluarkan Prinsip Panduan Untuk Sistem Tadbir Urus Syariah bagi Institusi-Institusi yang Menawarkan Perkhidmatan Kewangan Islam (*Guiding Principles on Shariah Governance Systems for Institutions Offering Islamic Financial Services*) yang lebih dikenali sebagai IFSB-10. IFSB-10 tidak memberikan definisi spesifik mengenai Semakan Syariah tetapi Perenggan 3(c) di seksyen Pengenalan IFSB-10 menghuraikan fungsi-fungsi Semakan Syariah. Perenggan 3(c) menyebut apa-apa perisytiharan atau resolusi syariah yang dikeluarkan oleh badan-badan syariah perlulah dipatuhi oleh IKI yang terbabit. Semakan Syariah Dalaman pula perlu dijalankan oleh seseorang yang terlatih di dalam audit/semakan pematuhan syariah, supaya individu itu mempunyai kemahiran yang kompeten terhadap proses yang terlibat. Dalam erti kata lain, proses Semakan Syariah meliputi proses bagi memastikan satu-satu IKI mematuhi perisytiharan atau resolusi syariah yang dikeluarkan oleh badan pengawasan syariah IKI tersebut.

Pada Oktober 2010, BNM pula mengeluarkan Rangka Kerja Tadbir Urus bagi Institusi-Institusi Kewangan Islam (*Shariah Governance Framework*) yang lebih dikenali sebagai SGF. SGF menyenaraikan empat fungsi penyelidikan dan pematuhan syariah yang menyaksikan Semakan Syariah menjadi salah satu komponen utamanya (rujuk **Rajah 1**). Empat fungsi berkenaan ialah Penyelidikan Syariah, Semakan Syariah, Audit Syariah dan Pengurusan Risiko Syariah.



**Rajah 1:** Model Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk IKI  
(Diadaptasi dari Figura 1 SGF)

## PERBANDINGAN TERPILIH DI ANTARA FUNGSI SEMAKAN SYARIAH DAN AUDIT SYARIAH

Fungsi Semakan Syariah seringkali digandingkan dengan satu konsep lagi fungsi yang dikatakan mirip Semakan Syariah iaitu Audit Syariah. Persamaan-persamaan di antara kedua-dua fungsi ini menyebabkan ada penulis yang mengatakan bahawa Semakan Syariah dan Audit Syariah sebenarnya adalah fungsi yang sama. Sebagai contoh, Syed Alwi Mohamed Sultan (2007)<sup>6</sup> menyatakan bahawa karya penulisan sedia ada telah menggunakan istilah Semakan Syariah dan Audit Syariah secara bersama-sama. Namun begitu, beliau tidak mengulas sama ada Semakan Syariah adalah Audit Syariah atau sebaliknya.

6 Mohamed Sultan, S.A. (2007). A Mini Guide to Shari'ah Audit for Islamic Financial Institutions – A Primer. Kuala Lumpur: CERT Publications

Begitu juga dengan Sheila Nu Nu Htay (2013)<sup>7</sup> yang mengatakan bahawa terma Semakan Syariah dan Audit Syariah seringkali digunakan bersama-sama tetapi beliau juga tidak mengulas sama ada penggunaan bersama-sama ini sesuatu yang tepat atau sebaliknya. Namun begitu, dalam memberikan definisi Audit Syariah, penulis telah merujuk kepada definisi Semakan Syariah dalam Perenggan 3 GSIFI No. 2 berkenaan Semakan Syariah. Ini menunjukkan bahawa penulis memahami bahawa Semakan Syariah dan Audit Syariah adalah fungsi yang sama.

Selepas SGF memperkenalkan perbezaan fungsi di antara Semakan Syariah dengan Audit Syariah, terdapat beberapa penulis yang cuba membezakan kedua-dua fungsi tersebut. Misalnya, Sheila Aion Yussof (2013)<sup>8</sup> mengakui bahawa terma “semakan” dan “audit” seringkali digunakan secara bersama-sama sekaligus menimbulkan kekeliruan di dalam industri. Namun begitu, perbezaan yang dibentangkan oleh penulis hanyalah semata-mata pada definisi yang diberikan oleh SGF tanpa mengulas lanjut mengenai perbezaan-perbezaan lain.

Fakihah Azahari (2013)<sup>9</sup> pula menghuraikan Audit Syariah di dalam proses undang-undang tetapi di sepanjang penulisannya, beliau kerap menyebut ungkapan “Semakan dan Audit Syariah”, seolah-olah memberi gambaran bahawa Semakan Syariah dan Audit Syariah adalah sama. Walaupun penulis memetik pelbagai peruntukan di dalam SGF, namun beliau tidak pula mengulas perbezaan di antara Semakan Syariah dengan Audit Syariah seperti yang telah diperuntukkan di dalam SGF.

Berdasarkan penulisan-penulisan yang sedia ada, dapatlah disimpulkan bahawa perbincangan mengenai perbezaan di antara Semakan Syariah dengan Audit Syariah tidak menawarkan sebarang kesimpulan yang konklusif dan meyakinkan.

Sebelum menganalisis persamaan dan perbezaan di antara Semakan Syariah dengan Audit Syariah di dalam SGF, adalah wajar bagi penulisan ini untuk menjejaki kedua-dua konsep seperti yang telah dibentangkan oleh AAOIFI dan IFSB sebelum itu.

---

7 Nu Nu Htay, S., et al (2013). *Accounting, Auditing and Governance for Takāful Operations*. Singapore: John Wiley & Sons Singapore Pte Ltd.

8 Sheila Aion Yussof, *Prospects of a Sharī'ah Audit Framework for Islamic Financial Institutions in Malaysia*. *Islam and Civilisational Renewal*. Vol. 4 No. 1 January 2013 80

9 Fakihah Azahari, *Sharī'ah Audit in a Legal Process: Future Growth in Specialised Skills* [2013] 6 MLJ xciii

## **Semakan Syariah dan Audit Syariah Menurut AAOIFI**

AAOIFI telah menggubal piawaian berkenaan dengan Semakan Syariah (GSIFI No. 2) dan Semakan Syariah Dalam (GSIFI No. 3) pada tahun 1998 dan 1999. Namun begitu, piawaian-piawaian ini tidak digunapakai secara menyeluruh oleh IKI di Malaysia kerana pelaksanaan fungsi-fungsi oleh IKI hanyalah bersifat sukarela dan tidak mengikat.

Walaupun AAOIFI memberikan definisi Semakan Syariah dan Semakan Syariah dalam sebagaimana yang terkandung di dalam GSIFI No. 2 dan GSIFI No. 3, namun begitu, definisi Audit Syariah tidak diberikan dengan jelas oleh AAOIFI. Piawaian Pengauditan untuk IKI No. 1 yang dikeluarkan oleh AAOIFI hanya menyebut mengenai objektif audit sahaja. Objektif utama audit ialah untuk juruaudit memberikan pandangan bahawa penyata kewangan IKI telah disediakan berdasarkan fatwa, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh badan syariah satu-satu IKI, AAOIFI, piawaian dan amalan perakaunan antarabangsa dan mana-mana peraturan atau perundangan yang berkenaan di satu-satu negara.<sup>10</sup>

Dapat difahami di sini bahawa deskripsi audit yang diberikan oleh Piawaian Pengauditan untuk IKI No. 1 AAOIFI hanyalah terhad kepada penyata kewangan sahaja. Istilah Audit Syariah pula tidak disebut di mana-mana piawaian AAOIFI. Merujuk kepada Semakan Syariah pula, deskripsi oleh GSIFI No. 2 lebih tertumpu kepada semakan kontrak-kontrak, perjanjian, polisi, produk, transaksi, memorandum dan artikel pertubuhan, penyata kewangan, laporan (terutama berkenaan audit dalam dan pemeriksaan bank negara), pekeliling dan sebagainya.

Disebabkan kelompangan yang ketara dalam memberikan definisi Audit Syariah inilah maka ada penulis yang mencadangkan bahawa audit ‘normal’ merujuk kepada audit ke atas penyata kewangan IKI sahaja, manakala Audit Syariah adalah lebih menyeluruh kerana ini meliputi keseluruhan aktiviti dan operasi IKI.<sup>11</sup> Namun, ini hanyalah cadangan akademik yang cuba memberikan justifikasi ketiadaan definisi Audit Syariah, sedangkan sebab sebenar mengapa istilah Audit Syariah tidak terdapat di dalam mana-mana Audit Syariah masih tidak jelas.

---

10 Perenggan 2, Piawaian Pengauditan untuk IKI No. 1 AAOIFI

11 Mustafa Mohd Hanefah, et al, *Governance and Shari'ah Audit in Islamic Financial Institutions*, USIM Publisher, Bandar Baru Nilai, 2012, p. 140

## **Semakan Syariah dan Audit Syariah Menurut IFSB**

Sama seperti AAOIFI, IFSB ialah badan pengawalselia mandiri tanpa sebarang kuasa statutori. Oleh itu, penerimaan piawaian IFSB oleh mana-mana IKI adalah bersifat sukarela semata-mata. Pada Disember 2009, IFSB telah mengeluarkan IFSB-10 dengan objektif antara lain untuk melengkapkan piawaian-piawaian lain yang dikeluarkan oleh IFSB dengan memberi penekanan kepada pihak pemantau berautoriti mengenai komponen-komponen sistem tadbir urus syariah yang berkesan, terutama berkaitan dengan kecekapan, kebebasan, kerahsiaaan dan ketekalan badan-badan pengawasan syariah.<sup>12</sup>

IFSB-10 membezakan di antara dua fungsi, iaitu jabatan/unit pematuhan syariah dalaman (*Internal Sharī'ah compliance unit/ department* (ISCU) dan jabatan/unit semakan/audit syariah dalaman (*Internal Sharī'ah review/ audit unit/ department* (ISRU). Kedua-dua fungsi ini membentuk “sistem tadbir urus syariah” sebagaimana yang dicadangkan oleh IFSB-10.

IFSB-10 menghuraikan fungsi ISCU merangkumi “menyebarkan maklumat mengenai resolusi/perisytiharan syariah kepada bahagian operasi IKI yang memantau tahap pematuhan syariah IKI terhadap resolusi/perisytiharan syariah secara harian”.<sup>13</sup> Ini merujuk kepada pemantauan harian oleh pegawai syariah bagi tujuan memberi nasihat agar operasi dan transaksi IKI adalah konsisten dengan resolusi/perisytiharan yang dikeluarkan oleh badan pengawasan syariah. Ini biasanya meliputi skop penyelidikan dan nasihat syariah yang selalunya dilakukan oleh mana-mana Jabatan Syariah di satu-satu IKI.

Berkenaan dengan ISRU pula, ISRU ditugaskan untuk melaksanakan “semakan/audit pematuhan syariah bagi memastikan tahap pematuhan syariah telah berjaya dipenuhi dan apa-apa insiden ketidakpatuhan terhadap syariah akan direkodkan dan dilaporkan, seterusnya ditangani dan diperbetulkan”.<sup>14</sup> Dalam erti kata lain, ISRU dikehendaki menyemak segala jenis operasi di dalam IKI dan ini termasuklah operasi ISCU. ISRU perlu memastikan bahawa ISCU (dan fungsi-fungsi operasi lain) telah menjalankan tugas pematuhan syariah. Aktiviti-aktiviti ISRU adalah mirip aktiviti audit yang akan menyemak operasi-operasi di dalam IKI bagi memastikan pematuhan syariah.

Meskipun terdapat persamaan, IFSB-10 meletakkan perbezaan di antara ISRU dan audit dalaman IKI. ISRU dikehendaki melaporkan fungsinya kepada

---

12 Perenggan 2(a) IFSB-10

13 Perenggan 3(b), Definisi dan Skop Sistem Tadbir Urus Syariah (Pendahuluan), Prinsip-Prinsip Panduan

14 Perenggan 3(c), *ibid.*



Jawatankuasa Syariah selaku autoriti tertinggi manakala juruaudit dalaman pula melaporkan kepada Jawatankuasa Audit IKI.<sup>15</sup>

Jadual 1 di bawah menghuraikan fungsi-fungsi ISCU dan ISRU di dalam “sistem tadbir urus syariah” sebagaimana yang dicadangkan oleh IFSB-10.

**Jadual 1:** Fungsi-Fungsi ISCU dan ISRU di bawah Sistem Tadbir Urus Syariah

<b>Sistem Tadbir Urus Syariah</b>		
<b>Fungsi</b>	<b>Jabatan/Unit Pematuhan Syariah Dalaman /  <i>Internal Shariah compliance unit/ department (ISCU)</i></b>	<b>Jabatan/Unit Semakan/Audit Syariah Dalaman  <i>Internal Shariah review/ audit unit/ department (ISRU)</i></b>
<b>Objektif</b>	Untuk menyebarkan maklumat mengenai resolusi/perisytiharan badan pengawasan syariah kepada bahagian operasi IKI yang memantau tahap pematuhan syariah IKI terhadap resolusi/perisytiharan syariah tersebut secara harian.	Untuk melaksanakan semakan/audit pematuhan syariah bagi memastikan tahap pematuhan syariah telah berjaya dipenuhi, dan apa-apa insiden ketidakpatuhan terhadap syariah akan direkodkan dan dilaporkan, seterusnya ditangani dan diperbetulkan.
<b>Ulasan</b>	Merujuk kepada pemantauan harian oleh pegawai syariah untuk memberikan nasihat bagi memastikan segala operasi dan transaksi IKI adalah selaras dengan resolusi badan pengawasan syariah.  Aktiviti ISCU bolehlah dikatakan serupa dengan fungsi penyelidikan dan nasihat syariah yang biasanya dijalankan oleh Jabatan Syariah IKI.	Merujuk kepada semakan terhadap fungsi-fungsi operasi IKI (termasuklah fungsi ISCU). Ini bermakna ISRU perlu memastikan bahawa ISCU dan semua fungsi-fungsi operasi IKI yang lain telah menjalankan tugasnya dalam memastikan pematuhan syariah dalam setiap operasi IKI.  Aktiviti ISRU bolehlah dikatakan serupa dengan pasukan audit/semakan yang akan meneliti fungsi-fungsi operasi IKI bagi memastikan operasi-operasi ini patuh syariah.
<b>Struktur Pelaporan</b>	ISCU melaporkan kepada Jawatankuasa Syariah.	ISRU melaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

15 Ibid.

IFSB-10 menggunakan istilah “audit/semakan syariah” secara konsisten di dalam dokumennya. IFSB-10 juga tidak membezakan di antara fungsi Audit Syariah dan Semakan Syariah. Ini seolah-olah memberi gambaran bahawa Audit Syariah dan Semakan Syariah adalah sama sahaja. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap dokumen SGF berikutnya memperlihatkan perbezaan yang ketara di antara fungsi Audit Syariah dan Semakan Syariah.

### **Semakan Syariah dan Audit Syariah Menurut SGF**

Dokumen SGF merupakan rujukan utama kepada semua IKI di Malaysia. SGF mempunyai kesan autoriti yang sama seperti Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 berdasarkan Seksyen 29(2)(a)(iii)<sup>16</sup>.

Tidak seperti AAOIFI dan IFSB-10, dokumen SGF menghuraikan perbezaan yang ketara di antara fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah. Namun begitu, penelitian terperinci mengenai definisi Semakan Syariah dan Audit Syariah memberikan beberapa persamaan di antara kedua-dua fungsi. Perbezaan-perbezaan ini dibentangkan berdasarkan aspek definisi, skop, objektif dan pegawai berkelayakan untuk Semakan Syariah dan Audit Syariah. Di samping itu, sebagaimana yang telah diulas oleh seorang ahli akademik, Semakan Syariah dan Audit Syariah adalah fungsi yang hampir serupa. Semakan Syariah yang dijalankan boleh dianggap serupa dengan Juruaudit Syariah apabila Pegawai Semakan Syariah akan meneliti segala kontrak, perjanjian dan transaksi IKI bagi memastikan sama ada kesemua operasi ini mematuhi prinsip-prinsip Syariah.<sup>17</sup> Tambahan pula, Pegawai Semakan Syariah digalakkan untuk berunding dan bekerjasama dengan juruaudit luar bagi tujuan melaksanakan fungsi Semakan Syariah yang efektif.<sup>18</sup>

---

16 Sebagai tambahan, Bank juga boleh menentukan standard yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang berikut yang tidak menghendaki penentuan hukum Syarak:

(a) tadbir urus Syariah termasuk--

- i) fungsi dan kewajipan lembaga pengarah, pegawai kanan dan anggota jawatankuasa Syariah suatu institusi berhubungan dengan pematuhan Syariah;
- ii) kehendak layak dan sesuai atau kehilangan kelayakan, seorang anggota jawatankuasa Syariah; dan
- iii) fungsi pematuhan Syariah dalaman...

Fungsi pematuhan Syariah dalaman ini merujuk kepada dokumen SGF.

17 Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, *Islamic Banking and Finance in Malaysia: System, Issues and Challenges*. Bandar Baru Nilai, USIM Publisher. 2013, 52, Mustafa Mohd Hanefah, 139

18 Ibid.

## Definisi

Perbandingan definisi Semakan Syariah dan Audit Syariah boleh diperhatikan melalui Jadual 2 seperti berikut:

**Jadual 2:** Definisi Semakan Syariah dan Audit Syariah Menurut SGF

	Semakan Syariah	Audit Syariah
Definisi	Penilaian tetap ( <i>regular assessment</i> ) terhadap pematuhan syariah di dalam aktiviti dan operasi IKI oleh Pegawai Syariah yang berkelayakan dengan objektif bagi memastikan aktiviti dan operasi IKI tersebut tidak bercanggah dengan syariah.	Penilaian berkala ( <i>periodical assessment</i> ) yang dijalankan dari semasa ke semasa untuk memberi penilaian bebas dan jaminan objektif yang direka untuk memberi nilai tambah dan meningkatkan tahap pematuhan operasi perniagaan IKI, dengan objektif utama bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan efektif untuk pematuhan syariah.

Semakan Syariah dan Audit Syariah secara asasnya melibatkan proses penilaian (*assessment*). Fungsi Semakan Syariah menilai tahap pematuhan Syariah di dalam aktiviti dan operasi IKI manakala Audit Syariah pula menilai tahap pematuhan operasi perniagaan IKI.

Jika fungsi Semakan Syariah bertujuan untuk memastikan segala aktiviti dan operasi IKI tidak bercanggah dengan Syariah, Audit Syariah pun bermatlamat untuk memastikan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan efektif untuk pematuhan syariah.

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh SGF, bolehlah disimpulkan bahawa fungsi Audit Syariah mempunyai skop yang lebih luas berbanding Semakan Syariah kerana Audit Syariah perlu memastikan kewujudan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan efektif untuk pematuhan syariah, dan ini tidak terhad kepada tadbir urus Syariah semata-mata. Fungsi Semakan Syariah pula lebih memberi fokus kepada tahap pematuhan syariah kontrak-kontrak dan transaksi-transaksi IKI.

Secara ringkasnya, fungsi Audit Syariah boleh dianggap sebagai payung yang menaungi tadbir urus pematuhan syariah di sesebuah IKI, manakala Semakan Syariah pula merupakan salah satu komponen yang mendokong fungsi Audit Syariah. Tujuan kedua-dua fungsi masih berteraskan pematuhan syariah, tetapi Audit Syariah memberi fokus yang lebih luas terhadap aspek-

aspek pematuhan lain termasuklah aspek undang-undang, risiko, peraturan dan sebagainya.

Rajah 2 berikut menerangkan hubungkait di antara fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah.



**Rajah 2:** Hubung kait di antara fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah

Semakan Syariah menggunakan istilah penilaian tetap (*regular<sup>19</sup>assessment*) dan secara berterusan (*continuous<sup>20</sup> basis*), manakala Audit Syariah pula menggunakan istilah Audit Syariah tetap (*regular<sup>21</sup>Shariah audit*) dan penilaian berkala (*periodical<sup>22</sup>assessment*). Berdasarkan peruntukan SGF, kedua-dua fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah perlulah dilakukan secara tetap.

Meskipun terdapat persamaan di sini, fungsi Semakan Syariah perlulah dilakukan secara berterusan dan berjalan secara harian. Ini selaras dengan kehendak SGF yang menuntut fungsi Semakan Syariah supaya merancang program Semakan Syariah.<sup>23</sup> Bagi Audit Syariah pula, SGF mensyaratkan bahawa Audit Syariah terhadap aspek-aspek kritikal hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya setahun sekali, bergantung kepada profil risiko IKI

19 Perenggan 7.3, Seksyen VI, SGF

20 Perenggan 1.3(iv), Seksyen I, SGF

21 Perenggan 1.3(v), Seksyen I, SGF

22 Perenggan 7.7, Seksyen VI, SGF

23 Perenggan 7.6(i), Seksyen VI, SGF

tersebut.<sup>24</sup> Perenggan 1.3(v), Seksyen I, SGF juga mengesahkan bahawa Audit Syariah tetap hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya secara tahunan. Secara ringkasnya, Semakan Syariah hendaklah dilakukan secara berterusan, manakala Audit Syariah perlu dilaksanakan secara berkala, sebaik-baiknya secara tahunan, seperti yang dihuraikan dalam Rajah 3 berikut:



**Rajah 3:** Kekerapan Fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah

### Objektif

Dokumen SGF menggariskan perbezaan objektif di antara fungsi Semakan Syariah dengan Audit Syariah, seperti Jadual 3 berikut:

**Jadual 3:** Objektif Fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah

	Semakan Syariah	Audit Syariah
<b>Objektif</b>	Untuk memastikan bahawa aktiviti dan operasi yang dijalankan oleh IKI tidak bercangah dengan kehendak syariah.	Untuk memastikan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan efektif untuk pematuhan syariah.

Objektif fungsi Semakan Syariah lebih hampir dengan aktiviti dan operasi IKI kerana Semakan Syariah perlu memastikan aktiviti dan operasi IKI selaras dengan prinsip-prinsip syariah. Manakala objektif Audit Syariah pula lebih menjurus kepada pengawalseliaan, iaitu memastikan bahawa IKI mempunyai sistem kawalan dalaman yang berkesan dan efektif untuk pematuhan syariah. Sistem kawalan dalaman ini termasuk juga fungsi Semakan Syariah. Dalam erti kata lain, fungsi Audit Syariah antara lain ialah untuk memastikan operasi

<sup>24</sup> Perenggan 7.10, Section VI, SGF

fungsi Semakan Syariah sentiasa berada di landasan yang betul, seiring dengan objektif Semakan Syariah.

Oleh itu, sistem kawalan dalaman yang berkesan dan efektif untuk pematuhan syariah dapat ditentukan oleh Audit Syariah, antara lain setelah Audit Syariah membuat penilaian terhadap laporan dan hasil kerja Semakan Syariah. Pengawalseliaan keseluruhan tahap pematuhan syariah sesebuah IKI masih terletak di bahu fungsi Audit Syariah.

## Skop

Dokumen SGF juga menghuraikan skop berbeza di antara fungsi Semakan Syariah dengan Audit Syariah seperti Jadual 4 berikut:

**Jadual 4:** Skop Fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah

	<b>Semakan Syariah</b>	<b>Audit Syariah</b>
<b>Skop</b>	Meliputi keseluruhan operasi perniagaan IKI, termasuklah proses pembangunan produk dari awal hingga akhir, yang bermula dari penstrukturan produk hingga penawaran produk.	Segekap aspek operasi perniagaan IKI, merangkumi:  (i) Pengauditan penyata kewangan IKI;  (ii) Audit pematuhan terhadap struktur organisasi, sumber manusia, proses dan sistem aplikasi teknologi maklumat; dan  (iii) Semakan terhadap kecukupan proses tadbir urus syariah.

Berkenaan dengan skop kedua-dua fungsi, SGF menggunakan frasa-frasa yang hampir serupa untuk menggambarkan skop yang terlibat. Untuk Semakan Syariah, frasa yang digunakan ialah keseluruhan operasi perniagaan IKI, manakala Audit Syariah menggunakan frasa segekap aspek operasi perniagaan dan aktiviti IKI. Adakah ini bermaksud skop kedua-dua fungsi adalah sama? SGF memberi fokus yang lebih terhadap Semakan Syariah berkenaan dengan proses pembangunan produk dari awal hingga akhir. Berdasarkan petunjuk ini, fungsi Semakan Syariah sebenarnya lebih tertumpu kepada proses pembangunan produk satu-satu IKI.

Fungsi Audit Syariah pula meliputi pengauditan penyata kewangan IKI, audit pematuhan terhadap struktur organisasi, sumber manusia, proses dan sistem aplikasi teknologi maklumat dan semakan terhadap kecukupan proses tadbir urus syariah. Semakan terhadap kecukupan proses tadbir urus syariah bermaksud pada akhirnya nanti Audit Syariah akan menyemak prestasi fungsi Semakan Syariah dan membuat penilaian sama ada Semakan Syariah yang telah dibuat telah mencukupi atau pun tidak. Ini menjadi salah satu komponen bagi memastikan sama ada operasi perniagaan dan aktiviti IKI tersebut telah mematuhi syariah.

### Struktur Pelaporan

Dokumen SGF menghuraikan struktur pelaporan yang berbeza untuk fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah, seperti yang dijelaskan di Jadual 5 berikut:

**Jadual 5:** Struktur Pelaporan Fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah

	Semakan Syariah	Audit Syariah
<b>Struktur pelaporan</b>	Semakan Syariah melaporkan fungsinya kepada Jawatankuasa Syariah dan pengurusan IKI.	Hasil dapatan Audit Syariah hendaklah dilaporkan ke Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah.

Perbezaan ketara di antara Semakan Syariah dengan Audit Syariah ialah Semakan Syariah mempunyai struktur pelaporan kepada Jawatankuasa Syariah dan pengurusan IKI manakala Audit Syariah mempunyai struktur pelaporan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah IKI<sup>25</sup>. SGF tidak menghuraikan maksud pengurusan IKI. Namun, pemahaman mudah terhadap SGF dan rajah 1 boleh memberi gambaran bahawa pengurusan IKI merujuk kepada para pegawai kanan IKI yang mempunyai kuasa pemutus dalam apa-apa keputusan yang melibatkan operasi dan perniagaan IKI. Para pegawai kanan IKI ini sekurang-kurangnya perlu meliputi ketua pegawai eksekutif dan jawatankuasa pengurusan kanan IKI.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah atau apa-apa jawatankuasa Lembaga Pengarah merupakan jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh

---

25 Perenggan 1.6, Seksyen I, SGF

Lembaga Pengarah satu-satu IKI. Lazimnya, Lembaga Pengarah satu-satu IKI akan menubuhkan beberapa jawatankuasa kecil Lembaga Pengarah untuk menyokong fungsi-fungsi Lembaga Pengarah dan memantau pelaksanaan pihak pengurusan IKI<sup>26</sup>. Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah biasanya terdiri daripada beberapa orang ahli Lembaga Pengarah dan komposisi jawatankuasa ini adalah lebih kecil berbanding Lembaga Pengarah. Misalnya, jika Lembaga Pengarah mempunyai tujuh orang ahli, jawatankuasa kecil Lembaga Pengarah mungkin mempunyai tiga orang ahli. (*members consists of several directors with a less board composition compared to the full BOD*). Dalam erti kata lain, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah sebenarnya adalah salah satu jawatankuasa yang mewakili Lembaga Pengarah IKI untuk tujuan melicinkan proses operasi dan membuat keputusan.

Merujuk kembali kepada garis pelaporan, meskipun kedua-dua fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah melaporkan fungsi masing-masing kepada Jawatankuasa Syariah, terdapat perbezaan yang agak ketara mengenai corak garis pelaporan di dalam rajah 1. Fungsi Semakan Syariah mempunyai garis pelaporan yang terputus kepada pihak pengurusan IKI dan garis pelaporan yang bersambung kepada Jawatankuasa Syariah. Audit Syariah mempunyai garis pelaporan yang terputus kepada Jawatankuasa Syariah dan garis pelaporan yang bersambung kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

SGF tidak memberi apa-apa penjelasan mengenai garis pelaporan yang berbeza ini. Penulis mencadangkan bahawa garis pelaporan yang bersambung sebenarnya merujuk kepada pegawai atasan sebenar manakala garis pelaporan yang terputus merujuk kepada pegawai atasan dari segi pentadbiran sahaja. Misalnya, Jawatankuasa Syariah IKI merupakan autoriti sebenar bagi fungsi Semakan Syariah dan Penyelidikan Syariah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah merupakan autoriti sebenar bagi fungsi Audit Syariah manakala Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah merupakan autoriti sebenar bagi fungsi pengurusan risiko syariah.

Dalam erti kata lain, Jawatankuasa Syariah bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan berkesan terhadap fungsi Semakan Syariah dan Penyelidikan Syariah dari sudut kewujudan autoriti Jawatankuasa Syariah untuk memanggil, menyemak dan mengarahkan kedua-dua fungsi dari semasa ke semasa. Begitu juga Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan fungsi Audit Syariah dari semasa ke semasa.

---

26 Seksyen 65(1) of APKI 2013



Semakan Syariah mempunyai garis pelaporan yang bersambung kepada Jawatankuasa Syariah manakala Audit Syariah pula mempunyai garis pelaporan yang bersambung kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. SGF tidak menghuraikan perbezaan ini. Namun, ada kebarangkalian bahawa perbezaan garis pelaporan yang bersambung bagi kedua-dua fungsi adalah bagi memastikan kebebasan kedua-dua fungsi tersebut dalam menjalankan tugas masing-masing. Sebagai contoh, boleh berlaku situasi apabila Audit Syariah mempunyai dapatan yang negatif berkenaan dengan Jawatankuasa Syariah dan jika Audit Syariah hanya bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Syariah semata-mata, maka secara teorinya Jawatankuasa Syariah boleh menolak dapatan negatif tersebut dan Audit Syariah tidak mempunyai jalan lain untuk menyuarakan pandangannya. Namun begitu, dengan garis pelaporan bersambung yang berbeza, Audit Syariah akhirnya bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah boleh menilai dapatan negatif terhadap Jawatankuasa Syariah sekaligus mencadangkan langkah-langkah yang sewajarnya kepada Lembaga Pengarah IKI.

Berkenaan dengan isu garis pelaporan yang terputus pula, ini merupakan pelaporan secara pentadbiran bagi tujuan makluman sahaja. Fungsi Semakan Syariah mempunyai garis pelaporan yang terputus kepada pihak pengurusan IKI kerana pihak pengurusan perlu tahu isi kandungan laporan Semakan Syariah dan memberi maklum balas mengenai isu-isu yang dibangkitkan di dalam laporan tersebut. Zariah Abu Samah (2014) menerima tafsiran ini dengan mengatakan bahawa Semakan Syariah melaporkan fungsinya secara terus kepada Jawatankuasa Syariah dan melaporkan secara pentadbiran kepada pihak pengurusan IKI.<sup>27</sup> Berkenaan Audit Syariah pula, fungsi tersebut melaporkan secara pentadbiran kepada Jawatankuasa Syariah supaya Jawatankuasa Syariah mendapat maklumat mengenai hasil laporan Juruaudit Syariah. Jawatankuasa Syariah hanya menerima hasil laporan tersebut, tetapi mereka tidak mempunyai autoriti untuk mengarahkan agar Juruaudit Syariah mengubah atau meminda laporan yang telah disiapkan.

---

27 Zariah Abu Samah, *A Contemporary Analysis on the Practices of Shari'ah Review by the Islamic Banks in Malaysia*. Kertas Kajian untuk Sarjana Sains Perbankan dan Kewangan Islam, IIUM Institute of Islamic Banking and Finance, International Islamic University Malaysia, 2014, 34

## **Pegawai Berkelayakan**

Dokumen SGF meletakkan kelayakan akademik yang berbeza di antara pegawai Semakan Syariah dan Audit Syariah, seperti yang dijelaskan oleh Jadual 6 seperti berikut:

**Jadual 6:** Kelayakan Pegawai Semakan Syariah dan Audit Syariah

	<b>Semakan Syariah</b>	<b>Audit Syariah</b>
<b>Pegawai berke- layakan</b>	Pegawai Syariah berkelayakan merujuk kepada pegawai yang memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda dalam bidang Syariah, yang merangkumi pengajian Usul Fiqh dan Fiqh Mu‘amalat (undang-undang komersial Islam). <sup>28</sup>	Juruaudit dalaman yang memiliki pengetahuan dan latihan berkaitan syariah yang mencukupi. Juruaudit dalaman boleh menggunakan kepakaran para pegawai syariah IKI sewaktu menjalankan audit, selagi mana objektif audit tidak dikompromi.

Fungsi Semakan Syariah perlu dilaksanakan oleh Pegawai Syariah yang berkelayakan. Menurut dokumen SGF, Pegawai Syariah berkelayakan hendaklah memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda dalam bidang syariah. Berdasarkan syarat minimum SGF, Pegawai Semakan Syariah perlu memiliki pengetahuan syariah yang memenuhi piawaian iaitu sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dan bukannya diploma atau sijil Syariah semata-mata. Perlu diambil perhatian juga meskipun SGF meletakkan syarat Ijazah Sarjana Muda Syariah, ijazah tersebut perlu mengandungi pengajian Usul Fiqh dan Fiqh Mu‘amalat (undang-undang komersial Islam).

Namun begitu, SGF tidak menyebut kelayakan seseorang individu yang memiliki ijazah sarjana atau kedoktoran dalam bidang syariah, meskipun pengajian ijazah sarjana mudanya tidak berkaitan dengan bidang syariah.

Seperkara lagi, adakah SGF mengiktiraf ijazah sarjana muda yang tidak menggunakan nama Syariah, sebaliknya menggunakan nama-nama lain seperti Pengajian Islam, Fiqh dan Usul Fiqh, Pentadbiran Muamalat dan sebagainya? Jika pemahaman literal diambil kira, maka ijazah sarjana muda syariah sahaja yang layak diiktiraf. Namun begitu, jika syarat-syarat tambahan SGF diambil kira (ijazah sarjana muda yang merangkumi pengajian Usul Fiqh dan Fiqh Mu‘amalat (undang-undang komersial Islam)), maka nama ijazah itu tidaklah sebegitu penting, asalkan ijazah tersebut mempunyai kursus pengajian berkenaan Usul Fiqh dan Fiqh Mu‘amalat.

28 Footnote 12, SGF 2010

Menelusuri kelayakan akademik Juruaudit Syariah pula, dapat difahami bahawa syarat-syarat SGF tidaklah begitu ketat seperti kelayakan akademik pegawai Semakan Syariah. Fungsi Audit Syariah boleh dilakukan oleh juruaudit dalaman dengan apa sahaja kelayakan akademik asalkan dia mempunyai pengetahuan dan latihan yang mencukupi berkenaan syariah.

Namun begitu, apakah yang dimaksudkan dengan pengetahuan dan latihan yang mencukupi berkenaan syariah? Syarat ini dilihat agak kabur kerana siapakah yang akan menilai tahap pengetahuan dan latihan syariah tersebut? Latihan apakah yang boleh dianggap berkaitan dengan syariah? Dicadangkan agar tahap kecukupan pengetahuan dan latihan syariah hanya boleh dinilai dan disahkan oleh Jawatankuasa Syariah sesebuah IKI. Ini bermakna, Jawatankuasa Syariah IKI mestilah menyelidik dan mengesahkan bahawa seseorang juruaudit syariah itu benar-benar layak untuk melaksanakan fungsi Audit Syariah selepas meneliti tahap pengetahuan dan latihan syariah juruaudit tersebut. Jika tidak, ketua pegawai audit IKI mungkin beranggapan bahawa juruaudit syariahnya mempunyai pengetahuan dan latihan syariah yang mencukupi, sedangkan realitinya pihak Jawatankuasa Syariah IKI mungkin tidak berpandangan begitu.

Jika diteliti syarat-syarat kelayakan pegawai untuk kedua-dua fungsi, tidak dapat dipastikan mengapa kelayakan akademik untuk Pegawai Semakan Syariah lebih ketat berbanding Juruaudit Syariah. Mungkin BNM beranggapan bahawa fungsi Semakan Syariah ialah fungsi yang menyemak segala operasi dan aktiviti IKI secara harian, maka Pegawai Semakan Syariah hendaklah terdiri dari kalangan mereka yang benar-benar mempunyai kelayakan syariah yang mantap, sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah. Untuk Juruaudit Syariah pula, mereka hanya menyemak fungsi Semakan Syariah bagi memastikan sistem kawalan dalaman IKI yang berkesan dan efektif untuk pematuhan syariah. Justeru, mereka tidak semestinya mempunyai kelayakan akademik syariah seperti Pegawai Semakan Syariah, tetapi cukup sekadar pengetahuan dan latihan yang mencukupi berkenaan syariah.

Meskipun begitu, adalah menjadi satu amalan yang baik sekiranya IKI mempunyai pasukan Audit Syariah yang terdiri daripada mereka yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah. Contohnya, Ahmad Turmuzi Hamezah (2014) mengesahkan bahawa kesemua juruaudit syariah di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Syariah, Fiqh atau Usul Fiqh.<sup>29</sup>

---

29 Ahmad Turmuzi Hamezah, *Shari'ah Compliance Function in Malaysian Islamic Bank: Case Study of Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad*. Kertas Penyelidikan untuk Sarjana Sains Perbankan dan Kewangan Islam, IIUM Institute of Islamic Banking and Finance, International Islamic University Malaysia, 2014, 51

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan penelitian dan analisis di atas, berikut adalah kesimpulan yang boleh dibuat mengenai fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah dalam operasi IKI:

Terdapat pemahaman yang tidak sekata mengenai fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah sebelum SGF diperkenalkan oleh BNM. Kebanyakan penulisan menyatakan bahawa fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah merupakan perkara yang sama, sedangkan perbezaan yang sebenar tidak pernah dikaji dengan lebih lanjut.

SGF yang diperkenalkan oleh BNM telah membezakan fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah dalam erti kata yang sebenar. Semakan Syariah dan Audit Syariah merupakan dua fungsi Pematuhan Syariah yang digariskan oleh SGF selain daripada Penyelidikan Syariah dan Pengurusan Risiko Syariah. Meskipun terdapat beberapa persamaan di antara kedua-dua fungsi, namun Semakan Syariah mempunyai peranan yang berbeza dan tersendiri berbanding Audit Syariah.

Persamaan di antara fungsi Semakan Syariah dengan Audit Syariah dapat diperhatikan melalui aspek kedua-dua fungsi bertanggungjawab untuk menyemak dan meneliti operasi serta aktiviti IKI.

Perbezaan ketara dapat diteliti melalui aspek definisi, objektif, skop, struktur pelaporan dan pegawai yang berkelayakan. SGF meletakkan ciri-ciri dan syarat-syarat yang berbeza untuk dipenuhi oleh fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah.

Tahap pelaksanaan Semakan Syariah dan Audit Syariah serta pematuhannya terhadap garis panduan SGF memerlukan kajian lanjut di peringkat IKI sama ada dalam sektor perbankan Islam mahu pun takaful.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Turmuzi Hamezah. (2014) Shari'ah Compliance Function in Malaysian Islamic Bank: Case Study of Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Kertas Penyelidikan untuk Sarjana Sains Perbankan dan Kewangan Islam, IIUM Institute of Islamic Banking and Finance, International Islamic University Malaysia.
- Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701)
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759)

Governance Standard for Islamic Financial Institutions No. 2 on Shariah Review, AAOIFI.

[www.aaofi.com](http://www.aaofi.com)

[www.ifsb.org](http://www.ifsb.org)

Fakihah Azahari, *Shari'ah Audit in a Legal Process: Future Growth in Specialised Skills* [2013] 6 MLJ xciii.

Guiding Principles on Shariah Governance Systems for Institutions Offering Islamic Financial Services (IFSB-10).

Mohamed Sultan, S.A. (2007). *A Mini Guide to Shari'ah Audit for Islamic Financial Institutions – A Primer*. Kuala Lumpur: CERT Publications.

Nu Nu Htay, S., et al (2013). *Accounting, Auditing and Governance for Takāful Operations*. Singapore: John Wiley & Sons Singapore Pte Ltd.

Sheila Ainon Yussof, (2013) *Prospects of a Shari'ah Audit Framework for Islamic Financial Institutions in Malaysia*. *Islam and Civilisational Renewal*. Vol. 4 No. 1.

Shariah Governance Framework for the Islamic Financial Institutions, Bank Negara Malaysia.

Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, (2103) *Islamic Banking and Finance in Malaysia: System, Issues and Challenges*. Bandar Baru Nilai, USIM Publisher.

Mustafa Mohd Hanefah, et al, (2012) *Governance and Shari'ah Audit in Islamic Financial Institutions*, USIM Publisher, Bandar Baru Nilai.

Zariah Abu Samah, (2014) *A Contemporary Analysis on the Practices of Shari'ah Review by the Islamic Banks in Malaysia*. *Kertas Penyelidikan untuk Sarjana Sains Perbankan dan Kewangan Islam*, IIUM Institute of Islamic Banking and Finance, International Islamic University Malaysia.

# DASAR PINJAMAN BERKUMPULAN DI INSTITUSI MIKROKREDIT: CADANGAN PENGGUNAAN KONTRAK HIWALAH

(Group Lending Policy in Microfinance Institution:  
A Proposal of Hiwalah Contract)

Wan Nor Aisyah binti Wan Yusoff<sup>1</sup>  
Abdul Ghafar bin Ismail<sup>2</sup>  
Shofian Ahmad<sup>3</sup>

## Abstrak

Tujuan kertas ini adalah untuk membincangkan dasar pinjaman berkumpulan yang diamalkan di institusi mikro kredit. Motivasi kajian ini adalah untuk menekankan kontrak *Hiwalah* sebagai pelengkap kepada Teori Liabiliti Bersama. Kajian ini mencadangkan model untuk mengelakkan konflik dan membuat hubungan baik antara pemberi pinjaman dan peminjam. Artikel ini menggunakan analisis kandungan untuk memperjelaskan konsep pinjaman berkumpulan serta *hiwalah*. Perbincangan dalam artikel ini adalah untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan pinjaman berkumpulan di institusi mikro kredit terutama masalah di kalangan peminjam dan masalah insentif dalam Teori Liabiliti Bersama serta pelaksanaannya di institusi mikro kredit. Artikel ini juga cuba mencadangkan bentuk baru kontrak dari perspektif Islam iaitu kontrak *Hiwalah*. Artikel ini berhasrat untuk menyumbang kepada perbincangan yang berterusan sama ada dasar pinjaman berkumpulan mampu mencapai dan mengekalkan prestasi pembayaran balik. Kajian ini dijangka akan memberikan ciri-ciri baru yang lebih baik dalam mempromosikan dasar pinjaman berkumpulan menggunakan konsep *Hiwalah* dan menggalakkan pembangunan dan kemandapan institusi mikro kredit Islam atau lebih dikenali sebagai institusi mikro kredit.

**Kata Kunci:** Pinjaman berkumpulan, *Hiwalah*, institusi mikro kredit, Teori Liabiliti Bersama

- 
- 1 Penolong Pengarah, Seksyen Muamalat dan Sosioekonomi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Artikel ini adalah sebahagian hasil penyelidikan tesis penulis di peringkat Doktor Falsafah. Beliau boleh dihubungi melalui emel [wnaisyah@islam.gov.my](mailto:wnaisyah@islam.gov.my)
  - 2 Profesor Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Beliau juga merupakan Fellow Kajian, Islamic Economic Studies and Thoughts Centre dan AmBank Group Resident Fellow kepada Perdana Leadership Foundation.
  - 3 Profesor Madya di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

**Abstract:**

*The purpose of this paper is to discuss the group lending policy practiced by microcredit institutions. The motivation for this paper is to emphasize Hiwalah contract as a complement to Joint Liability Theory. This research proposes the model in order to avoid conflict and to make good sanction between the lender and borrower. This paper using content analyzes to clarify the concept of group lending and Hiwalah. This article intends to contribute to ongoing debate whether a group lending policy is able to achieve and maintain repayment performance. This study is expected to provide better new features in promoting group lending policies using the Hiwalah concept and promoting the development and stability of microcredit institutions.*

**Keywords:** *Group Lending, Hiwalah, microcredit institutions, Joint Liability Theory*

## PENDAHULUAN

Pinjaman liabiliti bersama atau dikenali sebagai dasar pinjaman berkumpulan telah diperkenalkan sejak penubuhan Bank Grameen pada tahun 1970.<sup>4</sup> Praktis tersebut telah berkembang di beberapa institusi mikro dalam kebanyakan negara membangun. Ia menjadi alat penting untuk memberikan kredit kepada orang miskin. Praktis ini juga telah memberi kesan yang positif sebagaimana bertambahnya institusi mikrokredit (Gan, Hernandez dan Lin. 2013), dan penambahbaikan dalam kadar bayaran balik (Gine et. al., 2010). Praktis tersebut telah memberi kebaikan kepada orang miskin, yang mana mereka tidak mempunyai barang untuk dicagar yang menjadikan mereka tergolong dalam kalangan orang yang berisiko untuk dipinjamkan wang. Dengan kekurangan aset sebagai gadaian, ditambah pula dengan kekurangan kewangan dan maklumat individu, ia telah meletakkan institusi mikrokredit dalam situasi yang tidak munasabah, dalam menilai siapakah yang akan dapat membayar pinjaman dan siapakah yang tidak akan membayar pinjaman tersebut.

---

4 Grameen Bank adalah organisasi pembiayaan mikro dan merupakan bank pembangunan komuniti bermula di Bangladesh yang membuat pinjaman kecil (dikenali sebagai mikro atau kredit Grameen). Terdapat tiga ciri-ciri utama Grameen Bank: (1) Tiada instrumen undang-undang (2) Tiada cagaran dan kontrak serta berasaskan amanah melalui kaedah pinjaman berasaskan kumpulan (3) Ia bermatlamat mempunyai sistem perbankan yang adil, pro-miskin serta pro-wanita.

Dalam model ini, jika seorang ahli dalam kumpulan tersebut tidak mampu membayar pinjaman tersebut, ahli yang lain akan membayar kembali hutang rakannya. Ini memberi insurans kepada institusi mikro kredit kerana pihak institusi mikro kredit tahu mereka akan tetap dibayar walaupun ada individu yang gagal membayar. Pinjaman berkumpulan juga dapat menyelesaikan masalah kekurangan maklumat pada institusi mikro kredit apabila kumpulan bertindak memilih ahli di kalangan komuniti mereka sendiri. Oleh kerana setiap ahli dalam komuniti mempunyai maklumat yang mendalam mengenai siapa yang akan membayar tepat pada masa dan siapa yang tidak, ahli yang kurang berisiko akan meninggalkan ahli yang berisiko tinggi. Ini bermakna, ahli yang bertanggungjawab agak jarang perlu membayar kepada orang lain. Manakala ahli yang berisiko akan lebih kerap membayar untuk orang lain, dan mengakibatkan kenaikan pada kadar faedah untuk orang yang berisiko (Attanasio et al., 2011).

Walau bagaimanapun, ia memerlukan komitmen peminjam untuk menghadiri perjumpaan mingguan dan ini boleh menimbulkan tekanan sosial kepada mereka. Kelemahan potensi dasar pinjaman berkumpulan adalah bahawa ia selalunya melibatkan mesyuarat mingguan yang memakan masa dan mengenakan tekanan sosial yang kukuh, menjadikannya berpotensi untuk membebaskan peminjam. Ini adalah salah satu sebab utama mengapa institusi mikro kredit sudah mula bergerak dari pinjaman bersama kepada pinjaman individu (Attanasio et al., 2011). Kos urus niaga yang tinggi yang dihadapi oleh institusi mikro kredit dalam mengenal pasti dan menyaring pelanggan, memproses permohonan mereka dan memungut bayaran balik serta mengekalkan kadar faedah yang tinggi akan menghalang institusi mikro kredit dari mencapai pelanggan baru dan mengembangkan operasi mereka (Armendariz & Morduch, 2005; Shankar, 2007; Field & Pande, 2008).

Memahami faktor yang mempengaruhi prestasi pembayaran balik yang mungkin berbeza-beza di kalangan jenis kumpulan, dengan itu ia memerlukan dasar relevan yang besar. Khususnya, peralatan pemarkahan risiko yang lebih tepat boleh membantu untuk mengatasi jurang asimetri maklumat dengan membantu institusi mikro kredit yang lebih baik untuk mengelaskan pelanggan berpotensi mereka. Manakala memahami faktor yang mendorong tingkah laku mereka, menggalakkan lagi pembangunan dan pemampasan pasaran mikro.

Kajian ini mencadangkan satu kontrak pinjaman berkumpulan dengan pemindahan hutang melalui hiwalah (kontrak yang mengikat) yang merangkumi prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah bagaimana peminjam dan pemberi pinjaman melunasi hutang. Kajian ini dibahagikan kepada beberapa



bahagian seperti yang berikut: Kajian semula dasar pinjaman berkumpulan semasa, kebaikan, keburukan dan parameter bagi setiap dasar, pinjaman liabiliti semasa serta cadangan penggunaan konsep hiwalah dalam kontrak pinjaman berkumpulan

## **KAJIAN SEMULA DASAR PINJAMAN BERKUMPULAN SEMASA**

Dasar utama yang berkaitan dengan institusi mikrokredit adalah dasar pinjaman berkumpulan. Kajian ini akan mengambil kira pinjaman individu, kadar bayaran balik, etika, dan rakan dalam kumpulan bagi meneliti semula dasar pinjaman berkumpulan tersebut.

### **Pinjaman Berkumpulan Berbanding Pinjaman Individu**

Institusi mikrokredit pada mulanya memulakan operasi mereka dengan prinsip pemberian pinjaman kepada individu (Armendariz, B. & J. Murdoch, 2005). Ini adalah kerana, mereka percaya bahawa setiap orang mempunyai potensi untuk menjadi seorang usahawan. Walau bagaimanapun, terdapat pinjaman individu yang diubah kepada pinjaman berkumpulan. Aktiviti pemberian pinjaman kepada kumpulan telah lama dikaitkan dengan pinjaman mikro. Di bawah aktiviti ini atau lebih dikenali sebagai pinjaman liabiliti bersama iaitu pinjaman diberi kepada sekumpulan peminjam. Motivasi pinjaman berkumpulan adalah disebabkan oleh skala ekonomi, iaitu kos yang berkaitan dengan pemantauan pinjaman dan pembayaran balik pinjaman. Ia jauh lebih rendah apabila kredit diagihkan kepada kumpulan dan bukannya individu. Walau bagaimanapun, terdapat juga merit dan limitasi pinjaman berkumpulan seperti yang dilaporkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Pinjaman Berkumpulan dan Pinjaman Individu

	<b>Kelebihan Pinjaman Berkumpulan</b>	<b>Limitasi Pinjaman Berkumpulan</b>
1	Kemudahan mendapatkan modal melalui kumpulan	Kehendak individu menjadi terpinggir dalam pinjaman berkumpulan
2	Kos pentadbiran yang rendah di kalangan peminjam	Individu perlu memantau antara satu sama lain
3	Kos transaksi pinjaman di kalangan peminjam adalah rendah	Individu tidak memilih untuk bersama pinjaman berkumpulan untuk tempoh yang lama

4	Pemantauan pinjaman adalah rendah	Individu perlu membayar hutang bagi pihak orang lain
5	Penggunaan pinjaman (Loan utilization) adalah tinggi	Ahli yang terkebelakang berkemungkinan boleh dieksploitasi oleh ahli yang ke hadapan.
6	Sumber fizikal dan kewangan kecil boleh digunakan sebagai cagaran kolektif dan modal bagi ahli-ahli individu miskin	Selepas jangka masa tertentu (5-7 tahun) ahli kumpulan mencapai kecekapan individu tertentu termasuk pengurusan kewangan
7	Pinjaman disediakan kepada peminjam sehingga ke rumah.	Keperluan menghadiri mesyuarat pada setiap minggu.
8	Tabung kumpulan dan pusat juga memberi pinjaman kepada ahli sebagai faktor berdikari	Bakat keusahawanan individu tidak dapat dilihat.

*Sumber : Penyelidik 2017*

## **Pinjaman Berkumpulan dan Pembayaran**

Pinjaman yang diberikan kepada peminjam dalam pinjaman berkumpulan bergantung kejayaan pembayaran balik dari peminjam yang lain. Dengan kata lain, ia memindahkan tanggungjawab pembayaran balik kepada peminjam-peminjam yang lain. Oleh itu, seluruh kumpulan bertanggungjawab ke atas hutang mana-mana ahli individu dalam kumpulan itu, yang bertanggungjawab untuk pembayaran balik pinjaman masing-masing. Oleh itu, liabiliti bersama merupakan insurans terhadap risiko. Dalam pengertian ini, liabiliti bersama berfungsi sebagai pengganti untuk cagaran. Peminjam berkumpulan dianggap sebagai ingkar apabila sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka tidak membayar balik. Selepas itu, semua peminjam akan dinafikan pinjaman baru.

Amalan ini telah dipraktikkan bertahun-tahun dengan penubuhan institusi mikro kredit seperti Bank Grameen (1983), Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Bangladesh, BRAC (1971), Persatuan Kemajuan Sosial, ASA (1978), dan kemudian, penubuhan Prodem di Bolivia (1986). Institusi mikro kredit dengan cepat menjadi alat yang popular untuk pembangunan ekonomi, terutama sebagai alat untuk mengurangkan kadar kemiskinan dengan beratus-ratus institusi baru muncul di seluruh dunia ketiga yang menyediakan perkhidmatan mikro kredit kepada golongan miskin. Ini menunjukkan bahawa dasar pinjaman berkumpulan itu telah menyumbang kepada perkembangan perkhidmatan mikro kredit.

## **Kumpulan Pinjaman dan Unsur-unsur Etika**

Peminjam dalam kumpulan merupakan jiran (neighbours) atau orang yang rapat. Mereka kenal-mengenal antara satu sama lain dengan baik, jadi mereka mungkin dapat melihat penggunaan pinjaman masing-masing. Dengan mengetahui antara satu sama lain, Li, Liu & Deininger (2012) berpendapat bahawa pemberi pinjaman boleh membezakan kemungkiran atau *default* secara sengaja atau kegagalan disebabkan oleh tingkah laku yang tidak bertanggungjawab (seperti melabur dalam projek-projek yang terlalu berisiko atau perbelanjaan ke atas aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan) dengan kegagalan disebabkan oleh kejutan negatif yang tidak dijangka.

Oleh itu, hukuman sosial boleh dikenakan kepada peminjam untuk meningkatkan kos yang disebabkan oleh kemungkiran yang disengajakan (deliberate default) dan kegagalan yang berpunca dari tingkah laku tidak bertanggungjawab. Hukuman sosial boleh mengambil bentuk-bentuk pengecualian seperti tidak menyediakan bantuan dalam projek mereka dan aktiviti-aktiviti lain pada masa hadapan.

## **Kumpulan Pinjaman dan Kesan Rakan Sebaya**

Kajian awal oleh Stiglitz (1990) dan Varian (1990), meneroka bagaimana liabiliti bersama boleh mendorong peminjam dalam kumpulan untuk memantau satu sama lain, dan dengan itu mengurangkan masalah bahaya moral. Besley & Coate (1995) menangani soalan mengenai bagaimana kontrak liabiliti bersama menjejaskan kesediaan untuk membayar balik. Mereka menunjukkan bagaimana mereka boleh mendorong peminjam untuk meletakkan tekanan rakan sebaya pada ahli kumpulan yang lalai (dalam pembayaran hutang), yang boleh membawa kepada peningkatan dalam kadar pembayaran balik.

Kejayaan pinjaman berkumpulan telah dikaitkan dengan faktor-faktor lain seperti keupayaan kumpulan mengurangkan salah pemilihan (*adverse selection*) dan bahaya moral (*moral hazard*) melalui kesan rakan sebaya. Kesan rakan sebaya boleh beroperasi melalui pemilihan rakan sebaya, pemantauan rakan sebaya dan tekanan rakan sebaya. Proses pemilihan rakan sebaya boleh mengurangkan masalah maklumat asimetri dalam pasaran kredit dengan kos yang lebih murah daripada medium yang ada dalam institusi perbankan dalam mencapai tujuan yang sama. Melalui pemantauan rakan sebaya, ia boleh menyaring peminjam berisiko daripada program pinjaman berkumpulan. Tekanan rakan sebaya merujuk kepada pengaruh rakan sebaya yang boleh mengenakan penguatkuasaan pembayaran balik dan mengurangkan kegagalan

pembayaran hutang setelah berjaya dalam sesuatu projek (ex-post moral hazard). Keberkesanan kesan ini bergantung kepada kedudukan peminjam berkumpulan yang tinggal di komuniti miskin yang rapat atau seperti yang dicadangkan oleh Naveen Kumar (2012) sebagai cagar sosial, yang berkesan dan boleh mengenal pasti, serta memberi amaran ke atas peminjam yang tidak bertanggungjawab dan peminjam yang sengaja tidak membayar melalui hukuman sosial.

Cassar, Crowley & Wydick (2007) mendapati sifat amanah peribadi (personal trust) antara pasangan dalam kalangan ahli kumpulan memberi kesan ketara kepada prestasi dalam pembayaran hutang. Ini akhirnya jelas menyokong tanggapan bahawa maklumat modal sosial adalah bermula daripada pemilihan dan penyaringan kumpulan.

## **PERBINCANGAN**

Terdapat kelebihan dan kekurangan dalam pinjaman berkumpulan ini. Golongan yang menyokong pinjaman berkumpulan menyatakan seperti yang berikut:

**Membantu dari segi kewangan**, iaitu dengan mempunyai model pinjaman kumpulan. Kumpulan itu mampu membayar pinjaman seseorang yang sedang menjalani masalah kewangan yang teruk disebabkan oleh penyakit, pengangguran, atau faktor-faktor lain.

**Membantu perniagaan**. Dengan memenuhi perjumpaan setiap minggu, pemilik perniagaan akan berkongsi pengetahuan perniagaan atau memberikan cadangan yang lain tentang bagaimana untuk meningkatkan perniagaan mereka dan mereka dapat belajar antara satu sama lain.

**Memperkasakan wanita**. Kebanyakan pemilik perniagaan yang menerima pinjaman adalah wanita. Oleh itu ia adalah satu peluang untuk golongan wanita menambah pendapatan yang membolehkan mereka tidak terlalu bergantung kepada suami.

**Urusan sosial**. Ia merupakan peluang bagi pemilik perniagaan untuk berbual tentang kehidupan ketika sesi mesyuarat.

Terdapat juga pendapat yang menolak pemberian pinjaman berkumpulan, dengan alasan seperti berikut:

**Membayar untuk orang lain**. Walaupun model pinjaman berkumpulan direka supaya kumpulan meliputi kos seseorang yang tidak dapat membayar, ia sering menyebabkan ketegangan dalam kumpulan, walaupun dalam kalangan

peminjam lama. Apabila kebanyakan pemilik perniagaan sedang berjuang untuk hidup sendiri, perkara terakhir yang mereka mahu lakukan ialah terpaksa membayar lebih untuk melindungi pinjaman orang lain.

**Pergeseran kumpulan.** Walaupun jumlah penerima pinjaman tidak pernah kurang, tetapi terdapat kadar penurunan yang sangat tinggi iaitu sebilangannya memutuskan untuk tidak lagi mahu membuat pinjaman. Ini biasanya berpunca daripada keengganan untuk menghadiri mesyuarat mingguan, ketidakpuasan dengan membayar untuk orang lain, dan sebagainya.

**Perbezaan dalam kebolehan dan tahap pengetahuan.** Untuk organisasi pembiayaan mikro yang juga menyediakan kelas pembangunan kemahiran kepada pelanggan mereka, cabaran besar yang dihadapi mereka adalah pelbagai jenis kebolehan pembelajaran, tahap pendidikan dan tahap motivasi. Dengan membenarkan kumpulan yang dibentuk berdasarkan lokasi geografi atau di luar kawalan organisasi, ia adalah amat sukar untuk membantu mengajar setiap kumpulan tentang kemahiran perniagaan yang utama dan kritikal.

Dalam perbincangan yang seterusnya, kajian akan membincangkan parameter dasar, ciri-ciri dan implikasi dasar seperti Jadual 2. Antara parameter tersebut adalah seperti berikut: Pembentukan kumpulan, saiz kumpulan, saiz metod pembayaran pinjaman, kriteria pilihan individu, saiz pinjaman, pinjaman, insentif dinamik dan liabiliti berkumpulan.

**Jadual 2:** Parameter untuk Dasar Pinjaman Berkumpulan

Parameter	Ciri-ciri	Implikasi
(i) Pembentukan kumpulan	Sukarela	Sekatan sosial di kalangan ahli sukar dibuat kerana hubungan yang terlalu rapat.
(ii) Saiz kumpulan	Kecil (sehingga 10 orang sekumpulan) atau besar (sehingga lebih 10 orang dalam kumpulan )	Jika lebih dari seorang gagal membayar, ia akan menjadi beban kepada yang lain.
(iii) Insentif dinamik	Pinjaman berterusan	Gangguan kepada peminjam lain jika seorang gagal membayar.

(iv)	Liabiliti berkumpulan	Berkongsi beban hutang	Memberi beban pada ahli lain jika seorang atau lebih ahli tidak membayar dan kumpulan tidak membayar.
(v)	Metod pembayaran pinjaman	Membayar kepada ketua kumpulan	Tunggakan pembayaran atau NPL (Non-performing loan)
(vi)	Kriteria pilihan individu	Bergantung kepada peminjam	Menimbulkan peminjam hetrogenous atau homogenous
(vii)	Saiz pinjaman	Pelbagai skim pinjaman	Beban yang tidak adil

*Sumber : Penyelidik 2017*

Secara praktisnya, ahli akan memilih sendiri ahli dalam pembentukan kumpulan. Walau bagaimanapun, sekatan sosial agak sukar untuk dilakukan di kalangan ahli kerana hubungan yang terlalu rapat.

Dalam saiz kumpulan, secara praktis, ianya tidak jelas sama ada saiz kumpulan akan memberi kesan kepada kadar pembayaran pinjaman. FINCA<sup>5</sup>, International, Inc<sup>6</sup>, satu organisasi kewangan mikro yang terkemuka di peringkat antarabangsa, meminjamkan kepada 10 ke 50 orang ahli dan dapat mengekalkan pembayaran kepada 96%. Dalam kes yang lain seperti Grameen, ia lebih menyasarkan kumpulan yang lebih kecil iaitu lima orang sekumpulan supaya dapat mengelakkan sikap menumpang dan memudahkan untuk mengawal dan memantau kumpulan. Selain itu, saiz kumpulan juga mempengaruhi kepada bebanan untuk membayar bagi pihak orang lain terutama jika ramai peminjam tidak dapat membayar pinjaman.

Institusi mikrokredit menyediakan pelbagai skim pinjaman iaitu berskala kecil dan besar. Saiz pinjaman ini adalah berdasarkan keperluan dan kelayakan peminjam tersebut. Namun begitu ia akan memberi beban yang tidak adil kepada peminjam jika terpaksa menanggung beban peminjam lain yang mempunyai pinjaman berskala lebih besar darinya.

5 Pertubuhan kewangan mikro yang tidak berasaskan keuntungan, ditubuhkan oleh John Hatch pada tahun 1984

6 <http://www.finca.org>

## PINJAMAN LIABILITI BERSAMA

Masalah agensi, seperti yang dibincangkan dalam Jensen dan Meckling (1976), Myers (1984), Ross (1977) dan Leland & Pyle (1977) menunjukkan bahawa ketidaksempurnaan pasaran disebabkan oleh tindakan yang tidak nampak, kekurangan keupayaan kontrak, dan maklumat asimetri. Bahaya moral dan pemilihan buruk terdiri daripada dua bentuk di mana masalah agensi boleh terbentuk. Arrow (1984) menyamakan kedua-dua istilah dengan tindakan tersembunyi dan maklumat yang tersembunyi.

Bahaya moral timbul apabila tindakan yang dijalankan oleh ejen itu adalah suatu perkara yang tidak nampak dan mempunyai maksud yang berbeza kepada peminjam berbanding dengan pemiutang. Masalah pemilihan buruk timbul apabila peminjam itu mempunyai maklumat lebih daripada pemiutang (Darrough & Stoughton 1986). Pinjaman liabiliti bersama dicadangkan untuk mengatasi bahaya moral dan isu pemilihan yang buruk. Para pengkaji awal yang memperkenalkan Teori Liabiliti Bersama sebagai satu bentuk teori hutang adalah Varian (1990) dan Stiglitz (1990). Kebanyakan pengkaji merujuk kepada pengkaji ini dalam menerangkan Teori Liabiliti Bersama.

### Bahaya Moral

Model seperti ini dicadangkan oleh Stiglitz (1990), mencadangkan bahawa pemantauan rakan sebaya dengan menggunakan kumpulan pinjaman liabiliti bersama akan mengurangkan masalah bahaya moral. Bagaimana ia berfungsi?

Dalam kumpulan liabiliti bersama, setiap ahli lebih suka projek yang selamat ( $s$ ) dan bukan daripada yang berisiko ( $k$ ). Hal demikian disebabkan mereka perlu bertanggungjawab untuk membayar orang lain jika projek mereka gagal. Tindakan ini menunjukkan bahawa risiko sesuatu projek pelaburan yang dibiayai dengan pinjaman, akan memberi kesan. Oleh itu setiap peminjam akan menjaga projek yang dipilih dengan baik.

Model ini dapat dijelaskan sebagai berikut.

- (i) *Semua individu mempunyai dua projek, projek yang selamat, jika berjaya, pulangan  $Y_s$  ( $L$ ) apabila diukur pada skala  $L$  (diukur dalam unit dolar perbelanjaan), dan satu projek yang agak berisiko, jika berjaya, pulangan sebanyak  $Y_k$  ( $L$ ). Jika projek gagal, pulangan adalah sifar.*
- (ii) *Kebearngkalian kejayaan bagi setiap projek adalah  $p_s$  dan  $p_k$ , dengan  $p_s > p_k$ , dengan mengangap, pulangan adalah merupakan fungsi peningkatan skala, tetapi kos tetap ( $L$ ) dengan projek berisiko adalah lebih besar:  $L_k > L_s$ . Oleh itu,  $Y_k > Y_s$ .*

(iii) Dengan mengandaikan bahawa dengan mengambil kira kebarangkalian kejayaan, projek ini selamat, sentiasa menghasilkan pulangan yang lebih tinggi daripada projek berisiko:

$$Y_s(L) p_s - (1+r)L > Y_k(L) p_k - (1+r)L, r$$

adalah kadar faedah benar .....(1)

(iv) Model ini menganggap semua individu adalah serupa (mengenal antara satu sama lain), dan tahap usaha yang diperlukan oleh kedua-dua projek yang diberikan adalah sama. Oleh itu, utiliti dijangka daripada projek untuk menjalankan i diberikan oleh  $V_i(L,r) = U(Y_i(L) - (1+r)L)p_i - v(e(L))$ , di mana  $U(Y)$  adalah utiliti pendapatan,  $U' > 0, U'' < 0$ , dan fungsi utiliti adalah normal supaya  $U(0) = 0$ .  $v(e(L))$  adalah (disutility of effort)  $e; v' > 0, v'' > 0$ . Ia diandaikan bahawa tahap usaha yang diperlukan meningkat sebagaimana saiz projek meningkat:  $e'(L) > 0$ .

(v) Keluk itu kemudian dipanggil sebagai (indifference curves). Ia memberikan semua kontrak  $(L, r)$  yang memberikan peminjam utiliti yang sama. Kecerunan keluk sikap acuh tak acuh jika individu melaksanakan projek i diberikan oleh:

$$dr = \frac{Y'_i - (1+r)}{dL} - \frac{v'e'}{U'p_i} \dots\dots\dots(2)$$

(vi) "switch line" boleh ditakrifkan sebagai kombinasi  $(L, r)$  yang mana individu itu adalah tidak berbeza antara kedua-dua projek, iaitu ;

$$V_s(L,r) = V_k(L,r) \dots\dots\dots(3)$$

Garis negatif (switch line) adalah curam di bawah keadaan yang mungkin kerana pulangan kepada skala yang lebih penting untuk projek berisiko daripada untuk selamat, (semakin meningkat di  $L, r$  adalah tetap), membuat projek berisiko lebih menarik. Di rantau yang berkenaan ( $L > L_k$ ),

$$\frac{\partial V_s}{\partial L} < \frac{\partial V_k}{\partial L} \dots\dots\dots(4)$$

Daripada persamaan di atas (1 hingga 4), ia diandaikan bahawa peningkatan  $L$  pada  $r$ , tetap meningkatkan utiliti dijangka daripada projek berisiko lebih daripada daripada projek selamat. Oleh itu, peningkatan dalam  $L$  mesti disertakan dengan kejatuhan dalam  $r$  untuk meninggalkan peminjam yang tidak ambil peduli antara kedua-dua projek, yang membuktikan bahawa "switch line" mempunyai cerun negatif.

Oleh itu, dalam pemantauan rakan sebaya, dengan menganggap bahawa setiap peminjam mempunyai satu (dan satu sahaja) jiran yang juga peminjam,



menjadikan projek-projek adalah bebas. Kedua-dua peminjam boleh memantau antara satu sama lain. Pemberi pinjaman akan melaporkan jika jirannya menggunakan teknik yang berisiko. Ini disebabkan dia mahu mewujudkan persekitaran di mana menjadi kepentingan setiap orang untuk memantau dan melaporkan apa-apa penipuan. Pemberi pinjaman akan menawarkan kontrak yang mana jika jirannya bersetuju untuk menandatangani. ‘Cosigner’ bersetuju untuk membayar sejumlah  $qL$  kepada pemberi pinjaman sekiranya projek gagal. Jangkaan utiliti peminjam akan bergantung satu sama lain. Dengan menganggap mereka bekerjasama antara satu sama lain, jadi mereka mengambil keputusan bersama, sama ada untuk menjalankan projek selamat atau projek berisiko, dan jika mereka melaksanakan projek yang berisiko, mereka bersetuju untuk tidak melaporkannya.

Dengan membuat individu menyatakan persetujuan, ia akan memberinya risiko tambahan. Persetujuan akan menyediakan insentif untuk peminjam memantau tindakan sebelah pihak lagi. Ia juga meningkatkan risiko. Namun, dalam analisis equilibrium kompetitif simetri, kadar faedah diubah untuk memberi kesan kepada pemantauan yang lebih baik. Ia telah terbukti bahawa pada tahap rendah  $q$ , hasil daripada pemantauan rakan sebaya akan lebih mengimbangi kerugian dalam utiliti dijangka daripada peningkatan risiko yang dihadapi.

Persamaan ini juga menunjukkan bahawa pemantauan rakan sebaya akan meningkatkan garisan “switch line”. Ia mengurangkan kekangan pada  $(L, r)$  yang diperlukan untuk memastikan bahawa peminjam akan menjalankan projek selamat. Pada peringkat rendah  $q$ , peralihan ke atas dalam “switch line” melebihi anjakan yang diperlukan akan mengekalkan peminjam pada jangkaan tetap utiliti. Pemantauan antara peminjam akan meningkatkan kebajikan peminjam. Pada peringkat rendah  $q$ , beban risiko yang dikenakan ke atas peminjam melalui persetujuan adalah diimbangi oleh pengurangan dalam kadar faedah kompetitif yang dikenakan. Tambahan pula, jika kedua-dua pihak bertindak secara kerjasama, persamaan “switch line” digambarkan oleh;

$$U[Y_s(L) - (1+r)L]p_s^2 + U[Y_s(L) - (1+r-q)L]p_s(1-p_s) = U[Y_k(L) - (1+r)L]p_k^2 + U[Y_k(L) - (1+r-q)L]p_k(1-p_k) \dots\dots\dots(5)$$

Daripada persamaan 5, apabila peminjam bekerjasama antara satu sama lain, mereka tidak akan melaporkan jika orang lain terlibat dalam projek berisiko dan persetujuan tersebut membuat mereka selamat daripada beban risiko dan akan dibayar pampasan oleh penurunan kadar faedah yang dikenakan (Stiglitz 1990).

## **Bahaya Moral dengan Pemantauan**

Model ini adalah lanjutan daripada bahaya moral yang telah diperkenalkan oleh Stiglitz (1990). Model ini menggabungkan pandangan pemantauan rakan sebaya atau pemantauan berasaskan komuniti. Walau bagaimanapun, pemantauan akan melibatkan kos yang tinggi. Kemudian, Banarjee, Besley & Guinnane (1994), mencadangkan bagi tujuan pemantauan menjadi lebih berkesan, institusi mesti mewujudkan insentif untuk ahli-ahlinya bagi memantau antara satu sama lain.

## **Masalah Pemilihan Buruk atau “*Adverse selection*”**

Beberapa kajian, misalnya Akerlof (1970), Ma (1991), Ghatak & Guinnane (1999), Armendariz dan Gollier (2000), telah mengkaji kesan liabiliti bersama pada pemilihan kumpulan. Kebanyakan kajian ini menggunakan rangka kerja *adverse selection* yang mana peminjam tahu ciri-ciri projek masing-masing dengan kesesuaian kredit mereka, tetapi pemberi pinjaman tidak.

Pemilihan buruk timbul apabila peminjam mempunyai ciri-ciri yang tidak diketahui kepada pemberi pinjaman dan ini akan memberi kesan kepada kebarangkalian untuk membayar balik pinjaman. Pemberi pinjaman akan berurusan dengan maklumat tidak jelas secara langsung atau tidak langsung dengan menawarkan pinjaman hanya dengan risiko yang baik. Dalam analisis keseimbangan, peminjam akan berakhir dengan rakan-rakan daripada jenis yang sama. Akibatnya, pemberi pinjaman boleh memilih peminjam dengan mengubah tahap liabiliti bersama. Ini adalah kerana peminjam berisiko mempunyai rakan berisiko dan dengan itu, akan lebih memilih kontrak yang kurang liabiliti bersama berbanding sikap peminjam yang kurang risiko.

## **Kemungkiran Hutang Secara Strategik atau “*Strategic Default*”**

Besley & Coate (1995) dalam modelnya, kemungkiran hutang secara strategik jelas berbeza daripada yang lain, yang mana tidak ada bahaya moral (*moral hazard*) dan tidak ada masalah pemilihan yang buruk (*adverse selection*). Sebaliknya, peminjam dalam liabiliti bersama diberikan dengan projek yang berisiko dan dibiayai dengan pinjaman. Model lain menganggap pembayaran balik sentiasa berlaku jika projek peminjam berjaya, manakala dalam kes kemungkiran hutang secara strategik, peminjam akan memilih sama ada untuk membayar balik berdasarkan reaksi ahli yang lain terhadap projek yang lepas. Di sini, insentif untuk membayar balik bergantung kepada hasil ahli kumpulan yang lain dan penalti bagi yang gagal membayar. Kedua-dua jenis hukuman diandaikan meningkat dalam hasil projek.

Mengikuti Besley & Coate (1995), sebagai contoh, satu projek yang memerlukan satu unit modal selama satu tempoh dan menjana unit  $\mu$  pendapatan. Pada tarikh akhir, jumlah yang dibayar balik termasuk faedah adalah  $r > 1$ . Keputusan peminjam untuk membayar balik  $r$  bergantung kepada keuntungan lebih  $r$  dari unit tambahan pendapatan dan dengan bayaran ahli yang gagal membayar. Di bawah keadaan tertentu, hukuman yang boleh dikenakan oleh agensi pinjaman terhadap pihak yang mungkir adalah satu fungsi pendapatan yang dijana,  $p(\mu)$ . Oleh itu, peminjam akan membayar balik pinjaman jika dan hanya jika  $r \leq p(\mu)$ . Institusi kewangan formal akan menghentikan cagaran sekiranya berlaku kegagalan membayar.

Dalam pemberian pinjaman berkumpulan bagaimanapun, insurans (cagaran) adalah kumpulan itu sendiri, dan bukan suatu aset fizikal dan kumpulan akan menggunakan sekatan sosial terhadap pihak yang mungkir. Kerugian yang dihadapi oleh individu yang membayar apabila pasangannya tidak membayar diwakili oleh  $r$ , jika dia memilih untuk membayar balik pinjaman berkumpulan itu sendiri, dan  $p(\mu) - r$  jika dia memutuskan untuk tidak membayar. Jika kita menganggap bahawa  $p(\mu) > r$ , pihak yang mungkir adalah lebih teruk kesan sekatan sosial daripada orang itu. Ini disebabkan penolakan masyarakat telah menyebabkan ketidakelesaian dan kerugian material. Selain itu, kumpulan itu boleh mengurangkan kerjasama dengan orang yang ingkar itu pada masa akan datang (Besley & Coate 1995).

Empat perkara di atas menunjukkan aspek positif dan negatif Teori Liabiliti Bersama. Ini menunjukkan bahawa, Teori Liabiliti Bersama boleh mengurangkan kos pemantauan oleh pemberi pinjaman. Walau bagaimanapun, ia juga mendorong peminjam yang cenderung untuk memilih hanya projek-projek yang lebih selamat daripada projek yang berisiko, pemberi pinjaman juga dapat melindungi peminjam dengan mengubah tahap liabiliti bersama. Ini adalah kerana peminjam berisiko mempunyai rakan berisiko dan dengan itu, mereka akan lebih suka kontrak dengan kurang liabiliti bersama, berbanding peminjam yang selamat. Semasa proses pembayaran balik, ia menimbulkan beban kepada satu pihak dengan membayar balik pinjaman yang lain untuk mengelakkan hukuman itu daripada pemberi pinjaman. Kemudian, kemungkinan akan menimbulkan kos membayar balik pinjaman dan boleh membawa kedua-dua individu untuk mungkir.

Pinjaman yang diberikan kepada peminjam dalam pinjaman berkumpulan bergantung kepada pembayaran balik yang berjaya dari peminjam yang lain. Oleh itu, seluruh kumpulan bertanggungjawab ke atas hutang mana-mana ahli individu dalam kumpulan itu. Oleh itu, liabiliti bersama berperanan sebagai insurans terhadap risiko.

## CADANGAN HIWALAH DALAM KONTRAK PINJAMAN BERKUMPULAN

Perbincangan dalam kajian ini menunjukkan bahawa kontrak pinjaman berkumpulan secara asasnya menjadi kontrak asas dalam hubungan antara pihak yang berkontrak iaitu antara institusi mikrokredit dan peminjam. Di bawah undang-undang Syariah, kontrak hutang (debt contract) hanya terjadi antara institusi mikrokredit dan peminjam. Bagaimana pula dengan kontrak antara peminjam? Dalam Teori Liabiliti Bersama, kontrak antara peminjam adalah berdasarkan kepercayaan semata-mata.

Dalam Islam, individu hanya boleh memindahkan hutangnya kepada peminjam lain berasaskan kontrak *Hiwalah*. Bagaimana ciri baru tambahan ini boleh bertindak dalam dasar pinjaman berkumpulan?

Ulama' Hanafi mentakrifkan *Hiwalah* adalah sebagai memindahkan tuntutan daripada tanggungan si berhutang kepada tanggungan orang yang sedia mengambil tanggungan. Ini berbeza dengan jaminan yang menggabungkan tuntutan, bukan memindahkan tuntutan yang mana si berhutang tidak boleh menuntut pemindahan selepas pindah hutang menurut kesepakatan ulama' (Al-Zuhayli 2007). Ulama' Hanafi berselisih pendapat sama ada hutang itu sebenarnya berpindah atau tidak. Sebenarnya ia memanglah berpindah. Penulis kitab al-Inayah telah mentakrifkan pindah hutang sebagai pemindahan hutang daripada tanggungan si berhutang kepada penerima pindah hutang berdasarkan kepercayaan.

Pindah hutang diharuskan oleh al-Sunnah dan ijma' kecuali pengurusan hutang dengan hutang. Dalam riwayat al-Tabrani, dalam kitab Mu'jam al-Wasit yang bermaksud: Siapa yang mampu melakukan pindahan hutang, maka hendaklah ia lakukan. Dalam riwayat Ahmad dan Ibn Abu Shaybah yang bermaksud: Siapa yang mampu melakukan pindahan hutang, maka hendaklah ia lakukan. Mengikut jumbuh, perintah membuat pindah hutang satu perkara sunnah, maka ia tidak wajib menerima tawaran. Mengikut Abu Dawud perintah tersebut adalah bermakna wajib, ia mesti diterima oleh pemiutang asal. Dari segi ijma' bahawa ahli ilmu pada keseluruhannya mengharuskan pindah hutang iaitu satu 'aqad berhubung dengan hutang bukan barang. Pengertian pindah di sini ialah pindah hutang bukan barang. Dalam hadith dari al-Bukhari, dalam bab *al-Hawalah* atau *al-Hiwalah*, yang bermaksud:

*Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Yusuf telah menceritakan kepada kami Sufyan dari Ibnu Dzakwan dari Al A'raj dari Abu Hurairah R.A dari Nabi S.A.W bersabda: "Menunda membayar*

*hutang bagi orang kaya adalah kezaliman dan apabila seorang dari kalian hutangnya dialihkan kepada orang kaya, hendaklah ia ikuti”.<sup>7</sup>*

Terdapat enam rukun dalam pindah hutang mengikut jumbuh selain ulama’ Hanafi iaitu:

- a. pemindah hutang iaitu orang yang berhutang
- b. pemiutang asal iaitu orang yang memberi hutang
- c. penerima pindah hutang iaitu orang yang mengambil alih pembayaran hutang kepada pemiutang asal
- d. hutang iaitu perkara yang dihutangkan kepada pemindah hutang yang boleh dituntut oleh pemiutang asal
- e. hutang pemindah hutang yang dipindahkan tanggungannya kepada penerima pindah hutang
- f. sighth.

Terdapat beberapa syarat yang perlu diikuti untuk melaksanakan *Hiwalah*.

- a. Kerelaan pemindah hutang (Imam Maliki dan Shafici). Sebagai contoh, pemindah hutang berkata, “Saya pindahkan hutang ini kepada C,” dan penerima hutang perlu menjawab, “Saya bersetuju.”
- b. Pemindah hutang hendaklah seorang yang layak membuat ‘akad, iaitu seorang yang sudah mencapai umur baligh dan berakal.
- c. Manakala terdapat tiga syarat bagi pemiutang asal dan penerima pindah hutang.
- d. Dia perlu layak untuk membuat kontrak seperti berakal dan baligh.
- e. Pemiutang asal dan penerima pindah hutang perlu mempunyai kerelaan dan tiada unsur paksaan (Jika wujud unsur paksaan, kontrak tersebut akan batal seperti dalam pandangan ulama’ Hanafi, Maliki dan Shafici). Penerimaan tersebut perlu dinyatakan oleh pihak yang memindahkan hutang ketika sesi kontrak berlaku (majlis ‘aqad) dan menyenaraikannya sebagai satu keputusan (Abu Hanifa dan Muhammad).
- f. Benda yang dipindahkan tersebut adalah hutang.
- g. Pindah *hutang mutlak* dan *bersyarat*

---

7 Al-Bukhari, Bab *al-Hiwalah*

Ulama' Maliki dan Ulama' Shafiei menambah bahawa hutang yang dipindahkan mestilah telah matang, sama dengan hutang yang terhutang kepada pemindah oleh penerima pindahan dalam jenis dan jumlah, dan juga bukan jualan Salam (bahan makanan). Hutang juga perlu mengikat. Pemindahan hutang itu boleh ditamatkan dalam salah satu daripada tujuh cara yang dibatalkan, kematian atau kebangkrapan, pembayaran balik hutang, kematian pemiutang atau penghutang, hadiah, sedekah dan pengampunan.

Ulama' Hanafi pula membahagikan *Hiwalah* kepada dua, iaitu mutlak dan bersyarat. Maksud mutlak adalah sebagai contoh, B memindahkan hutang kepada C dengan tidak mengaitkan hutang C daripada B, C menerima pemindahan tersebut. Dalam kes tersebut, ulama Hanafi tidak menyatakan apa-apa pandangan sama ada harus atau tidak. Manakala Mazhab yang tiga selain Mazhab Hanafi mengatakan pindah hutang dalam bentuk mutlak di mana penerima pindah hutang itu tidak mempunyai hutang daripada pemindah hutang dianggap sebagai jaminan semata-mata. Bersyarat pula bermaksud, pemindah hutang memindahkan hutangnya kepada penerima pindah hutang dengan disyaratkan penerima itu mempunyai hutang daripada pemindah.<sup>8</sup>

Dari segi hukum terdapat perbezaan antara pindah hutang mutlak dengan pindah hutang bersyarat. Di antaranya adalah seperti berikut: Pindah hutang dalam bentuk mutlak dan penerima pindah hutang tidak mempunyai hutang daripada pemindah hutang. Dalam kes ini, pemiutang asal hanya boleh menuntut hutang pindah daripada penerima hutang pindah sahaja. Jika penerima pindah hutang mempunyai hutang daripada pemindah dan tidak pula dikaitkan dengan hutang itu, pemindah tidak berkata kepada penerima: "Aku (B) pindahkan hutangku daripada tuan (A) kepada anda (tuan C) sebagai bayaran hutang anda (tuan C) daripada aku" atau "dengan syarat anda (C) membayar hutang anda kepada aku," dan penerima pindah hutang menerima syarat tersebut. Dalam kes ini penerima pindah hutang boleh dituntut dengan dua hutang iaitu hutang pindah dan hutang pemindah. Dengan kata lain, pemiutang asal menuntut hutang yang dipindahkan dan pemindah hutang menuntut hutangnya yang ada dalam tanggungannya. Jika dikaitkan pemindahan hutang itu dengan hutang yang ada di atas tanggungan penerima pindah hutang, pemindah tidak boleh menuntut hutangnya, kerana pindah hutang tersebut telah dikaitkan dengan hutang pemiutang asal. Kedudukan hutang dalam kes ini menjadi cagaran, bukan cagaran dalam pengertian sebenar.

Dalam kes pindah hutang yang dikaitkan dengan hutang yang ada ditangan penerima pindah hutang, sedangkan keadaan sebenar ia tidak mempunyai

---

8 Al-Zuhayli, *Fikh dan Perundangan Islam*, jilid 5, hlm 149-150.

hutang yang dimaksudkan, contohnya hutang itu merupakan bayaran kepada barang jualan yang dituntut penjual, maka akad pindah hutang tidak sah. Ini kerana apabila pindah hutang dikaitkan dengan hutang yang ia bukan hutang, maka pindah hutang itu tidak menjadi pindah hutang. Jika pindah hutang dibuat dalam bentuk mutlak dan ternyata kemudian penerima pindah hutang tidak ada hutang daripada pemindah hutang, maka akad pindah hutang itu tidak terbatal. Ini kerana hutang yang disebut tidak ada kaitan dengan pindah hutang. Ia berkaitan dengan tanggungan maka tidak nyata bahawa akad pindah hutang itu terbatal.

Dalam kes pindah hutang tanpa syarat, kemudian pemindah hutang mati sebelum penerima pindah hutang membayar hutang kepada pemiutang asal, dalam waktu yang sama pemindah hutang mempunyai beberapa hutang dengan orang lain, dan ia tidak mempunyai harta kecuali hutang yang ada di tangan penerima pindah hutang. Dalam keadaan seperti ini, pemiutang asal tidak lebih berhak kepada pemiutang-pemiutang lain, mengikut pendapat Imam-Imam Mazhab Hanafi yang tiga (Abu Hanifah, Abu Yusuf dan Muhammad). Bagi Zufar, pemiutang asal lebih berhak berbanding dengan pemiutang-pemiutang lain di mana ia sama dengan kes cagaran. Pendapat Zufar telah ditolak, dengan mengatakan bahawa antara pindah hutang dengan cagaran adalah dua perkara yang berbeza. Dalam cagaran, penggadai sendiri akan menanggung kerugian akibat percagaran. Sedangkan dalam kes pindah hutang pemiutang asal tidak akan menanggung kerugian. Oleh itu, pemiutang asal paling kurang berhak menerima agihan hutang itu. Dalam kes pindah hutang dalam bentuk mutlak, hutang yang ada di tangan penerima pindah hutang dibahagi-bahagikan sesama pemiutang-pemiutang lain, tidak termasuk pemiutang asal. Ini kerana pindah hutang di sini tidak dikaitkan dengan hutang.

## **PELAKSANAAN**

Terdapat beberapa langkah yang perlu diambil bagi melaksanakan cadangan dasar tersebut. Cadangan ini mengambil kira pelaksanaan *qard* dalam pinjaman berkumpulan di institusi mikro Kredit.


### **Kontrak hutang antara institusi mikro Kredit dan peminjam secara individu.**

Institusi mikro Kredit menggunakan kontrak *qard*. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa projek yang menggunakan konsep murabahah komoditi (*tawarruq*) iaitu untuk projek yang lebih besar bagi kategori peminjam yang bukan lagi dibawah kategori miskin seperti yang dipraktikkan di Amanah

Ikhtiar Malaysia (AIM). Di samping itu, peminjam mempunyai tanggungan terhadap peminjam lain dalam satu kumpulan. Kebiasaannya, jumlah pinjaman di bawah kontrak *qard* adalah kurang daripada kontrak *tawarruq*.

### Kontrak *hiwalah* di kalangan individu peminjam

Langkah ini melibatkan pembentukan kontrak *Hiwalah*. Seperti yang dinyatakan dalam Rajah 1, apabila A, berhutang terhadap F dan berunding dengan kumpulan iaitu B, C, D dan E untuk meminta membayar hutang tersebut, dia sebenarnya telah menjamin dirinya sendiri. Kumpulan atau orang perseorangan dalam kumpulan tersebut akan bertanggungjawab terhadap hutang A tersebut. Dalam kes ini, *Hiwalah* perlu dinyatakan sama ada berbentuk mutlak atau bersyarat.




**Rajah 1:** Hiwalah Mutlak

- i. A (Penghutang) dan B, C, D dan E (Peserta Pembiayaan Mikro dalam kumpulan yang sama) sama-sama mendapatkan modal dari F iaitu Institusi mikrokredit.
- ii. Pada minggu pertama pembayaran balik hutang, A tidak dapat membayar hutang tersebut kepada F. Maka, A telah meminta rakan peserta iaitu, B atau kumpulannya iaitu C, D dan E untuk membayar hutangnya kepada F.



- iii. B atau kumpulan B, C, D dan E membayar hutang tersebut bagi pihak A kepada F.



**Rajah 2:** Hiwalah Bersyarat

- i. A dan B, C, D dan E (Peserta Mikro Kredit dalam kumpulan yang sama) sama-sama mendapatkan modal dari F iaitu institusi mikro kredit.
- ii. Pada minggu berikutnya, ketika pembayaran balik hutang, B tidak dapat membayar hutangnya kepada F. Maka, B telah meminta rakan peserta iaitu, A untuk membayar hutangnya kepada F dengan melakukan pindah hutang bersyarat.
- iii. A membayar hutang tersebut bagi pihak B kepada F dengan melakukan pindahan hutang yang ada padanya.

Prinsip *Hiwalah* juga digunakan dalam urus niaga kewangan komersial seperti dalam instrumen pinjaman. *Hiwalah* lebih berbentuk jaminan. Kontrak *Hiwalah* juga boleh dibentuk untuk tujuan menjamin pembayaran pinjaman melalui nota janji hutang, cek atau bil pertukaran.

Kontrak *Hiwalah* telah digunakan dalam urusan niaga kewangan Islam, seperti pemfaktoran dan pemindahan hutang. Dengan melihat pelbagai urusan niaga yang terkini menggunakan kontrak *Hiwalah*, didapati bahawa terdapat perubahan atas permohonan kontrak *Hiwalah*. Dalam model klasik yang berasaskan definisi asal, tanggungjawab hutang pada pihak *Muhal* akan dipindahkan kepada pihak *muhal* (pembayar) yang mana *muhal* akan terus membayar hutang tersebut. Namun dalam urusan niaga hari ini, *Muhal* masih mempunyai tanggungjawab untuk membayar hutangnya. Hanya tuntutan langkah hutang berpindah daripada *Muhal* kepada *muhal*.

### **Apabila peminjam gagal membayar hutang**

Apabila kemungkiran (default) berlaku, perkara berikut dicadangkan untuk diambilkira:

Setiap ahli mengetahui akan kontrak *Hiwalah*. Setiap ahli akan bersetuju untuk membayar hutang rakan jika berlaku masalah kemungkiran dengan syarat setiap ahli juga mempunyai kemampuan untuk membayar. Jika peminjam itu gagal membayar atas sebab yang dipersetujui, peminjam itu akan menyatakan rakan yang akan membayar hutang tersebut.

Kemudian, pembayar hutang tersebut akan membayar hutang tersebut mengikut kemampuannya. Walau bagaimanapun, pembayar hutang boleh menolak untuk tidak membayar jika diluar kemampuannya dan peminjam itu didapati melanggar syarat perjanjian bersama (seperti akan membayar hutang tersebut bagi pihak beliau atas sebab kegagalan perniagaan, masalah kesihatan, masalah cuaca dan lain-lain yang dianggap munasabah olehnya). Penghutang yang bermasalah boleh dikenakan denda (*ta'widh*) berbentuk pengusiran kumpulan, atau dengan tidak diberikan pinjaman baharu. Peminjam tersebut mempunyai tanggungjawab untuk membayar balik hutang tersebut.

### **Tabung kumpulan**

Tabung kumpulan akan digunakan jika hampir kesemua ahli tidak mampu membayar pinjaman. Tabung ini dikumpulkan secara bulanan (regular basis) dan disimpan sebagai simpanan Islam (Islamic deposit) di institusi mikro kredit.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah mengkaji parameter dan dasar pinjaman berkumpulan. Kelebihan dan kekurangan dalam pinjaman berkumpulan telah dikenalpasti. Lantaran itu, satu model lanjutan dari kajian Stiglitz telah dicadangkan. Namun, penulis juga telah memasukkan kontrak pindah hutang (Hiwalah) di kalangan peminjam. Kajian ini diharap memberi sumbangan kepada perbincangan semasa sama ada dasar pinjaman berkumpulan telah mapan dan dapat dikekalkan serta mampu menunjukkan prestasi pembayaran yang baik. Di samping ia dapat memberi khidmat kepada peminjam yang miskin tanpa sokongan pihak ketiga seperti operator takaful. Dengan memberi ciri yang baru, kajian ini dapat menambah baik dasar pinjaman berkumpulan dengan konsep pindah hutang yang lebih jelas. Dengan itu, ia diharap dapat membangunkan dan memapankan institusi mikro Kredit. Walaupun kontrak dicadangkan untuk mengatasi masalah moral tersebut, kajian juga perlu dilanjutkan kepada kajian tingkah laku peminjam dalam pembayaran pinjaman. Ia penting bagi mengetahui faktor penentu yang mana memberi kesan kepada tingkah laku peminjam.

## **RUJUKAN**

- Ahlin, C., & Townsend, R. (2003), "Using Repayment Data to Test Across Models of Joint Liability". Working paper No 02-W27. Vanderbilt University. Retrieved from [www.vanderbilt.edu/com](http://www.vanderbilt.edu/com)
- Armenda, B., Aghion, Â. De, & Gollier, C, (2000), Peer group formation in an adverse selection model. *The Economic Journal*, 110 (March 1996), 632–643.
- Banarjee, A. V., Besley, T., & Guinnane, T. W, (1994), The Neighbor's Keeper: The Design of a Credit Cooperative with Theory and a Test. *The quarterly journal of economics*, 109(2), 491–515.
- Banarjee, A. V., & Duflo, E, (2010), Giving credit where credit is due? *Journal of Economic Perspectives*, 24(3), 19. doi:10.116/j.ajog.2012.06.017
- Besley, T., (1995), Nonmarket Institutions for Credit and Risk Sharing in Low-Income Countries. *The Journal of Economic Perspectives*, 9(3), 115–127.
- Brehanu, A., & Fufa, B., (2008), Repayment rate of loans from semi-formal financial institutions among small-scale farmers in Ethiopia: Two-limit Tobit analysis. *The Journal of Socio-Economics*, 37(6), 2221–2230. doi:10.1016/j.socec.2008.02.003
- Chowdury P.R, (2005), Group-lending: Sequential financing, lender monitoring and joint liability. *Journal of Development Economics*, 77, 415-439

- Darrough, M. N., & Stoughton, N. M., (1986), Moral Hazard and Adverse Selection: The Question of Financial Structure. *The Journal of Finance*, 41(2), 501–513.
- Galarotis E., Villa C. & Yusupov M. (2011), Recent Advances in Lending to the Poor with Asymmetric Information. *Journal of Development Studies*, 47:9, 1371-1390.
- Ghatak, M., & Guinnane, T. W., (1999). The economics of lending with joint liability: theory and practice. *Journal of Development Economics*, 60(1), 195–228. doi:10.1016/S0304-3878(99)00041-3
- Ghatak, M., (1999). Group lending, local information and peer selection. *Journal of Development Economics*, 60, 27-50.
- Ghatak, M. (2000), Screening by the company you keep. *The Economic Journal* 110.601-631
- Leland, H., and D. Pyle (1979), Informational asymmetries, financial structure, and financial intermediation, *Journal of Finance*, 32, 371-387.
- Madajewicz, M. (2011), Joint liability versus individual liability contracts. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 77, 107-123
- Mahjabeen, R. (2010), On the Provision of Micro Loans- Microfinance Institutions and Traditional Banks, *Journal of Economic Development*, 35, 59-73.
- Mamun, A. Al, Adaikalam, J., & Wahab, S. A. (2011), Investigating the Effect of Amanah Ikhtiar Malaysia's Microcredit Program on Their Clients Quality of Life in Rural Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 4(1), 192–203. doi:10.5539/ijef.v4n1p192
- Mohamed Sharif Bashir & Norhaziah Nawai. (2006), Performance and Effectiveness of the Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Programs: Factor Analysis Technique. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 3
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali asy-Syarbaji (2009), *Al-Fiqh al-Manhaji, Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Jilid 6, Pustaka Salam, Malaysia.
- Myers, S. C., & N. S. Majluf., (1984), Corporate financing and investment decisions when firms have information that investors do not have, *Journal of Financial Economics*, 13, 187-221.
- Park, A., & Shen, M. (2003). Joint liability lending and the rise and fall of China's township and village enterprises. *Journal of Development Economics*, 71(2), 497–531. doi:10.1016/S0304-3878(03)00038-5

- Ross, S. A., (1977), The determination of financial structure: The incentive signaling approach. *Bell Journal of Economics*, 8, 23-40.
- Saad, N. (n.d.). *Achieving Human Development Objectives Through Microfinance Institution: The Case of Amanah Ikhtiar Malaysia*.
- Stiglitz, J. E. (1990), Peer Monitoring and Credit Markets. *Oxford Journals*, 4(3), 351–366.
- Al-Zuhayli, Wahbah (2007), *Financial transactions in Islamic Jurisprudence*, Vol 2, Dar alFikr, Syria.

# CORAK PERBELANJAAN DANA MASJID NEGARA DAN MASJID AL-GHUFRAN: ANALISIS PERBANDINGAN KE ARAH PENJANAAN EKONOMI

*(Fund Expenditures Pattern of National Mosque and Al-Ghufran Mosque: Comparative Analysis Towards Generating of Income)*

Amru Alhaz Adnan<sup>1</sup>  
Mohammad Taqiuddin bin Mohamad<sup>2</sup>

## Abstrak

Dana masjid merupakan salah satu instrumen daripada dana sedekah. Ciri-cirinya yang fleksibel menjadikannya sebagai instrumen kewangan yang paling relevan kepada institusi masjid. Oleh yang demikian, pengurusan dan penjanaan dana masjid ini perlu dilakukan dengan sistematik dan efektif agar ia mampu mendatangkan pulangan ekonomi kepada masjid dan masyarakat setempat. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis corak perbelanjaan dana masjid antara masjid kerajaan yang diwakili oleh Masjid Negara dan masjid kariah yang diwakili oleh Masjid al-Ghufran, Pinggiran Taman Tun Dr Ismail bagi tujuan penjanaan ekonomi. Bagi mencapai objektif yang digariskan, kajian ini mengadaptasi dua metod iaitu analisis dokumen dan kajian lapangan. Laporan kewangan perbelanjaan rasmi bagi kedua-dua buah masjid juga dianalisis secara deskriptif untuk tempoh lima tahun iaitu 2009-2013. Temu bual juga turut dijalankan terhadap sejumlah responden yang terlibat dalam pengurusan kewangan kedua-dua buah masjid melibatkan pengerusi, pegawai kewangan, bendahari, imam, pegawai JAKIM dan pegawai JAWI. Hasil kajian mendapati kedua-dua masjid memperuntukkan sebahagian besar dana masjid bagi membiayai program pengimarahannya manakala perbelanjaan bagi penjanaan ekonomi masjid pula adalah berbeza antara keduanya. Hasil kajian sepanjang tahun 2009-2013 juga mendapati Masjid Negara tidak memperuntukkan sebarang perbelanjaan bagi aktiviti yang memberi pulangan ekonomi kepada masjid sedangkan Masjid al-Ghufran, Pinggiran Taman Tun Dr Ismail telah melaksanakan lima buah projek ekonomi yang mendatangkan pulangan tetap.

**Kata Kunci:** Perbelanjaan Dana Masjid, Penjanaan Ekonomi Masjid, Masjid.

- 
- 1 Calon Doktor Falsafah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia, amru@masjidnegara.gov.my
  - 2 Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia, m.taqiuddin@um.edu.my

### **Abstract**

*Mosque fund is one element of donation. The fund plays crucial role in running mosque institutions due to its flexibility and yet perceived as the most relevant source of income for this holy institution. Therefore, the effective and efficient ways of fund spending and generating should be implemented systematically that could lead to the creation of economic values for the benefits of mosque and society. This article aims to analyze the method of fund spending between government mosque that represented by Masjid Negara and Masjid Al-Ghufran Pinggir Taman Tun Dr. Ismail that represents kariah mosque (society mosque). For the objective fulfilment, this research utilizes the different methodologies, namely, document analysis and field research. The financial statements from the two mosque were descriptively studied for the tenure of five years, 2009-2013. Other that, the series of interviews also had been organized with the persons who involve in these mosque management consisted of chairman, treasurer, financial officer, imam and officers from two main religious bodies in Wilayah Persekutuan, JAWI and JAKIM. This study finds that the mosques had allocated and spent a big portion of their fund for the embellishment programs and events, while from the perspective of the income generation spending, it shows significant different between them. From 2009-2013, Masjid Negara had a zero allocation in creation economic long term values for the mosque, whilst Masjid Al-Ghufran had spent their fund for the five major projects that gained stable economic return for the mosque.*

**Keywords:** Mosque Fund Spending, Generating Mosque Income, Mosque

## **PENDAHULUAN**

Menyoroti sejarah awal Islam, hubungan antara masjid dan ekonomi tidak dapat dipisahkan mengambil kira peranan dan fungsi masjid yang cukup dinamik. Antara usaha-usaha awal yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW selepas hijrah ialah pembinaan masjid. Pembinaan Masjid Quba' sebagai masjid pertama dalam sejarah Islam berlaku pada tahun 622 Masihi.<sup>3</sup> Rasulullah SAW juga menubuhkan sebuah pasar (*sug*) Islam di Madinah berdekatan dengan Masjid Nabi. Maka tidak hairan apabila dipercakapkan bahawa aktiviti

---

3 Mahyuddin Yahya. 1998. *Tamadun Islam, ed. ke-4*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..

perdagangan muncul seiring dengan penubuhan institusi masjid. Apabila berlaku pemusatan aktiviti di masjid, ia turut membawa kepada pemusatan pasar-pasar di sekitarnya.<sup>4</sup> Pada zaman Rasulullah SAW juga, masjid dijadikan sebagai pusat pengembangan ekonomi umat Islam. Sebarang bentuk sistem ekonomi dibentang dan diselaraskan di masjid, malah masjid pada ketika itu dijadikan pusat pemantauan ekonomi umat Islam. Para pedagang menjadikan masjid sebagai tempat pertemuan untuk bertukar-tukar pandangan dan pendapat berkaitan perniagaan malah saudagar luar yang hendak berurusan dengan peniaga sama ada di Madinah atau di Mekah akan berurusan di masjid.<sup>5</sup>

Selain daripada itu, masjid dijadikan sebagai tempat mengumpul dana dan menyalurkannya kepada unit defisit dalam ekonomi. Dalam erti kata lain pemindahan kekayaan atau dana daripada kelompok yang mempunyai lebihan (*surplus*) kepada golongan yang kekurangan (*deficit*) dilakukan melalui institusi masjid.<sup>6</sup> Ia bermaksud masjid pada ketika itu juga berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pemberian zakat, pusat pemberian sedekah termasuklah pusat pembahagian harta rampasan perang.<sup>7</sup> Atas dasar itu Rasulullah SAW diiktiraf sebagai ketua negara pertama yang memperkenalkan konsep baru dalam bidang kewangan negara di mana semua hasil kekayaan negara harus dikumpulkan terlebih dahulu sebelum ia dikeluarkan bersesuaian dengan keperluan negara. Konsep ini diperkenalkan pada abad ketujuh.<sup>8</sup> Berdasarkan bukti-bukti ini jelas menunjukkan institusi masjid memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat dan negara.

- 
- 4 Ahmad Zaki Abdul Latiff. 1997. *Perbandaran di Timur Tengah: Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Abad I-III Hijrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
  - 5 Hasan Bahrom. 2008. *Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah*. Dlm. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (pnyt). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, hlm. 92. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
  - 6 Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, Mohd. Aizuddin Abd. Aziz. 2009. *Kerangka Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid: Satu Analisa*. Islamic Economic System (Iecon) Conference, Universiti Sains Islam Malaysia, 15-16hb Julai.
  - 7 Mohamad Murtadza Hj Ahmad. 1999. *Masjid Sebagai Institusi Dakwah: Penyelarasan Gerak Kerja Secara Sistematik*. Seminar Membudayakan Masjid Peringkat Kebangsaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 24-26hb April.
  - 8 Euis Amalia. 2005. *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam Dari Masa Klasik Hingga Kontemporer*. Jakarta: Pustaka Asatruss.



## **PERNYATAAN MASALAH**

Masjid yang wujud pada hari ini tidak lagi berperanan secara menyeluruh sebaliknya lebih terarah kepada tempat ibadah yang menjalankan aktiviti-aktiviti ibadah tradisi berbanding aktiviti-aktiviti lain. Antara faktor lain yang menjadi penyebab kepada isu ini ialah kegagalan institusi masjid dalam memahami aspirasi dan kehendak masyarakat setempat di samping tiadanya kajian tentang sosio budaya setempat.<sup>9</sup> Sehubungan dengan itu sudah tiba masanya fungsi institusi masjid perlu diperluaskan lagi agar selari dengan perkembangan politik, sosial dan ekonomi. Antara fungsi yang perlu diperkasakan oleh masjid ialah daripada aspek ekonomi dengan mengambil kira kekuatan dan kemampuan institusi masjid menyediakan sumber dana yang kukuh.

Derma awam yang dikutip daripada sumbangan dan sedekah orang ramai terutama ke dalam tabung derma masjid menjadi sumber utama menampung perbelanjaan tetap masjid-masjid.<sup>10</sup> Justeru kutipan daripada derma awam ini perlu dibelanjakan secara efektif dan berkesan mengambil kira bentuk derma ini merupakan wang orang ramai yang perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya. Namun demikian, terdapat sebahagian masjid memperolehi wang derma awam yang banyak dan lebih daripada mencukupi namun ia kurang dibelanjakan malah disimpan beku dalam institusi kewangan. Isu ini menjadi lebih ketara dilihat di masjid yang terletak di bawah pentadbiran kerajaan yang mempunyai peruntukan tetap.<sup>11</sup> Fidlizan Muhammad Mohd Yahya, Mohd Hussin dan Nurul Fadly Habidin (2008)<sup>12</sup> dalam kajian mereka mendapati kebanyakan masjid menyimpan beku pendapatan yang diperolehi di institusi kewangan yang tidak berupaya menghasilkan pulangan yang tinggi. Ia juga selari dengan dapatan

- 
- 9 Zulkifli Dahalan. 2002. Kaedah Kutipan Dan Perbelanjaan Wang-Wang Khairat Masjid: Kajian di Masjid Tuan Samad, Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Pulau Pinang. Disertasi Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.
  - 10 Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad. 2012. Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII). Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun.
  - 11 Amru Alhaz Adnan. 2015. Pengurusan Derma Awam dalam menjana Ekonomi Masjid: Perbandingan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
  - 12 Fidlizan Muhammad Mohd Yahya, Mohd Hussin dan Nurul Fadly Habidin. 2008. Mobilasi Wang Jumaat: Membentuk Dana Usahawan Muslim. Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 15hb Oktober.

kajian oleh Jaafar et al. (2001)<sup>13</sup> yang mendapati sumber kewangan masjid tidak disalurkan terhadap aktiviti-aktiviti yang mampu memberi pulangan yang menguntungkan kepada masjid dan penduduk setempat selain cenderung menyimpan dalam akaun semasa dengan mendapat pulangan yang rendah.

Selain itu juga isu yang timbul adalah daripada aspek kaedah perbelanjaan wang masjid. Sebahagian besar masjid masih memperuntukkan sebahagian besar perbelanjaannya kepada aktiviti-aktiviti berbentuk *one off*. Wang ini hanya digunakan untuk membayar kos operasi, bayaran penceramah dan pengajar dan belanja makan minum. Hal ini dibuktikan dengan melihat laporan tahunan perbelanjaan Masjid Negara Kuala Lumpur di mana hampir kesemua perbelanjaan adalah bersifat perbelanjaan hangus.<sup>14</sup> Walaupun demikian terdapat juga sebahagian masjid memperuntukkan sebahagian wang masjid bagi aktiviti ekonomi yang mendatangkan pulangan tetap kepada masjid seperti Masjid al-Ghufran di Pinggiran Taman Tun Dr Ismail.<sup>15</sup> Ia dibuktikan dengan melihat kepada laporan perbelanjaan Masjid al-Ghufran antara tahun 2009-2013 yang mendapati sebahagian besar wang masjid digunakan untuk membiayai aktiviti atau projek yang mendatangkan pulangan jangka masa panjang kepada masjid seperti penginapan *homestay* kamar musafir yang berkonsepkan hotel dan restoran.<sup>16</sup>

Justeru berdasarkan kepada isu serta permasalahan ini, artikel ini akan membuat penilaian terhadap pengurusan kewangan dana masjid. Secara spesifik objektifnya ialah menganalisis pendekatan perbelanjaan dana masjid oleh Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran untuk menjana ekonomi masjid. Artikel ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan ekonomi masjid, metodologi kajian yang digunakan seterusnya hasil dapatan kajian. Ia seterusnya diakhiri dengan kesimpulan.

---

13 Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid. 2001. Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation. Fakulti Ekonomi UKM dan UUM 23-24hb April.

14 Lihat Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara Tahun 2009-2013.

15 Terdapat 3 buah masjid kariah di Wilayah Persekutuan yang mempunyai dana kewangan yang kukuh antaranya Masjid al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail, Masjid al-Taqwa Taman Tun Dr Ismail dan Masjid Saidina Abu Bakar Bangsar. Namun Masjid al-Ghufran yang paling aktif dari sudut penjanaan ekonomi masjid. Hilmee Omar (Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan). 2014. Temubual, 19hb Ogos.

16 Lihat Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Masjid al-Ghufran bagi tahun berakhir 31hb Disember 2013.

## KAJIAN LEPAS

Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari (2002)<sup>17</sup> mengkaji tentang peranan yang dimainkan oleh institusi masjid dalam membangunkan ekonomi masjid. Hasil kajian beliau mendapati bahawa masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat menunaikan ibadah sahaja malah kualiti fungsinya boleh ditingkatkan lagi sebagai pusat kebajikan, pusat pembangunan ekonomi dan pengurusan kewangan seperti harta wakaf, sedekah dan sebagainya. Antara aktiviti praktikal yang dicadangkan adalah seperti penubuhan koperasi masjid, pelaburan dana masjid dalam institusi pelaburan kewangan Islam, pelaburan hartanah seperti sewaan bangunan milik masjid dan juga pelaburan dalam pengurusan perkhidmatan dan kemudahan masjid.

Peranan masjid dalam menjana kegiatan ekonomi ummah turut disentuh dalam kajian Lokman Zulkiffi (2007).<sup>18</sup> Pengkaji mengutarakan beberapa hujah mengapa perlunya masjid berperanan sebagai pusat kegiatan ekonomi ummah dengan mengambil kira contoh dan bukti pada zaman Rasulullah SAW di mana terdapat aktiviti ekonomi dan perniagaan di sekeliling Masjid Quba', Masjid Nabawi dan Masjid al-Haram. Tinjauan pengkaji mendapati kebanyakan masjid mengalami masalah pengurusan kewangan masjid yang tidak cekap di mana dananya lebih suka disimpan berbanding dibelanjakan. Dapatan ini turut disokong oleh Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Ab. Majid dan Hairunnizam Wahid (2001).<sup>19</sup> Kajian mendapati terlalu banyak masjid terus menyimpan dana beku dan harta berbanding menggerakkannya dalam aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan hasil dan pulangan yang lebih menguntungkan kepada masjid dan ahli kariah masing-masing.

Kajian berhubung akauntabiliti pengurusan dana sedekah telah dibuat oleh Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dan Maliah Sulaiman (2008).<sup>20</sup> Analisis dilakukan terhadap sistem kawalan belanjawan, penerimaan

---

17 Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari. 2002. *Pembangunan Ekonomi Masjid*. Seminar Pembangunan Masjid, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dewan Kuliah Utama APIUM, 28hb Disember.

18 Lokman Zulkiffi. 2007. *Penjanaan Kegiatan Ekonomi Institusi Masjid*. Dlm. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (pnyt.). *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, hlm. 285-301. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.

19 Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid. 2001. *Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik*. National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April.

20 Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dan Maliah Sulaiman. 2008. *Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid*. Dlm. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (pnyt.). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, hlm. 67-80. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

pendapatan wang tunai, perbelanjaan dana, operasi bank dan pelaporan di masjid negeri seluruh Malaysia. Hasil kajian mendapati masjid negeri mempunyai sistem kawalan yang baik bagi penerimaan pendapatan (kutipan) dan penggunaan dana. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan dari sudut aspek pengurusan kewangan sekalipun mempunyai jumlah kakitangan yang mencukupi.

Jamaliah Said et al. (2013)<sup>21</sup> pula telah membuat kajian tentang amalan pengurusan kewangan masjid berdasarkan bukti-bukti empirikal. Pengkaji menyatakan bahawa institusi masjid mempunyai potensi yang cukup besar dalam memastikan kebajikan masyarakat setempat. Kajian Abdullah Jalil dan Muhamad Muda (2008)<sup>22</sup> tentang pengurusan dana sedekah mendapati dana masjid mempunyai potensi yang sangat besar untuk dibangunkan dalam sistem ekonomi dan kewangan yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa isu utama dalam pengurusan derma sedekah ialah aspek kutipan dan agihan. Justeru kajian beliau menyarankan beberapa aspek dan tindakan yang perlu diambil sama ada di pihak kerajaan mahupun sektor swasta iaitu dengan mewujudkan garis panduan dan kaedah pembahagian yang munasabah dan relevan serta sistem laporan di samping penyelarasan dan penilaian yang mantap.

Akhir sekali Hasan Bahrom (2008)<sup>23</sup> membuat kajian tentang sumber kewangan masjid dan strategi untuk menjana kewangannya. Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap kajian-kajian lepas, beliau mendapati dana masjid boleh menjadi sumber asas kepada kekuatan ekonomi umat Islam keseluruhannya sekiranya ia dikendali dan diurus tadbir dengan baik dan sistematik.

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas ini, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai pengurusan dana masjid dalam menjana ekonomi. Namun begitu kajian yang telah dilakukan tidak memberi tumpuan terhadap perbandingan pengurusan perbelanjaan dana masjid di antara masjid

- 
- 21 Jamaliah Said, Azizah Mohamed, Zuraidah Mohd Sanusi, Syed Yusuf, and Sharifah Norzehan. 2013. Financial Management Practices in Religious Organizations: An Empirical Evidence of Mosque in Malaysia. *International Business Research* 6 (7): 111-119.
  - 22 Abdullaah Jalil dan Muhamad Muda. 2009. Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematik: Analisis Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2 (1): 53-72.
  - 23 Hasan Bahrom. 2008. Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah. Dlm. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (pnyt.). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, hlm. 81-100. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

kerajaan dan masjid kariah. Justeru pengkaji berkeyakinan bahawa dapatan kajian pasti berbeza dan berlainan dengan kajian-kajian sebelumnya.

## SKOP KAJIAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan dan perbandingan dua buah masjid iaitu Masjid Negara<sup>24</sup> dan Masjid al-Ghufran.<sup>25</sup> Pemilihan dua sampel daripada dua kategori masjid yang berlainan adalah bertujuan untuk melihat jurang dan perbezaan di antara keduanya. Mengambil kira Masjid Negara memperolehi dana peruntukan tetap daripada kerajaan, sudah pasti corak perbelanjaan dan pengurusan ekonominya berbeza berbanding dengan masjid yang tidak mempunyai peruntukan tetap kerajaan. Masjid Negara merupakan masjid di bawah kategori masjid Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM manakala Masjid al-Ghufran pula di bawah kategori masjid kariah.<sup>26</sup> Pemilihan Masjid al-Ghufran sebagai skop kajian disebabkan ia merupakan sebuah masjid yang efektif dalam aspek pengurusan ekonominya yang terbukti dapat menguruskan dananya dengan baik dan cemerlang.<sup>27</sup>

- 
- 24 Masjid Negara merupakan masjid utama negara di bawah pentadbiran kerajaan persekutuan yang terletak di Jalan Perdana 50480 Kuala Lumpur.
  - 25 Masjid Kariah merupakan masjid-masjid yang dibina oleh kerajaan negeri atau oleh orang ramai tempatan atau dibina secara bersama oleh kerajaan negeri dan orang ramai tempatan. Pembiayaan operasinya tidak ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, tetapi perjalanan operasinya tetap dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.
  - 26 Mengikut data terkini sehingga Disember 2013 yang diperolehi daripada Bahagian Kemajuan Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM, terdapat sebanyak 6174 buah masjid di seluruh negara. Masjid-masjid ini pula dibahagikan kepadabeberapa kategori antaranya masjid JAKIM, masjid negeri, masjid bandar, masjid daerah/jajahan, masjid kariah, masjid diraja dan masjid institusi. Di peringkat persekutuan tiga buah masjid iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin adalah di bawah pentadbiran Bahagian Kemajuan Islam (JAKIM) manakala di peringkat negeri pula pentadbiran masjid adalah di bawah Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri. Siti Fatimah Mohd Bohari (Penolong Pengarah, Cawangan Sekretariat Khas Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM), dalam temu bual dengan pengkaji, 21hb Mac 2014.
  - 27 Faizal Riduan, "Hotel dan Masjid dalam Satu Kompleks," *Milenia Muslim*. September 2009, 14-15. Lihat juga hasil temu bual Pegawai Bahagian Kariah JAWI yang menyatakan Masjid al-Ghufran merupakan masjid yang sangat aktif di kalangan masjid-masjid kariah seluruh Wilayah Persekutuan dari sudut mempelbagaikan projek ekonomi, HilmeeUmar (Penolong Pengarah Bahagian Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual dengan pengkaji, 10hb September 2014.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam usaha untuk menghasilkan kajian ini, beberapa metodologi akan digunakan bermula daripada proses pengumpulan data sehingga proses menganalisis data. Reka bentuk kajian ialah kaedah kualitatif dengan membuat penilitian terhadap penyata kewangan dan juga temu bual. Data sekunder diperolehi daripada penyata tahunan kewangan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran dalam tempoh lima tahun berturut-turut. Kemudian data ini dianalisis secara deskriptif dan dibuat perbandingan dan kesimpulan. Menurut Sidek Mohd. Noah (2002)<sup>28</sup> kajian deskriptif dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.

Bagi menyokong hasil dapatan yang diperolehi selain menjelaskan kesamaran berhubung maklumat dan data yang dianalisis, metode temu bual diaplikasikan. Temu bual yang dilakukan ialah berbentuk separa berstruktur dimana pengkaji telah menyenaraikan beberapa isu dan persoalan yang akan ditemu bual selain daripada soalan bebas yang berkaitan dengan aspek kajian. Bagi maksud ini seramai 16 orang responden telah ditemu bual. Mereka terdiri daripada pegawai-pegawai pentadbiran dan pengurusan kewangan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran meliputi imam besar, pengerusi, pegawai kewangan dan bendahari. Selain itu juga responden lain yang terlibat terdiri daripada pegawai di Bahagian Kemajuan Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pegawai di Bahagian Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Masjid Negara**

Masjid Negara merupakan salah sebuah agensi kerajaan di bawah pentadbiran kerajaan persekutuan. Ia ditadbir di bawah Cawangan Masjid Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Masjid Negara termasuk dalam kategori masjid-masjid utama kerajaan selain Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya.<sup>29</sup> Kesemua anggota

---

28 Sidek Mohd. Noh. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang:Universiti Putra Malaysia.

29 Siti Fatimah Mohd. Bohari. (Penolong Pengarah, Cawangan Sekretariat Khas Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM). 2014. Kategori masjid-masjid utama kerajaan. Temubual, 21hb Mac.

pentadbiran dan pegawai masjid merupakan penjawat awam yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) daripada pelbagai skim perkhidmatan.<sup>30</sup>

### Masjid al-Ghufran

Masjid al-Ghufran merupakan masjid di bawah kategori masjid kariah.<sup>31</sup> Justeru dari sudut pentadbiran ia adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 dalam Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987. Masjid al-Ghufran diketuai oleh pengerusi dan dibantu oleh timbalan pengerusi. Pengerusi bukanlah jawatan tetap yang diisi oleh pegawai kerajaan tetapi ia dipilih melalui lantikan ahli-ahli kariah. Dalam menjalankan fungsi dan peranannya Masjid al-Ghufran dibahagi kepada tiga pasukan iaitu jawatankuasa masjid, pegawai pengurusan dan pegawai masjid. Ketiga-tiga pasukan menjalankan fungsi dan peranan yang berbeza.

**Jadual 1:** Sumber Pendapatan Masjid Negara Tahun 2009-2013

BIL	PUNCA HASIL	2009	2010	2011	2012	2013
1.	Derma Awam	369,148.75	643,995.62	690,145.75	771,701.80	1,090,117.55
2.	Pelaburan Simpanan Tetap	12,244.10	11,789.16	10,350.10	14,016.00	16,678.26
3.	Hasil-Hasil Lain	68,590.00	66,563.40	191,970.00	267,121.50	193,125.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>449,982.85</b>	<b>722,348.18</b>	<b>892,465.85</b>	<b>1,052,839.30</b>	<b>1,299,920.81</b>

*Sumber: Diubahsuai daripada penyata terimaan dan bayaran tahunan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara 2009-2013.<sup>32</sup>*

Berdasarkan jadual 1, kajian mendapati Masjid Negara memperoleh pendapatan daripada tiga sumber utama iaitu wang derma awam, pelaburan simpanan tetap dan hasil-hasil lain. Derma awam merupakan wang yang

30 Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 15 (3) (Waran Perjawatan Bil.A 136 Tahun 2011) berkuatkuasa mulai 16hb Jun 2011.

31 Terdapat sebanyak 72 buah masjid di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana 64 buah daripadanya merupakan masjid kariah manakala 8 buah yang lain masjid pentadbiran. Masjid al-Ghufran pula termasuk dalam kategori masjid kariah. Hilmee Umar (Penolong Pengarah Bahagian Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan). 2014. Temubual, 10hb September.

32 Laporan Kewangan Rasmi dalam buku Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara tahun 2009-2013.

disumbangkan oleh orang awam, syarikat dan juga pertubuhan ke dalam tabung masjid. Pelaburan simpanan tetap merupakan keuntungan yang diperolehi melalui pelaburan dalam akaun simpanan tetap bank-bank perdagangan manakala hasil-hasil lain pula ialah wang yang diperolehi hasil daripada sebarang aktiviti yang menggunakan peruntukan akaun amanah seperti yuran pengajian, yuran kem ibadah dan yuran berkhitam.<sup>33</sup> Seterusnya pengkaji akan membuat analisis terhadap pecahan pendapatan Masjid Negara yang digabung selama lima tahun mengikut kategori seperti dalam rajah 1 di bawah:



**Rajah 1:** Pecahan Pendapatan Masjid Negara 2009-2013

*Sumber: Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara 2009-2013.*

Berdasarkan rajah 1, didapati 81% daripada pendapatan Masjid Negara adalah berpunca daripada derma awam iaitu sebanyak RM3,565,109.47. Hasil-hasil lain pula merupakan penyumbang kedua terbesar iaitu 18% bersamaan RM787,369.90, manakala pendapatan terkecil pula ialah keuntungan daripada pelaburan simpanan tetap iaitu sebanyak 1% atau RM65,077.62. Melihat kepada jadual dan carta di atas dapat disimpulkan bahawa Masjid Negara bergantung kepada wang derma awam sebagai sumber pendapatan utama. Pengkaji tidak mendapati sebarang sumber pendapatan yang dijana oleh masjid sendiri sama ada daripada aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan melainkan keuntungan kecil yang diperolehi daripada pelaburan dalam akaun simpanan tetap. Hasil penemuan ini adalah selari dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad di institusi masjid yang

33 Lihat lampiran dalam penyata terimaan dan bayaran bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara tahun 2009-2013.



turut mendapati masjid di seluruh negeri Perak juga bergantung pada derma awam sebagai hasil utama masjid iaitu menerusi kutipan tabung Jumaat.<sup>34</sup> Selain itu juga kajian oleh Zainal Samdin, Mat Noor Mat Zain & Muhammad Firdaus Abdul Manaf terhadap pengurusan kewangan di masjid daerah Jelebu turut memperolehi dapatan yang hampir sama di mana wang derma awam merupakan satu-satunya hasil utama pendapatan masjid di daerah Jelebu.<sup>35</sup>

**Jadual 2:** Perbelanjaan Masjid Negara Tahun 2009-2013

BIL	PERBELANJAAN	2009	2010	2011	2012	2013
1.	Bayaran penceramah	192,610.00	356,771.08	238,324.50	236,690.00	278,180.00
2.	Program pengimarah-an	183,350.00	211,735.00	357,419.90	388,225.00	602,625.00
3.	Projek memakmur-kan masjid & ekonomi	-	-	-	-	372,900.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>375,960.00</b>	<b>568,506.08</b>	<b>595,744.40</b>	<b>624,915.00</b>	<b>1,253,705.00</b>

*Sumber: Diubahsuai daripada Penyata Terimaan dan Bayaran Tahunan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara 2009-2013 dan temu bual responden.*

Berdasarkan jadual 2 di atas, terdapat tiga pecahan kategori perbelanjaan yang dibuat oleh Masjid Negara iaitu bayaran upah penceramah, membiayai aktiviti-aktiviti pengimarah-an dan perbelanjaan projek pembangunan masjid dan ekonomi. Analisis selanjutnya akan melihat kepada prestasi perbelanjaan Masjid Negara mengikut pecahan peratus. Ia dapat dilihat kepada Rajah 2 berikut:

- 
- 34 Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad. 2012. Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun.
- 35 Zainal Samdin, Mat Noor Mat Zain dan Muhammad Firdaus Abdul Manaf. 2013. Pengurusan Kewangan Masjid di Daerah Jelebu. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013), Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Latihan KWSP Kajang, 13-14hb November.



**Rajah 2:** Peratus Perbelanjaan Masjid Negara 2009-2013

*Sumber: Diolah daripada Penyata Terimaan dan Bayaran Tahunan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara 2009-2013.*

Berdasarkan rajah 2 di atas didapati jumlah keseluruhan perbelanjaan Masjid Negara selama lima tahun tersebut ialah sebanyak RM 3,418,830.48. Kajian turut mendapati 51% daripada perbelanjaan keseluruhan atau sebanyak RM1,743,354.90 adalah untuk membiayai program dan aktiviti pengimaran. Perbelanjaan kedua terbesar ialah sebanyak 38.10% atau RM1,302,575.58 bagi tujuan membayar upah penceramah manakala perbelanjaan terkecil iaitu 10.90% atau RM372,900.00 adalah bagi perbelanjaan projek pembangunan masjid dan ekonomi ummah.

**Jadual 3:** Sumber Pendapatan Masjid al-Ghufran Tahun 2009-2013

BIL	PUNCA HASIL	2009	2010	2011	2012	2013
1	<b>Derma Awam</b>					
	Kutipan Jumaat	84,297.00	99,836.98	108,771.70	138,843.97	152,087.99
	Derma Ramadhan	82,809.00	86,539.00	234,065.95	276,379.60	283,638.77
	Derma Am	354,459.27	377,048.33	206,082.45	158,514.76	362,543.45
	<b>JUMLAH</b>	<b>521,565.27</b>	<b>563,424.31</b>	<b>548,920.10</b>	<b>573,738.33</b>	<b>798,270.21</b>


2	<b>Sewaan</b>					
	Bumbang Antena	282,200	276,700	269,700	259,200	253,200
	Kamar Musafir	236,796	299,179	253,195.60	246,051.22	247,262.70
	Lain-lain Sewaan	95,887.58	156,962.96	128,362.70	180,382.70	290,119.90
	<b>JUMLAH</b>	<b>614,883.58</b>	<b>732,841.96</b>	<b>651,258.30</b>	<b>685,633.92</b>	<b>790,582.60</b>
3	<b>Faedah Pelaburan Simpanan Tetap</b>	<b>4038.46</b>	<b>841.39</b>	<b>3,227.67</b>	<b>2468.04</b>	<b>1683.99</b>
4	<b>Lain-Lain Pendapatan</b>					
	Bantuan JAWI	20,000.00	17,680.00	10,450.00	20,450.00	5950.00
	Kelas Pengajian	32,328.00	20,750.00	63,331.50	51,800.00	250.00
	Kutipan Korban	45,850.00	53,934.00	60,220.90	65,000.00	
	Lain-Lain	41,051.60	53,157.49	108,821.01	39,920.60	
Pencairan Deposit Tetap	-	-	100,000.00	-	-	
	<b>JUMLAH</b>	<b>139,230.29</b>	<b>145,521.49</b>	<b>342,823.41</b>	<b>177,170.60</b>	<b>79,950.00</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,279,717.60</b>	<b>1,442,629.15</b>	<b>1,546,229.48</b>	<b>1,439,010.89</b>	<b>1,670,486.80</b>

*Sumber: Diubahsuai daripada Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010-2013.*

Berdasarkan jadual 3 di atas kajian mendapati Masjid al-Ghufran memperolehi pendapatan daripada empat punca utama iaitu derma awam, sewaan, faedah pelaburan simpanan tetap dan lain-lain pendapatan.<sup>36</sup> Derma awam terbahagi kepada tiga kategori iaitu kutipan Jumaat, derma khas Ramadhan dan juga derma am. Sewaan pula terbahagi kepada sewaan bumbang masjid kepada syarikat telekomunikasi, sewaan kamar musafir dan juga lain-lain sewaan seperti sewaan premis bangunan, kafeteria, kios perniagaan dan

36 Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2012-2013.

juga van jenazah. Lain-lain pendapatan pula seperti sumbangan yuran kelas pengajian hal ehwal wanita (HELWA), sumbangan dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan yuran penyertaan program.<sup>37</sup> Seterusnya rajah 3 berikut pula menunjukkan pecahan sumber pendapatan dalam tempoh lima tahun kajian mengikut kiraan peratus:



**Rajah 3 :** Pecahan Sumber Pendapatan Masjid al-Ghufran 2009-2013

*Sumber: Diubahsuai daripada Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010-2013.*

Merujuk kepada rajah didapati punca terbesar pendapatan Masjid al-Ghufran diperolehi melalui hasil sewaan iaitu 47.10% atau sebanyak RM3,475,200.36. Derma awam pula merupakan penyumbang kedua terbesar dengan pecahan 40.74% atau sebanyak RM3,005,918.22. Seterusnya lain-lain pendapatan menyumbang sebanyak 12% daripada keseluruhan pendapatan dengan jumlah RM884,695.79 manakala sumber pendapatan terendah ialah 0.16% atau sebanyak RM65,07762 yang diperolehi melalui keuntungan daripada pelaburan simpanan tetap.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati Masjid al-Ghufran tidak bergantung sepenuhnya kepada punca pendapatan daripada derma awam malah hasil sewaan melibatkan aset-aset masjid seperti sewaan bumbung antena, kamar musafir dan lain-lain sewaan sering melebihi pendapatan daripada derma awam. Sebagai contoh pada tahun 2009 hasil daripada sewaan ialah sebanyak RM614,883.58 manakala hasil daripada derma awam pula sebanyak RM521,565.27. Begitu juga halnya pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Ini membuktikan Masjid al-Ghufran merupakan masjid yang aktif menjana kewangan sendiri melalui aktiviti ekonomi dan perniagaan yang dijalankan. Selain itu juga berdasarkan jumlah keuntungan yang minimum daripada pelaburan simpanan tetap membuktikan Masjid al-Ghufran tidak banyak melaburkan wang lebihan ke dalam akaun simpanan tetap.

37 *Ibid.*

**Jadual 4 : Perbelanjaan Masjid al-Ghufran 2009-2013**

BIL	PERBELAN- JAAN	2009	2010	2011	2012	2013
1.	<b>Operasi &amp; Pengurusan</b>					
	Penyelenggaraan Masjid	47,489.59	73,854.47	30,408.70	44,747.75	83,897.30
	Penyelenggaraan Peralatan	19,820.40	7,663.90	14,707.54	29,049.52	34,069.30
	Kamar Musafir	22,983.05	78,410.56	20,243.75	13,951.20	14,941.61
	Alat Tulis & Percetakan	8,979.49	32,851.03	13,775.04	19,704.43	9,507.68
	Belanja Pengurusan Masjid	-	130,351.14	-	-	-
	Lain-Lain	53,737.27	123,434.37	80,897.73	105,398.49	71,469.12
	<b>JUMLAH</b>	<b>153,009.80</b>	<b>446,565.47</b>	<b>160,032.76</b>	<b>212,851.39</b>	<b>213,885.01</b>
2.	<b>Pengimarahannya</b>	454,178.60	410,758.94	402,561.05	526,243.60	516,520.39
3.	<b>Gaji &amp; elaun pekerja</b>	224,957.15	225,711.80	280,577.50	281,576.55	304,576.23
4.	<b>Utiliti</b>	139,417.36	147,346.33	138,504.20	163,814.75	172,782.25
	<b>JUMLAH</b>	<b>971,562.91</b>	<b>1,230,382.54</b>	<b>981,675.51</b>	<b>1,184,486.29</b>	<b>1,207,763.88</b>

Sumber: Diolah daripada Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010&2011 dan 2012&2013.

Berdasarkan jadual 4 di atas terdapat empat kategori perbelanjaan yang ditanggung oleh Masjid al-Ghufran iaitu perbelanjaan operasi dan pengurusan, perbelanjaan pengimarah, bayaran gaji & elaun pekerja dan perbelanjaan utiliti. Seterusnya perbelanjaan Masjid al-Ghufran akan dianalisis mengikut pecahan kategori dan jenis perbelanjaan pula. Ia dapat dilihat melalui rajah 4.5.2 berikut:



**Rajah 4 :** Peratusan Perbelanjaan Masjid al-Ghufran 2009-2013

*Sumber: Diubahsuai daripada Laporan Dwi Tahunan Masjid al-Ghufran 2010&2011 dan 2012-2013.*

Berdasarkan rajah 4 di atas, didapati perbelanjaan pengimarah merupakan perbelanjaan terbesar Masjid al-Ghufran. Ia mewakili 41.43% perbelanjaan keseluruhan dengan jumlah RM2,310,262.58. Bayaran gaji dan elaun pekerja pula merupakan perbelanjaan kedua terbesar iaitu sebanyak 23.62% bersamaan RM1,317,399.23. Perbelanjaan ketiga terbesar ialah belanja operasi dan pengurusan iaitu sebanyak 21.27% dengan jumlah RM1,186,344.43. Perbelanjaan utiliti pula yang terendah iaitu sebanyak RM761,864.89 atau mewakili 13.66%. Secara keseluruhannya Masjid al-Ghufran telah membelanjakan sebanyak RM 5,575,871.13 sepanjang tahun 2009-2013.

## ANALISIS PENJANAAN EKONOMI MASJID

Berdasarkan unjuran perbelanjaan kedua-dua masjid, didapati terdapat perbezaan dari aspek perbelanjaan untuk tujuan ekonomi. Analisis mendapati sepanjang tahun 2009-2013 Masjid Negara tidak membuat sebarang perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti atau projek yang menjana ekonomi masjid atau ringkasnya kesemua perbelanjaan adalah dalam bentuk belanja

hangus.<sup>38</sup> Meskipun pada tahun 2013 Masjid Negara memperuntukkan sebanyak RM372,900.00 bagi kategori perbelanjaan memakmurkan masjid dan ekonomi, namun setelah diperincikan bentuk projek ini ia tidak mampu menjana sebarang pendapatan dan pulangan kepada masjid. Projek yang dimaksudkan adalah pembinaan galeri awam dengan kos RM190,000 dan pembinaan perpustakaan sebanyak RM182,900.00.<sup>39</sup> Sebaliknya pengkaji mendapati Masjid al-Ghufran lebih efektif dan cekap dalam menggerakkan dana awam dengan memperuntukkan sebahagiannya ke dalam aktiviti dan projek yang menjana ekonomi masjid. Sesebuah masjid boleh dikatakan cekap menguruskan dana dan hartanya apabila ia tidak membiarkan dananya beku dalam bentuk simpanan tetap dengan pulangan yang rendah sebaliknya menggunakannya untuk membeli aset fizikal yang boleh memberi pulangan sewa dan membuat pelaburan kepada sesuatu yang boleh memberi keuntungan yang jauh lebih tinggi.<sup>40</sup> Hal ini terbukti dengan melihat kepada beberapa projek ekonomi yang telah dilaksanakan oleh Masjid al-Ghufran sepanjang tahun 2009-2013 seperti dalam jadual 4.12 di bawah:

**Jadual 5:** Projek Ekonomi Masjid al-Ghufran 2009-2013

Bil	Tarikh	Nama Projek	Kos Sebenar	Sumber Kewangan
1.	10 Januari 2009	Membina kafeteria /restoran	RM349,683.70	Akaun masjid & derma orang ramai
2.	6 Disember 2010	Baik pulih dan renovasi kamar musafir	RM257,168.00	Akaun masjid & derma orang ramai
3.	Mei 2011	Pembinaan kios / arked perniagaan	RM20,000.00	Akaun masjid & derma orang ramai
4.	Awal tahun 2013	Pembinaan <i>homestay</i>	RM72,352.00	Akaun masjid & RM10,000 sumbangan HELWA

*Sumber: Laporan Lujnah Ekonomi dan Pembangunan Masjid al-Ghufran 2009-2013*

- 38 Terdapat juga aktiviti-aktiviti ekonomi dan perniagaan dijalankan di Masjid Negara seperti sewaan premis bangunan dan sewaan tapak-tapak perniagaan seperti tapak wakaf al-Quran namun hasil sewaan ini tidak dimasukkan ke dalam akaun masjid sebaliknya ia dimasukkan ke dalam akaun kerajaan dan juga akaun Persatuan Kebajikan Kakitangan Masjid Negara.
- 39 Penyata Terimaan dan Bayaran Bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara bagi tahun berakhir 31hb Disember 2013.
- 40 Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid. 2001. Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation, Fakulti Ekonomi UKM, 23-24hb April.

Pada 10 Januari 2009 Masjid al-Ghufran telah membina bangunan kafeteria bagi tujuan memberi kemudahan kepada jemaah serta orang ramai yang menginap di kamar musafir dalam masa yang sama mendatangkan pulangan pendapatan kepada masjid melalui sewaan bulanan sebanyak RM3,000. Kos bagi pembinaan kafeteria ini menelan belanja sebanyak RM349,683.70. Kamar Musafir yang dibina pada tahun 2000 pula merupakan satu projek ekonomi terpenting di Masjid al-Ghufran dan ia sering dinaik taraf bagi memastikan keselesaan pengunjung. Rentetan daripada satu kebakaran kecil pada 6 Disember 2010, Masjid al-Ghufran telah membuat kerja baik pulih dan naik taraf secara menyeluruh termasuklah menukar perkakasan yang lama dan rosak. Kerja-kerja ini melibatkan kos sebanyak RM257,168.00.<sup>41</sup>

Dalam usaha memaksimumkan penggunaan ruang di dalam kompleks, Masjid al-Ghufran juga membina 3 buah kios yang dinamakan dengan Kios al-Ghufran untuk disewakan. Kios ini dibina pada tahun 2011 dengan belanja sebanyak RM20,000 di mana ia mendatangkan pulangan sebanyak RM750 setiap bulan kepada masjid. Projek terbaru yang dilaksanakan oleh Masjid al-Ghufran ialah pembinaan rumah penginapan atau “*homestay*” pada awal tahun 2013 dengan kos sebanyak RM72,352.00 dengan kadar sewaan pula RM280 semalam. Selain daripada wang akaun masjid, pembinaannya turut dibiayai melalui sumbangan derma sebanyak RM10,000 daripada ahli-ahli dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita (HELWA).<sup>42</sup>

Kesemua projek ekonomi yang dilaksanakan sepanjang tahun 2009-2013 ini memberi manfaat dan mendatangkan pulangan pendapatan tetap kepada masjid. Kajian juga mendapati kesemua projek ekonomi yang dijalankan ini dibiayai melalui wang akaun masjid.<sup>43</sup> Dalam hal ini pengkaji berpandangan walaupun sumber wang bagi projek ekonomi ini tidak dapat ditentukan sama ada ia diambil daripada wang derma awam atau sumber selainnya namun ia tetap merangkumi sumber derma awam mengambil kira ia sebagai salah satu punca utama pendapatan masjid. Sehubungan dengan itu kesimpulan yang

41 Laporan dwi tahunan Masjid al-Ghufran 2012-2013, 35.

42 Laporan Dwi tahunan Masjid al-Ghufran 2009-2013.

43 Projek-projek ekonomi di Masjid al-Ghufran dibiayai melalui satu sumber iaitu wang Akaun Masjid al-Ghufran. Wang dalam akaun ini bercampur-campur sumber pendapatannya. Sebahagian besar wang bagi projek ekonomi adalah bersumberkan tajaan daripada derma orang ramai yang dimasukkan terlebih dahulu ke dalam akaun utama masjid sebelum dikeluarkan untuk proses bayaran. Ia dibuat agar mematuhi prosedur kewangan perakauan masjid. Selain itu juga pihak pengurusan akaun tidak dapat menentukan daripada sumber pendapatan mana wang itu diambil disebabkan akaun masjid ini merupakan akaun yang disatukan. Namun butiran perbelanjaan yang lengkap boleh diperolehi menerusi sistem MYOB yang direkod secara berasingan dan ia tidak terdapat dalam penyata akaun Masjid al-Ghufran.



boleh dibuat ialah wang daripada derma awam ini jelas memberi manfaat dan keuntungan jangka masa panjang kepada ekonomi masjid apabila ia diurus dengan cekap dan efektif.

## **KESIMPULAN**

Peranan institusi masjid sebagai pemangkin kepada ekonomi ummah sangat relevan diketengahkan mengambil kira senario semasa pada ketika ini. Kutipan dana tradisi daripada wang derma awam yang kukuh dan sentiasa meningkat saban tahun memberi jaminan kelangsungan sumber pendapatan institusi masjid. Pengurusan derma awam yang cekap dan sistematik oleh institusi masjid terbukti bukan sahaja mampu menampung perbelanjaan institusi masjid malah memberi impak yang lebih besar kepada ekonomi masjid dan masyarakat setempat. Kesimpulannya, pengkaji berpandangan cabaran pengurusan institusi masjid pada masa kini lebih tertumpu kepada aspek menguruskan dana masjid dengan efisien dan sistematik. Mengambil kira kedudukan kewangan institusi masjid yang kukuh di samping kecenderungan masyarakat menderma sewajarnya dijadikan batu loncatan oleh institusi masjid untuk memanfaatkan sebahagian dana-dana ini kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang lebih segar dan efektif. Walau pun masjid kategori kerajaan ini mempunyai dana peruntukan yang tetap dan mencukupi daripada kerajaan, ia bukanlah bermakna fungsi ekonominya tidak perlu diperluaskan. Namun sebaliknya, wang daripada sumber derma awam ini perlulah dimanfaatkan dan dijana untuk menambah pendapatan ekonomi masjid, sehingga tahap ia mampu memperkasa ekonomi ummah, mewujudkan peluang pekerjaan dan akhirnya membasmi kemiskinan.

## **RUJUKAN**

- Abdullaah Jalil dan Muhamad Muda. (2009). Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematik: Analisis Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2 (1): 53-72.
- Ahmad Zaki Abdul Latiff. (1997). *Perbandaran di Timur Tengah: Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Abad I-III Hijrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amru Alhaz Adnan. (2015). Pengurusan Derma Awam dalam menjana Ekonomi Masjid: Perbandingan Masjid Negara dan Masjid al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, Mohd. Aizuddin Abd. Aziz. (2009). Kerangka Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid: Satu Analisa. Islamic Economic System (Iecons) Conference, Universiti Sains Islam Malaysia, 15-16hb Julai.
- Euis Amalia. (2005). *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam Dari Masa Klasik Hingga Kontemporer*. Jakarta: Pustaka Asatruss.
- Fidlizan Muhammad Mohd Yahya, Mohd Hussin dan Nurul Fadly Habidin. (2008). Mobilasi Wang Jumaat: Membentuk Dana Usahawan Muslim. Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 15hb Oktober.
- Hasan Bahrom. (2008). Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah. Dlm. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (pnyt.). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, hlm. 92. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hilmee Omar (Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Kariah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan). (2014). Temubual, 19hb Ogos.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid. (2001). Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation. Fakulti Ekonomi UKM dan UUM 23-24hb April.
- Jamaliah Said, Azizah Mohamed, Zuraidah Mohd Sanusi, Syed Yusuf, and Sharifah Norzehan. (2013). Financial Management Practices in Religious Organizations: An Empirical Evidence of Mosque in Malaysia. *International Business Research* 6 (7): 111-119.
- Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari. (2002). Pembangunan Ekonomi Masjid. Seminar Pembangunan Masjid, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dewan Kuliah Utama APIUM, 28hb Disember.
- Lokman Zulkifli. (2007). Penjanaan Kegiatan Ekonomi Institusi Masjid. Dlm. Tan Sri Dato' Dr Abd. Hamid Othman (pnyt.). *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, hlm. 285-301. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- Mahyuddin Yahya. (1998). *Tamadun Islam, ed. ke-4*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Mohamad Murtadza Hj Ahmad. (1999). Masjid Sebagai Institusi Dakwah: Penyelarasan Gerak Kerja Secara Sistematis. Seminar Membudayakan

Masjid Peringkat Kebangsaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 24-26hb April.

Mohd Yahya Mohd Hussin , Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad. (2012). Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ipoh, Perak, 4 – 6hb Jun.

Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara Tahun 2009-2013.

Sidek Mohd. Noh. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang:Universiti Putra Malaysia.

Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dan Maliah Sulaiman. (2008). Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid. Dlm. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (pnyt.). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, hlm. 67-80. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Siti Fatimah Mohd. Bohari. (Penolong Pengarah, Cawangan Sekretariat Khas Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM). (2014). Kategori masjid-masjid utama kerajaan. Temubual, 21hb Mac.

Zainal Samdin, Mat Noor Mat Zain dan Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2013). Pengurusan Kewangan Masjid di Daerah Jelebu. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013), Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Latihan KWSP Kajang, 13-14hb November.

Zulkifli Dahalan. (2002). Kaedah Kutipan Dan Perbelanjaan Wang-Wang Khairat Masjid: Kajian di Masjid Tuan Samad, Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Pulau Pinang. Disertasi Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.

# INFLASI DAN KESAN PENGGANTIAN PRODUK PEMBIAYAAN PERUMAHAN ISLAM BERBANDING KONVENSIONAL

*(Inflation and Substitution Effects in Islamic Home Financing Products Compared Conventional Loan)*

**Mohd Faisol Ibrahim<sup>1</sup>**

## **Abstrak**

Pembiayaan perumahan Islam merupakan alternatif kepada pinjaman perumahan yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Kini terdapat 16 buah bank Islam yang menawarkan produk pembiayaan perumahan menggunakan instrumen syariah. Kelebihan pembiayaan perumahan Islam berbanding pinjaman perumahan konvensional dapat diukur dalam jangka masa panjang. Menurut pandangan sesetengah penganalisis ekonomi, masalah inflasi sentiasa melanda Malaysia disebabkan krisis kewangan yang berlaku dalam sistem monetari dunia. Oleh itu kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis aplikasi pembiayaan perumahan Islam dan pinjaman perumahan konvensional. Selain itu kajian ini juga mengkaji kesan kenaikan kadar inflasi terhadap pembiayaan perumahan Islam dan pinjaman konvensional di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan kajian perpustakaan. Hasil kajian menunjukkan pembiayaan perumahan Islam lebih terjamin berbanding pinjaman konvensional ketika berlakunya perubahan kadar inflasi dalam ekonomi.

**Kata Kunci:** Pembiayaan perumahan Islam, pinjaman perumahan, inflasi, kesan penggantian

## ***Abstract***

*Islamic home financing is an alternative to home loans offered by conventional banking. Currently there are 16 Islamic banks that offering home financing products using Shariah instruments. The advantages of Islamic home financing compare than conventional home loans can be measured in the long run. According to some analysts, the inflation tricky will always hit Malaysia due to the financial crisis that has always happened in the world monetary system. Therefore, this study aims to analyze Islamic home financing and conventional home loans*

---

1 Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

*practices. In addition, this study also examines the impact of inflation rates on Islamic home financing and conventional loans in Malaysia. This studies use qualitative method using library research approach. The findings show that Islamic home financing is more secured than conventional loans when inflation changes in the economy.*

**Keyword:** *Islamic Home Financing, Home Loan, Inflation, Substitution effect*

## PENGENALAN

Sebelum kemunculan sistem perbankan Islam, seluruh masyarakat Islam di dunia hanya berurusan dengan institusi perbankan konvensional bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Melalui sistem perbankan konvensional ini, bank akan mengenakan caj faedah kepada peminjam atas pinjaman yang dilakukan oleh peminjam dan juga membayar faedah kepada para pendeposit mereka. Menurut Islam, kedua-dua faedah ini dianggap sebagai riba ataupun *usury*.<sup>2</sup> Masyarakat Muslim berpandangan bahawa caj faedah yang dikenakan ke atas pinjaman adalah sesuatu yang dilarang oleh Islam.<sup>3</sup>

Era kemunculan perbankan Islam sebagai satu pasaran baru di dalam perspektif kewangan antarabangsa bermula di Timur Tengah pada tahun 1960an lagi apabila bank Islam pertama ditubuhkan di Mesir yang dikenali sebagai Mit Ghamr Local Saving Bank.<sup>4</sup>

Kini sistem perbankan Islam dan perbankan konvensional telah memainkan peranan penting sebagai badan yang bertanggungjawab menawarkan bantuan kewangan kepada mereka yang memerlukannya namun kedua-dua sistem ini mempunyai perbezaan yang ketara di mana sistem perbankan Islam mempunyai sistem etika yang berasaskan objektif sosial dalam urusan perniagaan dan perdagangan sedangkan sistem konvensional tidak langsung menekankan aspek moral dalam perniagaan mereka.<sup>5</sup>

Kewujudan perbankan Islam yang merupakan bank yang bercorak ekonomi dan kemasyarakatan yang diadun dengan pemikiran Islam di dalam hal pengurusan harta tanpa melibatkan unsur riba telah memberi peluang

---

2 A.L. M. Abdul Gafoor (2005). *Interest, Usury, Riba and The Operational Costs Of A Bank*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, h. 18.

3 *Ibid*.

4 Angelo M. Venardos (2004). *Islamic Banking and Finance in South-East Asia: Its Development and Future*, Singapore: World Scientific, h. 47.

5 Angelo M. Venardos (2004). *Ibid*, h. 46.

kepada pemodal untuk mencari keuntungan menerusi saluran yang halal menurut dasar-dasar ekonomi Islam. Atas dasar kesedaran tersebut kini pasaran kewangan dan perbankan Islam mula diterokai oleh negara-negara Islam khususnya dan negara bukan Islam amnya bagi mengaut keuntungan dengan menawarkan pelbagai produk dan instrumen yang berasaskan syariah<sup>6</sup>, termasuklah negara Malaysia sendiri.

Pada tahun 1983 institusi perbankan Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan adalah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Memandangkan BIMB baru sahaja ditubuhkan, maka hanya beberapa produk sahaja ditawarkan kepada pelanggan. Antara produk terawal yang ditawarkan adalah produk pembiayaan perumahan Islam berasaskan kadar keuntungan tetap.<sup>7</sup> Kini produk pembiayaan perumahan Islam terdiri daripada pelbagai instrumen syariah dilihat mampu memberi pilihan kepada pelanggan Muslim untuk beralih daripada perbankan konvensional kepada perbankan Islam. Ini mampu menyaingi produk pinjaman perumahan konvensional yang telah lama bertapak dalam pasaran perbankan di Malaysia.

Pembiayaan perumahan secara Islam hanya bermula apabila wujud Sistem Perbankan Islam pada tahun 1983 di mana instrumen menggunakan *bai' bithaman ajil (bba)* telah digunakan dalam produk ini.<sup>8</sup> Sebelum daripada itu produk kredit perumahan hanya ditawarkan oleh institusi kewangan konvensional. Mereka yang tidak mampu memenuhi keperluan perumahan secara tunai pada waktu itu terpaksa memilih sama ada melibatkan diri dengan pinjaman perumahan secara konvensional berasaskan riba atau mengenyepikan sahaja niat untuk memiliki rumah yang merupakan keperluan asas hidupnya.

---

6 Antara produk-produk yang ditawarkan ialah produk berkaitan deposist dan pembiayaan contohnya seperti produk pembiayaan perumahan secara Islam, manakala instrumen berasaskan syariah dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu pertama instrumen berasaskan perkongsian untung dan rugi iaitu *mudarahah* dan *musharakah*, kedua instrumen berasaskan perkongsian untung rugi juga iaitu *murabahah*, *bay' bithaman ajil* dan *ijarah*, ketiga instrumen berasaskan perkhidmatan percuma iaitu *qardh hassan* dan instrumen keempat berasaskan kepada konsep lain-lain seperti *wadiah* dan *rahu*. Sila lihat Kamal Khir, Lokesh Gupta dan bala Shanmugam (2008). *Islamic Banking A Practical Perspective*, Selangor: Pearson Longman, h. 205.

7 Ab. Mumin Ab. Ghani (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM.

8 BNM (1999). *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan Di Malaysia; Perubahan Sedekad 1989-1999*. Kuala Lumpur: BNM h. 274.

Walau bagaimanapun, permasalahan tersebut berakhir setelah bermulanya era sistem perbankan Islam di Malaysia yang dipelopori oleh BIMB.<sup>9</sup> Bahkan produk pembiayaan perumahan merupakan di antara produk awal dan utama yang ditawarkan oleh BIMB pada ketika itu.<sup>10</sup> Kini produk pembiayaan perumahan secara Islam ditawarkan di semua institusi perbankan Islam di Malaysia. Skim pembiayaan perumahan yang dilaksanakan di negara ini merupakan aplikasi daripada prinsip *bai' bithaman ajil* yang diperkenalkan pada tahun 1983.<sup>11</sup> Di bawah prinsip ini, pembiayaan perumahan dilaksanakan berasaskan kepada kontrak jual beli. Di dalam kes pembiayaan perumahan oleh institusi-institusi kewangan misalnya pihak bank bertindak sebagai penjual manakala pihak pelanggan pula merupakan pembeli.<sup>12</sup>

Perkembangan perbankan Islam di Malaysia menyaksikan beberapa lagi instrumen pembiayaan secara Islam terus diperkenalkan bagi memastikan momentum pertumbuhan perbankan Islam sentiasa meningkat seterusnya mencapai sasaran 20 peratus penguasaan pasaran perbankan di Malaysia pada tahun 2020.<sup>13</sup> Menurut Hanudin et.al,<sup>14</sup> Fauziah et.al,<sup>15</sup> serta Hanira dan Nor Hasniah<sup>16</sup> antara instrumen baru pembiayaan perumahan secara Islam di Malaysia ialah *mushārahah mutanāqisah*, dan *al-istisnā'*. Tahun 2017 menunjukkan pembiayaan perumahan secara Islam dapat dibahagikan kepada dua, iaitu pembiayaan perumahan berasaskan hutang dan pembiayaan perumahan berasaskan ekuiti. Instrumen pembiayaan perumahan Islam berasaskan hutang yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam ialah *bai'*

- 
- 9 BIMB merupakan bank komersial Islam pertama ditubuhkan di Malaysia di mana bank ini berusaha menjalankan operasinya berasaskan syariah serta menyediakan kemudahan perkhidmatan untuk masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia. Sila lihat Mohd Nasir Mohd Yatim dan Amirul Hafiz Mohd Nasir (2007), *The Principle and Practice of Islamic Banking and Finance*, Second Edition, Prentice Hall, h. 5.
  - 10 Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op. cit.*, h. 274.
  - 11 Hanudin Amin, Mohamad Rizal Hamid, Suddin Lada & Ricardo Baba (2009). Cluster Analysis for Bank Customers's Selection of Islamic Mortgage in Eastern Malaysia, *International Journal of Islamic and Middle Eastern and Management*, vol. 2, no.3, h. 213-234.
  - 12 Saiful Azhar Rosly (1999). Al-Bay' Bithaman Ajil Financing: Impact on Islamic Banking Performance, *Thunderbird International Business Review*, vol. 41(94/5), h. 461-480.
  - 13 Berdasarkan sasaran *Pelan Induk Perbankan Islam dan Takaful* yang dilancarkan pada 1 Mac 2001, Bank Negara Malaysia (BNM).
  - 14 Hanudin Amin, Mohamad Rizal Hamid, Suddin Lada & Ricardo Baba (2009), *op.cit.*
  - 15 Fauziah Md Taib, T.Ramayah dan Abdul Razak Dusuki (2008). Factor Influencing Intention to Use Diminishing partnership Home Financing, *International Journal Of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. vo.1, no.3, h.235-248.
  - 16 Hanira Hanafi and Nor Hasniah Kasim (2006). The Viability of Istisna' Compared To Bai Bithaman Ajil (BBA). *Jurnal Syariah*, vol. 14, no.1, h. 35-52.

*bithaman ajil (bba)*, *murābahah*, *istisnā'* dan *tawarruq*. Instrumen pembiayaan perumahan Islam berasaskan ekuiti yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam pula ialah *musyarakah mutanaqisah (mm)*.<sup>17</sup>

Satu ciri penting dan menarik tentang pembiayaan perumahan secara Islam adalah bayaran balik pembiayaan yang tetap dan terapan (mempunyai nilai siling) sebagaimana dipersetujui oleh pelanggan dan pihak bank.<sup>18</sup> Ini bermaksud bayaran ansuran bulanan dan tempoh pembiayaan tidak berubah sekalipun berlaku perubahan terhadap situasi ekonomi negara. Hal ini adalah disebabkan ciri kadar keuntungan di dalam pembiayaan perumahan secara Islam yang tidak berubah di sepanjang tempoh bayaran balik pembiayaan. Justeru, pembeli rumah perlu bijak memilih instrumen pembiayaan perumahan Islam yang mampu memberi jaminan keselamatan kewangan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini terhadap rumah yang telah dibeli. Hal ini kerana membeli rumah, khususnya rumah dalam pembinaan merupakan satu risiko yang diambil oleh seseorang pembeli kerana risiko ini mampu mempengaruhi perbelanjaan kewangan pada masa hadapan jika tidak diuruskan dengan baik.<sup>19</sup>

### **Kadar Asas Pinjaman**

Kadar Pinjaman Asas (*Base Lending Rate-BLR*) ialah satu kadar faedah pinjaman utama yang dikenakan oleh pihak bank kepada peminjam-peminjam yang berkeupayaan membayar balik adalah tinggi. Ini membawa maksud kadar pinjaman asas merupakan kadar pemberian pinjaman asas yang ditawarkan oleh institusi perbankan kepada pelanggan-pelanggan utama yang mempunyai tahap kualiti kredit yang tinggi di mana kadar asas pinjaman ini tertakluk kepada struktur dana dan kos pengurusan bagi sesebuah institusi perbankan.

Pada tahun 2004 Bank Negara Malaysia (BNM) telah menghapuskan kadar bumbung bagi kadar Pemberian Pinjaman Asas (*BLR*) oleh institusi perbankan. Sehubungan dengan itu institusi perbankan telah diberi kuasa oleh BNM untuk menetapkan BLR masing-masing berdasarkan struktur kos dan strategi perniagaan mereka (rujuk gambarajah dibawah).<sup>20</sup> Selain itu,

- 17 Mohd Faisal Ibrahim. (2016). Implikasi Rumah Terbengkalai Terhadap Pengguna yang Menggunakan Pembiayaan Perumahan Islam *Musyarakah Mutanaqisah*. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Jld 26, h. 112-123.
- 18 Kamal Khir, Lokesh Gupta & Bala Shanmugam (2008), *op. cit.*, h. 125.
- 19 Mohd Faisal Ibrahim & Rosila Kamarudin (2014). The Islamic home financing in Malaysia Istisna' base on debt: qualitative approach. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, vol. 8, 27-38.
- 20 BNM (1999). *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan Di Malaysia; Perubahan Sedekad 1989-1999*. Kuala Lumpur: BNM.



BNM juga telah menggantikan Dasar Kadar Campurtangan 3 bulan sebagai petunjuk kepada teras dasar monetari dengan Kadar Dasar Semalaman (*OPR*). Pada asasnya *OPR* merupakan sasaran bagi Kadar Antara Bank Semalaman Purata (*AOIR*).<sup>21</sup> Di bawah rangka kerja kadar feadah baru ini, kadar pinjaman maksimum yang ditawarkan oleh institusi perbankan tidak tertakluk kepada formula BLR. Sebaliknya institusi perbankan di Malaysia diberi kebenaran oleh BNM untuk menetapkan sendiri nilai BLR masing-masing berdasarkan struktur kos dan strategi pinjamannya serta tahap persaingan dalam industri perbankan.<sup>22</sup>

### **Kadar Asas Pembiayaan**

Kadar asas pembiayaan ataupun *base financing rate* (BFR) merupakan satu kadar keuntungan yang dikenakan oleh pihak bank kepada pembeli berasaskan Kadar Dasar Semalaman (KDS) yang diputuskan oleh BNM kepada bank-bank komersial. Kadar Dasar Semalaman (KDS) akan menjadi penunjuk kepada teras dasar monetari. KDS memainkan dua peranan iaitu sebagai alat isyarat untuk mempamerkan teras dasar monetari dan sebagai kadar sasaran operasi mudah tunai harian Bank Pusat.<sup>23</sup> Sebarang perubahan ke atas teras dasar monetari akan diisyaratkan dengan pertukaran pada paras KDS. Ia juga akan bertindak sebagai kadar rujukan utama dalam penentuan kadar faedah pasaran yang lain.

BFR ini pula akan menentukan jumlah keuntungan yang akan diperolehi oleh pihak bank dalam tempoh pembiayaan yang dipersetujui antara bank dan pihak pelanggan. BFR di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua iaitu pembiayaan dengan kadar tetap dan pembiayaan dengan kadar boleh ubah.<sup>24</sup>

Kadar Dasar Semalaman ataupun *Overnight Policy Rate* (*OPR*) pula merupakan penanda aras utama kadar faedah dalam negara yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia kepada semua institusi bank-bank komersial. Kadar ini digunakan oleh bank-bank komersial sebagai *cost of fund* ataupun

---

21 *Ibid.*

22 *Ibid.*

23 Bank Negara Malaysia (2004). *BNM Memperkenalkan Rangka Kerja Baru Kadar Faedah*. Kuala Lumpur: BNM.

24 Sebelum tahun 2007, kadar pembiayaan asas bagi perbankan Islam adalah berkadar tetap. Namun pada tahun 2004 BNM telah membenarkan penggunaan kadar pembiayaan asas berkadar berubah bagi perbankan Islam bagi membolehkan sistem perbankan Islam lebih berdaya maju dan mampu bersaing dengan perbankan konvensional. Bermula tahun 2007 sistem perbankan Islam mula melaksanakan pembiayaan Islam secara kadar tetap dan berkadar berubah.

kos asas pemberian pembiayaan. Ia juga dianggap sebagai kos modal asal bagi sesebuah bank komersial sebelum memberikan pembiayaan seterusnya mencipta keuntungan melalui kadar pembiayaan yang dipersetujui.

BFR berkadar tetap merupakan pembiayaan yang mana kadar asas pembiayaan adalah tetap dan tidak berubah sepanjang tempoh perjanjian antara pihak bank dan pelanggan. Ini membawa maksud BFR bersifat tetap membantu pelanggan di dalam mengatur perancangan kewangan pembeli kerana pembeli boleh memperuntukkan sebahagian pendapatan dengan jumlah yang tetap nilainya sehingga tempoh masa perjanjian dengan pihak bank berakhir tanpa perlu risau dengan kedudukan ekonomi yang sentiasa berubah. BFR berkadar tetap telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1983 di dalam perbankan Islam bagi menunjukkan kekuatan dan kelainan perbankan Islam berbanding perbankan konvensional.

BFR kadar boleh ubah pula telah diperkenalkan oleh BNM di Malaysia pada tahun 2004 bagi membuktikan produk-produk pembiayaan Islam mampu memberi saingan kepada produk-produk konvensional.<sup>25</sup> Selain itu pembiayaan kadar boleh ubah ini juga diperkenalkan bagi mengurangkan risiko ketakpadanan yang kini dihadapi institusi kewangan Islam.

Melalui pendekatan ini, kadar keuntungan pembiayaan boleh diubahsuai mengikut keperluan perubahan pasaran supaya kadar deposit perbankan Islam lebih kompetitif. Ini juga mampu untuk mengurangkan pendedahan risiko pasaran institusi perbankan Islam apabila berhadapan dunia tanpa sempadan yang sentiasa memberi tekanan kepada turun naik ekonomi global.

Pembiayaan kadar boleh ubah ini dianggap satu lagi proses inovasi kepada produk pembiayaan secara Islam di Malaysia. Instrumen baru ini adalah satu pilihan kepada portfolio pembiayaan semasa yang sebahagian besarnya berkadar tetap. Pergantungan tinggi terhadap pembiayaan tetap menjadi isu penting kepada perbankan Islam kerana kekurangan mekanisma lindung nilai bagi melindungi aset yang semakin berkembang dan terdedah kepada kadar pembiayaan yang turun naik. Melalui pendekatan pembiayaan boleh ubah ini, harga jualan aset kepada pelanggan secara tertanggung ditetapkan pada kadar keuntungan yang boleh berubah mengikut keadaan ekonomi semasa tetapi mempunyai kadar siling (maksimum). Oleh yang demikian harga jualan kontrak dan bayaran akan menjadi lebih tinggi berbanding dengan bayaran berkadar tetap. Namun menggunakan pendekatan pembiayaan kadar boleh ubah ini, rebat ataupun *ibra* ' diberikan pada setiap bayaran bulanan.

---

25 Bank Negara Malaysia (2004). *BNM Memperkenalkan Rangka Kerja Baru Kadar Faedah*. Kuala Lumpur: BNM

Sebagai contoh bank telah menetapkan BFR berasaskan kadar boleh ubah sebanyak 12 peratus kepada pelanggannya yang telah mementerai kontrak membeli rumah selama 20 tahun. Pelanggan bersetuju untuk membayar balik pembiayaan dengan RM2000 sebulan (andaian). Seandainya kadar pinjaman asas (BLR) yang digunakan sebagai penanda aras dalam pengiraan harga ialah hanya 10 peratus (andaian RM1500 sebulan) setahun, maka bank dikehendaki memberikan rebet sebanyak RM500 iaitu perbezaan antara keuntungan siling 12 peratus dan kadar keuntungan semasa 10 peratus setahun. Begitulah seterusnya jika BLR yang menjadi penanda aras bagi BFR berubah menjadi semakin menurun peratusannya.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kredit perumahan yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan di Malaysia ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kredit perumahan yang ditawarkan oleh institusi kewangan konvensional dan institusi kewangan Islam di mana ia merangkumi bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan. Kredit perumahan oleh institusi-institusi kewangan konvensional tersebut kebiasaannya dikenali sebagai skim pinjaman perumahan secara konvensional.<sup>26</sup> Manakala jenis kredit perumahan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam sering dirujuk sebagai skim pembiayaan perumahan secara Islam.<sup>27</sup> Kredit perumahan yang ditawarkan oleh institusi kewangan konvensional biasanya melibatkan kadar pinjaman asas (BLR) iaitu riba.<sup>28</sup> Kadar pinjaman asas bagi pinjaman perumahan secara konvensional dianggap riba kerana kadar faedah yang dikenakan kepada pelanggan adalah tidak tetap<sup>29</sup> dan menindas pelanggan.

Justeru itu faktor asas kewujudan sistem perbankan Islam telah menjadi alternatif terbaik menggantikan sistem perbankan riba sehingga perbankan Islam ini berkembang ke Amerika Syarikat dan Eropah di mana beberapa bank utamanya telah membuka bahagian di institusi berkenaan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berasaskan Islam. Ini kerana kewujudan perbankan

---

26 Fadzila Azni Ahmad (2003), *op. cit.*

27 *Ibid.*

28 Di dalam kewangan Islam, isu gharar dan faedah (riba) dianggap haram dan dilarang oleh Islam. Sila lihat Ahmad Hidayat Buang (2000). *Studies In The Islamic Law of Contract: The Prohibition of Gharar*, Kuala Lumpur: International Law Book Services. Lihat juga Iqbal, Z & Abbas Mirakhor (2007). *An Introduction to Islamic Finance: Theory and Practice*, John Wiley & Sons, Singapore.

29 Saiful Azhar Rosly (1999). Al-Bai Bithaman Ajil Financing: Impacts on Islamic Banking Performance, *Thunderbird International Business Review*, vol. 41, no. 4/5, h. 461-80.

Islam itu sendiri adalah berdasarkan kepada dua faktor iaitu faktor agama dan faktor keuntungan.<sup>30</sup> Titik keseimbangan perlu dicari antara kedua-dua faktor ini demi kelangsungan penubuhannya. Perbankan Islam hendaklah memenuhi dua kriteria asas seperti yang telah disepakati oleh para sarjana Islam. Perbankan Islam merupakan sebuah sistem kewangan yang ciri utamanya adalah bebas daripada unsur-unsur riba kerana riba jelas dilarang dan diharamkan dalam Islam.

Jelaslah di sini bahawa tiada alasan yang menghalalkan masyarakat Islam daripada terlibat dalam transaksi yang mengandungi unsur-unsur *riba*, maka mekanisma alternatif dicari untuk menggantikan *riba* atau faedah yang sekian lama diamalkan secara berleluasa oleh sistem perbankan konvensional agar umat Islam mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan umat lain di dalam bidang ekonomi. Akhirnya beberapa konsep telah diusulkan bagi menggantikan *riba* dalam industri perbankan Islam demi memastikan aktiviti perbankan itu halal sepenuhnya seperti memperkenalkan konsep pembiayaan perumahan secara hutang menggunakan instrumen *bai' bithaman aji*, *murābahah*, *tawarruq* dan *al istisnā'* serta pembiayaan perumahan secara ekuiti menggunakan instrumen *mushārahah mutanāqisah*.<sup>31</sup> Menurut Dusuki dan Abdullah<sup>32</sup> aktiviti yang tidak halal tidak pernah diajar oleh agama Islam seperti mengamalkan riba dalam pemberian pinjaman perumahan.

Oleh itu kredit perumahan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam biasanya melibatkan pembiayaan perumahan secara Islam berasaskan kadar asas pembiayaan ataupun *Base Financing Rate* (BFR). BFR ini dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu pembiayaan perumahan secara Islam berasaskan kadar tetap (*flat rate*) dan pembiayaan perumahan secara Islam menggunakan kadar boleh ubah (*floating rate*) yang mempunyai kadar bayaran siling.<sup>33</sup>

---

30 Sudin Haron (1999), *op. cit.*

31 Dalam produk pembiayaan pemilikan rumah, terdapat perbezaan antara perbankan Islam dan perbankan konvensional seperti sistem kredit dan sistem mark-up, kebolehan atau ketidakbolehan tawar menawar antara pembeli dan bank, prosedur pembiayaan dan lain-lain lagi. Sehingga kini terdapat pembiayaan perumahan menggunakan murabahah (bba), al-istisna' dan ijarah muntahiyah Bi Tamlik (musharakah mutanaqisah). Sila lihat Helmi Haris (2007). Pembiayaan Kepemilikan Rumah: Sebuah Inovasi Pembiayaan Perbankan Syariah, *Jurnal Ekonomi Islam*, vol. 1, no. 1, h. 113-126.

32 Asyraf Wajdi Dusuki & Irwani Abdullah Nurdianawati (2007). Why Do Malaysian Customer Patronize Islamic banks? *International Journal of Bank Marketing*, vol. 25, no 3, h. 142-60.

33 Kamal Khir, Lokesh Gupta & Bala Shanmugam (2008). *Islamic Banking: A Practical Perspective*, Selangor: Pearson Longman, h. 125.

Inflasi merupakan antara masalah utama yang dialami oleh pasaran bebas yang sifatnya lebih global.<sup>34</sup> Inflasi merupakan peningkatan tingkat harga umum yang berterusan dan berpanjangan, sebaliknya kenaikan tingkat harga yang tidak menyeluruh dan sementara bukan dianggap bukan inflasi.<sup>35</sup> Memandangkan negara Malaysia mempunyai perbankan Islam dan juga perbankan konvensional maka perubahan ekonomi seperti inflasi akan memberi kesan penggantian kepada kemudahan pinjaman perumahan konvensional kepada pembiayaan secara Islam.<sup>36</sup>

Bagi sektor hartanah kediaman, ternyata kenaikan kadar faedah yang tinggi akibat inflasi telah membuka mata masyarakat tentang keupayaan sektor perbankan untuk memberi perkhidmatan terbaik walaupun ekonomi Malaysia menghadapi krisis ekonomi global. Kini masyarakat Malaysia mempunyai pilihan khususnya bagi pembelian rumah baru iaitu sama ada menggunakan pembiayaan perumahan secara Islam ataupun pinjaman bank konvensional. Selain itu masyarakat juga ditawarkan pelbagai produk pembiayaan perumahan secara Islam dengan menggunakan beberapa instrumen syariah yang berasaskan kepada kadar asas pembiayaan (BFR).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini secara umumnya ingin menganalisis aplikasi semasa pembiayaan perumahan secara Islam dan juga konvensional yang wujud di Malaysia bagi melihat perbezaan yang wujud antara kedua-duanya. Ini kerana produk pembiayaan perumahan Islam merupakan barang pengganti kepada produk pinjaman perumahan konvensional. Terdapat pandangan masyarakat yang menyatakan bahawa perbankan Islam adalah sama dengan perbankan konvensional. Oleh itu kewujudan perbezaan ini akan dianalisis dan ditonjolkan untuk melihat sama ada produk-produk ini mampu memberi manfaat kepada pelanggan atau membebaskan pelanggan sekiranya berlaku perubahan dalam ekonomi sesebuah negara seperti kenaikan kadar inflasi. Ini kerana inflasi ataupun kemelesetan ekonomi merupakan permasalahan yang perlu ditangani dalam sesebuah negara untuk memastikan ekonomi sesebuah negara berada dalam keadaan stabil seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu kajian ini diharapkan mampu memberi nilai

---

34 Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan (2000). *Ekonomi Malaysia*, h. 264, Selangor: Longman.

35 *Ibid.*

36 Hanudin Amin & Rosita Chong Abdullah (2007). Substitution Effects: Do Inflation and Deflation Effect Islamic Home Financing? *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 1, h. 44-45.

tambah kepada institusi perbankan Islam dan juga Bank Negara Malaysia serta Majlis Penasihat Syariah agar lebih kreatif dan inovasi dalam mendepani arus perubahan iklim ekonomi yang semakin mencabar dan sedikit sebanyak memberi implikasi besar kepada sektor perbankan Islam sekiranya tidak ditanganani dengan baik dan jitu.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Jenis penelitian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan iaitu pengumpulan data atau karya tulisan ilmiah yang bersesuaian dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat keperpustakaan. Antara pengumpulan data yang terlibat dalam pencarian maklumat ini adalah jurnal, buku, akhbar, majalah dan internet. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan maklumat yang berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan serta memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan kesan kenaikan inflasi terhadap pembiayaan perumahan Islam oleh pelanggan di institusi perbankan Islam di Malaysia.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Inflasi dan Kesan Penggantian**

Menurut Case dan Fair, inflasi merupakan kenaikan keseluruhan harga barang di mana indeks harga pengguna ataupun *Current Price Index (CPI)* digunakan untuk mengukur kadar inflasi bagi sesebuah negara.<sup>37</sup> Melalui penggunaan *CPI* ini, perubahan harga yang berlaku dari semasa ke semasa dapat diukur dengan mudah.<sup>38</sup> Selain penggunaan *CPI*, kadar inflasi juga boleh dikira melalui pendekatan Pendeflasi Keluaran Negara Kasar (PKNK).<sup>39</sup> Peningkatan kadar inflasi semasa krisis ekonomi menyebabkan Bank Negara Malaysia (BNM) melalui dasar monetari menaikkan kadar faedah bagi semua institusi bank

---


37 Karl E. Case & Ray C. Fair (2004). *Principles of Macroeconomics*, Edisi Ketujuh, Singapore: Prentice Hall, h. 131.

38 Chanhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan (2000), *op. cit.*, h.265.

39 *Ibid.* Dibandingkan dengan *CPI*, PKNK lebih tepat dalam mengukur inflasi kerana ia mengambil kira semua harga barang yang dikeluarkan oleh sesebuah negara dimana formula PKNK ialah  $\frac{KNK \text{ Harga pasar Semasa} - KNK \text{ Harga Pasar Tetap} \times 100}{KNK \text{ Harga pasar Semasa}}$  dan formula mengira kadar inflasi pula ialah  $\frac{PKNK_1 - PKNK_0}{PKNK_0} \times 100$  di mana PKNK<sub>1</sub> merupakan pendekalsi KNK tahun semasa dan PKNK<sub>0</sub> merupakan pendeflasi KNK tahun sebelumnya. Namun di Malaysia pengiraan kadar inflasi masih menggunakan *CPI*.

agar ekonomi terus berada dalam keadaan stabil<sup>40</sup> dan ini telah memberi kesan kepada pembiayaan perumahan secara Islam.

Sebagai contoh sebelum berlakunya inflasi, kadar asas pembiayaan (BFR) oleh bank-bank Islam bagi pembiayaan perumahan Islam adalah lima peratus manakala kadar pinjaman asas (BLR) bagi bank konvensional juga adalah lima peratus. Namun selepas berlaku inflasi, BNM telah mengumumkan bahawa berlaku kenaikan OPR yang menyebabkan kadar faedah iaitu BLR akan dinaikkan daripada lima peratus kepada 10 peratus. Kenaikan kadar ini telah memberi kesan bukan sahaja kepada perbankan Islam tetapi juga perbankan konvensional. Berikut merupakan analisis terperinci mengenai kesan kenaikan kadar inflasi terhadap pembiayaan perumahan secara Islam:



**Rajah 1:** Permintaan Produk Pembiayaan Perumahan Islam

Sumber: Diubahsuai daripada Hanudin dan Rosita (2007)<sup>41</sup>


Rajah 1 menunjukkan bahawa sebelum berlaku kenaikan kadar inflasi, kadar BFR yang dikenakan oleh bank-bank Islam di Malaysia dalam produk pembiayaan perumahan Islam ialah pada kadar lima peratus sahaja di mana pada tahap ini kuantiti yang diminta oleh para pelanggan terhadap pembiayaan ini berjumlah 6 juta unit. Namun selepas berlaku krisis ekonomi yang menyebabkan kadar inflasi meningkat, akhirnya mempengaruhi kerajaan memperkenalkan polisi monetari menguncup (*contractionary monetary policy*), iaitu dengan mengawal kadar inflasi ini dengan menaikkan kadar faedah di bank-bank perdagangan termasuk di bank-bank Islam. Diandaikan

40 Hanudin Amin dan Rosita Chong Abdullah (2007), *op. cit.*

41 Hanudin Amin & Rosita Chong Abdullah (2007). Substitution Effects: Do Inflation and Deflation Effect Islamic Home Financing? *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 1, h. 44-45.

ketika krisis inflasi, BNM telah mengumumkan kenaikan kadar faedah yang akhirnya menyebabkan bank-bank Islam meningkatkan BFR masing-masing daripada lima peratus kepada 10%. Ini telah menyebabkan permintaan terhadap produk pembiayaan perumahan Islam ini jatuh daripada 6 juta unit kepada 2 juta unit. Ini kerana kadar pembiayaan perumahan Islam ini dianggap mahal dan menyebabkan pelanggan mencari produk perumahan lain yang lebih murah.

Namun disebabkan perjanjian jual beli pembiayaan perumahan Islam mempunyai kadar siling dalam penentuan kadar keuntungan oleh pihak bank kepada pelanggan sebanyak lapan peratus, maka kesan penggantian terhadap kenaikan kadar faedah bagi produk pinjaman perumahan lain telah menyebabkan produk pembiayaan perumahan Islam ini meningkat semula daripada 2 juta unit kepada 4 juta unit di mana keluk permintaan berubah dari *DID1* ke *dd*. Ini kerana instrumen pinjaman perumahan perbankan konvensional juga telah bertindakbalas dengan kenaikan kadar faedah oleh BNM kesan perubahan inflasi ini. Oleh itu pembiayaan perumahan Islam ini dilihat lebih murah berbanding dengan produk pinjaman perumahan perbankan konvensional. Ini dapat dilihat dalam rajah 2.



**Rajah 2:** Permintaan Pinjaman Perumahan Konvensional

*Sumber: Diubahsuai daripada Hanudin dan Rosita (2007)<sup>42</sup>*

Gambar rajah 2 di atas menunjukkan kesan kenaikan kadar faedah terhadap permintaan pinjaman perumahan konvensional yang memberi implikasi kepada permintaan pembiayaan perumahan secara Islam. Ketika berlakunya krisis ekonomi yang memberi impak kepada kenaikan inflasi, maka BNM mengumumkan kenaikan kadar faedah bagi mengawal kadar

42 Hanudin Amin & Rosita Chong Abdullah (2007), *ibid*.



inflasi ini. Sudah pasti kenaikan kadar faedah ini telah menyebabkan kadar faedah yang dikenakan oleh pihak bank konvensional kepada pelanggan bagi produk pinjaman perumahan akan turut bertindakbalas. Ini dapat dilihat dalam gambar rajah 2 di atas yang menunjukkan bahawa sebelum berlakunya kenaikan inflasi, kadar faedah yang dikenakan oleh perbankan konvensional di Malaysia dalam produk pinjaman perumahan ialah pada kadar lima peratus di mana pada tahap ini kuantiti yang diminta oleh para pelanggan terhadap pinjaman perumahan ini berjumlah 6 juta unit.

Namun apabila berlaku krisis ekonomi yang menyebabkan kadar inflasi meningkat, akhirnya BNM telah menaikkan kadar faedah di semua bank-bank termasuk bank konvensional untuk mengawal inflasi. Di andaikan pada waktu krisis inflasi ini bank-bank konvensional telah menaikkan BLR masing-masing daripada lima peratus kepada 10%. Ini telah menyebabkan permintaan terhadap produk pinjaman perumahan secara konvensional telah jatuh daripada 6 juta unit kepada 2 juta unit sahaja. Kejatuhan permintaan ini disebabkan ramai pelanggan beralih kepada pembiayaan perumahan Islam kerana lebih murah berbanding pinjaman perumahan konvensional. Ini kerana kadar pinjaman perumahan konvensional tidak mempunyai kadar siling dan tidak memberi jaminan perancangan kewangan seperti perbankan Islam.

Justeru itu, produk pinjaman perumahan yang berteraskan faedah (riba) dan bercirikan konvensional ini dianggap lebih mahal. Ini secara tidak langsung menyebabkan pelanggan mencari produk pembiayaan perumahan Islam lain yang jauh lebih murah dan terjamin. Oleh itu peralihan pelanggan daripada pinjaman perumahan konvensional inilah yang dipanggil kesan penggantian di mana kenaikan kadar faedah oleh BNM telah menyebabkan kadar faedah menggunakan pinjaman perumahan konvensional turut meningkat tanpa ada had siling. Ini telah menjadikannya mahal dan memberi kesan kepada kenaikan permintaan pembiayaan perumahan Islam kerana produk ini dianggap lebih murah pada ketika ini berbanding instrumen pinjaman perumahan di bank konvensional. Dalam erti kata lain hubungan antara produk pembiayaan perumahan Islam dengan produk pinjaman perumahan konvensional ketika berlaku kenaikan kadar inflasi adalah positif kerana kenaikan kadar BLR pinjaman perumahan konvensional akan menyebabkan permintaan produk pembiayaan perumahan Islam meningkat. Ini juga membuktikan bahawa produk pembiayaan perumahan Islam merupakan barang pengganti yang hampir kepada produk pinjaman perumahan konvensional.

## KESIMPULAN

Hasil kajian merumuskan bahawa memang wujud perbezaan implikasi perubahan kadar inflasi terhadap produk pembiayaan perumahan Islam dengan pinjaman perumahan konvensional perbankan konvensional. Produk pembiayaan perumahan Islam lebih terjamin dalam jangka masa yang panjang. Maka tidak hairanlah pelanggan produk perbankan Islam bukan sahaja terdiri daripada pelanggan Muslim tetapi juga bukan Muslim. Kenaikan kadar inflasi akan menyebabkan kadar faedah di bank-bank konvensional meningkat dan ini akan menyebabkan bayaran bulanan oleh pembeli kepada pihak bank juga meningkat. Peningkatan yang tidak ada had maksimum menyebabkan perancangan kewangan seseorang pembeli akan sentiasa berubah. Ini memberikan kesan buruk kepada pembeli rumah yang menggunakan produk perbankan konvensional. Selain itu ini juga akan mempengaruhi permintaan produk pinjaman perumahan konvensional yang dilihat lebih mahal dan tinggi daripada perbankan Islam.

Bagi pembeli yang menggunakan produk pembiayaan perumahan Islam, sudah pasti kenaikan kadar inflasi dapat diuruskan dengan baik kerana jaminan yang diberikan oleh pihak bank kepada pembeli rumah bahawa lebihan kadar keuntungan tidak akan dikenakan melebihi kadar siling yang dipersetujui dalam perjanjian. Oleh itu para pembeli yang menggunakan produk pembiayaan perumahan Islam dapat mengatur perancangan kewangan dengan sebaiknya disebabkan wujudnya kadar siling bagi keuntungan oleh pihak bank. Dengan wujudnya kadar keuntungan siling ini juga akan menyebabkan lebih ramai pembeli akan menggunakan produk pembiayaan perumahan Islam yang dilihat lebih murah berbanding perbankan konvensional. Jelas ini memberikan petunjuk bahawa perbankan Islam lebih bersifat *sharing of risk* berbanding perbankan konvensional yang bersifat *transfer of risk*.

## RUJUKAN

- A.L. M. Abdul Gafoor (2005). *Interest, Usury, Riba and The Operational Costs of A Bank*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, h. 18.
- Ab. Mumin Ab. Ghani (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM, h. 337.
- Ahmad Hidayat Buang. (2000). *Studies In The Islamic Law of Contract: The Prohibition of Gharar*, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Angelo M. Venardos (2004). *Islamic Banking and Finance in South-East Asia: Its Development and Future*, Singapore: World Scientific, h. 47.

- Asyraf Wajdi Dusuki & Irwani Abdullah Nurdianawati. (2007). Why Do Malaysian Customer Patronize Islamic banks? *International Journal of Bank Marketing*, vol. 25, no 3, h. 142-60.
- BNM. (1999). *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan Di Malaysia; Perubahan Sedekad 1989-1999*. Kuala Lumpur.
- Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan (2000). *Ekonomi Malaysia*, h. 264, Selangor: Longman.
- Fauziah Md Taib, T.Ramayah & Abdul Razak Dusuki (2008). Factor Influencing Intention to Use Diminishing partnership Home Financing, *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. vo.1, no.3, h.235-248.
- Hanira Hanafi and Nor Hasniah Kasim (2006). The Viability of Istisna' Compared To Bai Bithaman Ajil (BBA). *Jurnal Syariah*, vol. 14, no.1, h. 35-52.
- Hanudin Amin & Rosita Chong Abdullah (2007). Substitution Effects: Do Inflation and Deflation Effect Islamic Home Financing? *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 1, h. 44-45.
- Hanudin Amin, Mohamad Rizal Hamid, Suddin Lada & Ricardo Baba (2009). Cluster Analysis for Bank Customers's Selection of Islamic Mortgage in Eastern Malaysia, *International Journal of Islamic and Middle Eastern and Management*, vol. 2, no.3, h. 213-234.
- Helmi Haris (2007). Pembiayaan Kepemilikan Rumah: Sebuah Inovasi Pembiayaan Perbankan Syariah, *Jurnal Ekonomi Islam*, vol. 1, no. 1, h. 113-126.
- Iqbal, Z & Abbas Mirakhor (2007). *An Introduction to Islamic Finance: Theory and Practice*, John Wiley & Sons, Singapore.
- Kamal Khir, Lokesh Gupta & Bala Shanmugam (2008). *Islamic Banking: A Practical Persective*, Selangor: Pearson Longman, h. 125.
- Karl E. Case & Ray C. Fair (2004). *Principles of Macroeconomics*, Edisi Ketujuh, Singapore: Prentice Hall, h. 131.
- Mohd Faisol Ibrahim (2016). Implikasi Rumah Terbengkalai Terhadap Pengguna Yang Menggunakan Pembiayaan Perumahan Islam Musyarakah Mutanaqisah. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Jld 26, h. 112-123.
- Mohd Faisol Ibrahim & Rosila Kamarudin (2014). The Islamic Home Financing in Malaysia Istisna' Base on Debt: Qualitative Approach. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, vol. 8, 27-38.

Mohd Nasir Mohd Yatim & Amirul Hafiz Mohd Nasir (2007). *The Principle and Practice of Islamic Banking and Finance*, Second Edition, Prentice Hall, h. 5.

Saiful Azhar Rosly (1999). Al-Bay' Bithaman Ajil Financing: Impact on Islamic Banking Performance, *Thunderbird International Business Review*, vol. 4194/5), h. 461-480.

# SAHAM KEUTAMAAN: SUATU DILEMA ANTARA HUTANG ATAU EKUITI

*(Preference Shares: A dilemma between debt and equity)*

Azman Mohd Noor<sup>1\*</sup>  
Muhammad Najib bin Abdurrahim<sup>\*\*</sup>

## Abstrak

Permintaan terhadap produk pasaran modal Islam telah menjadikan sektor kewangan Islam lebih berinovasi dan berkembang dengan pesat seiring dengan keperluannya. Inovasi ini telah menyaksikan pelbagai bentuk instrumen kewangan konvensional seperti bon dan saham telah melalui proses “islamisasi” melalui penerbitan instrumen Islam seperti sukuk dan sarinan saham patuh syariah. Di antara instrumen kewangan yang diterbitkan bagi menarik minat pelabur adalah saham keutamaan. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai pandangan ulama mengenai penerbitan saham keutamaan dan alternatif kepada saham keutamaan konvensional melalui aplikasi *tanazul* dan hibah.

**Kata kunci:** Saham keutamaan, *tanazul* dan hibah.

## Abstract

*A demand to the Islamic capital market products has led Islamic finance sector to innovate shariah compliant instruments to fulfill the demand. Through this innovation, we can see many conventional instruments such as bonds and shares had been converted to Islamic instrument e.g. sukuk and Shariah compliance screening or stocks. Among these instruments is preference shares. This paper will discuss on the acceptance of the preference shares from Shariah perspective and its alternatives through the application of tanazul and hibah.*

**Keywords:** Preference shares, *tanazul* and hibah.

---

1\* Profesor Madya Dr Azman Mohd Noor merupakan pensyarah di Institut Antarabangsa Perbankan dan Kewangan Islam (II/BF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga merupakan bekas ketua Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, di universiti yang sama. Beliau boleh dihubungi melalui emel: azzmann@hotmail.com atau laman sesawang: drazman.net.

\*\* Muhammad Najib bin Abdurrahim merupakan eksekutif pembangunan produk di RHB Islamic Bank. Beliau juga merupakan calon sarjana Fiqh dan Usul Fiqh di UIAM Gombak. Beliau boleh dihubungi melalui emel: muhd.najib.1989@gmail.com.

## PENGENALAN SAHAM KEUTAMAAN (*PREFERENCE SHARES*)

Saham daripada sudut bahasa bermaksud bahagian<sup>2</sup>. Di dalam sebuah hadis, Nabi Muhammad SAW bersabda

عَنْ ابْنِ سِيرِينَ، قَالَ: «كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُضْرَبُ لَهُ سَهْمٌ مِنَ  
الْغَنَائِمِ شَهِدٍ أَوْ غَابٍ»

Maksudnya:

“Daripada Ibnu Sirin, beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW diberikan saham (bahagian) daripada harta ghanimah (rampasan perang), sama ada baginda hadir atau tidak hadir (dalam peperangan).”<sup>3</sup>

Manakala daripada sudut istilah pula, menurut sebahagian pengkaji semasa seperti Dr. Fahad Saleh, saham boleh dibahagikan kepada dua definisi<sup>4</sup>, iaitu:

1. Bahagian pemilikan peserta (pemegang saham) di dalam syarikat; dan
2. Dokumen yang mewakili nilai modal sesebuah syarikat pengeluar saham atau salah satu syarikat kewangan.

Adapun saham keutamaan, ada beberapa cadangan definisi. Menurut Dr. Ismail Ibrahim, saham keutamaan adalah saham yang mendapat keutamaan daripada sudut pembayaran dividen sebelum pembayaran dividen dikeluarkan kepada pemegang saham biasa (*ordinary shares*)<sup>5</sup>. Definisi yang diberikan oleh Ismail menyentuh mengenai sifat saham keutamaan berbanding saham biasa secara umum iaitu daripada aspek penerimaan dividen lebih awal berbanding saham biasa.

Menurut Dr. Muhammad Uthman Syabir pula, saham keutamaan adalah<sup>6</sup>:

وهي التي تعطي صاحبها حقوقا خاصة لا توجد في الأسهم العادية لجذب  
الجمهور للاكتتابها

2 Muhammad bin Mukarram. 1993. *Lisanul 'Arab*. Jil.12. Beirut: Dar al-Sadr, ms.308.

3 Said bin Mansur al-Jauzajani. 1982. *Sunan Sa'id bin Mansur*. Ed. Habibul Rahman al-'Azami. Jil.2. India: Dar al-Salafiyah. Bab Apa Yang Datang Pada Bahagian Nabi SAW. Nom.2679.

4 Fahad Salih Muhammad al-'Aridh. 2010. *Ahkam Tamwil al-Istismar fi al-Ashum*. Riyadh: Dar Kunuz Isybilyya. ms.44.

5 Ismail Ibrahim. 1994. *Saham Dan Pasaran Saham*. Cet.3. Ed.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. ms.64.

6 Muhammad Uthman Syabir. 2007. *Al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah fi al-Fiqh al-Islami*. Cet.6. Beirut: Dar al-Nafais, ms.201.

Maksudnya:

*“Saham yang memberi pemegangnya hak yang khusus yang tidak ada pada pemegang saham biasa (diterbitkan) untuk menarik pelabur”.*

Definisi Dr. Muhammad Uthman pula lebih komprehensif berbanding Ismail, namun ia tidak menyatakan keistimewaan yang diberikan kepada pemegang saham keutamaan secara khusus.

Dr. Husyar Ma‘ruf pula memberikan definisi yang sedikit berbeza<sup>7</sup>:

وهي الأسهم التي تلجأ إليها الشركات عند محاولتها تحفيز المستثمرين للاكتتاب بالمساهمة في توسيع رأسمالها وتمويل مشروعاتها الجديدة أو في مواجهة بعض صعوباتها المالية.

Maksudnya:

*“Saham keutamaan adalah saham yang diterbitkan oleh syarikat dalam percubaan untuk menarik pelabur membeli saham tersebut bagi menambahkan modal dan mendapatkan dana bagi membiayai projek-projek baru atau ketika berhadapan dengan masalah kewangan”.*

Dalam definisi ini, Husyar menyentuh dengan lebih lanjut mengenai tujuan penerbitan saham keutamaan tanpa menyentuh mengenai kelebihan yang ada padanya.

Dr. Fahad Salih pula membawa definisi yang lebih komprehensif<sup>8</sup>:

وهي الأسهم التي تخول أصحابها حقاً لحصول على أولوية في قبض ربح معين، أو أولوية في استرداد ما دفع من رأس المال عند التصفية، أو أولوية في الأمرين معاً، أو أية ميزة أخرى لا تتوفر لأصحاب الأسهم العادية.

Maksudnya:

*“Saham keutamaan adalah saham yang memberi pemiliknya hak untuk menerima dividen lebih awal berbanding saham biasa, atau mendapat kembali modal ketika penggulungan syarikat, atau kedua-duanya, ataupun keistimewaan lain yang tidak dimiliki oleh pemegang saham biasa”.*

Menurut seksyen 4, Akta Syarikat 1965, saham keutamaan bermaksud:

*“Satu saham dengan apa-apa pun namanya dipanggil, yang tidak*

7 Husyar Ma‘ruf. 2009. *Al-Istisamarat wa al-Aswaq al-Maliyah*. Dar al-Safa: Amman, ms.100.

8 Fahad Salih Muhammad al-‘Aridh. 2010. *Ibid*. ms.56.

*memberikan hak kepada pemegangnya hak untuk mengundi di dalam mesyuarat agung atau kepada apa-apa hak untuk memiliki melebihi amaun yang ditetapkan dalam apa-apa pembahagian sama ada secara dividen atau ke atas penebusan, dalam sesuatu penggulangan atau selainnya.”*

Berdasarkan definisi-definisi di atas dan amalan industri, kebiasaannya pemegang saham keutamaan mendapat beberapa keistimewaan berbanding pemegang saham biasa di antaranya seperti berikut:

1. Pemegang saham keutamaan akan menerima dividen mereka lebih awal berbanding pemegang saham biasa.
2. Sekiranya syarikat dibubarkan, pemegang saham keutamaan akan mendapat keutamaan daripada sudut pengagihan aset. Ini bermaksud, risiko yang ditanggung oleh pemegang saham keutamaan lebih rendah berbanding pemegang saham biasa kerana mereka mempunyai hak keutamaan dan didahulukan ke atas aset syarikat yang dibubarkan lebih awal berbanding pemegang saham biasa, sedangkan pemegang saham biasa hanya berhak ke atas aset yang berbaki daripada keseluruhan aset setelah dibayar modal pemegang saham keutamaan.
3. Pemegang saham keutamaan juga berhak untuk menerima kadar dividen yang tetap dan tidak bergantung kepada jumlah keuntungan yang diperoleh daripada syarikat. Dividen yang diterima adalah tetap, terjamin dan kumulatif.

Namun begitu, pemegang saham keutamaan tidak memiliki keistimewaan secara mutlak. Pemegang saham keutamaan tidak diberikan hak untuk mengundi bagi menentukan hala tuju, dasar, polisi dan pentadbiran syarikat, berbeza dengan pemegang saham biasa yang diberikan hak untuk melakukan sedemikian. Hak mengundi dan menghadiri mesyuarat agong tahunan syarikat adalah kelebihan yang diberikan kepada pemegang saham biasa berbanding saham keutamaan.

Selain itu, saham keutamaan juga mempunyai beberapa jenis yang tersendiri, setiap jenis ini mempunyai kelebihan yang tersendiri, antaranya<sup>9</sup>:

### **1. Boleh Ditebus (*Callable*)**

Saham ini memberikan kelebihan kepada syarikat yang mengeluarkan saham untuk membeli kembali saham yang diterbitkan pada harga yang tetap pada

---

9 *What are the types of preference share?* <http://www.accountingtools.com/questions-and-answers/what-are-the-types-of-preference-shares.html>, diakses pada 2/11/2016



masa akan datang. Saham jenis ini memberikan kelebihan kepada syarikat pengeluar saham kerana mereka boleh membeli semula saham yang diterbitkan dengan nilai yang lebih rendah berbanding harga pasaran mengikut nilai yang telah ditetapkan.

## **2. Boleh Ubah (Convertible)**

Pemegang saham ini mempunyai pilihan, bukan kewajipan untuk menukar sahamnya kepada saham biasa pada jumlah yang sama. Saham jenis ini menguntungkan pemegangnya apabila nilai saham biasa naik melebihi saham keutamaan.

## **3. Kumulatif (Cumulative)**

Sekiranya syarikat gagal membayar dividen kepada pemegang saham keutamaan pada tahun tersebut, maka akan dianggap sebagai berhutang dengan pemegang saham. Syarikat juga tidak boleh membayar dividen kepada pemegang saham biasa sehingga dividen yang sepatutnya diterima oleh pemegang saham keutamaan dilangsaikan.

## **4. Bukan Kumulatif (Non-cumulative)**

Berbeza dengan saham keutamaan jenis *cumulative*, sekiranya syarikat gagal untuk membayar dividen kepada pemegang saham keutamaan pada tahun tersebut, syarikat tidak dianggap berhutang dengan pemegang saham keutamaan.

## **5. Perkongsian (Participation)**

Sekiranya terdapat klausa perkongsian (*participation*) dalam perjanjian saham, syarikat perlu membayar dividen tambahan kepada pemegang saham keutamaan.

Daripada definisi dan ciri-ciri di atas, boleh dicadangkan bahawa pemegang saham keutamaan bukanlah pemilik sesebuah syarikat atau ekuitinya, tetapi memiliki kepentingan ke atas syarikat tersebut.

## **HUKUM MENERBITKAN SAHAM KEUTAMAAN**

Beberapa ulama dan badan fatwa telah mengharamkan penerbitan saham keutamaan seperti berikut:

## 1. The Accounting Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI)

Penerbitan saham keutamaan yang mempunyai keistimewaan daripada sudut kewangan yang memberi kelebihan kepada pemegangnya apabila berlaku pencairan aset atau pengagihan keuntungan adalah dilarang<sup>10</sup>.

Selain itu, piawai nombor 4/1/2/14 pula dengan lebih jelas menyentuh mengenai pengharaman saham keutamaan<sup>11</sup>:

*“It is not permitted to issue preference shares, i.e. shares that have special financial characteristics that give them a priority at the date of liquidation of the company or at the date of distribution of profit. However, in addition to being entitled rights attached to common shares, certain procedural and administrative privileges, such as right of vote.”*

## 2. Majma' al-Fiqh al-Islami<sup>12</sup>

Majma' al-Fiqh al-Islami pada persidangannya pada tahun 1992 telah mengeluarkan resolusi mengenai saham keutamaan seperti berikut:

لا يجوز إصدار أسهم ممتازة، لها خصائص مالية تؤدي إلى ضمان رأس المال أو ضمان قدر من الربح أو تقديمها عند التصفية، أو عند توزيع الأرباح. ويجوز إعطاء بعض الأسهم خصائص تتعلق بالأموال الإجرائية أو الإدارية.

Maksudnya:

*“Penerbitan saham keutamaan adalah dilarang kerana sifatnya yang menjamin modal atau jaminan terhadap kadar keuntungan tertentu atau hak didahulukan ketika penggulangan atau ketika pembahagian keuntungan. (Walaupun bagaimanapun) dibolehkan pemberian keistimewaan kepada sesetengah saham daripada aspek prosedur dan pentadbiran”.*

Fatwa web Islam QA<sup>13</sup>

لا يوجد في الشريعة الإسلامية عقد يبيح للشخص أن يدفع نقوده لآخر ، ليأتيه بها بعد مدة وعليها ربح مضمون ، فإن هذا – وإن سماه الناس بما أسموه – حرام باتفاق أهل العلم ، وهو إما صورة من صور الربا ، أو صورة من

10 AAOIFI. Piawai Syariah Nom. 21 (2/6)

11 AAOIFI. Piawai Syariah Nom. 21 (4/1/2/14)

12 Majma' Fiqh Islami: 63 (1/7) 1992. <http://www.iifa-aifi.org/1845.html>.

13 Fatwa nom.182258. <https://islamqa.info/ar/182258>, diakses pada 2/11/2016.

صور المشاركات الفاسدة المحرمة. فالسهم يمثل حصة شائعة في الشركة، ومالك السهم يشارك الشركة في الربح والخسارة؛ لأنه شريك ومالك لجزء من الشركة .

Maksudnya:

“Tidak ada di dalam Syariah sebarang kontrak membolehkan seseorang mengeluarkan modal, kemudian mendapat keuntungan yang dijamin selepas masa tertentu, bahkan ia sebenarnya haram mengikut kesepakatan ahli ilmu kerana ia merupakan satu bentuk riba ataupun musyarakah yang fasid. Saham pada hakikatnya mewakili nilai aset yang tidak terbahagi di dalam syarikat, manakala pemegang saham berkongsi keuntungan dan kerugian, kerana mereka merupakan rakan kongsi dan pemilik sebahagian daripada syarikat.”

Walau bagaimanapun, terdapat pendapat yang membenarkan penerbitan saham keutamaan dengan syarat ia tidak melibatkan kelebihan daripada sudut kewangan seperti pemberian dividen ataupun pencairan aset kepada pemegangnya, namun hanya memberi kelebihan terhadap beberapa perkara yang bersifat pentadbiran seperti kelebihan suara di dalam mesyuarat agung tahunan berbanding pemegang saham biasa. Persoalan ini telah dikemukakan dalam laman *Islamweb* sepertimana berikut<sup>14</sup>:

فمن أنواع الأسهم الممتازة أسهم ذات أولوية في الحقوق غير المالية يكون لأصحابها عدد من الأصوات في الجمعيات العمومية زيادة على تلك التي تقرر للأسهم العادية، وهذا النوع من الأسهم فيه قولان للمعاصرين: الأول: أنه لا يجوز إصدارها ولا تداولها، لأن هذه الأسهم فيها تفاوت في الحقوق لا مبرر له والأصل تساوي الشركاء في الحقوق. الثاني: أنه يجوز إصدارها وتداولها، لأن الامتياز في هذه الأسهم ليس في الحقوق المالية، وإنما يعود إلى الجوانب الإدارية، ولكن يشترط أن يكون هذا الامتياز منصوصاً عليه في قانون الاكتتاب ويعيداً عن الاستغلال.

Maksudnya:

“Antara jenis saham keutamaan adalah saham yang memberikan pemegangnya keistimewaan yang bukan bersifat kewangan, akan tetapi memberikan keistimewaan kepada pemegangnya daripada sudut suara berbanding pemegang saham biasa pada mesyuarat agung tahunan. Terdapat

14 Fatwa no.128940. <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaId&Id=128940&RecID=0&srchwords=%C7%E1%C3%D3%E5%E3%20%C7%E1%E3%E3%CA%C7%D2%C9&R1=1&R2=0>, diakses pada 1/11/2016.

dua pandangan ulama kontemporari mengenai penerbitan saham keutamaan jenis ini:

1. Penerbitan saham keutamaan adalah tidak dibenarkan kerana pada saham ini terdapat perbezaan yang tidak munasabah daripada sudut keistimewanya berbanding saham biasa, sedangkan kaedah yang sebenar adalah perkongsian hak antara pemegang saham.
2. Dibenarkan untuk menerbitkan saham keutamaan kerana keistimewaan yang diterima oleh pemegang saham keutamaan bukanlah pada hak kewangan, tetapi hanya berbentuk pentadbiran. Walau bagaimanapun, disyaratkan bahawa keistimewaan ini hendaklah termaktub dalam perjanjian penerbitan saham dan tidak disalahgunakan.”

Pandangan ini selari dengan pandangan *Majma' al-Fiqh al-Islami* mengenai penerbitan saham keutamaan yang tidak melibatkan kelebihan kepada pemegangnya daripada sudut kewangan<sup>15</sup>:

ويجوز إعطاء بعض الأسهم خصائص تتعلق بالأموال الإجرائية أو الإدارية.

Maksudnya:

“(Walaupun) dibenarkan untuk menerbitkan saham yang memberikan kelebihan kepada pemegangnya dari sudut prosedur dan pentadbiran.”

Pandangan yang sama juga diutarakan oleh Dr. Mubarak Sulaiman di dalam kitabnya, *Ahkam al-Ta'umul fi al-Aswaq al-Maliyah al-Mu'asirah*<sup>16</sup>:

15 *Majma' Fiqh Islami*, 1992, 63 (1/7).

16 Mubarak bin Sulaiman. 2005. *Ahkam al-Ta'umul fi al-Aswaq al-Maliyah al-Mu'asirah*. Jil.1. Riyadh: Dar Kunuz Isybiliyya. ms.153.

اختلف في حكم إصدار الأسهم الممتازة ذات الصوت المتعدد على قولين:  
القول الأول: الجواز، وإليه ذهب الدكتور علي محيي الدين القرة داغي، ولكنه اشترط لذلك أن يكون هذا الامتياز منصوباً عليه في قانون الاكتتاب، وبعيداً عن الاستغلال.  
ولعل هذا النوع من الأسهم هو المراد بما جاء في قرار مجمع الفقه الإسلامي السابق، حين نص على جواز إعطاء بعض الأسهم خصائص تتعلق بالأموال الإجرائية، أو الإدارية.  
وحجة أصحاب هذا القول أن هذا الامتياز لا يعود إلى الجوانب المالية، وإنما يعود إلى الجوانب الإدارية والإشراف على العمل، الذي يتحكم فيه الاتفاق، وليس فيه أي مخالفة لنصوص الشرع، ولا لمقتضى عقد الشركة.  
القول الثاني: عدم الجواز، وإليه ذهب جملة من الباحثين، منهم عبد العزيز الخياط، والدكتور صالح بن زابن المرزوقي، والدكتور محمد رواس قلعه جي، والدكتور محمد عبد الغفار الشريف، والدكتور عطية فياض، والدكتور محمد صبري هارون، والدكتور أحمد محيي الدين أحمد.  
وحجة أصحاب هذا القول أن الواجب تساوي الشركاء في الحقوق، ومن هذه الحقوق التساوي في الأصوات بحسب الأسهم، كما أن منح صاحب هذا السهم أكثر من صوت مع أنه يتساوي مع غيره في قيمة السهم يؤدي إلى وقوع الضرر، حيث تتحكم أقلية في قرارات الشركة.

Ulama berbeza pandangan terhadap penerbitan saham keutamaan yang memberikan kelebihan kepada pemegangnya daripada sudut suara (dalam mesyuarat agung) kepada dua pendapat:

Pertama: Diharuskan. Ini merupakan pandangan Dr. Ali Muhyiddin al-Quradaghi. Namun beliau mensyaratkan bahawa keistimewaan ini perlu dinyatakan pada dokumen perjanjian dan tiada sebarang manfaat kewangan.

Selain itu, saham keutamaan sebegini juga menepati maksud saham keutamaan yang diharuskan oleh *Majma' al-Fiqh al-Islami* yang membenarkan penerbitan saham keutamaan yang memberi keistimewaan daripada sudut pentadbiran.

Alasan yang digunakan adalah saham keutamaan jenis ini tidak memberikan apa-apa kelebihan kepada pemegangnya daripada sudut kewangan, tetapi hanya memberikan keistimewaan daripada sudut pentadbiran dan menentukan hala tuju syarikat yang memerlukan kepada persetujuan. Perkara ini tidak bercanggah dengan nas-nas syarak, tidak bersalahan dengan matlamat kontrak perkongsian (*syirkah*).

Kedua: Tidak harus. Pendapat ini merupakan pendapat Dr. Abdul Aziz al-Khayyat, Dr. Saleh bin Zabir al-Marzuki, Dr. Muhammad Rawas Qal'aji, Dr. Muhammad Abdul Ghaffar al-Syarif, Dr. 'Atiyyah Fayyadh dan Dr Ahmad Mahyuddin Ahmad.

Mereka berpendapat bahawa wajibnya persamaan hak dalam kalangan pemegang saham, dan antara hak ini adalah hak bersuara mengikut pegangan saham. Pemegang saham keutamaan mempunyai keistimewaan melebihi pemegang saham biasa.

## ANALISIS HUKUM

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga faktor yang dikenal pasti sebagai alasan untuk menolak keharusan saham keutamaan:

### 1. Bertentangan Dengan Konsep Asas (*Muqtada 'Aqad*) Kontrak *Musyarakah*.

Dalam kontrak *musyarakah*, peserta bersetuju untuk bersama menanggung risiko kerugian dan berkongsi keuntungan yang telah dipersetujui melalui perjanjian ketika menandatangani kontrak. Dalam mengulas perkara ini, Ensiklopedia Fiqh menegaskan:

كان سائغا في شركة العنان أن يتساوى المملان ويتفاضل الشريكان في الربح،

وأن يتفاضل المالان ويتساوى الربحان - على نحو ما وضعنا لا بإطلاق، ولا حين لا يتعرض لشرط العمل: وإلا فالشرط باطل، والربح بحسب المالكين. أما الخسارة فهي أبدا بقدر المالكين لأنها جزء ذاهب من المال، فيتقدر بقدره.

Maksudnya:

*“Boleh berlaku di dalam syirkah al-‘inan peserta menyumbangkan modal pada nilai yang sama tetapi mendapat keuntungan yang berbeza (daripada peserta lain), atau menyumbang modal lebih (daripada peserta lain) tetapi mendapat pulangan keuntungan yang sama (sebagaimana yang disebut di dalam kajian kami) bukan secara mutlak dan tidak pula bertentangan dengan syarat pelaksanaan kerja. Sekiranya ia bertentangan, maka syarat perjanjian tersebut terbatal dan keuntungan hendaklah diberikan mengikut kadar sumbangan modal. Daripada sudut kerugian pula, ia mestilah mengikut kadar modal yang disumbangkan kerana ia adalah sebahagian daripada apa yang pergi (hilang) daripada harta (modal), maka ia hendaklah dikira mengikut kadarnya (modal).”<sup>17</sup>*

Piawai Syariah AAOIFI mengenai *musyarakah* pula menyebut<sup>18</sup>:

*“Sharikat al-‘inan is a partnership between two or more parties whereby each partner contributes a specific amount of money in a manner that gives each one a right to deal in the assets of the partnership, on condition that the profit is distributed according to the partnership agreement and that the losses are borne in accordance with the contribution of each partner to the capital.”*

Bagi pemegang saham keutamaan, mereka bukan sahaja berhak menerima dividen walaupun syarikat menanggung kerugian, bahkan mereka berhak untuk mendapat dividen melebihi kadar yang dipersetujui berbanding pemegang-pemegang saham biasa yang lain disebabkan keistimewaan yang diterima dan dipersetujui dari awal. Di dalam kes kerugian syarikat, pemegang saham keutamaan tidak menanggung kerugian. Kadar nisbah keuntungan yang berbeza mungkin dapat dipertimbangkan keharusannya, tetapi apabila kerugian tidak ditanggung langsung, ia menimbulkan persoalan keharusannya. Kelebihan ini secara jelas bertentangan dengan konsep perkongsian risiko dalam prinsip asas kontrak *musyarakah* seperti yang telah dijelaskan di atas.

17 Kementerian Waqaf dan Hal Ehwat Islam Kuwait.t.t. *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Jil.26. Mesir: Dar al-Sofwah. ms.62.

18 AAOIFI, Piawai Syariah Nom.21 (3/1).

Selain itu, kaedah fiqh juga menyebut **الْغُرْمُ بِالْغَنَمِ** yang bermaksud kelayakan untuk mendapatkan keuntungan adalah disyaratkan dengan penanggung kerugian. Ia berkait rapat dengan pemilikan, di mana pemilik akan menanggung kerugian harta yang dimilikinya begitu juga keuntungan yang dihasilkan daripadanya. Dalam konsep saham keutamaan, kelebihan mendapat pulangan tetap atau didahulukan ke atas pemegang saham biasa diberikan kepada pemegang saham keutamaan tanpa mengira prestasi semasa sesebuah syarikat yang mengeluarkan saham tersebut. Pemegang saham keutamaan tetap menerima pulangan menurut perjanjian yang telah termaktub walaupun syarikat mengalami kerugian pada tahun tersebut.

## 2. Jaminan Terhadap Keuntungan dan Syubhah Riba.

Bagi pemegang saham keutamaan, mereka mendapat keistimewaan daripada sudut jaminan dividen tanpa mengira sama ada syarikat perkongsian tersebut untung atau rugi, sedangkan menurut perspektif syarak, jaminan keuntungan di dalam pelaburan khasnya yang menggunakan akad *al-syirkah* seperti ini adalah dilarang sama sekali. Piawai syariah AAOIFI menyebut<sup>19</sup>:

*“All partners in a Sharika contract maintain the assets of the Sharika on a trust basis. Therefore, no one is liable except in cases of misconduct, negligence or breach of contract. It is not permitted to stipulate that a partner in Sharika contract guarantees the capital of another partner.”*

Kontrak *musyarakah* pada hakikatnya merupakan kontrak yang melibatkan amanah (*trust*) di antara peserta ketika mengeluarkan modal dan menguruskan perniagaan. Justeru itu, ia tidak dibenarkan untuk sebarang jaminan terhadap modal atau keuntungan daripada peserta yang lain. Piawai syariah berkaitan menyatakan<sup>20</sup>:

*“It is not permissible to stipulate in trust (fiduciary) contracts, e.g. agency contracts or contracts of deposits, that a personal guarantee or pledge of security be produced, because such a stipulation is against the nature of trust (fiduciary) contracts, unless such a stipulation is intended to cover cases of misconduct, negligence or breach of contract. The prohibition against seeking a guarantee in trust contracts is more stringent in musharaka and mudaraba contracts, since it is not permitted to require from a manager in the mudaraba or musharaka contract or an investment agent or one of the partners in these contracts to guarantee the capital, or to promise a guaranteed profit.*

19 AAOIFI. Piawai Syariah Nom. 21 (3/1/4/1)

20 AAOIFI. Piawai Syariah Nom. 5 (2/2/1)

*Moreover, it is not permissible for these contracts to be marketed or operated as a guaranteed investment.”*

Di dalam *Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah* pula menyebut:

الأمانة غير مضمونة. يعني على تقدير هلاكها أو ضياعها بدون صنع الأمين  
وتقصيره فلا يلزم الضمان.

Maksudnya:

*“(Kontrak) amanah tidak boleh dijamin, sekiranya ia musnah atau hilang bukan disebabkan oleh perbuatan pemegang amanah dan bukan disebabkan kecuaiannya, maka tidak diwajibkan jaminan (ke atas kehilangan atau kerosakan) padanya.”<sup>21</sup>*

Penulis berpandangan bahawa isu utama bagi saham keutamaan ialah jaminan keuntungan yang tetap. Jaminan keuntungan tetap ini ada kesamaan dengan pinjaman berfaedah (riba). Ia adalah tarikan kepada pelabur, pada masa yang sama ia melibatkan riba atau syubhah riba.

### 3. Layanan Tidak Adil Terhadap Pemegang Saham

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, pemegang saham keutamaan mendapat beberapa kelebihan berbanding pemegang saham biasa terutama dari sudut penerimaan dividen dan kecairan aset syarikat.

Seseorang pemegang saham keutamaan tidak dibezakan melalui nilai modal yang dilaburkan kepada sesebuah syarikat, tetapi ia dibezakan dengan pemegang saham hanya melalui hak-hak yang tertakluk kepada jenis saham yang ia miliki walaupun pada satu sudut yang lain, pemegang saham biasa mungkin melaburkan modal yang lebih berbanding pemegang saham keutamaan tersebut.

Perkara tersebut jelas menunjukkan ketidakadilan dalam saham keutamaan. Allah SWT telah memerintahkan setiap manusia untuk berlaku adil sesama manusia. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ

21 *Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah* (Perkara 768). Nur Muhammad Karkhaneh Tiajarat Kutub, Karachi.



Maksudnya:

“*Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu untuk berlaku adil dan bersikap ihsan (baik)*”<sup>22</sup>

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis *qudsi*:

يا عبادي إني حرمت الظلم على نفسي، وجعلته بينكم محرماً، فلا تظالموا

Maksudnya:

“*Wahai hambaku! sesungguhnya aku mengharamkan perbuatan zalim ke atas diriku, dan aku jadikan ia haram di antara kamu, maka janganlah kamu berlaku zalim*”<sup>23</sup>

## **SAHAM KEUTAMAAN PATUH SYARIAH (*ISLAMIC PREFERENCE SHARE*)**

Sebagai alternatif kepada saham keutamaan konvensional, ulama kontemporari telah memperkenalkan konsep *tanazul* dan hibah dalam aplikasi saham keutamaan yang melibatkan keistimewaan dari sudut kewangan. Namun begitu, aplikasi ini hanyalah tertakluk kepada saham keutamaan bukan kumulatif sahaja (*non-cummulative preference share*) berdasarkan kepada resolusi Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang ke-20 pada 14 Julai 1999. Bahagian pertama topik ini membincangkan mengenai aplikasi *tanazul* dalam saham keutamaan dan diikuti dengan aplikasi hibah.

### **Aplikasi *Tanazul* Dalam Saham Keutamaan**

Terdapat beberapa situasi prinsip *tanazul* diaplikasikan dalam saham keutamaan, antaranya:

#### **Situasi 1**

*Tanazul* yang diberikan oleh pemegang saham biasa kepada pemegang saham keutamaan. Pemegang saham biasa bersetuju untuk *tanazul* hak mereka di dalam mendapatkan keuntungan dengan membenarkan pemegang saham utama mendapat keuntungan terlebih dahulu berdasarkan kadar yang tertentu (umpamanya 4%). Kebiasaannya *Tanazul* melalui situasi ini berlaku di awal kontrak (*upfront*).

---

22 Al-Quran, Surah Al-Nahl: 90.

23 Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Bab Pengharaman Kezaliman (4/55)

## Situasi 2

Pemegang saham keutamaan melakukan *tanazul* untuk menghadkan keuntungan mereka hanya untuk kadar tertentu sahaja (umpamanya 4%), dan mereka bersetuju untuk *tanazul* hak mereka bagi mendapatkan untung yang lebih daripada kadar tersebut (4%). Oleh itu, jika keuntungan yang diperolehi syarikat didapati melebihi nisbah perkongsian tertentu atau jangkaan keuntungan tertentu, mereka bersetuju untuk menerima keuntungan hanya sehingga 4% sahaja daripada nisbah modal mereka, selebihnya diberikan kepada pemegang saham biasa.

## Situasi 3

*Tanazul* yang diberikan oleh pemegang saham biasa kepada saham utama iaitu apabila berlaku situasi “*winding-up*” ke atas syarikat, pemegang saham biasa bersetuju untuk memberi *tanazul* hak mereka kepada pemegang saham keutamaan. Pemegang saham keutamaan akan mendapat prioriti untuk mendapat kembali modal sumbangan mereka. Hanya setelah mereka mendapatkan kembali modal mereka, maka pemegang saham biasa akan mendapat hak untuk mendapatkan modal mereka secara *pari passu* antara mereka. Namun begitu, ia bergantung kepada keadaan sekiranya terdapat baki. Sekiranya tidak, maka mereka tidak akan mendapat apa-apa.

## Situasi 4

*Tanazul* daripada hak mengundi dan urusan pentadbiran syarikat.

## Konsep *Tanazul* dan Pelaksanaannya di dalam Saham Keutamaan<sup>24</sup>

*Tanazul* adalah istilah yang biasa digunakan oleh para ilmuwan kontemporari dalam membincangkan isu sistem kewangan Islam. *Tanazul* membawa kepada maksud pengguguran hak seseorang, namun ia juga boleh membawa kepada pengertian ‘*isqat*. Secara ringkasnya, dari segi literal, *isqat* bererti menggugurkan, manakala daripada segi teknikal, ilmuwan Islam mentakrifkan *tanazul* sebagai “satu perbuatan melepaskan hak pemilikan atau tuntutan ke atas pemilikan dan hak.

Para fuqaha bersepakat ke atas keharusan *ibra’* atau *tanazul* dalam situasi sekiranya sesuatu yang hendak ditanazul telah wujud contohnya perolehan keuntungan di dalam perniagaan. Di antara isu *tanazul* yang biasa ditimbulkan

24 Azman Mohd Noor & Muhamad Nasir Haron. T.t. *Aplikasi Tanazul Dan Isu-Isu Syariah Dalam Sukuk Berasaskan Kontrak Ekuiti*, Jurnal Muamalat, Jakim, Bil.8 2015/2016H. ms.5.

adalah berkaitan dengan perjanjian seseorang atau beberapa rakan kongsi dengan rakan kongsi lain untuk menggugurkan haknya pada masa hadapan yang belum diketahui, sebagai contoh, keuntungan dalam pelaburan.

Menurut pandangan majoriti fuqaha, *tanazul* yang diberikan di awal kontrak adalah tidak dibenarkan dan tidak mempunyai kesan ke atasnya. Pandangan ini mengambil kira syarat utama bagi *ibra*<sup>25</sup>, iaitu *ibra* hanya berlaku selepas sesuatu hak pendasar wujud kerana *ibra* pada asalnya hanya melibatkan pelepasan sesuatu yang sudah ada seperti hutang yang telah wujud. Pandangan ini telah disepakati oleh semua mazhab kecuali mazhab Maliki.

Menurut pandangan mazhab Maliki, contoh menggugurkan hak sebelum wujud adalah menggugurkan hak *shuf'ah* sebelum berlakunya jualan. Antara contoh lain adalah keharusan aplikasi *tanazul* ke atas tuntutan pampasan bagi kecederaan pada masa akan datang atau *tanazul* yang dilakukan oleh pewaris-pewaris sesama mereka yang berhak terhadap harta pusaka yang akan diwarisi sebelum berlaku kematian atau sebelum agihan harta tersebut, atau diberikan lebih daripada satu pertiga harta pusaka bagi pihak ketiga.<sup>26</sup>

## ANALISIS HUKUM

Berdasarkan pendapat ulama di atas, dapat disimpulkan bahawa majoriti ulama kecuali mazhab Maliki tidak membenarkan amalan *tanazul* pada awal kontrak bagi hak yang belum wujud pada masa akan datang. Pandangan mazhab Malik boleh dipertimbangkan untuk mengharuskan aplikasi *tanazul* dalam saham keutamaan bukan kumulatif selagi mana konsep *syirkah* iaitu perkongsian keuntungan dan kerugian di kalangan semua pemegang saham masih ada.

Pandangan mazhab Maliki yang membenarkan pengguguran hak syuf'ah juga amat sesuai untuk dipertimbangan kerana ia melibatkan sesuatu syarat yang dipersetujui daripada awal aqad jual beli tanpa menjejaskan keharusan dan keabsahan jual beli. Di dalam saham keutamaan, pembeli saham keutamaan bersedia menggugurkan keuntungan yang melebihi jankaan nisbah keuntungan, dan bagi pihak pemegang saham biasa, mereka bersetuju dari

---

25 Ibn Al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin Abd Wahid. *Sharh Fath al-Qadir ala al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Fikr, jil.7, ms.41 dan 44 ke atas; Ibn Abidin. *Hasyiat Rad al-Muhtar*, jil.4, ms.176; Al-Kasani, *Badai'*, jil.6, ms.45,50, dan 118; Al-Dardir. *Al-Syarh al-kabir*, jil, 2, ms.307; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jil.4, ms.483 ke atas.

26 Ibn Al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin Abd Wahid. *Sharh Fath al-Qadir ala al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Fikr, jil.7, ms.41-44; Ibn Abidin. *Hasyiat Rad al-Muhtar*, jil.4, ms.176; jil.4, ms.330; Al-Kasani, *Badai'* jil.6, ms..45,50,118.

awal untuk menggugurkan tuntutan perkongsian keuntungan yang sama rata dengan pemegang saham keutamaan.

### **Aplikasi Hibah Dalam Saham Keutamaan**

Sepertimana yang telah dijelaskan oleh penulis sebelum ini, selain *tanazul*, konsep hibah juga turut diaplikasi dalam saham keutamaan. Hal ini berlaku apabila syarikat gagal mengumumkan dividen akibat kerugian atau dividen tidak mencapai sasaran yang diletakkan. Dalam situasi ini, syarikat bersetuju untuk memberikan hibah kepada pemegang saham berdasarkan *wa'ad* (janji) yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh syarikat kepada pemegang saham keutamaan sebelum penerbitan saham tersebut (*hibah mu'allaqah*).

Justeru, penulis akan membincangkan mengenai perbahasan ulama' dalam isu *hibah mu'allaqah* yang menjadi asas kepada konsep hibah dalam saham keutamaan.

### **Pengertian Hibah Mu'allaqah**

Secara ringkas, para fuqaha mentakrifkan *hibah* sebagai "*tamlik al-'ain bi duni 'iwad*"<sup>27</sup> yang bermaksud memindahkan hak milik tanpa mengharapkan sebarang timbal balik (pulangan). *Hibah mu'allaqah* pula dapat difahami sebagai pemberian bersyarat yang bergantung kepada berlakunya sesuatu peristiwa. Sebagai contoh, A menghibahkan B rumahnya, namun A memberikan syarat bahawa rumah tersebut hanya akan menjadi milik B selepas A meninggal dunia. Selepas A meninggal dunia, maka secara automatiknya rumah tersebut menjadi milik B.

Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa *hibah* jenis ini (*hibah mu'allaqah*) hanya sah dan mengikat selepas syarat-syarat yang diletakkan terlaksana atau dipenuhi. Walau bagaimanapun, para fuqaha berbeza pandangan terhadap hukum *hibah mu'allaqah* kepada dua pandangan:

### **Pandangan Pertama: Sah serta Mengikat**

Pandangan ini merupakan pandangan ulama mazhab Hanafi, Maliki dan sebahagian ulama mazhab Hanbali, khususnya Ibnu Taimiyyah dan Ibn Qayyim. Kedua mereka berpendapat bahawa *hibah* bersyarat ini sah dan mengikat apabila segala syarat pada *hibah* ini dipenuhi.

---

27 Al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, jil.2, ms.396

Pandangan mazhab Hanbali yang mengharuskan *hibah mu'allaqah* adalah seperti yang dinukilkan dalam “al-Insaf” yang menyebut<sup>28</sup>:

«ظاهر كلام الإمام أحمد في رواية أبي الحارث صحة دفع كل واحد من الزوجين إلى الآخر مالا على أن لا يتزوج.. ومن لم يف بالشرط لم يستحق العوض ، لأنها هبة مشروطة بشرط فتنفاه»

Maksudnya:

“Adalah sah (hukumnya) sekiranya seorang suami dan isteri saling memberikan hadiah (hibah) dengan syarat suami tersebut tidak akan berkahwin untuk kali kedua, namun sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi, maka hadiah (hibah) tersebut tidak boleh dituntut (bahkan si suami tidak layak mendapat hibah tersebut). Hal ini kerana hibah tersebut terikat dengan syarat, maka ia akan gugur apabila syarat yang diletakkan tidak ditunaikan.”

Sepertimana yang telah dinyatakan, Ibn Taimiyyah cenderung untuk menerima pandangan yang mengharuskan *hibah mu'allaqah* dengan apa-apa sahaja syarat<sup>29</sup>. Selain itu, Ibn Qayyim turut menolak pandangan yang mengharamkan *hibah mu'allaqah*. Ibn Qayyim berhujah bahawa pengharaman ini tidak disokong oleh apa-apa dalil daripada al-Qur'an atau al-sunnah mahupun ijma'. Selain itu, beliau juga mencabar mana-mana pandangan yang mengharamkan *hibah mu'allaqah* untuk mendatangkan dalil yang jelas menyebut bahawa sesuatu *hibah* itu akan terbatal sekiranya ia diikat dengan apa-apa syarat.

Bagi menyokong pandangannya, Ibn Qayyim telah membawakan dalil yang menunjukkan keharusan *hibah mu'allaqah* dengan jelas melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir RA:

قال : لو قد جاء مال البحرين لأعطيتك هكذا وهكذا ثم هكذا ثلاث حثيات . وأنجز ذلك له الصديق رضي الله عنه لما جاء مال البحرين بعد وفاة رسول الله صلى الله عليه وسلم .

Maksudnya:

“Sabda Rasulullah SAW: “Sekiranya harta tersebut (tiba) daripada Bahrain, aku akan berikan kamu sekian jumlah (wang) dengan tiga anggur.” Selepas kewafatan baginda, Abu Bakar RA melaksanakan hibah tersebut apabila harta tersebut tiba dari Bahrain.”<sup>30</sup>

28 Mardawi, Ali bin Sulaiman, 1997. *Al-Inshoffi Makrifah al-Rajih min al-Khilaf ala Mazhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Bayrut: Manshurat Muhammad ‘Ali Baydun. Jil. 20, ms.391.

29 Al-Mardawi, *al-Insaf*, jil.17, ms.44.

30 Musnad Ahmad bin Hanbal, Bab Musnad Jabir bin Abdullah Radhiallahuanhu, jil. 3, p.307, no. 14340.

Berdasarkan hadis di atas, Ibn Qayyim berpandangan bahawa aplikasi *hibah mu'allaqah* adalah bersamaan dengan janji ke atas sesuatu seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Ibn Qayyim menyebut dalam “*Ighathat al-Lahfan*”:

فإن قيل : كان ذلك وعداً . قلنا : نعم ، والهبة المعلقة بالشرط وعد ، وكذلك فعل النبي صلى الله عليه وسلم لما بعث إلى النجاشي بهدية من مسك وقال لأُم سلمة : إنني قد أهديت إلى النجاشي حلة وأواقي من مسك ولا أرى النجاشي إلا قد مات ولا أرى هديتي إلا مردودة فإن ردت علي فهي لك .

Maksudnya:

“*Sekiranya seseorang berkata bahawa (hibah) itu terikat dengan janji, kami katakan, ya, hibah yang terikat dengan syarat merupakan satu janji (wa’ad). Ini berdasarkan kepada perbuatan Rasulullah SAW sendiri yang mengesahkan bahawa hibah mu’allaqah merupakan satu janji. Dalam satu peristiwa, Rasulullah SAW telah menghantar minyak wangi kepada Raja Najasyi dan baginda berkata kepada Ummu Salamah: “Sesungguhnya aku telah menghadiahkan kepada Raja Najasyi pakaian dan minyak wangi, namun beliau telah pun meninggal dunia. Aku merasakan bahawa hadiah tersebut akan dihantar kembali. Sekiranya hadiah tersebut dikembalikan, maka ia akan menjadi milikmu (Ummu Salamah).”*<sup>31</sup>

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat bahawa pandangan Ibn Qayyim yang mengharuskan *hibah mu’allaqah* adalah berasaskan kepada dua hadis yang disebutkan.

Selain itu, pandangan Ibn ‘Abidin daripada mazhab Hanafi juga mengharuskan *hibah mu’allaqah* berdasarkan kenyataannya<sup>32</sup>:

امرأة تركت مهرها للزوج على أن يحج بها ، فلم يحج بها : قال محمد بن مقاتل : إنها تعود بمهرها ؛ لأن الرضا بالهبة كان بشرط العوض ، فإذا انعدم العوض انعدم الرضا ، والهبة لا تصح بدون الرضا .

Maksudnya:

“*Seorang wanita telah meninggalkan mas kahwin miliknya kepada suaminya (sebagai hibah), namun dia meletakkan syarat suaminya perlu pergi mengerjakan haji bersamanya, namun suaminya gagal menunaikan*

31 Musnad Ahmad bin Hanbal, Bab hadith Ummu Kalsum binti Uqbah Ummu Hamid, jil. 6, ms.404, no 27317.

32 Ibnu ‘Abidin, Muhammad Amin, 2003. *Hashiyat Rad al-Muhtar Ala al-Dur al-Mukhtar*, (Riyadh: Dar A’lim al-Kutub, jil. 5, ms. 710.

syarat tersebut. Muhammad bin Muqatil menyebut: “Hibah wanita tersebut terbatal dan hadiah tersebut kekal menjadi mas kahwinnya. Hal ini kerana persetujuan untuk memberi hibah tersebut datang bersama syarat. Apabila terbatalnya syarat, maka terbatalah persetujuan, sedangkan hibah itu tidak sah kecuali dengan persetujuan (pemberi hibah).”

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, mazhab Hanafi mengiktiraf *hibah mu’allaqah* sebagai sesuatu yang mengikat apabila syarat yang diletakkan terlaksana.

Selain itu, mazhab Maliki juga berpandangan bahawa *hibah* yang diikat dengan sesuatu syarat untuk dipenuhi pada masa hadapan adalah mengikat berdasarkan hujah bahawa *gharar* dalam syarat tersebut tidak membatalkan keharusan *hibah*. Ibn Rusyd menyebut<sup>33</sup>:

ولاحلاف في المذهب في جواز هبة المجهول والمعدوم المتوقع الوجود فتصح هبة الثمرة بعد بدو صلاحها

Maksudnya:

“Tiada perbezaan pandangan dalam mazhab Maliki tentang keharusan *hibah* majhul (menghadiahkan sesuatu yang tidak diketahui) dan *hibah ma’dum* (menghadiahkan sesuatu yang tidak wujud) dengan anggapan ia akan wujud pada masa hadapan. Oleh kerana itu, harus untuk menghadiahkan buah yang baharu sahaja mula berbunga.”

Di samping itu, mazhab Maliki juga berpandangan bahawa *hibah mu’allaqah* adalah mengikat apabila syarat-syaratnya terlaksana.

### **Pandangan kedua: Tidak Sah**

Pandangan ini merupakan pandangan mazhab Syafie dan sebahagian fuqaha dari mazhab Hanbali dan Zahiri.

Menurut pandangan mazhab Syafie, *hibah* yang diikat dengan sebarang syarat pada masa hadapan adalah tidak sah disebabkan *jahalah* (ketidakpastian). Oleh itu, *hibah* tidak boleh digantungkan dengan berlaku sesuatu pada masa hadapan sama seperti jual beli. Di antara syarat sah *hibah* ialah perkara yang dihibahkan mestilah dimiliki oleh pemberi hibah, boleh diserahkan dan diketahui kerana ia melibatkan perpindahan pemilikan.<sup>34</sup>

33 Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad, 1995, *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*, al-Ghairiyah: Darul Salam, jil.2, ms. 329.

34 Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf, 1995, *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafie*, Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah, jil.2, ms. 332.

Al-Syirazi daripada ulama mazhab Syafie berkata:

ولا يجوز تعليقها على شرط مستقبل لأنه عقد يبطل بالجهالة فلم يجز تعليقه  
على شرط مستقبل كالبيع<sup>35</sup>

Maksudnya: “Tidak harus menggantungkan (hibah) dengan sesuatu syarat pada masa hadapan kerana hibah adalah aqad yang terbatal dengan jahalah (ketidaktahuan) maka tidak harus menggantungkannya dengan sesuatu syarat pada masa hadapan sama seperti jual beli”.

Ibn Hazm juga berpandangan bahawa hibah tidak boleh digantungkan dengan syarat.<sup>36</sup> Selain itu, Ibn Qudamah daripada mazhab Hanbali menyebut<sup>37</sup>:

« لا يصح تعليق الهبة بشرط : لأنها تملك لمعين في الحياة ، فلم يجز تعليقها  
على شرط ، كالبيع »

Maksudnya:

“Tidak sah hibah yang diikat dengan syarat kerana hibah adalah pemberian hak milik kepada penerima manfaat ketika pemberinya masih hidup, oleh itu tidak dibenarkan untuk mengikatnya dengan apa-apa syarat seperti jual beli.”

Namun begitu, al-Bahuti menyebut bahawa dalam situasi di atas, hibah tersebut adalah sah dan hak milik barang hibah tersebut juga telah berpindah milik, namun syaratnya adalah terbatal<sup>38</sup>.

## ANALISIS HUKUM

Berdasarkan kepada perbincangan dalam kedua pandangan di atas, penulis berpandangan bahawa pendapat pertama yang mengharuskan *hibah mu'allaqah* adalah lebih kuat berdasarkan kepada dalil-dalil yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim. Adapun pandangan yang mengatakan *hibah* tersebut tidak sah gagal mendatangkan hujah dan bukti yang jelas bagi memenuhi maksud kaedah *fiqh*, “asal sesuatu perkara muamalat itu adalah harus sehingga ada dalil yang mengharamkannya secara jelas”.

---

35 Ibid.

36 Ibn Hazm, *Al-Muhalla bi al-Athar*, Dar al-Fikr, Beirut, jil. 8, ms.59

37 Ibnu Qudamah, Muwaffuqifuddin Abdullah bin Ahmad, 2004. *Al-Mughni*, al-Qahirah, Dar al-Hadith, jil. 5, ms. 384.

38 Al-Buhuti, Mansur bin Yunus, 2000, *Syarh Muntaha al-Iradat*, Beirut, Dar al-Fikr, jil. 2, ms. 434



## KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, boleh dicadangkan bahawa pemegang saham keutamaan bukanlah pemilik sesebuah syarikat atau ekuitinya, tetapi memiliki kepentingan ke atas syarikat tersebut. Bagi pandangan yang menganggap ia adalah ekuiti, berdasarkan perbincangan di atas, dapat dicadangkan bahawa aplikasi *tanazul* pemegang saham biasa dan saham keutamaan daripada keuntungan mereka adalah jalan keluar bagi mengharuskan pembahagian keuntungan berdasarkan kadar dividen yang dipersetujui. Dividen berkenaan boleh dipertimbangkan dalam saham keutamaan sekiranya keuntungan telah direalisasikan selagi mana tidak ada penafian perkongsian keuntungan ataupun penanggungan kerugian oleh sebahagian pemegang saham sahaja. Persetujuan untuk menggugurkan hak ke atas sesuatu yang belum dimiliki dibolehkan menurut pandangan mazhab Maliki. Perlu dipastikan tiada pelanggaran terhadap konsep *musyarakah* itu sendiri antara semua rakan kongsi dapat menikmati keuntungan. Indikatif jangkaan keuntungan hanya digunakan sebagai tanda aras kepada *tanazul* perkongsian keuntungan yang diberikan kepada rakan kongsi atas dasar insentif menggunakan konsep hibah *mu'allaqah*. Namun, penulis berpendapat adalah dilarang sama sekali bagi penerbit saham untuk menjamin jumlah keuntungan, menanggung sebarang kerugian atau menjamin untuk menampung perbezaan kadar pulangan indikatif sekiranya kadar keuntungan tidak mencukupi. Larangan ini adalah kerana ia boleh dianggap sebagai jaminan keuntungan yang menyumbang kepada kesan yang sama seperti saham keutamaan konvensional yang berkonsepkan pinjaman yang menjajikan pulangan tetap dan terjamin sama seperti pinjaman berfaedah *riba* yang lain.

## RUJUKAN

- Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf Al-Syirazi. (1995). *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafie*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Said bin Hazm. (1984). *Al-Muhalla*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Rusyd. (1995). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*, al-Ghairiyah: Darul Salam
- Accounting and Auditing for Islamic Financial Institution. (2010). *Shari'a Standards For Islamic Financial Institution*. Bahrain: Accounting and Auditing for Islamic Financial Institution.

- Ali bin Sulaiman al-Mardawi. (1997). *Al-Inshof fi Makrifah al-Rajih min al-KhilafalaMazhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Bayrut: Manshurat Muhammad ‘Ali Baydun.
- Aznan Hasan. t.t. *Perlaksanaan Tanazul Di Dalam Kontrak Berdasarkan Musharakah: Perspektif Syarak*. [http://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/research-paper/Tanazul\\_Dalam\\_Kontrak\\_Musharakah.pdf](http://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/research-paper/Tanazul_Dalam_Kontrak_Musharakah.pdf).
- Azman Mohd Noor & Muhamad Nasir Haron. (2015). *Aplikasi Tanazul Dan Isu-Isu Syariah Dalam Sukuk Berasaskan Kontrak Ekuiti*. Jurnal Muamalat bil.8, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Fahad Salih Muhammad al-‘Aridh. (2010). *Ahkam Tamwil al-Istismar fi al-Ashum*. Riyadh: Dar Kunuz Isybiliyya.
- Hammad, Ibn Abdullah al-Hammad (2012). *Sharh Zad al-Mustaqna* □. N.p. Vol. 14. 19.
- Husyar Ma’ruf. (2009). *Al-Istismarat wa al-Aswaq al-Maliyah*. ‘Amman: Dar al-Safa. <http://www.accountingtools.com/questions-and-answers/what-are-the-types-of-preference-shares.html>
- Ibn Al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin Abd Wahid. *Sharh Fath al-Qadir ala al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- IslamQA. (2013). *Hukmu Syira’ al-Ashum bi Ribhi al-Thabit*. <https://islamqa.info/ar/182258>.
- Islamweb. (2009). *Hukmu al-Tafawut fi Khasais al-Ashum*. [fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php](http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php).
- Ismail Ibrahim. (1994). *Saham Dan Pasaran Saham*. Cet.3. Ed.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Waqaf Dan Hal Ehwal Islam Kuwait .t.t. *al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*. Mesir: Dar al-Sofwah
- Majma’ al-Fiqh al-Islami. (1992). *Qarar bi Sya’ni al-Aswaq al-Maliyyah*. <http://www.iifa-aifi.org/1845.html>.
- Mansur bin Yunus Al-Buhuti. 2000, *Syarh Muntaha al-Iradat*, Beirut : Dar al-Fikr.
- Mauqifuddin Abdullah bin Ahmad bin Qudamah, (2004). *Al-Mughni*, al-Qahirah : Dar al-Hadith.
- Mubarak bin Sulaiman. (2005). *Ahkam al-Ta’amul fi al-Aswaq al-Maliyah al-Mu’asirah*. Jil.1. Riyadh: Dar Kunuz Isybiliyya.

- Muhammad bin Mukarram. (1993). *Lisanul 'Arab*. Jil.12. Beirut: Dar al-Sadr.
- Muhammad Amin bin 'Abidin, (2003). *Hashiyat Ibn 'Abidin: Rad al-Muhtar Ala al-Dur al-Mukhtar*. Riyadh: Dar A'lim al-Kutub.
- Muhammad Uthman Syabir. (2007). *Al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah fi al-Fiqh al-Islami*. Cet.6. Beirut: Dar al-Nafais.
- Ngadimon, Md Nurdin.(2010). *Sukuk Mudarabah dan Sukuk Musyarakah untuk Keperluan Modal Tahap Kedua (Two-Tier Capital) untuk Institusi Kewangan Islam*.(Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali ke-5, 2 Ogos 2010, Nikko Hotel, Kuala Lumpur)
- Said bin Mansur al-Jauzajani. (1982). *Sunan Sa'id bin Mansur*. Ed. Habibul Rahman al-'Azami. Jil.2. India: Dar al-Salafiyah.
- Al-Sajastani, Abu Dawud Sulayman bin al-Ash'ath al-Azdi.(1997). *Sunan Abi Dawud*. Beyrut: Dar Ibn Hazm.
- At-Tirmidzi, Abu Isa Muhammad bin Ali bin Saurah. (2000). *Sunan At-Tirmidzi*. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad. (1989). *Sharh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, Wahbah.(2003). *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence*. Damascus: Dar al-Fikr al-Mouaser.

# ANALISIS SYARIAH TERHADAP PENGGUNAAN KONSEP MASLAHAH ‘AMMAH DALAM PRODUK KEWANGAN ISLAM

(*Shariah Analysis on the Use of the Concept of Maslahah ‘Ammah in Islamic Financial Products*)

Lokmanul Hakim bin Hussain <sup>1</sup>

## Abstrak

*Maslahah ‘ammah* merupakan salah satu konsep yang terangkum dalam *maqasid shari‘ah*. Ia menjadi elemen penting yang digunakan oleh pakar-pakar syariah dalam penetapan hukum-hukum syarak yang mempunyai kaitan dengan kemaslahatan dan kepentingan awam. Dari perspektif industri kewangan Islam, untuk memastikan kelestarian industri ini agar ia dapat bersaing dengan sektor kewangan konvensional, konsep *maslahah ‘ammah* relevan dijadikan pertimbangan oleh sarjana Syariah yang menduduki jawatankuasa penasihat syariah di institusi-institusi kewangan Islam. Kajian ini bertujuan menganalisis penggunaan konsep *maslahah ‘ammah* dalam produk-produk kewangan Islam terpilih, bagi melihat sejauh mana penggunaannya menepati Syariah. Untuk tujuan tersebut, kajian ini mengemukakan konsep *maslahah* dalam Islam khususnya dari perspektif ilmu usul fiqh, serta memberikan fokus kepada konsep *maslahah ‘ammah* sebagai salah satu sumber penetapan sesetengah hukum yang bersifat pengecualian. Kajian ini juga mencadangkan beberapa kriteria *maslahah ‘ammah* yang mesti dipenuhi dalam menggunakan konsep ini bagi menjamin ia tidak disalah guna. Berasaskan kepada kriteria yang digariskan, kajian ini membawakan beberapa contoh pengaplikasian *maslahah ‘ammah* dalam perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan Islam, dan membuat analisis terhadap tahap pematuhan kriteria-kriteria yang dicadangkan. Hasil kajian mendapati sesetengah produk yang dibangunkan berasaskan kepada *maslahah ‘ammah* tidak menepati kriteria penggunaan *maslahah ‘ammah*.

**Kata kunci:** Maslahah ‘ammah, maqasid Shari‘ah, produk kewangan Islam

---

1 Beliau merupakan Pegawai Penyelidik ISRA dan merupakan Felo Penyelidik Fatwa, Jakim.

### **Abstract**

*Maslahah ‘ammah is one of the concepts included in maqasid shari‘ah. It is regarded as an important element used by Shariah scholars in reaching legal juristic rulings on issues particularly in cases relating to the public interest. From the perspective of Islamic finance, in order for Islamic financial institutions to ensure their sustainability so as to effectively compete with their conventional counterparts, the concept of maslahah ammah is believed to be very relevant consideration that has to be taken into account by scholars especially those who sit on Shariah advisory boards or committees in Islamic financial institutions. This study aims at analyzing the use of the concept of maslahah ‘ammah in selected Islamic financial products to examine whether it complies with the Syariah requirements or not. The study presents the concept of maslahah in Islam and particularly in usul fiqh, focusing on the concept of maslahah ‘ammah as a legal source to justify certain rulings. The study also puts forth a set of criteria of maslahah ‘ammah which must be met in applying maslahah ‘ammah to avoid misuse or overuse of this concept. Based on the criteria outlined, this research provides some examples of applying the concept of maslahah ‘ammah in rulings and fatwas on services and products offered by Islamic financial institutions and analyzes the extent of their compliance to the proposed criteria. The study found that some products developed based on maslahah ‘ammah do not meet the criteria of maslahah ‘ammah.*

**Keywords:** *Maslahah ‘ammah, maqasid Shari‘ah, Islamic finance products*

## **PENDAHULUAN**

Islam adalah agama rahmat yang berpaksikan kepada keringanan dan kemudahan. Hadis yang menyebut bahawa, “Agama (Islam) itu mudah”<sup>2</sup> menjelaskan ciri-ciri kemudahan dan keringanan yang terangkum dalam agama Islam itu sendiri. Dengan keistimewaan ini, Islam merupakan agama yang sesuai untuk seluruh umat manusia pada setiap zaman dan di setiap tempat. Seiring dengan itu, Islam juga menafikan unsur-unsur kemudharatan dalam agama. Salah satu prinsip asas agama ini terungkap dalam satu hadis

---

2 Al-Bukhari, 1422H, *Sahih al-Bukhari*, Dar Tawq al-Najah, jld. 1, hlmn. 16.

Nabi sallallahu 'alayhi wasallam (SAW), "Tiada kemudaratan (dalam Syariat Islam) dan tidak harus mengenakan kemudaratan (tanpa hak)"<sup>3</sup>.

Antara konsep yang sering dikaitkan dengan ciri-ciri kemudahan dalam agama ialah konsep *masalah 'ammah* yang membawa maksud kemaslahatan atau kepentingan awam. Konsep ini seringkali digunakan untuk menjustifikasikan perkara-perkara yang tidak dibenarkan pada hukum asalnya. Dalam industri kewangan Islam, konsep *masalah 'ammah* juga digunakan dalam membangunkan produk-produk kewangan.

Kajian ini menerokai konsep *masalah 'ammah* dalam syarak, kedudukannya dalam penetapan hukum, dan pengaplikasian konsep ini dalam beberapa produk kewangan Islam terpilih.

### **KONSEP MASLAHAH DALAM SYARIAT ISLAM**

*Maslahah 'ammah* adalah salah satu bentuk *masalah* yang melibatkan manfaat kepada kelompok yang umum. *Maslahah* yang melibatkan orang atau kumpulan tertentu dinamakan sebagai *masalah khassah* manakala *masalah* yang melibatkan orang ramai secara umum dinamakan sebagai *masalah 'ammah*. Kedua-dua jenis *masalah* tersebut diambil kira dalam syarak, tetapi terdapat perselisihan ulama tentang yang manakah didahulukan apabila wujud pertembungan<sup>4</sup>. Justeru, pengertian *masalah 'ammah* tidak terkeluar daripada definisi *masalah* secara umumnya.

Al-Ghazali mendefinisikan *masalah* sebagai, "*Maslahah* ialah memelihara objektif syarak. Objektif syarak daripada penciptaan ialah lima perkara iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Justeru setiap perkara yang mengandungi elemen pemeliharaan terhadap lima asas ini maka ia adalah *masalah*. Dan setiap perkara yang meluputkan asas-asas ini maka ia adalah *mafsadah*, dan menggugurkan *mafsadah* merupakan satu *masalah*"<sup>5</sup>.

Al-Tufi pula mendefinisikan *masalah* sebagai, "Sebab yang membawa kepada kebaikan dan manfaat, seperti perniagaan yang membawa kepada keuntungan. Definisinya dari sudut syarak ialah: sebab yang membawa kepada objektif atau tujuan syarak sama ada dalam ibadah atau adat"<sup>6</sup>.

3 Ahmad, 1421H, *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*, Mu'assasah al-Risalah, jld. 37, hlmn. 438; Ibn Majah, t.t., *Sunan Ibn Majah*, Dar Ihya'al-Kutub al-'Arabiyyah, jld. 2, hlmn. 784.

4 Al-Shatibi, 1417H, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, Dar Ibn 'Affan, jld. 3, hlmn. 89.

5 Al-Ghazali, 1413H, *al-Mustasfa*, Baghdad, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlmn. 174.

6 Al-Tufi, 1413H, *Risalah fi Ri'ayah al-Maslahah*, Lubnan, Al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah, hlmn. 25.

## MASLAHAH MURSALAH SEBAGAI SALAH SATU DALIL SYARAK

*Maslahah* secara umumnya dibahagikan kepada tiga bahagian dari sudut pengambil kiraan oleh syarak, iaitu (i) *Maslahah* yang terdapat kesaksian syarak bahawa ia diambil kira; (ii) *Maslahah* yang terdapat kesaksian syarak bahawa ia tidak diambil kira; (iii) *Maslahah* yang tidak ada sebarang kesaksian syarak sama ada ia diambil kira atau tidak diambil kira.

Ulama bersepakat bahawa *maslahah* yang terdapat kesaksian syarak bahawa ia diambil kira merupakan *maslahah* yang muktabar, sebagaimana mereka bersepakat bahawa *maslahah* yang terdapat kesaksian syarak bahawa ia tidak diambil kira merupakan *maslahah* yang tidak muktabar<sup>7</sup>.

Perselisihan pendapat tentang keharusan berhujah menggunakan *maslahah* adalah pada *maslahah* yang tidak ada kesaksian syarak sama ada ia diambil kira atau tidak diambil kira, yang lebih dikenali sebagai *masalih mursalah*, *al-istidlal bi al-mursal*, ataupun *istislah*<sup>8</sup>.

**Pendapat pertama** yang dipegang oleh majoriti mengatakan tidak harus berpegang kepada *maslahah mursalah* secara mutlak. **Pendapat kedua** pula mengatakan harus berpegang kepada *maslahah mursalah* secara mutlak sebagaimana dinisbahkan kepada Malik, Al-Shafi'i dalam pendapat lamanya (*qadim*) dan diriwayatkan daripada Abu Hanifah. **Pendapat ketiga** yang dinisbahkan kepada Al-Shafi'i mengharuskan berpegang kepada *maslahah mursalah* jika ia bersesuaian dengan dalil syarak, sama ada dalil yang berbentuk keseluruhan atau dalil yang berbentuk perincian<sup>9</sup>.

Walaupun secara teori dalam *usul* fiqah, hanya mazhab Maliki yang secara jelas menetapkan *maslahah mursalah* sebagai dalil syarak, namun daripada sudut pengamalan, semua mazhab mengambil kira *maslahah mursalah* dalam penetapan hukum, sebagaimana al-Qarafi menjelaskan, “Ia (*masalih mursalah*) sebenarnya secara *tahqiq* wujud dalam semua mazhab. Ini kerana mereka mengambil kira elemen *al-munasabah*<sup>10</sup>, dan tidak mensyaratkan

7 Mahmud Shamman, 1408H, *Intiza' al-Milk li al-Maslahah al-'Ammah*, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, Bil. 4, jld. 2, hlmn. 1041.

8 Al-Ghazali, 1413H, *al-Mustasfa*, Baghdad, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlmn. 174; Al-Zarkashi, 1414H, *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*, Dar al-Kutubi, jld. 8, hlmn. 83.

9 Al-Mardawi, 1421H, *Al-Tahbir Sharh al-Tahrir fi Usul al-Fiqh*, Riyadh, Maktabah al-Rushd, jld. 8, hlmn. 3834-3835; Al-Zarkashi, 1414H, *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*, Dar al-Kutubi, jld. 8, hlmn. 84.

10 Al-Munasabah ialah perkaitan secara logik antara hukum dengan kesannya dalam memberikan kemaslahatan ataupun mengelakkan keburukan. Al-Amidi, t.t., *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Beirut: Al-Maktab al-Islamiy, jld. 3 hlmn. 270.

dalil daripada syarak untuk *al-munasabah* diambil kira. Itulah ia *masalih mursalah*"<sup>11</sup>.

Al-Zarkashi juga menyatakan perkara yang sama, iaitu "Pendapat yang masyhur ialah *masalih mursalah* adalah khusus digunakan oleh mazhab Maliki, tetapi sebenarnya tidak demikian. Ini kerana para ulama dalam kesemua mazhab menerima konsep *al-munasabah* secara mutlak (tanpa perlu kepada sokongan dalil syarak), dan itulah ia *masalih mursalah*" (1414H: 7/275). Cuma perbezaan antara mazhab ialah pada kadar sedikit atau banyak dalam penggunaannya<sup>12</sup>.

### MASLAHAH 'AMMAH SEBAGAI FAKTOR PENGECUALIAN HUKUM

Jika ditinjau dari sudut hukum asal, hukum-hakam yang ditetapkan oleh syarak hendaklah dikekalkan dan diamalkan sebagaimana ditetapkan oleh nas-nas. Namun demikian dalam sesetengah situasi, *masalahah 'ammah* boleh diambil kira untuk pengecualian hukum. Kelonggaran ini diungkapkan dalam satu kaedah fiqh:

يَجُوزُ لِلْمَصَالِحِ الْعَامَّةِ مَا لَا يَجُوزُ لِلْخَاصَّةِ

Maksudnya: "Harus disebabkan *masalahah 'ammah* perkara-perkara yang tidak diharuskan disebabkan *masalahah khassah*"<sup>13</sup>.

'Izz al-Din membawakan contoh berkenaan dengan tindakan 'Umar ibn al-Khattab menyewakan tanah *al-sawad* dengan sewaan kekal yang tidak dimaklumi kadarnya. Dalam konsep *ijarah*, tempoh sewaan hendaklah dimaklumi dan tidak sah sewaan secara kekal. Tetapi disebabkan *masalahah 'ammah*, beliau berpendapat tindakan tersebut adalah harus. 'Izz al-Din juga mengemukakan satu kaedah yang menjelaskan peranan *masalahah 'ammah* dalam memberikan pengecualian hukum, iaitu:

الْمَصْلَحَةُ الْعَامَّةُ كَالضَّرُورَةِ الْخَاصَّةِ

Maksudnya: "*Maslahah 'ammah* (hukumnya) sama dengan *darurah khassah*"<sup>14</sup>.

11 Al-Zarkashi, 1414H, *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*, Dar al-Kutubi, jld. 8, hlmn. 84.

12 Mahmud Shammam, 1408H, *Intiza' al-Milk li al-Maslahah al-'Ammah*, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, Bil. 4, jld. 2, hlmn. 1047.

13 'Izz al-Din, 1414H, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld. 2, hlmn. 188.

14 Ibid.



Kaedah ini bermaksud bahawa dalam situasi yang wujud *masalah 'ammah*, terdapat hukum pengecualian sebagaimana apabila seseorang individu berhadapan situasi *darurah*, dia boleh menggunakan hukum pengecualian.

## KRITERIA PENGAPLIKASIAN *MASLAHAH 'AMMAH* DALAM PENETAPAN HUKUM KELONGGARAN

Penggunaan *masalah 'ammah* sebagai faktor kelonggaran hukum memerlukan kepada syarat-syarat dan garis panduan yang jelas. Tanpa syarat-syarat yang jelas, konsep ini boleh terdedah kepada penyalahgunaan dan ia boleh membawa kepada perubahan hukum-hakam syarak. Kajian ini mencadangkan empat kriteria utama yang perlu dipastikan dalam penggunaan konsep *masalah 'ammah*:

**Kriteria Pertama: *Maslahah ammah* mestilah pada tahap *daruriyyah* atau *hajjiyyah*, dan bukan *masalah* pada tahap *tahsiniyyah*.**

*Maslahah* dibahagikan berdasarkan tahap kekuatannya kepada tiga bahagian iaitu *daruriyyah*, *hajjiyyah* dan *tahsiniyyah*.

*Maslahah daruriyyah* ialah *masalah* yang keperluannya mencapai tahap *darurah* yang mencakupi *darurah 'ammah* dan *darurah khassah*. *Darurah 'ammah* merujuk kepada *darurah* yang dibincangkan secara *usuli* yang juga dikenali sebagai *darurah usuliyah* atau *masalah daruriyyah*. Al-Shatibi memberikan pengertian *darurah* di bawah kategori ini sebagai, “Suatu kemestian demi menjaga kemaslahatan agama dan dunia, sekiranya tiada maka kemaslahatan dunia tidak dapat berjalan dengan teguh, malahan mendatangkan kebinasaan, kucar-kacir dan kehilangan kehidupan, manakala di akhirat pula akan menghilangkan keselamatan dan kenikmatan, dan memperoleh kerugian yang nyata”<sup>15</sup>.

*Darurah* di bawah kategori ini adalah untuk memelihara lima *maqasid* Syariah iaitu menjaga agama, nyawa (jiwa), keturunan, harta dan akal<sup>16</sup>. Sebagai contoh, solat adalah *darurah* untuk menjaga agama dan makan adalah *darurah* untuk menjaga nyawa<sup>17</sup>.

---

15 Al-Shatibi, 1417H, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, Dar Ibn 'Affan, jld. 2, hlmn. 20.

16 Ibid, jld. 1, hlmn. 31.

17 Al-Jizani, 1428H, *Haqiqah al-Darurah al-Shar'iyah*, Maktabat al-Minhaj, hlmn. 25.

Manakala *darurah khassah* pula didefinisikan sebagai “Suatu yang menimpa dan tidak boleh dielakkan daripadanya”<sup>18</sup>. Al-Zarkashi pula mendefinisikan *darurah* sebagai, “Suatu tahap jika seseorang tidak melakukan perkara yang dilarang, maka dia akan binasa atau hampir binasa. Contohnya orang yang terpaksa makan atau berpakaian (dengan suatu yang haram), di mana jika dia berterusan lapar atau tidak berpakaian, dia akan mati atau hilang anggota”<sup>19</sup>.

*Maslahah hajiyyah* ialah masalah yang keperluannya berada pada tahap *hajah* di mana jika keperluan itu tidak diambil kira, maka para mukallaf secara keseluruhannya akan mengalami kesukaran dan kepayahan”<sup>20</sup>. Ahmad Kafi mendefinisikan *hajah* sebagai, “Suatu yang diperlukan oleh orang-orang secara individu, ataupun diperlukan oleh umat, untuk diperluaskan (diperudahkan) dan menghilangkan kesempitan, sama ada secara bertempoh atau secara berkekalan, dan jika keperluan tersebut tidak diambil kira maka mukallaf akan mendapat kepayahan. Ia kadang-kadang boleh mencapai tahap boleh membinasakan sebagaimana dalam situasi *darurah*”<sup>21</sup>.

Maslahah *tahsiniyyah* ialah masalah yang keperluannya pada tahap *tahsinat* yang didefinisikan oleh al-Shatibi sebagai, “Melakukan tindakan yang selayaknya dengan adat tradisi yang elok dan meninggalkan perkara-perkara yang bersifat keji dan ditolak oleh akal yang matang. Perkara ini disimpulkan sebagai akhlak yang mulia”<sup>22</sup>.

Terdapat perbezaan pandangan di kalangan ulama *usul* tentang *masalahah* yang diambil kira oleh syarak.

Sebahagian ulama berpandangan bahawa *masalahah* yang boleh diambil kira ialah *masalahah* pada tahap *daruriyyah* sahaja. Manakala *masalahah* pada tahap *hajah* dan *tahsin* tidak boleh diambil kira kecuali hendaklah didasarkan kepada asal atau dalil syarak. Ibn Qudamah menukulkan kesepakatan dengan mengatakan, “Dua kategori ini (*hajah* dan *tahsin*), kami tidak mengetahui ada perbezaan pandangan dalam hal ketidak harusan berpegang kepadanya tanpa didasari kepada dalil. Kerana jika ia dibolehkan, ia adalah suatu bentuk rekaan

18 Al-Jurjani, 1403H, *Al-Ta'rifat*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlmn. 138; Al-Ansari, Zakariyya, 1414H, *Al-Hudud al-Aniqah wa al-Ta'rifat al-Daqiqah*, Beirut, Dar al-Fikr al-Mu'asir, hlmn. 70.

19 Al-Zarkashi, 1405H, *Al-Manthur fi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Wizarat al-Awqaf al-Kuwaytiyyah, jld. 2, hlmn. 319.

20 Al-Shatibi, 1417H, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, Dar Ibn 'Affan, jld. 2, hlmn. 21.

21 Ahmad Kafi, 2004, *Al-Hajah al-Shar'iyyah Hududuha wa Qawa'iduha*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlmn. 35.

22 Al-Shatibi, 1417H, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, Dar Ibn 'Affan, jld. 2, hlmn. 22.

terhadap hukum syarak dengan menggunakan akal, dan dengan demikian kita tidak lagi berhajat kepada pengutusan para rasul”<sup>23</sup>. Antara yang berpandangan demikian juga ialah ‘Abd al-Salam Al-‘Abadi ketika membicarakan tentang pengambilan harta rakyat kerana tujuan *masalah* ‘*ammah*<sup>24</sup>.

Menurut al-Ghazali pula *masalah* yang boleh diambil kira ialah *masalah* pada tahap *daruriyyah* dan *masalah* pada tahap *hajjiyyah* yang mengambil hukum *daruriyyah*. Manakala *masalah* pada tahap *tahsinat* tidak boleh diambil kira kecuali jika wujud asal (dalil) daripada syarak yang menetapkan suatu hukum berdasarkan kepada *masalah* tersebut. Beliau juga menegaskan bahawa menggunakan *masalah* yang pada tahap *tahsinat* adalah suatu rekaan terhadap hukum syarak dengan berdasarkan kepada akal dan *istihsan*<sup>25</sup>.

Dengan melihat bahawa *hajah* diambil kira oleh Syarak dalam penetapan hukum-hukum pengecualian, maka pendekatan al-Ghazali dalam hal ini adalah lebih tepat. Justeru penggunaan *masalah* ‘*ammah* dalam pengecualian hukum-hukum adalah merangkumi *masalah* pada tahap *daruriyyah* dan *hajjiyyah*.

**Kriteria Kedua: *Maslahah* ‘*ammah* mestilah benar-benar wujud sama ada secara yakin atau secara sangkaan kuat (*zann*).**

Oleh kerana *masalah* menurut sebahagian ulama *usul* seperti al-Ghazali<sup>26</sup> mencakupi kedua-dua aspek iaitu mendapatkan manfaat dan menghilangkan kemudaratan, maka kemaslahatan atau kemudaratan yang terlibat mestilah suatu yang benar-benar terjadi. Ini bertepatan dengan kaedah Syarak bahawa sesuatu hukum pengecualian seperti *darurah* dan *hajah* mestilah dipastikan kewujudannya sebagaimana kaedah fiqah:

مَا جَازَ لِلضَّرُورَةِ أَوْ لِلحَاجَةِ قَيْدَ بوجُودِهَا

Maksudnya: “*Sesuatu yang diharuskan kerana darurah ataupun hajah, hendaklah dihadkan dengan kewujudannya (darurah atau hajah)*”<sup>27</sup>.

Justeru, dalam konteks *masalah* ‘*ammah* juga, kewujudan *masalah* mestilah secara pasti dan yakin untuk membolehkannya menjadi faktor

23 Ibn Qudamah, 1423H, *Rawdah al-Nazir wa Junnah al-Munazir*, Mu’assasah al-Rayyan, jld. 1, hlmn. 480.

24 ‘Abd al-Salam Al-‘Abadi, 1408H, *Naz’ al-Milkiyyah al-Khassah li al-Manfa’ah al-‘Ammah, Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islami*, Bil. 8, jld. 2 hlmn. 995.

25 Al-Ghazali, 1390H). *Shifa’ al-Ghalil*, Baghdad, Matba’ah al-Irshad, hlmn. 208.

26 Al-Ghazali, 1413H, *al-Mustasfa*, Baghdad, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlmn. 174.

27 Al-Ansari, Zakariyya, t.t., *Asna al-Matalib*, Dar al-Kitab al-Islami, jld. 1, hlmn. 522.

pengecualian hukum. 'Abd al-Salam Al-'Abbadi menggunakan istilah *masalah qat'iyah* (yang pasti) ketika meletakkan syarat pengaplikasian *masalah 'ammah* dalam isu pengambilan harta rakyat. Beliau mengatakan, "Masalah tersebut mestilah suatu *masalah qat'iyah* (yang pasti) dan bukannya *masalah mawhumah* (sangkaan ringan)"<sup>28</sup>.

Selain kewujudan secara yakin, kewujudan *masalah* juga boleh dipastikan secara sangkaan yang kuat, kerana sangkaan yang kuat diambil kira dalam syarak sebagaimana kaedah fiqah:

غَلَبَةُ الظَّنِّ مَنْزِلَةٌ مَنْزِلَةَ الْيَقِينِ

Maksudnya: "Sangkaan yang kuat diberikan kedudukan sama seperti yakin"<sup>29</sup>.

Al-'Attar menjelaskan, "Jika terdapat sangkaan (*zann*) bahawa sesuatu hukum mengandungi *masalah* yang mengatasi *mafsadah*, dan dimaklumi bahawa *masalah* yang sedemikian diambil kira oleh syarak, maka wajib untuk menyangka bahawa *masalah* tersebut diambil kira, dan beramal dengan sangkaan (*zann*) adalah wajib"<sup>30</sup>.

Berdasarkan kepada syarat ini, *masalah* yang hanya sekadar sangkaan ringan (*wahm*) tidak cukup untuk mengambil hukum keringanan dan mengubah sesuatu hukum asal. Ini berdasarkan kepada kaedah fiqah:

لَا عِبْرَةَ لِلتَّوَهُّمِ

Maksudnya: "Wahm (sangkaan ringan) tidak diiktibar/ tidak diambil kira"<sup>31</sup>.

Selain *wahm* (sangkaan ringan), tahap syak atau keraguan juga tidak memadai untuk mensabitkan hukum berdasarkan kepada *masalah 'ammah*. Ini kerana hukum-hakam keringanan tidak boleh disabitkan dengan faktor yang pada tahap syak atau keraguan. Ini berdasarkan kepada kaedah:

الرَّخْصُ لَا تَنَاطُ بِالشَّكِّ

28 'Abd al-Salam Al-'Abbadi, 1408H, *Naz' al-Milkiyyah al-Khassah li al-Manfa'ah al-'Ammah, Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, Bil. 8, jld. 2 hlmn. 995.

29 Al-Shurunbulali, t.t., *Hashiyah Al-Shurunbulali 'ala Durar al-Hukkam*, Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, hlmn. 264.

30 Al-'Attar, t.t., *Hashiyat al-'Attar 'ala Sharh al-Mahalli*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld. 2, hlmn. 327.

31 Al-Zarqa', 1409H, *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, hlmn. 363.

Maksudnya: “*Rukhsah tidak dikaitkan dengan keraguan*”<sup>32</sup>.

**Kriteria Ketiga: Pengecualian hukum disebabkan *masalah ‘ammah* diaplikasi dalam perkara yang haram secara wasilah.**

Hukum syarak dibahagikan oleh sebahagian ulama kepada dua kategori:

- i. Hukum yang bersifat *maqasid*, iaitu hukum yang mempunyai kemaslahatan atau kemudaran pada perbuatan itu sendiri.
- ii. Hukum yang bersifat *wasal*, iaitu hukum perkara-perkara yang merupakan wasilah kepada kemaslahatan atau kemudaran<sup>33</sup>.

Contoh perkara-perkara yang diharamkan secara *maqasid* adalah pengharaman mengenakan *riba nasi’ah* ke atas peminjam dan pengharaman perjudi. Manakala contoh perkara-perkara yang diharamkan secara wasilah ialah berjual beli ketika azan solat Jumaat.

Pengaplikasian *masalah* dalam pengecualian hukum hanya terhad kepada hukum haram yang bersifat *wasal* dan tidak mencakupi hukum haram yang bersifat *maqasid*.

Syarat di atas adalah bersandarkan kepada kaedah:

كُلُّ مَا حُرِّمَ تَحْرِيمَ الْوَسَائِلِ فَإِنَّهُ يُبَاحُ لِلْمَصْلَحَةِ الرَّاجِحَةِ

Maksudnya: “*Setiap suatu yang diharamkan secara pengharaman wasilah, adalah diharuskan dengan sebab masalah yang kuat*”<sup>34</sup>.

Dengan perkataan lain, pengaplikasian pengecualian hukum disebabkan *masalah* hanya khas pada perkara yang diharamkan dengan sebab *sadd al-dhari’ah*. Dalam kaedah fiqh lain:

مَا حُرِّمَ سَدًّا لِلذَّرِيعَةِ أُبِيحَ لِلْمَصْلَحَةِ الرَّاجِحَةِ

Maksudnya: “*Sesuatu yang diharamkan kerana tujuan sadd al-dhari’ah dibenarkan jika ada masalah yang kuat*”<sup>35</sup>.

32 Al-Suyuti, 1411H, *Al-Ashbah wa al-Naza’ir*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlmn. 141.

33 Al-Qarafi, t.t., *Al-Furuq*. ‘Alam al-Kutub, jld. 2, hlmn. 33.

34 Ibn al-Qayyim, 1403H, *Rawdat al-Muhibbin*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlmn. 95.

35 Ibn al-Qayyim, 1411H, *I’lam al-Muwaqqi’in*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld. 2, hlmn. 108.

Oleh itu dalam pengaplikasian *masalahah ‘ammah* untuk memberikan pengecualian hukum hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dilarang secara wasilah dan tidak boleh meliputi perkara-perkara yang dilarang secara *maqasid*.

**Kriteria Keempat: Pengaplikasian *masalahah ‘ammah* hendaklah diputuskan secara ijtihad oleh mereka yang berkelayakan untuk berijtihad.**

Penentuan hukum berdasarkan kepada *masalahah ‘ammah* hendaklah berasaskan kepada ijtihad. Ini kerana jika hukum berasaskan *masalahah ‘ammah* boleh ditentukan oleh sesiapa sahaja tanpa merujuk kepada ijtihad, ia akan membawa kepada pengubahan hukum syarak mengikut hawa nafsu dan perasaan.

‘Abd al-Salam Al-‘Abadi selepas menggariskan syarat-syarat pengambilan harta rakyat kerana *masalahah ‘ammah*, menyebut bahawa, “kepastian wujudnya syarat-syarat ini pada setiap *masalahah* secara kes demi kes adalah tugas para *mujtahidin* yang mempunyai kelayakan berijtihad dan memenuhi syarat-syaratnya”<sup>36</sup>.

Muhammad al-Haj Nasir juga mengutarakan perkara yang sama iaitu pengambilan *masalahah ‘ammah* adalah berasaskan kepada ijtihad. Malahan kata beliau,

*“Pengambil kiraan masalahah ‘ammah sebagai kaedah yang menjadi tempat pergantungan dalam penetapan hukum syarak, bukan hanya melalui ijtihad semata-mata, tetapi ia juga memerlukan kefahaman yang berasaskan kepada istiqlal yang menyeluruh terhadap nas-nas serta athar-athar, kemudian membuat pembahagian dan perbandingan tahapnya...”*<sup>37</sup>.

## **PENGAPLIKASIAN MASLAHAH ‘AMMAH DALAM KEWANGAN ISLAM**

Konsep *masalahah ‘ammah* banyak diguna pakai dalam kewangan Islam kerana produk-produk yang dibangunkan oleh institusi-institusi kewangan Islam berkait rapat dengan keperluan manusia dalam kehidupan harian mereka. Kajian ini membawakan beberapa contoh penggunaan konsep *masalahah*

36 ‘Abd al-Salam Al-‘Abadi, 1408H, *Naz’ al-Milkiyyah al-Khassah li al-Manfa‘ah al-‘Ammah*, *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islami*, Bil. 8, jld. 2 hlmn. 995.

37 Muhammad al-Haj Nasir, 1408H, *Al-Islam wa Intiza‘ al-Milk li al-Maslahah al-‘Ammah*, *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islami*, Bil. 4, jld. 2, hlmn. 1609.

'*ammah* dalam kewangan Islam serta menganalisis tahap pematuhan empat kriteria yang dicadangkan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti bercampur antara halal dan haram, dengan nisbah aktiviti haram adalah sedikit.

Pada zaman sekarang, terdapat kesukaran bagi pelabur Muslim untuk menceburi pelaburan dalam syarikat-syarikat yang keseluruhan aktivitinya adalah halal kerana kebanyakan kegiatan-kegiatan pelaburan yang dijalankan pada hari ini tidak terlepas daripada percampuran dengan aktiviti-aktiviti yang tidak memenuhi tuntutan syarak.

Dalam situasi yang disebut di atas, adalah satu *masalah* yang kuat bagi pelabur-pelabur muslim untuk melabur di tempat yang wujud percampuran dengan aktiviti tidak patuh syariah, tetapi dalam lingkungan yang sedikit atau di bawah tanda aras yang dibenarkan. Keharusan ini boleh didasarkan kepada *masalah 'ammah*.

Ini kerana jika pelabur Muslim tidak dibenarkan melabur dalam syarikat-syarikat bercampur, maka mereka tidak dapat mengembangkan harta mereka melalui pelaburan dalam saham dan tidak berpeluang untuk menguasai syarikat-syarikat ini melalui pembelian saham untuk menukarkannya kepada syarikat atau saham patuh syariah sepenuhnya. Demi menjaga kemaslahatan ekonomi umat Islam dan keperluan menukarkan saham bercampur kepada saham patuh syariah sepenuhnya melalui penguasaan majoriti saham syarikat, maka keterlibatan dalam pelaburan dalam syarikat-syarikat bercampur dibenarkan berasaskan kepada konsep *masalah 'ammah*.

Faktor inilah yang diambil kira oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ketika memutuskan keharusan melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB). Dalam keterangan fatwa tersebut dinyatakan, "Setiap hukum yang diputuskan perlu memenuhi tuntutan keadilan, masalah dan menghindar daripada kerosakan dan keruntuhan yang lebih besar. Dalam hal ini, Maybank adalah satu institusi perbankan Islam terbesar di Asia Pasifik. Sekiranya PNB melepaskan pegangan dalam Maybank, ia bukan hanya akan meruntuhkan ekonomi pemegang saham yang majoriti adalah orang Melayu Islam, bahkan ia juga akan memberi kesan besar kepada situasi ekonomi negara dan banyak organisasi berkaitan orang Islam. Begitu juga peluang pekerjaan yang melibatkan 16,531 kakitangan Bumiputera Islam juga akan turut terjejas"<sup>38</sup>.

---

38 JAKIM, 'Pelaburan dalam ASN, ASB dan Seumpamanya' <http://e-muamalat.islam.gov.my>. Diakses pada 15 Oktober 2017.

Dalam konteks Malaysia, secara umumnya tanda aras yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti boleh dijadikan rujukan kerana ia merupakan ijhtihad yang diputuskan secara kolektif oleh pakar-pakar Syariah. Selain daripada itu badan-badan yang boleh dirujuk dalam penentuan kadar atau tanda aras ialah the Dow Jones Islamic Market Index, dan The Financial Times Islamic Index Series<sup>39</sup>.

Tahap pematuhan terhadap kriteria-kriteria *masalahah ‘ammah* dijelaskan dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Analisis pematuhan kriteria-kriteria masalahah ‘ammah dalam isu pelaburan dalam syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti bercampur antara halal dan haram, dengan nisbah aktiviti haram adalah sedikit

Kriteria	Pematuhan	Penjelasan (jika ada)
Tahap <i>daruriyyah</i> atau <i>hajiyyah</i> , bukan <i>tahsiniyyah</i>	Ya	Tahap <i>hajiyyah</i>
Benar-benar wujud sama ada secara yakin atau secara sangkaan kuat ( <i>zann</i> ).	Ya	
Perkara yang haram secara wasilah	Tidak pasti	Ia bergantung kepada jenis aktiviti yang dijalankan.
Diputuskan secara ijhtihad oleh mereka yang berkelayakan untuk berijhtihad	Ya	Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Kajian ini mendapati bahawa pematuhan terhadap kriteria ketiga iaitu ia mestilah dalam kategori haram secara *wasilah*, bergantung kepada jenis aktiviti syarikat. Jika ia melibatkan perniagaan minuman keras, perjudian dan seumpamanya, maka pengharamannya adalah secara *maqasid*, justeru tidak boleh dijustifikasikan dengan konsep *masalahah ‘ammah*. Ini kerana pembelian saham sesuatu syarikat memberi makna bahawa pemilik saham memiliki sebahagian aset dan perniagaan syarikat yang dibeli sahamnya.

### **Penyerahan dan penyelesaian dalam urus niaga pertukaran mata wang asing secara lani (spot) pada T+2 (dua hari selepas tarikh urus niaga).**

Urus niaga pertukaran mata wang asing adalah satu bentuk jual beli *sarf*, oleh itu ia tertakluk kepada segala syarat-syarat jual beli *sarf*. Antara syarat-

39 Jasri Jamal, Naaishah Hambali & Hasani Mohd ‘Ali, 2010, Islamic Capital Market and Shari’ah Screening in Malaysia. Pembentangan Kertas di International Research Symposium in Service Management, Mauritius.



syaratnya ialah berlaku penyerahan (*taqabud*) kedua-dua mata wang dalam majlis akad. Berdasarkan kepada hukum asal ini, penyerahan dalam urus niaga pertukaran mata wang asing tidak boleh dilakukan secara lewat.

Walau bagaimanapun, disebabkan faktor *masalah* di mana sistem penyelesaian dan pembayaran tersebut telah menjadi '*urf*' perniagaan, penyerahan dan penyelesaian dibenarkan dibuat pada T+2.

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003 telah memutuskan bahawa penyerahan dan penyelesaian urus niaga mata wang asing secara lain yang dibuat pada T+2 adalah dibenarkan.

Menurut MPS Bank Negara Malaysia, penyelesaian dan penyerahan secara T+2 diterima dalam urus niaga secara lani kerana tempoh masa sebegini adalah perlu bagi pihak-pihak yang mengurus niaga membuat pengesahan. Sistem penyelesaian dan pembayaran sedemikian telah diterima sebagai '*urf*' perniagaan<sup>40</sup>. Menurut Ahmad Muhyi al-Din, kelewatan penyerahan dalam urus niaga mata wang secara lani tersebut dibenarkan berasaskan kepada *masalah* yang kuat dan *hajah*<sup>41</sup>. Tahap pematuhan terhadap kriteria-kriteria *masalah* '*ammah*' dijelaskan dalam Jadual 2.

**Jadual 2:** Analisis pematuhan kriteria-kriteria *masalah* '*ammah*' dalam isu penyerahan dan penyelesaian dalam urus niaga pertukaran mata wang asing secara lani (spot) pada T+2 (dua hari selepas tarikh urus niaga)

Kriteria	Pematuhan	Penjelasan (jika ada)
Tahap <i>daruriyyah</i> atau <i>hajiyyah</i> , bukan <i>tahsiniyyah</i>	Ya	Tahap <i>hajiyyah</i>
Benar-benar wujud sama ada secara yakin atau secara sangkaan kuat ( <i>zann</i> ).	Ya	
Perkara yang haram secara wasilah	Ya	Kelewatan tersebut adalah riba <i>al-nasa'</i> di bawah kategori riba <i>al-buyu'</i> yang merupakan perkara haram secara wasilah.

40 Bank Negara Malaysia (BNM), 2010, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam – Edisi Kedua*, hlmn. 138.

41 Ahmad Muhyi al-Din Ahmad, 1419H, *Al-Mudarat fi al-'Umlah wa al-Wasa'il al-Mashru'ah li Tajannub Adrariha al-Iqtisadiyyah*, Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami, Bil. 11, jld. 1, hlmn. 454.

Diputuskan secara ijtihad oleh mereka yang berkelayakan untuk berijtihad	Ya	Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
--	----	--

Kajian ini mendapati bahawa kriteria-kriteria penggunaan *masalahah 'ammah* dalam isu di atas dipenuhi.

### **Program pembiayaan untuk penyelesaian baki belum jelas (termasuk jumlah pokok dan faedah) kad kredit konvensional.**

Sesetengah institusi perbankan Islam menawarkan kepada pelanggannya yang mempunyai bebanan hutang kad kredit konvensional untuk mendapat pembiayaan peribadi bagi menyelesaikan tunggakan baki belum jelas kad kredit konvensional, dan seterusnya menutup akaun kad kredit tersebut.

Program seperti ini mengandungi unsur yang tidak dibenarkan Syarak iaitu memberi bantuan untuk pembayaran atau penyelesaian hutang kad kredit konvensional yang mengandungi unsur riba. Ia boleh termasuk dalam larangan bantu-membantu dalam perbuatan dosa/ maksiat.

Walau bagaimanapun program pembiayaan seperti ini memberi kemaslahatan kepada pelanggan-pelanggan Muslim, di mana ia adalah satu galakan menghentikan penggunaan kad kredit konvensional oleh pelanggan dan seterusnya membebaskan pelanggan daripada transaksi-transaksi riba melalui kad kredit konvensional. Berdasarkan kepada kemaslahatan umum yang kuat, program pembiayaan untuk tujuan tersebut boleh diharuskan.

Berasaskan kepada *masalahah 'ammah*, “Balance Transfer Program” yang diperkenalkan oleh Al Rajhi Bank Malaysia (ARBM) yang merupakan program pembiayaan untuk penyelesaian baki belum jelas kad kredit konvensional diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah ARBM dalam mesyuarat pada 4 Disember 2008. Majlis Penasihat Syariah ARBM dalam keputusannya menyatakan:

*“The approval is an exception of the general rules that prohibits the Bank to involve in any impermissible transactions (such as paying the interest). This is due to the prevailing interest (masalahah) in this product as it encourages the Customer to release themselves from the riba based transactions to Islamic compliant transactions”*<sup>42</sup>. Tahap pematuhan terhadap kriteria-kriteria *masalahah 'ammah* dijelaskan dalam Jadual 3.

42 Shariah Board, Al Rajhi Bank Malaysia Berhad, 2008, Ruling 56: Balance Transfer Programme.

**Jadual 3:** Analisis pematuhan kriteria-kriteria masalah ‘*ammah* dalam isu program pembiayaan untuk penyelesaian baki belum jelas (termasuk jumlah pokok dan faedah) kad kredit konvensional

Kriteria	Pematuhan	Penjelasan (jika ada)
Tahap <i>daruriyyah</i> atau <i>hajiyyah</i> , bukan <i>tahsiniyyah</i>	Ya	Tahap <i>hajiyyah</i> bagi pihak pengguna Muslim
Benar-benar wujud sama ada secara yakin atau secara sangkaan kuat ( <i>zann</i> ).	Ya	
Perkara yang haram secara wasilah	Ya	Hukum asalnya adalah haram bantu-membantu dalam perkara dosa yang merupakan haram secara wasilah.
Diputuskan secara ijtihad oleh mereka yang berkelayakan untuk berijtihad	Ya	Jawatankuasa Penasihat Syariah Al Rajhi Bank Malaysia Berhad.

Kajian ini mendapati bahawa kriteria-kriteria penggunaan *masalah ‘ammah* dalam isu di atas dipenuhi.

### Jaminan kredit dengan upah yang ditawarkan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC)

Jaminan (*kafalah*) merupakan salah satu bentuk akad *tabarru’* yang tidak harus dikenakan upah kerana ia boleh membawa kepada isu *qard* yang memberikan faedah kepada pemberi *qard*. Ini kerana, dalam kes penerima jaminan (pelanggan) tidak mampu melunaskan obligasinya lalu ia dibayar oleh penjamin, bayaran tersebut merupakan *qard* iaitu penerima jaminan dianggap sebagai berhutang dengan penjamin. Maka upah yang dibayar oleh penerima jaminan kepada penjamin adalah faedah atau manfaat yang diperoleh oleh pemberi hutang.

Walaupun demikian, dalam sesetengah keadaan yang melibatkan *masalah ‘ammah*, penenaan *ujrah* ke atas *kafalah* dibenarkan oleh sesetengah ulama. Antara contohnya ialah jaminan kredit yang ditawarkan oleh CGC terhadap pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan Islam kepada pelanggan, di mana penerima jaminan (pelanggan) dikehendaki membayar sejumlah upah (yuran atau *fi*) kepada penjamin (CGC).

MPS Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-54 bertarikh 27 Oktober 2005 telah memutuskan bahawa kemudahan jaminan kredit dengan upah yang ditawarkan oleh CGC terhadap pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan Islam adalah dibenarkan. Antara pertimbangan yang diambil kira oleh MPS Bank Negara Malaysia ialah dasar *masalahah* dan keperluan masyarakat. Ini kerana, memperoleh jaminan secara percuma bukanlah suatu perkara yang mudah dan praktikal (BNM, 2010: 165-166). Tahap pematuhan terhadap kriteria-kriteria *masalahah 'ammah* dijelaskan dalam Jadual 4.

**Jadual 4:** Analisis pematuhan kriteria-kriteria masalahah 'ammah dalam isu jaminan kredit dengan upah yang ditawarkan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC)

Kriteria	Pematuhan	Penjelasan (jika ada)
Tahap <i>daruriyyah</i> atau <i>hajiyyah</i> , bukan <i>tahsiniyyah</i>	Ya	Tahap <i>hajiyyah</i> bagi pihak pengguna Muslim
Benar-benar wujud sama ada secara yakin atau secara sangkaan kuat ( <i>zann</i> ).	Ya	
Perkara yang haram secara wasilah	Ya	Mengambil upah ke atas jaminan adalah <i>wasilah</i> kepada perolehan manfaat daripada <i>qard</i> .
Diputuskan secara ijtihad oleh mereka yang berkelayakan untuk berijtihad	Ya	Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

Kajian ini mendapati bahawa kriteria-kriteria penggunaan *masalahah 'ammah* dalam isu di atas dipenuhi.

### **Klausa *ibra'* (rebat) bagi pembiayaan berdasarkan kontrak jual beli**

*Ibra'* dalam konteks kewangan Islam ialah rebat yang diberikan oleh satu pihak kepada satu pihak lain dalam urusan muamalah seperti jual beli dan sewaan. Ia berkait rapat dengan isu *da' wa ta'ajjal* yang diperselisihkan oleh ulama tentang keharusannya. Dengan mengambil pandangan bahawa *ibra'* dan *da' wa ta'ajjal* dibenarkan, institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia menjadikannya sebagai praktis apabila pelanggan melunaskan pembiayaan lebih awal. Pada awalnya kebanyakan institusi kewangan Islam tidak memasukkan klausa *ibra'* dalam perjanjian yang ditandatangani dengan pelanggan, kerana ia dilihat akan membawa kepada isu *gharar* (ketidak pastian) dalam harga jualan.

Walau bagaimanapun, praktis tidak memasukkan klausa *ibra'* dalam perjanjian boleh menimbulkan pertelingkahan antara pelanggan dan institusi kewangan Islam. Berasaskan kepada konsep *masalah 'ammah*, MPS Bank Negara Malaysia yang dirujuk dalam isu tersebut telah memutuskan pada mesyuarat ke-101 bahawa Bank Negara Malaysia selaku pihak berkuasa boleh mewajibkan institusi kewangan Islam memberikan *ibra'* kepada penerima biaya yang melunaskan hutang lebih awal bagi pembiayaan berdasarkan kontrak jual beli<sup>43</sup>. Tahap pematuhan terhadap kriteria-kriteria *masalah 'ammah* dijelaskan dalam Jadual 5.

**Jadual 5:** Analisis pematuhan kriteria-kriteria masalah *'ammah* dalam isu klausa *ibra'* (rebat) bagi pembiayaan berdasarkan kontrak jual beli

Kriteria	Pematuhan	Penjelasan (jika ada)
Tahap <i>daruriyyah</i> atau <i>hajiyyah</i> , bukan <i>tahsiniyyah</i>	Ya	Tahap <i>hajiyyah</i> supaya dapat bersaing dengan bank-bank konvensional, dan mengelakkan pertelingkahan antara bank dan pelanggan.
Benar-benar wujud sama ada secara yakin atau secara sangkaan kuat ( <i>zann</i> ).	Ya	
Perkara yang haram secara wasilah	Tidak	<i>Gharar</i> (ketidak pastian) dalam harga jualan adalah haram secara <i>maqasid</i> , bukan secara <i>wasilah</i> .
Diputuskan secara ijtihad oleh mereka yang berkelayakan untuk berijtihad	Ya	Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

Kajian ini mendapati bahawa penggunaan konsep *masalah 'ammah* dalam isu klausa *ibra'* (rebat) bagi pembiayaan berdasarkan kontrak jual beli tidak menepati kriteria yang ditetapkan. Ini kerana isu *gharar* dalam muamalat adalah perkara yang diharamkan secara *maqasid*, bukan secara *wasilah*<sup>44</sup>.

43 Bank Negara Malaysia (BNM), 2010, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam – Edisi Kedua*, hlmn. 123.

44 Al-Raysuni, 1433H, *I'tibar al-Maqasid fi al-Fatawa al-Maliyyah*, Islamiyyah al-Ma'rifah Majallah al-Fikr al-Islami al-Mu'asir, Bil. 70, hlmn. 24.

## KESIMPULAN

Pertimbangan menggunakan *masalahah 'ammah* adalah faktor yang sangat penting dalam memastikan kelestarian industri kewangan Islam. Ini kerana, jika *masalahah 'ammah* tidak diambil kira dalam pembangunan produk-produk kewangan Islam, institusi-institusi kewangan Islam akan menghadapi kesukaran dalam menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan seperti yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional, yang akhirnya akan menguntungkan sektor kewangan konvensional dan membantut perkembangan sektor kewangan Islam. Justeru, konsep *masalahah 'ammah* yang terangkum dalam syariat Islam perlu diaplikasikan dalam industri kewangan Islam bagi menangani persaingan tersebut. Dalam mengaplikasikan konsep tersebut, pakar-pakar syariah yang menduduki jawatankuasa penasihat syariah di institusi-institusi kewangan Islam hendaklah sentiasa memastikan ia memenuhi kriteria-kriteria *masalahah 'ammah* yang digariskan agar konsep tersebut tidak disalah guna.

## RUJUKAN

- 'Abd al-Salam Al-'Abadi. (1408H). *Naz' al-Milkiyyah al-Khassah li al-Manfa'ah al-'Ammah*. Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami. Bil. 8.
- Ahmad ibn Muhammad ibn Hanbal, Abu 'Abdillah al-Shaybani. (1421H). *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Mu'assasah al-Risalah.
- Ahmad Kafi. (2004). *Al-Hajah al-Shar'iyah Hududuha wa Qawa'iduha*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ahmad Muhyi al-Din Ahmad. (1419H). *Al-Mudarabat fi al-'Umlah wa al-Wasa'il al-Mashru'ah li Tajannub Adrariha al-Iqtisadiyyah*. Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami, 11.
- Al-Amidiy, Abu al-Hasan Ali ibn Abi Ali. (t.t.). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Al-Maktab al-Islamiy.
- Al-Ansari, Zakariyya. (1414H). *Al-Hudud al-Aniqah wa al-Ta'rifat al-Daqiqah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-'Attar. (t.t.). *Hashiyat al-'Attar 'ala Sharh al-Mahalli*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ansari, Zayn al-Din, Zakariyya ibn Muhammad ibn Zakariyya. (t.t.). *Asna al-Matalib*. Dar al-Kitab al-Islami.
- Al-Bukhari. (1422H). *Sahih al-Bukhari*. Dar Tawq al-Najah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad.

- (1413H). *Al-Mustasfa*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad. (1390H). *Shifa’ al-Ghalil*. Baghdad: Matba‘ah al-Irshad.
- Al-Jizani. (1428 AH). *Haqiqah al-Darurah al-Shar‘iyyah*. Maktabat al-Minhaj.
- Al-Jurjani, ‘Ali ibn Muhammad. (1403H). *Al-Ta’rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mardawi al-Dimashqi al-Salihi, ‘Ala’ al-Din, Abu al-Hasan, ‘Ali ibn Sulayman. (1421H). *Al-Tahbir Sharh al-Tahrir fi Usul al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Al-Qarafi, Abu al-‘Abbas, Ahmad ibn Idris ibn ‘Abd al-Rahman. (t.t.). *Al-Furuq*. ‘Alam al-Kutub.
- Al-Raysuni. (1433H). *I’tibar al-Maqasid fi al-Fatawa al-Maliyyah*. Islamiyyah al-Ma’arif, Majallah al-Fikr al-Islami al-Mu’asir.
- Al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa al-Lakhmi. (1417H). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari‘ah*. Dar Ibn ‘Affan.
- Al-Shurunbulali. (t.t.). *Hashiyah Al-Shurunbulali ‘ala Durar al-Hukkam*. Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Suyuti. (1411H). *Al-Ashbah wa al-Naza’ir*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tufi, Najm al-Din, Abu al-Rabi’, Sulayman ibn ‘Abd al-Qawiyy. (1413H). *Risalah fi Ri‘ayah al-Maslahah*. Al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- Al-Zarkashi Abu ‘Abdillah, Badr al-Din, Muhammad ibn Abdillah ibn Bahadir. (1405H). *Al-Manthur fi al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah*. Wizarat al-Awqaf al-Kuwaytiyyah.
- Al-Zarkashi, Abu ‘Abdillah, Badr al-Din, Muhammad ibn Abdillah ibn Bahadir. (1414H). *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Dar al-Kutubi.
- Al-Zarqa’. (1409H). *Sharh al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah*.
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2010). Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam – Edisi Kedua.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad ibn Abi Bakr ibn Ayyub. (1403H). *Rawdat al-Muhibbin*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad ibn Abi Bakr ibn Ayyub. (1411H). *I‘lam al-Muwaqqi‘in*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Majah, Abu ‘Abdillah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwini. (t.t.). *Sunan Ibn Majah*. Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.

- Ibn Qudamah, Abu Muhammad, Muwaffaq al-Din. (1423H). *Rawdah al-Nazir wa Junnah al-Munazir*. Mu'assasah al-Rayyan.
- 'Izz al-Din, 'Abd al-'Aziz ibn 'Abd al-Salam. (1414H). *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jasri Jamal, Naaishah Hambali & Hasani Mohd 'Ali. (2010, Ogos). *Islamic Capital Market and Shari'ah Screening in Malaysia*. Pembentangan Kertas di International Research Symposium in Service Management, Mauritius.
- Mahmud Shammam. (1408H). *Intiza' al-Milk li al-Maslahah al-'Ammah*. Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami.
- Muhammad al-Haj Nasir. (1408H). *Al-Islam wa Intiza' al-Milk li al-Maslahah al-'Ammah*. Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami. Bil. 4.
- Shariah Board, Al Rajhi Bank Malaysia Berhad. (2008). Ruling 56: *Balance Transfer Programme*.



**PERSEPSI ASNAF ZAKAT *AL-GHARIMIN* (PERUBATAN)  
TERHADAP KAEDAH AGIHAN ZAKAT OLEH LEMBAGA ZAKAT  
SELANGOR: KAJIAN DI GOMBAK, SELANGOR**

*(Perception of al-Gharimin Zakah Recipients (Medical) towards Zakat  
Distribution Method by Selangor Zakat Board:  
A Study in Gombak, Selangor)*

**Nur Aliah Mohd Sukeri<sup>1</sup>  
Zulaikha Mohd Hanafiah<sup>2</sup>  
Hairunnizam Wahid<sup>3</sup>**

**Abstrak**

Isu kesihatan bukan lagi menjadi perkara asing di kalangan masyarakat, malah masyarakat kini sudah peka dalam menjaga kesihatan. Banyak produk makanan tambahan yang telah dikeluarkan oleh individu atau syarikat tertentu yang telah diiktiraf oleh Jabatan Kesihatan Malaysia (JKM) dan telah dipasarkan bagi membantu mereka yang ingin menjaga kesihatan dalaman dan luaran. Namun begitu, bagaimana pula dengan mereka yang menghadapi masalah kesihatan seperti penyakit kronik dan memerlukan rawatan khas daripada hospital dalam menjaga kesihatan mereka. Bagi golongan yang berkemampuan mungkin tidak menjadi masalah kepada mereka dalam menerima rawatan daripada hospital swasta, tetapi bagaimana pula bagi mereka yang tidak berkemampuan. Kerajaan Malaysia juga memperuntukkan kos yang besar dalam sektor kesihatan bagi membantu rakyat dalam menerima rawatan daripada hospital. Kajian menunjukkan kos perubatan ini sentiasa meningkat saban tahun akibat daripada kemajuan teknologi-teknologi terkini. Persoalannya ialah adakah masyarakat Malaysia ini benar-benar prihatin terhadap golongan yang kurang berkemampuan ini? Adakah institusi zakat di Malaysia telah mengagihkan zakat dengan adil dan saksama? Adakah masyarakat bekerjasama dalam membayar zakat seperti yang diperintah oleh Allah s.w.t? Sumber

- 
- 1 Pelajar Sarjana, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
  - 2 Pelajar Sarjana, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
  - 3 Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

pembiayaan yang ditawarkan oleh Islam ialah melalui dana zakat. Dana zakat di Malaysia diuruskan oleh institusi – institusi zakat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), PPZ-MAWIP, baitulmal dan sebagainya. Justeru kajian ini mengkaji prosedur dan bentuk agihan zakat *al-gharimin* oleh institusi Lembaga Zakat Selangor (LZS) secara khususnya di daerah Gombak. Hasil kajian mendapati pengagihan zakat perubatan *al-gharimin* oleh LZS di daerah Gombak adalah sangat berkesan dan mendapat respon yang baik oleh penerima zakat, dan juga tahap kepuasan asnaf yang menerima zakat perubatan terhadap pengagihan zakat perubatan oleh LZS adalah sangat baik. Ini menunjukkan zakat telah diagihkan dengan efisien dan masyarakat juga tidak lagi mempersoalkan mengenai pengagihan zakat yang diuruskan oleh institusi ini. Beberapa cadangan dan implikasi dasar turut dibincangkan dalam kajian ini.

**Kata Kunci:** *Asnaf al-gharimin, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Zakat perubatan*

### ***Abstract***

*There is no denying that health had become a major issue in the society, and the majority also had known the proper ways for taking care of health. Companies and individuals had produced a lot of supplement that is approved by Jabatan Kesihatan Malaysia (JKM) and was marketed towards individual that wants to take care of their health. But what about those who are diagnosed with chronic diseases that need special treatment from the hospital to care for their health? For those who are capable in handling the fees would face no issues as they could go to the private sector hospital, but what about the majority half of Malaysian that could not afford the fees. The government had allocates a large sum in the health sector to help the people in health treatment. Research had shown that the cost for treatments is rising as the technology advances each year. So questions starts to rise to mind, does the people of Malaysia Cares for the misfortunate? Does the zakat institution in Malaysia distribute the funds fairly? Does the believer of Islam really pay the Zakat the way that Allah S.W.T. intended? The Islam religion allocated funds that are called the zakat fund. The zakat fund is handled by institutions such as Lembaga Zakat Selangor (LZS), PPZ-MAWIP, Baitulmal and etc. The main objective of this paper is to review the procedure of the distribution of Zakat Al-gharimin by Lembaga Zakat Selangor (LZS) in the Gombak*

*District. The result of this research finds that the distribution of Zakat al-gharimin by LSZ in the Gombak district has been affective and responded positively by people that received Zakat. The asnaf of Gombak had also shown positive respond towards the distribution of Zakat. This shows that the Zakat was distributed efficiently and the people will no longer questions about the distribution of Zakat by the institution that handles it. A few proposal and implications are also discussed in this paper.*

**Keywords:** *Zakah recepeints, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Zakat for medical purpose*

## PENGENALAN

Zakat adalah rukun Islam yang keempat yang wajib ditunaikan oleh umat Islam yang telah memenuhi syarat – syarat yang ditetapkan. Zakat juga merupakan satu ibadah dalam kehidupan muslim yang harus ditunaikan oleh mereka yang berkemampuan. Zakat yang dikutip akan diagihkan untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan bagi memenuhi keperluan asas mereka (keperluan jangka pendek dan jangka panjang). Zakat ini hanya boleh diagihkan kepada golongan – golongan yang tertentu seperti dinyatakan dalam al-Quran, yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah – sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dana amal-amal yang mengurusnya, dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”*

(Surah al – Tawbah: 60)

Secara ringkasnya daripada tafsiran ayat tersebut, terdapat lapan golongan manusia yang berhak untuk menerima zakat. Lapan golongan tersebut adalah *al-fuqara* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), *amil*, *muallaf* yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fisabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah SWT) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Oleh sebab inilah, peranan institusi zakat sangat penting, ianya ditubuhkan bagi memudahkan urusan pengambilan dan pengagihan zakat supaya adil dan saksama.

Di Malaysia, undang-undang dan peraturan-peraturan untuk pentadbiran zakat adalah berbeza di setiap negeri. Seperti di Selangor institusi yang menguruskan zakat adalah Lembaga Zakat Selangor (LZS), Wilayah Persekutuan ditadbir oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pahang pula diuruskan oleh Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP), Majlis Agama Islam Pahang, dan lain-lain lagi. Ini supaya pengurusan dan pentadbiran zakat lebih profesional, terperinci dan berkesan kepada pemberi dan penerima zakat. Namun begitu, masih ada lagi sebahagian pembayar dan pemberi zakat yang mengambil keputusan untuk membayar terus kepada penerima zakat (asnaf zakat) dan bukan secara langsung kepada institusi zakat (Sanep et. al, 2006). Oleh itu, peranan institusi zakat bukan sahaja perlu memastikan pengurusan dan pentadbiran zakat dilakukan dengan profesional dan berkesan, malah institusi zakat juga perlu berusaha untuk menerapkan nilai kepercayaan pembayar zakat kepada institusi zakat.

Tambahan pula sejak *Goods dan Services Tax* (GST) diperkenalkan oleh kerajaan, isu kos perubatan dan sara hidup menjadi semakin berat bagi golongan tertentu. Bebanan kos juga semakin meningkat apabila sejak kebelakangan ini berlakunya kemelesetan ekonomi di peringkat negara dan juga global. Dalam hal ini asnaf adalah golongan yang terjejas teruk dan menyebabkan sukar bagi mereka untuk mendapatkan rawatan perubatan sama ada di klinik, hospital kerajaan mahupun swasta. Pada masa yang sama, kualiti hidup juga semakin terjejas (Patmawati, 2008). Maka, asnaf seperti ini memerlukan pembiayaan bagi menampung perbelanjaan perubatan yang tinggi. Antara sumber pembiayaan yang telus dan boleh dipercayai adalah zakat. Zakat dilihat sebagai salah satu institusi dan mekanisme yang dapat menolong asnaf dan menjamin keadilan sosio-ekonomi dalam masyarakat (Norazlina dan Abdul Rahim, 2011). Pengagihan zakat bagi membantu kos perubatan telah wujud sekian lama namun tidak diberi pendedahan secara terperinci. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengkaji keberkesanan agihan zakat perubatan kepada golongan asnaf dengan mengenal pasti kaedah permohonan agihan, bentuk agihan dan nilai barangan yang diagihkan bagi membuktikan wujudnya manfaat kepada asnaf dan memberi keyakinan kepada pembayar zakat. Kajian ini juga mengkaji persepsi penerima bantuan zakat perubatan di daerah Gombak ini terhadap proses pengagihan zakat perubatan yang diuruskan oleh LZS.

## KAJIAN LEPAS

Beberapa garis panduan asas dalam menguruskan zakat telah disebutkan dalam al-Quran dan al-Hadith dan di antaranya ialah institusi Zakat perlulah bersikap adil dalam pungutan zakat, bersikap telus dalam mengagihkan zakat kepada yang memerlukan, berpengetahuan dan berkelayakan dalam menguruskan zakat bagi menggalakkan pembayar zakat terus membayar zakat (Ahmad Hidayah Buang, 2000).

Kini, jumlah pungutan zakat meningkat saban tahun. Hal ini berkemungkinan disebabkan faktor kaedah pembayaran yang mudah, di mana sekarang pembayar zakat boleh membayar zakat melalui talian sahaja (Mohamad Idham et. al, 2013). Masyarakat juga kini sedar akan pembayaran harta yang *diikhhtilaf* (Sanep dan Hairunnizam, 2005). Namun, menurut Sanep, Hairunnizam dan Adnan (2006) dalam kajiannya menunjukkan kepuasan pembayar zakat dalam membayar zakat adalah rendah. Hal ini juga mungkin disebabkan kurangnya kepercayaan pembayar zakat kepada pengurusan agihan zakat dan mereka akhirnya akan membuat keputusan untuk membayar zakat terus kepada asnaf tanpa melalui institusi Zakat. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kepuasan agihan zakat akan mempengaruhi kepatuhan membayar zakat secara formal.

Faktor yang perlu diberi penekanan bagi meningkatkan tahap keyakinan pembayar zakat dalam aspek agihan zakat ialah dengan mengurangkan karenah birokrasi, tidak *bias* dalam mana-mana parti politik serta efisien dan cekap dalam proses agihan zakat yang akhirnya dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat (Hairunnizam dan Sanep, 2014; dan Mohamad Sabri et, al, 2016). Hairunnizam, Sanep dan Radiah (2009) turut mencadangkan agar perakaunan zakat diaudit secara berterusan pada setiap tahun bagi memastikan tiada penyelewengan yang berlaku dalam pengurusan zakat dan ini juga akan turut menambah kepercayaan pembayar zakat. Menurut Mohd Ali, Hairunnizam dan Nor Ghani (2004) menyatakan bahawa faktor keimanan dan pengetahuan zakat juga mempengaruhi pembayaran zakat. Semakin tinggi keimanan dan tahap pengetahuan tentang zakat, maka seseorang akan semakin cenderung untuk membayar zakat. Kajian ini juga jelas menyatakan bahawa kesan pengetahuan fungsi institusi Zakat tidak mempengaruhi keputusan untuk membayar zakat. Menurut Hairunnizam, Sanep dan Mohd Ali, (2004) mengatakan bahawa secara keseluruhannya tahap kualiti hidup asnaf adalah semakin baik berbanding sebelumnya dan berpuas hati. Perkara ini juga turut disokong oleh Eza Ellany et. al. (2014) dalam kajiannya bahawa zakat diagihkan dengan baik walaupun berlaku turun naik dalam nilai skor kecekapan. Kutipan zakat di Selangor adalah meningkat saban tahun.

Menurut Laporan Pengurusan Lembaga Zakat Selangor (2016), jumlah kutipan pada tahun 2012 hanyalah RM 451 juta dan telah meningkat kepada RM517 juta pada tahun 2013. Ianya terus meningkat pada tahun seterusnya kepada RM582 juta dan pada tahun 2016, jumlah kutipan telah mencecah kepada RM673 juta. Namun begitu, sejak tahun 2015, jumlah agihan menjadi lebih tinggi berbanding jumlah kutipan. Jumlah kutipan pada tahun 2015 berjumlah RM627 juta sahaja manakala jumlah agihannya adalah RM676 juta. Begitu juga halnya pada tahun 2016. Peningkatan jumlah kutipan dan agihan zakat dapat mengurangkan bebanan kewangan asnaf terutama kepada penerima bantuan zakat *al-gharimin* perubatan. Bantuan zakat *al-gharimin* perubatan adalah bantuan agihan kedua tertinggi setelah bantuan kewangan dan makanan bulanan iaitu sebanyak RM70 juta pada tahun 2016 manakala RM52.7 juta pada tahun 2015.

Hairunnizam, Sanep dan Radiah (2012) di dalam kajiannya menyatakan bahawa kaedah lokalisasi perlulah diperkasakan dengan mewujudkan *amil* di setiap kariah dan mereka perlulah bergaji secara tetap, bersikap profesional dan bertugas sepenuh masa sepanjang tahun. Hal ini dapat memastikan pengurusan zakat menjadi cekap dan efisien. Malahan, perkara ini juga turut dapat membantu mengubah sikap asnaf dengan penglibatan *amil* secara langsung di dalam program di peringkat kariah (Hairunnizam, Sanep dan Radiah, 2011). Rumusnya daripada kajian-kajian terdahulu, tiada kajian yang mengkaji aspek zakat *al-gharimin* perubatan secara khusus. Terdapat dua kajian yang mengkaji keberkesanan agihan zakat perubatan (Muhammad Hafiz et. al., 2016; dan Mohd Yusof et. al, 2016) dimana kajian ini menunjukkan bahawa LZS dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) telah berjaya mengagihkan zakat secara khusus kepada pesakit yang mendapat rawatan di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL) serta peranan Bank Rakyat dalam mengagihkan zakat perubatan kepada asnaf zakat. Namun begitu kajian ini berbeza kerana mengkaji secara khusus prosedur dan kaedah agihan zakat *al-gharimin* perubatan terhadap asnaf pesakit kronik.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dengan menjalankan temu bual terhadap penerima bantuan zakat perubatan di Daerah Gombak bagi mendapatkan maklumat mengenai bantuan zakat perubatan yang diterima. Seramai lima (5) orang penerima zakat perubatan telah ditemu bual sebagai sampel daripada 10 nama asnaf pesakit kronik yang telah diberikan oleh Pegawai

Zakat di Lembaga Zakat Selangor Daerah Gombak. Ini bermakna kajian ini telah menemubual sebanyak 50 peratus responden daripada populasi kajian ini. Temu bual ini telah dijalankan pada bulan Disember 2016 di kediaman *asnaf* di sekitar Daerah Gombak iaitu di Greenwood, Gombak Setia dan Gombak Utara. Pertanyaan yang diajukan kepada 5 responden tersebut adalah terdiri daripada 5 bahagian iaitu Bahagian A, mengenai maklumat responden, Bahagian B mengenai maklumat bantuan *al-gharimin* perubatan, Bahagian C mengenai kepuasan terhadap bantuan *al-gharimin* perubatan, Bahagian D mengenai perbelanjaan kesihatan atau ubatan asas, dan akhirnya Bahagian E adalah mengenai komen dan cadangan responden. Pertanyaan di bahagian C adalah penting kerana ia bertujuan untuk mengkaji persepsi responden terhadap prosedur agihan zakat perubatan yang telah diterima oleh mereka. Di dalam Bahagian C juga, terdapat 6 konstruk utama iaitu (1) Jumlah bantuan perubatan, (2) mutu bantuan peralatan, (3) jadual masa penyerahan bantuan, (4) prosedur permohonan bantuan, (5) prosedur penyerahan bantuan; dan (6) keberkesanan bantuan. Kesemua konstruk ini adalah berbentuk skala likert bernilai 1 iaitu sangat tidak setuju hingga nilai 5 iaitu sangat setuju. Kajian ini akan mengadaptasi kajian *measuring ESL students reading strategies*. (Mokhtari, K., & Sheorey, R, 2002), dalam membentuk tahap kepuashatian responden iaitu nilai min di bawah 2.4 adalah tahap kepuashatian rendah, nilai antara 2.5 hingga 3.4 adalah sederhana dan nilai min melebihi 3.5 adalah tahap kepuashatian yang tinggi.

Kajian ini telah menemubual penjaga pesakit kronik yang terdiri daripada isteri, anak dan ibu. Pesakit terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan jantina. Pesakit-pesakit yang menerima bantuan zakat juga adalah penghidap penyakit kencing manis, strok, *eczema* yang teruk dan *cerebral palsy*. Ketika menjalankan temu bual, pengkaji mendapati sukar bagi pengkaji mendapatkan fokus penjaga kerana mereka terpaksa menjaga pesakit-pesakit kronik pada masa yang sama menjawab soalan-soalan pengkaji. Maka, proses temu bual ini mengambil masa yang lama di antara sejam sehingga dua jam. Pengkaji juga dapat melihat cara penjaga menjaga pesakit-pesakit ini dan barang-barang bantuan yang mereka ambil di farmasi dan yang diperolehi daripada LZS.

## **HASIL KAJIAN**

Kajian ini mendapati nilai bantuan zakat yang diberikan oleh LZS adalah antara RM396.50 hingga RM1,400 setiap bulan bergantung kepada penyakit yang dihidapinya. Pesakit yang menerima bantuan adalah berumur antara 3 tahun hingga 87 tahun. Kajian ini mendapati anggaran perbelanjaan untuk

merawat penyakit berkenaan adalah lebih tinggi daripada bantuan yang diterima. Contohnya untuk penyakit strok, bantuan yang diberikan oleh LZS adalah RM400 dan anggaran kos rawatan yang diperlukan adalah sebanyak RM2,000. Ini menjadikan kurangan dalam kos rawatan sebanyak RM1,600 yang perlu ditanggung sendiri oleh asnaf samada melalui pendapatan penjaga mahupun bantuan dari pihak luar selain zakat (lihat Jadual 1).

Walaupun jumlah bantuan zakat yang diberikan agak rendah, namun secara umumnya, bantuan zakat perubatan yang diberikan kepada asnaf adalah bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan pesakit bagi kos rawatan yang terpaksa ditanggung. Hasil kajian mendapati, kesemua informan telah menggunakan kaedah yang sama ketika membuat permohonan iaitu dengan menyenaraikan barangan yang diperlukan dan berapa nilai barangan tersebut. Pusat Zakat akan meluluskan permohonan dengan meluluskan sejumlah nilai yang akan dibayar oleh Pusat Zakat mengikut nilai barangan yang disenaraikan oleh asnaf. Bagi pihak LZS pula, LZS akan mengeluarkan satu inouis nilai barangan kesihatan yang boleh dituntut difarmasi tertentu mengikut nilai zakat yang telah diluluskan. Pihak farmasi tersebut kemudiannya akan menuntut bayaran tersebut kepada LZS. Contohnya seperti dikatakan oleh IF1, pihak LZS telah meluluskan bantuan zakat perubatan sebanyak RM1,000 dalam bentuk inouis dan asnaf tersebut akan mendapatkan barangan tersebut di farmasi sebanyak RM1,000 sahaja. Ini dapat dilihat daripada Jadual 2. Namun begitu kajian ini mendapati, berdasarkan maklumbalas daripada sebahagian informan, terdapat sebahagian barangan yang diperlukan tiada di farmasi.

Contohnya maklumbalas daripada IF3 mendapati barang yang telah diluluskan oleh LZS tiada di farmasi berkenaan yang akan menyebabkan IF3 mendapatkan barangan tersebut di farmasi lain yang berkemungkinan harganya lebih tinggi daripada farmasi panel yang dilantik oleh LZS. Ini berkemungkinan akan memberi implikasi ketidakcukupan jumlah bantuan zakat yang diberikan akibat harga yang tinggi dan berbeza. Bantuan kewangan yang diberikan kepada asnaf terdiri daripada dua bentuk agihan iaitu pertama dalam bentuk barangan dan bentuk agihan kedua pula ialah dengan mendahulukan duit asnaf dan kemudian dibayar semula oleh Pusat Zakat. Bagi bentuk agihan yang pertama iaitu agihan barang kepada pesakit, kaedah ini telah dijelaskan oleh IF2 (lihat Jadual 3).



**Jadual 1:** Min Kepuasan Responden serta Jumlah Bantuan dan Anggaran Perbelanjaan Asnaf Zakat *al – Gharimin* perubahan (Sebulan)

Responden (Informan)	Umur (penjaga/pesakit)	Bantuan Zakat perubahan(RM)	Anggaran perbelanjaan sebulan (RM) <sup>1</sup>	Kurangan/lembihan (RM)	Jenis Penyakit	Nilai min Kepuasan	Tahap Kepuasan <sup>4</sup>
1	50 tahun/ 19 tahun	490.00	790.00	-RM300.00	<i>Cerebral palsy</i> <sup>2</sup>	4.68	Tinggi
2	65 tahun/ 22 tahun	1,000.00	2,000.00	-RM1,000.00	<i>Cerebral palsy</i>	4.16	Tinggi
3	60 tahun/ 74 tahun	396.50	4,200.00	-RM3,803.50	Kencing manis	3.08	Sederhana
4	38 tahun/ 3 tahun	1,400.00	1,800.00	-RM400.00	<i>Eczema</i> <sup>3</sup>	3.81	Tinggi
5	62 tahun/ 87 tahun	400.00	2,000.00	-RM1,600.00	strok	3.35	Sederhana

Nota:

- <sup>1</sup> anggaran berdasarkan temubual dengan pesakit
- <sup>2</sup> penyakit berkaitan saraf di otak
- <sup>3</sup> penyakit kulit yang kronik
- <sup>4</sup> Skala Tahap Kepuasan; < 2.4; Rendah; 2.5-3.4; Sederhana; >3.5 Tinggi

Sumber: *Maklumat soal selidik*

**Jadual 2:** Kaedah permohonan bantuan zakat *al-gharimin* di LZS

Informan	Maklumbalas
Informan 1	...Makcik minta 1000, zakat luluskan 1000. Ambil di Farmasi.
Informan 2	...senaraikan barang yang kita nak...sekali dengan harga... Permohonan dah lulus, zakat dah bagi surat apa semua kat dia, baru boleh kita ambil barang.
Informan 3	...Saya cakap la saya nak yang ni yang ni... yang ni... Bila dah lulus, tak ada (di Farmasi).
Informan 4	...Permohonan dah lulus, zakat dah bagi surat apa semua kat dia (farmasi), baru boleh kita ambil barang.
Informan 5	...Saya minta <i>pampers</i> tapi yang diluluskan cuma susu empat tin sahaja... Selepas tiga, empat bulan baru permohonan saya diluluskan.

Sumber: Maklumat soal selidik

Berdasarkan Jadual 3, hasil daripada perbualan ini dapat diketahui bahawa selepas permohonan telah diluluskan, sejumlah nilai akan diberikan kepada asnaf. Asnaf perlu mengambil sendiri barangan yang diperlukan daripada farmasi mengikut nilai yang telah ditentukan. Sebagai contoh, setelah asnaf membuat permohonan, LZS akan meluluskan permohonan dengan sejumlah nilai iaitu RM500. Maka, asnaf akan membeli barangan yang diperlukan daripada mana – mana farmasi dengan nilai yang telah diluluskan tidak kira daripada farmasi kerajaan mahupun swasta seperti yang diperkatakan oleh IF1. Kebiasaannya, kaedah ini digunakan apabila asnaf selesai mendapatkan barangan yang diperlukan di farmasi yang terdekat dengan kediaman dan farmasi tersebut juga menjual barangan yang diperlukan seperti keadaannya IF5. Selepas asnaf mengambil barangan yang diperlukan, pihak farmasi akan mendapatkan bayaran daripada LZS setiap bulan. Kaedah ini digunakan oleh kesemua informan kecuali IF3.

Ini adalah kerana bagi IF3 pula, bentuk agihan kedua digunakan iaitu dengan mendahulukan tunai milik sendiri dahulu dan kemudiannya akan menuntut semula kesemua bayaran tersebut berdasarkan resit pembelian. Ini berlaku kerana menurut IF3, tidak semua barangan yang diperlukan terdapat pada satu farmasi sahaja dan asnaf terpaksa membeli di farmasi yang lain. Oleh itu, bagi mendapatkan barangan yang diperlukan, IF3 terpaksa pergi

kepada beberapa farmasi dan ini akan menyukarkan kepada LZS untuk membuat bayaran kembali kepada farmasi dan proses mendapatkan bayaran juga menjadi lama dan lambat. Resit yang diterima daripada farmasi perlu diberi kepada LZS dan LZS akan membuat bayaran kepada asnaf setiap bulan.

Hasil kajian juga mendapati perlaksanaan bantuan Zakat Perubatan kepada asnaf yang layak telah banyak mengurangkan bebanan kewangan mereka dan bukan itu sahaja tetapi juga pesakit telah menunjukkan peningkatan kesihatan yang bagus setelah mendapatkan bantuan zakat seperti mana yang terjadi kepada IF3 setelah 5 tahun mendapat bantuan daripada LZS. Ini dapat dilihat daripada Jadual 4.

**Jadual 3:** Bentuk agihan zakat kepada pesakit

Informan	Maklumbalas
Informan 2	..Permohonan dah lulus, zakat dah bagi surat apa semua kat dia (farmasi), baru boleh kita ambil barang. Dah ada bukti apa semua kan. Pastu ambil barang tiap-tiap bulan. Sebulan hanya sekali je kan. Ambillah apa nak ambil. Habiskan untuk keperluan dia. Bulan akan datang diaorang (farmasi) akan <i>claim</i> sendiri dengan zakat.”
Informan 1	...kita pergi dekat Farmasi lah...lepas tu Farmasi...hantar lah <i>Invois</i> dia tu berapa-berapa... Tapi, bahagian yang ubat-ubat la... Macam susu ke vitamin, pampers semua tu... Kita ambil dulu ubat tu baru lepas tu... Aaaa... Farmasi hantar dekat Zakat tu ( <i>invois</i> )... baru Zakat bayar lah.
Informan 5	...Farmasi Alpha. Memang sebelum ni saya selalu ambil dekat situ la. Sebelum dapat bantuan memang selalu ambil dekat situ. Jadi, bila saya dapat bantuan, dia kata mana-mana farmasi yang saya pergi tu boleh minta. Dia tak ada <i>panel of pharmacy</i> ke apa ke. Dia boleh pilih sendiri
Informan 3	...Dia kata akak tak usah keluar duit la, kita orang bayar terus kat Farmasi. Farmasi yang sebelah pusat zakat kan...Habis tu saya nak barang, dia (farmasi) tak ada...Saya beli kat...depan Giant ni, semua ada barang. Jadi, saya ambil kat situ. Keluar duit sendiri la...Saya kumpul-kumpul ni (resit), baru saya ni balik ( <i>claim</i> ) la.”

Sumber: Maklumat soal selidik

**Jadual 4:** Maklumbalas tahap kesihatan asnaf

Informan	Maklumbalas
Informan 3	(Mengenai pemeriksaan kesihatan di hospital) Aaa...Yang sekarang ni seminggu sekali. Yang dulu seminggu dua kali. Asalnya seminggu tiga kali. Pastu dah elok sikit, seminggu dua kali. Sekarang seminggu sekali.

*Sumber: Maklumat soal selidik*

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa 3 daripada 5 informan iaitu sebanyak 60 peratus, berpuas hati tahap tinggi terhadap penerimaan zakat *al-gharimin* perubatan kepada mereka. Manakala selebihnya sebanyak 40 peratus informan atau 2 informan berpuas hati tahap sederhana terhadap penerimaan zakat *al-gharimin* perubatan. Kajian yang telah dilakukan terhadap informan menunjukkan bahawa tahap kepuasan hati seseorang informan terhadap penerimaan zakat *al-gharimin* perubatan ini bermula daripada hasil perbelanjaan mereka. Semakin tinggi perbelanjaan bulanan informan, semakin rendah tahap kepuasan mereka. Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa informan yang mempunyai belanja bulanan yang tinggi menyebabkan mereka rasa berpuas hati tahap sederhana terhadap jumlah zakat perubatan yang diterima mereka. (Lihat Jadual 5).

**Jadual 5:** Pandangan asnaf terhadap bantuan zakat *al-gharimin* di LZS

Informan	Maklumbalas
Informan 1	<p>...Mak cik amat berpuas hati daripada agihan zakat ini. Setelah menerima zakat perubatan ini daripada LZS, xxx (nama pesakit) kini boleh duduk dengan sendiri walaupun tidak boleh berjalan...</p> <p>.. Makcik menerima zakat perubatan atas nasihat pegawai A kerana mulanya makcik memohon untuk zakat sara diri tetapi setelah pegawai mengetahui makcik mempunyai anak kurang upaya beliau menasihati makcik untuk memohon bantuan zakat perubatan....</p>
Informan 5	<p>...Saya hanya menerima bantuan susu sebanyak 4 tin sahaja sebulan. Saya ada juga minta bantuan seperti diapers, lapik tilam, dan lain -lain tetapi tidak dapat. Dan hanya bantuan susu sahaja yang diberikan oleh zakat..</p>

*Sumber: Maklumat soal selidik*

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat nilai min kepuasan setiap informan. Kesemua responden boleh dikatakan mempunyai anggaran perbelanjaan sebelum melebihi jumlah bantuan zakat yang diterima. Jadual menunjukkan bahawa bagi informan 3 dan 5 berpuas hati tahap tinggi terhadap agihan zakat perubatan dan hanya 2 responden yang mempunyai tahap sederhana. Hal ini kerana bagi informan 3 (min 3.08), yang mana pesakit menghidap penyakit kencing manis (temu bual bersama isteri beliau), menyatakan bahawa pesakit terpaksa memasukkan air sebanyak 4 kali setiap hari bagi mengawal penyakitnya, dan harga bagi setiap botol mencecah RM22. Namun keperluannya setakat ini telah ditanggung oleh Hospital Kuala Lumpur (HKL). Bagi informan ke 5 (min 3.35) pula, berlaku persepsi tahap sederhana mengenai agihan zakat pula adalah disebabkan oleh jumlah bantuan yang diperolehinya, kerana bantuan yang beliau terima (anak) untuk perubatan maknya adalah susu tepung sahaja. Sedangkan keperluan seperti lampin pakai buang, lapik tilam, kapas, dan sebagainya tidak ditanggung oleh pusat zakat. Ini dijangkakan menyumbang kepada persepsi tahap sederhana mengenai agihan zakat yang dilakukan. Manakala bagi responden yang lain iaitu informan 1 memperoleh min 4.68, informan 2 sebanyak 4.16 dan terakhir informan 3 memperoleh min 3.81. Sepertimana yang dinyatakan jika informan memperoleh keputusan min 3.5 dan ke atas menunjukkan bahawa informan berpuas hati tahap tinggi dengan kaedah pengagihan yang dilakukan oleh LZS.

**Jadual 6:** Pandangan asnaf terhadap prosedur bantuan zakat *al-gharimin* di LZS

Informan	Maklumbalas
Informan 1	...Makcik tiada masalah dalam mengambil ubat di farmasi yang telah disetujui oleh pusat zakat. Farmasi juga tidak ada masalah makcik hanya perlu pergi ke farmasi dan mengambil ubat mengikut apa yang makcik dapat jumlah bantuan zakat...
Informan 2	...Makcik tiada masalah dalam mengambil ubat di farmasi yang makcik pergi namun ada sekali hari tu makcik tidak dapat ambil ubat kerana pusat zakat tidak membayar di farmasi di tempat makcik ambil ubat..
Informan 3	...Semasa memohon bantuan itu tidaklah susah kerana hanya perlu mengisi borang – borang yang diberikan, Cuma proses untuk mendapat keputusan sahaja yang lama kerana memakan masa hampir 2 ke 3 minggu..

*Sumber: Maklumat soal selidik*

Jadual 7, menunjukkan soalan mengenai (1) Jumlah bantuan perubatan, (2) mutu bantuan peralatan, (3) jadual masa penyerahan bantuan, (4) prosedur permohonan bantuan, (5) prosedur penyerahan bantuan; dan (6) keberkesanan bantuan. Jika dilihat secara purata keseluruhan, keputusan menunjukkan bahawa setiap informan/responden berpuas hati tahap tinggi dengan agihan zakat *al-gharimin* perubatan oleh LZS, iaitu min 3.82. Berdasarkan (1) Jumlah bantuan perubatan; keputusan purata yang diperolehi ialah min 3.07, menunjukkan bahawa responden berharap agar jumlah nilai bantuan dapat dinaikkan, (2) mutu bantuan peralatan; purata keseluruhan adalah min 4.4, menunjukkan farmasi telah menyediakan barang-barang yang berkualiti, (3) jadual masa penyerahan bantuan; jumlah purata min 3.93 menunjukkan bahawa responden berpuas hati tahap tinggi dengan jadual penyerahan bantuan yang dilakukan oleh LZS.

**Jadual 7:** Tahap Kepuasa asnaf terhadap bantuan zakat perubatan

Item Konstruk	Responden					Purata Ke- seluruhan	Tahap Puashati
	Informan 1	Informan 2	Informan 3	Informan 4	Informan 5		
(1) Jumlah bantuan perubatan							
-Jumlah bantuan mencukupi	5	4	2	2	2	3	
-Tidak memerlukan bantuan lain selain LZS	4	4	2	2	2	2.8	
-Tidak mengharapkan bantuan dinaikkan lagi	2	4	2	3	4	3	
Purata	3.67	4	2	3	2.67	3.07	Sederhana
(2) Mutu bantuan peralatan							
-Berkeadaan baik dan berkualiti tinggi	5	5	4	4	5	4.6	
-Tidak pernah mengalami kerosakan peralatan	5	5	2	4	5	4.6	
Purata	5	5	3	4	5	4.4	Tinggi
(3) Jadual masa penyerahan bantuan							
-Berpuas hati dengan masa yang ditentukan	5	4	2	5	4	4	
-Bantuan tidak pernah terlewat	5	2	2	4	4	3.4	
-Tidak menghadapi masalah ke LZS mengambil wang	5	5	4	4	4	4.4	
Purata	5	3.67	2.67	4.33	4	3.93	Tinggi
(4) Cara permohonan bantuan							
-Permohonan amat mudah	5	5	5	5	3	4.6	

-Masa memproses amat cepat	4	4	5	2	2	3.4
-Proses permohonan amat telus dan adil	4	5	4	2	3	3.6
-Permohonan tidak memerlukan banyak bantuan	4	5	5	4	2	4
-Proses menyambung bantuan amat mudah	5	5	5	4	2	4.2
Purata	4.4	4.8	4.8	3.8	2.4	4.04
(5) Prosedur penyerahan bantuan						
-Diserahkan tepat masanya	5	4	2	4	4	3.8
-Bantuan yang diserahkan oleh LZS adalah cepat	5	5	2	4	4	4
-Jumlah bantuan adalah sama dengan yang diluluskan	5	2	4	4	4	3.8
-Prosedur mengambil bantuan adalah mudah	5	4	4	4	4	4.2
Purata	5	3.75	3	4	4	3.95
(6) Keberkesanan bantuan						
-Bantuan yang diterima memnuhi semua keperluan	5	2	2	3	2	2.8
-Bantuan yang diterima dapat mengubah hidup	5	4	4	4	2	3.8
-Tidak mempunyai sebarang rungutan	5	5	2	2	2	3.2
-Aduan terhadap bantuan ditangani oleh LZS dengan baik	5	4	4	4	2	3.8
Purata	5	3.75	3	3.75	2	3.5
Purata Keseluruhan	4.68	4.16	3.08	3.81	3.35	3.82

Sumber: Maklumat soal selidik



Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah yang wujud bagi jadual penyerahan bantuan ini seperti pihak LZS lambat membuat bayaran kepada pihak farmasi yang menjadi persoalan kepada asnaf. Bagi purata keseluruhan soalan (4) prosedur permohonan bantuan, (5) prosedur penyerahan bantuan; dan (6) keberkesanan bantuan; masing – masing adalah min 4.04, min 3.95, dan min 3.5. Bagi soalan (5), prosedur penyerahan barang tidak merumitkan para asnaf kerana mereka boleh memilih farmasi yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka. Namun bagi soalan (4) pula, pemasalahan yang timbul kepada penerima zakat perubatan ini adalah bagi mereka terlalu banyak borang yang perlu diisi semasa memohon bantuan, seperti pengesahan daripada ketua kampung, surat doktor dan sebagainya. Selain itu, ada yang merungut mengenai keputusan permohonan kerana terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama, melebihi sebulan. Sementara itu, soalan (6) mendapat keputusan di antara 2 daripada 5 responden berpuashati tahap sederhana dengan keberkesanan bantuan, bukan tidak bersyukur sebaliknya berharap agar bantuan dapat dinaikkan lagi supaya kos perubatan ini tidak terbeban kepada mereka.

Rata-rata keputusan menunjukkan bahawa informan bersetuju bahawa mereka berpuas hati tahap tinggi terhadap proses permohonan bantuan zakat *al-gharimin* yang dilakukan oleh pegawai-pegawai zakat. Selain itu, bagi soalan jadual masa penyerahan bantuan serta prosedur penyerahan bantuan ada yang berpuas hati tahap tinggi namun ada juga yang berpuas hati tahap sederhana. Berdasarkan temu bual yang dilakukan ini, hasil menunjukkan bahawa pusat zakat tidak menetapkan mana-mana farmasi secara khusus, namun sebaliknya memberi peluang kepada penerima bantuan zakat perubatan *al-gharimin* ini untuk mencari farmasi yang senang untuk ditujunya. Ini merupakan langkah yang bagus diambil oleh pusat zakat kerana memberi kemudahan kepada penerima zakat untuk mengambil barang-barang atau ubat-ubatan yang diperlukan oleh mereka. Tetapi persoalan yang timbul adakah betul sama ada pusat memberhentikan bantuan tanpa memberitahu penerima zakat tersebut? Tambahan lagi, hasil daripada temu bual menunjukkan bahawa lawatan sosialisasi daripada pegawai zakat memberi impak yang sangat besar kepada penerima zakat. Mereka sangat gembira dan terharu di atas lawatan yang dilakukan oleh pegawai zakat. Ini kerana ada informan yang menerima bantuan zakat perubatan ini hasil daripada nasihat yang diberikan oleh pegawai zakat berkenaan.

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR**

Bantuan zakat perubatan ini dilihat sebagai salah satu langkah terbaik oleh LZS bagi mengurangkan bebanan pesakit asnaf. Kos perubatan yang sangat tinggi akan menyukarkan lagi keadaan pesakit tetapi dengan bantuan zakat ini sedikit sebanyak telah membantu asnaf dari segi kewangan mahupun emosi. Hal ini dapat memulihkan taraf hidup asnaf serta dapat menjana ekonomi negara. Kelebihan bagi kaedah agihan berbentuk barangan ialah asnaf tidak perlu mengeluarkan duit poket mereka sendiri untuk membeli barangan perubatan. Mereka hanya perlu mengambil barang di farmasi dan farmasi akan menebus balik bayaran terus ke LZS. Cara ini juga mudah dan cepat bagi asnaf. Namun, kaedah ini hanya boleh digunakan apabila barangan yang diperlukan terdapat pada sebuah farmasi sahaja. Jika barangan yang diperlukan asnaf terdapat di farmasi yang berbeza-beza maka, kaedah ini tidak dapat digunakan. Maka, kelemahan bagi kaedah ini ialah tidak semua barangan yang diperlukan asnaf terdapat di sebuah farmasi sahaja terutama farmasi yang berskala kecil.

Manakala kelebihan kaedah agihan berbentuk duit pula ialah ianya lebih mudah bagi asnaf bagi mendapatkan barangan yang diperlukan. Asnaf boleh mendapatkan barangan bukan hanya pada sebuah farmasi sahaja tapi pada-pada mana farmasi sama ada kerajaan mahupun swasta. Namun, kelemahan yang terdapat bagi kaedah ini ialah proses bagi menebus balik duit yang telah digunakan bagi membeli barangan perubatan untuk asnaf agak lama. Hal ini kerana, asnaf perlu membuat permohonan menebus duit setiap bulan. Sedangkan, ketika itu juga asnaf memerlukan duit untuk membeli barangan keperluan harian yang lain. Malah, asnaf juga terpaksa pergi ke pelbagai farmasi bagi mendapatkan barangan perubatan yang diperlukan dan ini memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan duit asnaf.

Nilai barangan serta taraf hidup masyarakat di negara ini semakin meningkat saban tahun. Tidak terkecuali juga kepada nilai barangan perubatan lebih-lebih lagi di dalam keadaan sekarang apabila GST diimplementasi oleh kerajaan. Nilai yang diberikan kepada asnaf pada tahun ini dan tahun mendatang adalah tidak sama secara relevan kerana taraf hidup yang semakin meningkat. Harga barangan semakin mahal dan akhirnya menyebabkan asnaf tidak mendapat barangan perubatan dengan kuantiti yang banyak walaupun diberi bantuan zakat dengan nilai yang sama pada tahun sebelumnya. Justeru pegawai zakat disarankan membuat pemantauan terhadap harga barangan perubatan di farmasi dengan mengetahui turun naik harga barangan. Maka, dengan ini LZS dapat memberikan nilai bantuan yang mencukupi kepada asnaf.

Dari aspek keberkesanan bagi mendapatkan barangan perubatan, dicadangkan LZS mewujudkan panel farmasi bagi memudahkan dan mempercepatkan proses mendapatkan barangan perubatan asnaf. Dengan mewujudkan panel farmasi, asnaf tidak perlu lagi membeli barangan perubatan di farmasi-farmasi yang lain. Malahan, barangan yang diperlukan juga sudah pasti ada di panel farmasi tersebut. Hal ini juga akan menyebabkan harga barangan perubatan lebih murah kerana panel farmasi akan membeli barangan perubatan dalam kuantiti yang banyak bagi menampung permintaan asnaf dan LZS. Bukan itu sahaja, malahan panel farmasi juga dapat menebus balik jumlah nilai barangan yang diambil oleh asnaf dengan lebih cepat. Kewujudan panel farmasi yang diuruskan oleh institusi zakat di negeri masing-masing bukan sahaja dapat mengawal harga ubat-ubatan serta keperluan asas penerima zakat, malah masalah penipuan bantuan juga berkemungkinan dapat diatasi terutamanya daripada pihak farmasi. Hal ini kerana sesetengah penerima zakat percaya sepenuhnya kepada farmasi tersebut.

Bagi pihak Kerajaan pula, Kerajaan haruslah mengenakan 0 peratus GST ke atas barangan perubatan kerana barangan ini juga barangan keperluan (dharuriah). Barangan perubatan adalah barangan keperluan yang bukan sahaja diperlukan oleh golongan atasan tetapi juga kepada golongan asnaf. Dengan mengenakan GST, golongan asnaf menjadi sukar untuk mendapatkan barangan perubatan yang diperlukan kerana harga yang sangat mahal. Kerajaan juga perlu memantau harga barangan perubatan seperti memantau barangan asasi dan harga barangan perubatan juga perlu diselaraskan. Kerajaan perlu menetapkan harga siling bagi barangan perubatan.

Dari aspek keberkesanan kaedah agihan zakat, pusat zakat perlulah mewujudkan amil kariah dengan meletakkan amil kariah di setiap mukim. Bukan itu sahaja, amil kariah juga perlulah mencari, memantau dan mengetahui keperluan asnaf serta sebarang pemasalahan, asnaf boleh terus merujuk kepada amil kariah. Maka hal ini akan menjadikan sebarang pemasalahan terhadap asnaf lebih cepat dapat diselesaikan dan lebih telus dan ianya haruslah berpusat di masjid-masjid yang berdekatan (Fatin Amila, Hairunnizam dan Sanep, 2015). Bukan itu sahaja, tetapi perkara ini juga dapat menjadikan kaedah agihan lebih berkesan dan seterusnya mendapat kepercayaan daripada pembayar zakat (Sanep et. al, 2006). Kajian lepas mencadangkan bahawa masjid di setiap negeri diberikan satu tugas khas dalam mengagihkan zakat serta memberikan peranan penting kepada *amil mukim* (yang mana mereka ini lebih rapat dengan masyarakat setempat). Kaedah ini bukan sahaja dapat memberi kesan positif kepada pemberi zakat, malah juga dapat memuaskan

hati penerima zakat kerana pengagihan ini dilakukan di masjid di mana hampir semua masyarakat berkumpul.

Hasil kajian menunjukkan hampir 40 peratus responden (penerima zakat perubatan *al-gharimin*) berpuas hati tahap sederhana terhadap pengagihan zakat oleh institusi zakat. Alasan yang diberikan oleh responden adalah disebabkan keadah pengagihan yang diberikan oleh institusi LZS ini. Mereka menyatakan jumlah pembiayaan itu masih belum cukup untuk menampung perbelanjaan perubatan mereka dan menganggap ada segelintir yang sudah berkemampuan mendapat lebih daripada mereka yang memerlukan. Oleh kerana itu, pandangan negatif itu wujud terhadap cara pengagihan yang dilakukan oleh institusi LZS ini. Walaupun peratusan puas hati tahap sederhana ini kurang daripada peratusan mereka yang berpuas hati tahap tinggi, namun ia perlu ditangani dengan baik. Ini kerana pembayar zakat berkemungkinan akan meragui dengan corak pengagihan yang dilakukan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia dan seterusnya menyebabkan mereka memilih untuk tidak membayar zakat atau membayar zakat secara langsung kepada asnaf.

Selain itu, nilai kepuasan setiap individu itu tidak dapat dinilai secara spesifik kerana ianya bersifat boleh berubah. Namun ianya bermula daripada individu tersebut seperti unsur kerohanian mereka, rasa syukur dan sebagainya. Ada yang rasa bersyukur dengan apa yang dimiliki sekarang ini, namun ada yang merasakan ketidakcukupan walaupun mereka mempunyai kelebihan. Dalam sudut ini ia terletak kepada individu sendiri. Selain itu, hasil daripada pertanyaan mengenai kenaikan dalam jumlah zakat, rata – rata berharap agar jumlah bantuan zakat dapat dinaikkan lagi. Isu ini dapat ditangani dengan menerapkan nilai kerohanian dalam diri setiap individu. Bagi pemberi zakat atau mereka yang layak untuk mengeluarkan zakat harus sedar bahawa mereka ini merupakan individu yang akan membantu ekonomi (Islam dan negara) serta mereka juga telah melaksanakan perintah Allah SWT (*fardu ain*). Apabila kesedaran ini timbul maka tiada lagi keraguan yang timbul terhadap institusi zakat tentang bagaimana pengagihan zakat dilakukan. Manakala bagi penerima zakat haruslah menanamkan sifat ingin berusaha, dengan bantuan zakat ini supaya suatu hari nanti mereka pula yang menjadi pembayar zakat. Perkara ini dapat dijayakan melalui program–program di masjid, syarikat, keusahawanan dan lain – lain.

## **KESIMPULAN**

Dengan pelaksanaan zakat perubatan ini ianya telah memberi peluang kepada asnaf- asnaf yang kurang bernasib baik dalam mendapatkan rawatan dan ubat-ubatan yang berkualiti untuk merawat penyakit mereka. Berdasarkan kajian ini, ia menunjukkan kesan positif yang baik kerana terdapat responden yang kesihatannya telah bertambah baik dengan bantuan zakat *al-gharimin*, setelah mendapatkan rawatan yang berterusan dan ubat-ubatan yang disediakan. Bukan sahaja rawatan ditanggung oleh pihak LZS, malah perbelanjaan yang dahulu dibebani kini dapat dijimatkan. Perkara ini akan memberikan kesan yang positif kepada pemberi zakat kerana melalui perkembangan seperti kajian ini, pembayar zakat dapat melihat usaha-usaha yang telah dilakukan oleh institusi zakat. Ini seterusnya dapat meningkatkan keyakinan untuk terus setia berurusan dengan institusi-institusi zakat di Malaysia. Perkara seperti ini bukan sahaja dapat membantu menjaga imej institusi zakat malah dapat mengurangkan kritikan-kritikan terhadap institusi zakat. Selain itu, laporan tahunan mengenai jumlah kutipan, pengagihan, jenis agihan zakat setiap tahun dan lain-lain melalui buku laporan tahunan oleh institusi zakat adalah sangat penting. Natijahnya, zakat bukan sahaja akan dapat membantu negara dalam meningkatkan ekonomi ummah, ianya juga merupakan bukti kekuatan umat islam dalam bersatu padu.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Hidayat Buang. (2000). Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah. *Jurnal Syariah* 8 (2): 89-102.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2002). Hukum zakat. (Terj) Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin. Bogor, Indonesia: Pustaka Litera AntarNusa.
- Azman, A.R., Irwan, M.S., Nuradli Ridzwan Shah, M.D., Mahazan, A.M., Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R., Rose Irnawaty, Ibrahim & Norlina, I. (2015). Skim Bantuan Zakat Mualaf: Satu Kajian Kontemporari Di Wilayah Persekutuan. *Jurnal Infad* 6: 193-208.
- Eza Ellany, A.L, Mohd Rizal, P. & Mohamad Sabri, H. (2014). Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan dalam Kalangan Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48 (2): 51-60.
- Fatin Armila, R., Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2015). *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia. Cadangan Lokalisasi Tadbir Urus Pengurusan Zakat dan Peranan Institusi Masjid: Kajian Terhadap Pelajar Tajaan*

*Lembaga Zakat Selangor di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

- Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2014). Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48 (2): 41-50.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Mohd Ali, M.N. (2004). Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup Asnaf fakir dan miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 1(1): 151–166.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A.K. (2012). Cadangan Penyetempatan Pengagihan Zakat di Malaysia: Adakah Amil Sudah Bersedia? *Jurnal Ekonomi Malaysia* 46 (2): 17-27.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A.K. (2011). Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *The Journal of Malaysian Consumer Association* 14: 172-192.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A.K. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Shariah Journal* 17(1): 89-112.
- Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad (2011). Localization of Zakat Distribution and The Role of Mosque: Perceptions of Amil and Zakat Recipients in Malaysia. International Zakat Conference: Sustainable Zakat Development in the Poverty Alleviation and Improvement of Welfare of the Ummah 2011. Bogor, Indonesia.
- Laporan Ringkasan Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat Lembaga Zakat Selangor. Disember, (2016).
- Mohamad Sabri, H., Riki Rahman. (2016). Pengagihan Zakat dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syariah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 10: 129-140.
- Mohamad Idham, M.R., Roaimah, O., Maymunah, I., Afzan Sahilla, A.H. & Mohd Adnan, H. (2013). Overview of Zakat Collection in Malaysia: Regional Analysis. *American International journal of Contemporary Research* 3(8): 31-44.
- Mohd Ali, M.N., Hairunnizam, W. & Nor Ghani, M.N. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat* 26(2): 59-67.

- Muhammad Hafiz, H. Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2016). Keberkesanan Agihan Zakat Perubatan Oleh Institusi Zakat: Kajian Lembaga Zakat Selangor (LZS) Dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Dalam Salmy Edawaty et. al. (penyt.) Prosiding Seminar Kebangsaan Emas dalam Institusi Kewangan di Malaysia. Bangi: Jabatan Syariah UKM
- Mohd Yusof, I. Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2016). Pengagihan Zakat Perubatan Di Malaysia: Peranan Bank Rakyat.
- Mokhtari, K., & Sheorey, R. (2002). Measuring ESL students reading strategies. *Journal of Developmental Education*, 25 (3), pp. 2 – 10.
- Norazlina, A.W. & Abdul Rahim, A.R. (2011). A Framework to Analyse the Efficiency and Governance of Zakat Institution. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 2(1): 1-22.
- Patmawati, I. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah* 16(2): 223-244.
- Raziah, M.T. & Syarifah, M.Y. (2014). Status Individu Mufli dalam Asnaf al-Gharimin. *International Journal of Business and Technopreneurship* 4(3): 477-494.
- Sanep, A., Hairunnizam, W. & Adnan, M. (2006). Pensewastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *IJMS* 13(2): 175-196.
- Sanep, A. & Hairunnizam, W. (2005). Sumber Zakat: Perluasan Terhadap Harta yang Diikhtilaf. *Jurnal Syariah* 13(1): 135-162.

# KECEKAPAN DALAM INSTITUSI PERBANKAN ISLAM: SATU PENJELASAN LANJUT

*(Efficiency in Islamic Banking: An Explanation)*

**Wan Hakimah Wan Ibrahim<sup>1</sup>**  
**Abdul Ghafar Ismail<sup>2</sup>**

## **Abstrak**

Tujuan kertas ini adalah untuk membincangkan kecekapan dengan menggunakan produk yang berkonsepkan perkongsian untung dan rugi (PLS) selepas mengambilkira kos yang wujud. Kertas kerja ini merupakan kertas konsep yang menganalisis kos dan pendapatan bagi produk PLS iaitu *Mudarabah*. Dengan menggunakan fungsi kos bagi *Mudarabah*, bentuk kos yang ditanggung akan diperolehi. Perbincangan dalam kajian ini akan mendedahkan kos yang terdapat dalam pembiayaan *Mudarabah* adalah kos yang linear dan rendah akibat tiada kos pemantauan dan kos carian yang dikenakan. Ini menjadikan pembiayaan *Mudarabah* adalah cekap dari sudut pengurusan kos kerana ia dapat meminimumkan kos yang ada.

**Kata Kunci:** Kecekapan Bank, Perkongsian untung dan rugi (PLS), Perbankan Islam.

## **Abstract**

*The objective of this paper is to discuss about technical efficiency research by using product which is applying Profit Loss Sharing (PLS) concept by considering the existing cost. This paper is a conceptual paper that analyze cost and income for PLS product which is Mudarabah. By using cost function for Mudarabah, the structure of cost can be defined. The discussion in this paper will reveal the cost that is included in Mudarabah financing is a linear cost and low since there are no monitoring and searching cost is charged. This fact will make the Mudarabah financing is efficient from the view of cost management as it will minimize the existing cost.*

**Keywords:** Bank efficiency; Profit-loss-sharing; Islamic banks

- 
- 1 Beliau merupakan Calon Phd dalam bidang Ekonomi Islam, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia dan merupakan Pensyarah di Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu, Malaysia. e-mail: [wanhakimah@unisza.edu.my](mailto:wanhakimah@unisza.edu.my)
  - 2 Profesor, Research Fellow, Islamic Economic Studies and Thoughts Centre, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darul Salam.



## **PENDAHULUAN**

Penggunaan dan aplikasi prinsip-prinsip syariah di kalangan perbankan Islam telah menjadi menjadikan institusi ini berbeza dengan perbankan konvensional<sup>3</sup>. Prinsip-prinsip syariah ini telah membuka peluang kepada institusi perbankan Islam untuk menawarkan produk dan perkhidmatan berdasarkan kontrak syariah atau dikenali sebagai perbankan yang berasaskan multi-kontrak dan mewujudkan risiko dan pulangan yang berbeza<sup>4</sup>. Perkembangan ini secara tidak langsung menjadikan institusi ini bersifat pelbagai. Rentetan itu, bagi kebanyakan negara mereka memilih untuk menyesuaikan diri dengan peruntukan undang-undang asal yang sedia ada atau untuk memperkenalkan undang-undang baru. Negara-negara seperti Malaysia dan Indonesia memperkenalkan undang-undang yang berasingan bagi mentadbir institusi perbankan Islam (Song dan Oosthuizen (2014)).

Berdasarkan Kamarudin, Sufian dan Nasir (2016), perbankan Islam dan konvensional adalah berbeza dari sudut operasi. Keadaan ini terjadi disebabkan perbankan Islam telah menolak sebarang transaksi yang melibatkan riba tetapi telah menggantikannya dengan konsep perkongsian untung rugi (PLS) yang mana berdasarkan undang-undang syariah (Ariff, 1998). Walaupun begitu, menurut Olson dan Zoubi (2008) perbankan Islam juga turut berkongsi objektif sepertimana yang terdapat dalam perbankan konvensional antaranya meningkatkan nilai dan pembentukan harta pemegang saham melalui konsep memaksimum keuntungan. Oleh kerana itu, untuk mengekalkan persaingan, bank Islam digalakkan menggunakan sumber yang terhad secara cekap bagi mencapai tahap keuntungan yang optimal (Kamarudin et al. (2017)). Ini secara tidak langsung dapat menggalakkan bank-bank Islam untuk beroperasi pada tahap kecekapan keuntungan.

Undang-undang syariah melalui konsep perkongsian untung rugi (PLS) secara umumnya menjadi asas teori dalam menjelaskan konsep pengukuran kecekapan. Oleh itu, objektif kajian ini cuba untuk menjelaskan kajian kecekapan dengan menggunakan produk yang berkonsepkan PLS dengan mengambilkira kos yang wujud.

Perbincangan kajian ini akan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian 2 akan meringkaskan kajian pengukuran kecekapan dan keputusan empirikal yang telah dilakukan bagi sektor perbankan. Bahagian 3 akan

---

3 Maklumat lanjut di Wan Hakimah and Ismail (2015), *Conventional Bank and Islamic Banking Institution: As many Similarities and Differences. Humanomics*, Vol. 31 Iss 3.

4 Prinsip-prinsip ini diperkenalkan untuk memelihara kesucian dan kesahihan urusan niaga kewangan Islam. Baca lebih lanjut dalam Ismail et. al (2012) and (2013)

membincangkan struktur kos dan pendapatan bagi produk yang berasaskan PLS iaitu *Mudarabah*. Akhir sekali, bahagian 4 akan membincangkan kesimpulan daripada kajian ini.

## **KECEKAPAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM**

Kajian berkaitan kecekapan di kalangan perbankan telah banyak dilakukan. Menurut penulis Berger dan Humphrey (1997) mengatakan sekurang-kurangnya sembilan puluh lima (95) peratus kajian kecekapan adalah di kalangan industri perbankan dan tujuh puluh (70) peratus daripadanya terdiri daripada bank-bank di United States. Keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk mengkaji kecekapan daripada pelbagai sudut antaranya (i) konsep X-efficiency seperti Hai-bo dan He-zhong (2009), Hassan (2006), Chang et.al. (1998), De Young dan Nolle (1996), dan Mahajan et.al (1996); (ii) kecekapan antara bank tempatan dana asing seperti, Kamarudin et al. (2017), Sufian dan Kamarudin (2015), Rahim et al. (2015), Sufian Ataulloh dan Le (2006), Isik dan Hassan (2002), dan Bhattacharya et al. (1997); (iii) kecekapan dan krisis ekonomi seperti Gulati dan Kumar (2016), Sufian (2009) dan (iv) kecekapan perbankan konvensional dan perbankan Islam seperti Batir et al. (2017), Ismail et al. (2013), Arslan dan Ergec (2010), dan Hassan et al. (2009).

Dalam kajian ini, kajian kecekapan difokuskan kepada dua bentuk. Fokus pertama adalah kajian kecekapan menggunakan analisis tunggal dalam melihat tingkat kecekapan perbankan seperti Gulati dan Kumar (2016), Svitalkova (2014), Tahir et al. (2009), Matthews dan Ismail (2006) serta Sufian (2004). Kajian-kajian ini dilakukan bagi menilai tingkat kecekapan industri perbankan bagi negara terpilih dengan menggunakan analisis tahap pertama atau dikenali analisis tunggal. Kajian terbaru oleh Gulati dan Kumar (2016) menggunakan kaedah *Data Envelop Analysis (DEA)-based meta profit frontier* yang mengambilkira variasi teknologi yang dipengaruhi oleh konsep pemilikan yang berbeza. Kajian ini dijalankan bertujuan menilai kesan krisis kewangan dunia ke atas kecekapan bank di negara India di mana kajian lebih fokus menilai kesan perubahan kecekapan keuntungan dari aspek sebelum, semasa dan selepas krisis berlaku bermula tahun 2007 hingga 2009. Hasil keputusan kajian menunjukkan bank asing mempunyai kecekapan keuntungan yang tinggi berbanding pemilikan lain. Manakala dari konsep *meta profit frontier* untuk industri perbankan di India, sebahagian besarnya dikawal oleh bank-bank asing yang mana kebanyakan bank-bank ini telah menggunakan teknologi yang tinggi.

Seterusnya kajian oleh Svitalkova (2014) ke atas kecekapan bank di beberapa negara terpilih di Eropah seperti Republik Czech, Slovakia, Austria, Poland, Hungary dan Slovenia bermula tahun 2004 hingga 2011 menggunakan analisis DEA. Kepentingan kajian ini adalah untuk melihat sistem perbankan bagi setiap negara sama ada bank tersebut sudah mencapai batasan kebarangkalian pengeluaran serta memberi cadangan penambahbaikan terhadap sistem tersebut sekiranya perlu. Dengan menggunakan model pulangan malar mengikut skala (CRS)<sup>5</sup> dan model pulangan berubah mengikut skala (VRS)<sup>6</sup>, berdasarkan kedua-dua model menunjukkan negara Austrian dan Republik Czech mempunyai prestasi sektor perbankan yang baik. Manakala berdasarkan model CRS, Poland dikategorikan sebagai negara yang paling rendah tahap kecekapan namun bagi model VRS, negara ini berada di tangga tengah nilai kecekapan. Kajian seterusnya oleh Tahir et al. (2009) menjelaskan bank domestik mempunyai nilai kecekapan teknikal yang tinggi berbanding bank asing. Kajian ini menggunakan analisis DEA dalam menilai tahap kecekapan teknikal tulen (*pure technical efficiency*), kecekapan skala (*scale efficiency*) bagi sampel bank perdagangan di Malaysia bermula 2000 hingga 2006. Hasil perbandingan kecekapan menunjukkan bank domestik mempunyai kecekapan teknikal tulen yang rendah berbanding kecekapan skala. Ini jelas menunjukkan pengurusan kos di kalangan bank domestik tidak cekap. Berbeza dengan bank asing yang mana mempunyai tahap kecekapan teknikal tulen yang lebih tinggi berbanding kecekapan skala sekaligus menjelaskan bank asing beroperasi pada skala yang tidak tepat.

Kajian kecekapan ke atas bank perdagangan Malaysia turut dilakukan oleh pengkaji seperti Matthews dan Ismail (2006). Kajian ini cuba mengkaji kecekapan teknikal bagi bank domestik dan bank asing di Malaysia bagi tahun 1994-2000 dengan menggunakan analisis DEA. Sama seperti kajian Tahir et al. (2009), kajian ini turut melihat kecekapan dari sudut kecekapan teknikal tulen serta kecekapan skala. Namun begitu hasil kajian yang diperolehi adalah berbeza di mana bank asing mempunyai tahap kecekapan yang lebih tinggi berbanding bank domestik. Keputusan kajian turut menunjukkan kecekapan bank dipengaruhi oleh saiz bank dan bukannya jumlah keuntungan serta kualiti pinjaman yang disediakan.

Sufian (2004) pula menunjukkan kecekapan keseluruhan bagi bank-bank di Malaysia adalah 95.9% yang membawa maksud wujudnya pembaziran input yang minimal sebanyak 4.1%. Keputusan turut menjelaskan, kecekapan

---

5 Constant return to scale

6 Variable return to scale

keseluruhan merosot sepanjang tempoh penggabungan berbanding tempoh pra-penggabungan yang mana disebabkan oleh ketidakcekapan skala berlaku. Kajian ini menggunakan pendekatan *non-parametric* iaitu DEA bagi menganalisa kesan penggabungan ke atas tahap kecekapan perbankan di Malaysia. Bagi melaksanakan kajian, tempoh kajian dibahagikan kepada tiga tempoh iaitu semasa, sebelum dan selepas penggabungan bagi melihat perbezaan kecekapan bagi industri perbankan di Malaysia bermula tahun 1998 hingga 2003. Adapun begitu, kajian kecekapan seperti ini dapat memberikan implikasi yang besar terutama dalam mempengaruhi saiz bank serta kos yang ditanggung. Sehingga kini kajian kecekapan masih giat dijalankan serta ditambahbaik sehingga membawa kepada kajian analisis tahap kedua.

Oleh yang demikian, fokus kedua kajian kecekapan ini adalah berdasarkan bentuk kajian analisis tahap kedua. Pembangunan analisis ini disokong oleh McDonald (2009), Estelle et al. (2009), Banker dan Natarajan (2008), Simar dan Wilson (2007). Menurut Estelle et al. (2009) menyatakan model regresi yang pada mulanya menggunakan DEA sebagai analisis tahap pertama adalah teguh sekiranya diikuti dengan analisis kedua seperti model *Ordinary Least Square* (OLS), *flogit* atau *non-parametric*. Sehingga kini, terdapat banyak kajian kecekapan perbankan yang menggunakan kaedah analisis tahap kedua seperti Batir et al. (2017), Banya dan Biekpe (2017), Sufian (2016), Saha et al. (2015), dan sebagainya.

Terkini, Batir et al. (2017) telah menjalankan satu kajian kecekapan yang mana melihat kecekapan dari aspek teknikal, peruntukan (*allocative*) dan kos bagi bank konvensional dan bank penyertaan (*participation bank*) dengan menggunakan pendekatan perantara DEA sebagai analisis pertama. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk menilai tahap kecekapan perbankan di Turkey bagi tahun 2005-2013 serta membuat perbandingan kecekapan di antara bank konvensional dan bank penyertaan. Hasil kajian bagi analisis pertama menunjukkan tahap kecekapan bagi bank penyertaan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan konvensional bank. Tambahan pula bagi analisis kedua, analisis regresi Tobit digunakan bagi mencari penentu kepada kecekapan. Bagi pemboleh ubah perbelanjaan dan kualiti pinjaman mempunyai hubungan yang berbeza bagi kedua-dua jenis bank ini. Di mana perbelanjaan dan kualiti pinjaman mempunyai hubungan negatif yang signifikan ke atas kecekapan bank konvensional manakala positif secara signifikan ke atas kecekapan bagi penyertaan bank. Selain itu, bagi pemboleh ubah jumlah pinjaman secara positif adalah signifikan ke atas kecekapan dan pemboleh ubah luaran berhubungan negatif secara signifikan bagi kedua-dua jenis perbankan tersebut.

Seterusnya, kajian oleh Banya dan Biekpe (2017) menggunakan analisis DEA pada analisis pertama dan pendekatan *truncated bootstrapping* untuk menganalisis penentu kepada kecekapan. Kajian kecekapan ini dilakukan ke atas sepuluh negeri di sempadan Afrika bermula dari tahun 2008 hingga 2012 bagi bank perdagangan yang terlibat. Bagi pendekatan analisis pertama, kecekapan dinilai dari sudut teknikal, teknikal tulen dan kecekapan skala. Daripada keputusan kajian analisis pertama, negeri yang terpilih telah mencapai tahap purata kecekapan sepanjang tahun kajian. Hasil keputusan keseluruhan bagi elemen ketidakcekan, ketidakcekan teknikal adalah dipengaruhi oleh ketidakcekan dalam pengurusan dan kegagalan beroperasi pada saiz skala yang produktif. Manakala keputusan analisis *truncated* menjelaskan saiz bank mempunyai hubungan yang negatif terhadap kecekapan perbankan.

Selain itu, kajian oleh Sufian (2016) mendapati sepanjang tempoh 1999-2008, kecekapan teknikal bagi sektor perbankan Malaysia yang diperolehi melalui analisis empirik DEA menunjukkan wujud *trend* yang meningkat. Manakala bagi analisis tahap kedua, regrasi data panel digunakan bagi menentukan kesan pemilikan ke atas kecekapan produktif dengan mengambilkira pemboleh ubah seperti saiz bank, keuntungan, permodalan, dan risiko kredit. Hasil kajian menunjukkan kesan permodalan pasaran stok dikatakan mempunyai hubungan yang negatif dengan kecekapan teknikal. Ini menjelaskan bahawa pasaran stok di Malaysia lebih gemar untuk lebih menawarkan produk dan perkhidmatan yang berkonsepkan penggantian berbanding produk dan perkhidmatan yang berkonsepkan penggenap kepada peminjam di Malaysia.

Kajian lain oleh Saha et al. (2015) turut mengaplikasikan kajian kecekapan dengan menggunakan analisis tahap kedua. Bagi mendapatkan nilai kecekapan teknikal, Saha et al. (2015) telah menggunakan analisis DEA terhadap 19 buah bank perdagangan (8 buah bank domestik dan 11 buah bank asing) yang beroperasi di Malaysia bagi tahun 2005 hingga 2012. Hasil analisis tahap pertama mendapati bank perdagangan domestik bukan sahaja lebih cekap berbanding pesaing domestik lain malahan juga lebih cekap berbanding dengan bank asing. Seterusnya bagi analisis tahap kedua yang menggunakan pendekatan regresi Tobit. Keputusan analisis tahap kedua menunjukkan saiz bank dan pulangan atas asset signifikan ke atas kecekapan teknikal bagi perbankan di Malaysia.

Sejajar itu, dengan mengambil kira pembangunan dalam sektor perbankan Islam, kajian yang menjurus kepada kecekapan perbankan Islam sangat terhad. Sedangkan menurut Kamarudin et al. (2017), dengan pertumbuhan sektor perbankan Islam yang cepat adalah penting untuk setiap pengurus bank,

pembuat polisi, serta pengawal selia memberi tumpuan sepenuhnya terhadap sektor tersebut. Sehingga kini, bukti empirikal menunjukkan kebanyakan kajian adalah terdiri daripada kajian yang menilai prestasi perbankan Islam dengan fokus utama kepada keuntungan dengan hanya menggunakan nisbah kewangan sebagai pendekatan analisis serta kajian tersebut dikekang oleh tempoh masa dan bilangan sampel bank Islam (Rahim, Bakar dan Ganapathy, 2015).

Oleh itu, kajian kecekapan ke atas perbankan Islam telah giat dilakukan. Terkini, kajian oleh Kamarudin et al. (2017) menganalisis tahap kecekapan teknikal dengan mengambil kira kecekapan teknikal tulen, dan kecekapan skala bagi setiap bank Islam domestik dan asing bagi negara Asia Tenggara yang terpilih iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei bagi tahun 2006 hingga 2014. Kajian ini menggunakan pendekatan DEA bagi mengukur nilai kecekapan teknikal bagi sampel perbankan Islam tersebut. Hasil kajian menunjukkan bank Islam domestik mempunyai nilai kecekapan tertinggi termasuk ketiga-tiga pengukuran tahap kecekapan yang digunakan. Tambahan lagi, hasil keseluruhan menjelaskan walaupun bank Islam domestik mempunyai kecekapan skala yang baik, namun pada umumnya menunjukkan bank Islam domestik beroperasi pada tahap ketidakcekapan pengurusan terutama dalam mengawal kos.

Hassan dan Hussein (2003) cuba mengkaji kecekapan bagi sistem perbankan Sudan pada tahun 1992-2000 dengan menggunakan kaedah *parametric* dan *non-parametric*. Kajian ini menggunakan DEA bagi analisis non-parametric ke atas 17 buah bank di Sudan. Dapatan kajian menunjukkan tingkat kecekapan peruntukan mencapai 37 peratus berbanding kecekapan teknikal iaitu 60 peratus. Ini membawa maksud, hasil keseluruhan ketidakcekapan kos bagi perbankan Islam di Sudan adalah dipengaruhi oleh pengurusan teknikal berbanding kecekapan peruntukan iaitu kawal selia. Selain kajian oleh Hussein ke atas bank Islam di Sudan pada tahun 1990 dan 2000 dengan menggunakan pendekatan *stochastic cost frontier* ke atas 17 buah bank yang terdiri daripada bank asing dan bank domestik. Hasil kajian menunjukkan bank asing menunjukkan tahap kecekapan yang tinggi berbanding bank domestik. Selain itu, kajian turut menunjukkan bank yang berskala kecil mempunyai tahap kecekapan yang tinggi berbanding bank skala besar. Tambahan pula, bagi bank yang mempunyai kadar pembiayaan *mudarabah* dan *musyarakah* yang tinggi mempunyai tahap kecekapan yang tinggi.

Hasil keputusan kecekapan perbankan Islam adalah tinggi namun ketidakcekapan yang wujud adalah disebabkan oleh pengurusan dan bukannya

dari sudut peruntukan iaitu kawal selia. Walau bagaimanapun, bagi bank Islam yang mempunyai jumlah aset yang tinggi terutama bagi kontrak *mudarabah* dan *musyarakah*, ia dikatakan mempunyai kelebihan terutama dalam konteks kecekapan. Oleh itu untuk bahagian seterusnya, penulisan berkaitan struktur kos dan pendapatan bagi kontrak *Mudarabah* diperjelaskan.

## STRUKTUR KOS DAN PENDAPATAN

Bahagian ini cuba menjelaskan konsep kecekapan bagi kontrak perkongsian untung dan rugi (PLS) umumnya *mudarabah*. Menurut Dar dan Presley (2000), secara teorinya, konsep PLS yang digunakan membawa maksud kecekapan. Oleh yang demikian, konsep kecekapan yang digunakan adalah perlu bagi mengukur tahap prestasi institusi melalui produk mahupun perkhidmatan yang ditawarkan. Ini kerana menurut Rizvi (2001), kecekapan bagi sesebuah institusi bank dapat diukur melalui kos yang rendah, produk yang pelbagai melalui proses inovasi, menyediakan servis yang terbaik bagi memudahkan urusan pelanggan, dapat meminimumkan risiko yang ditanggung oleh pelanggan serta menyediakan pulangan yang tinggi dengan kos pinjaman yang rendah. Oleh itu, analisis struktur kos dan pendapatan bagi kontrak *Mudarabah* dibincangkan.

### Kontrak Mudarabah

Analisis ke atas kontrak Mudarabah dimulakan dengan menggunakan persamaan dari Wan Kamarudin dan Ismail (2013), iaitu  $E \times \max \pi^b = E \times [\pi - (r^e + \varphi(\pi) - OC)](\alpha) = r^b$ , kita boleh mengira keuntungan daripada bank Islam dan usahawan. Di mana pulangan kepada bank Islam  $\pi^b$ , E adalah ekuiti,  $r^b$  ialah pulangan jangkaan bagi bank Islam,  $r^e$  adalah pulangan jangkaan bagi usahawan,  $\alpha$  adalah pendapatan yang dijangka,  $(ps^m)$ ,  $\varphi(\pi)$  adalah insentif untuk usahawan, OC adalah kos memproses dan zakat, dan  $\pi$  adalah jumlah agregat bagi pulangan sebenar antara bank dan usahawan.

Oleh itu, kos untuk *mudarabah* adalah linear. Ini menunjukkan bahawa jika kos operasi yang lebih tinggi, untung jangkaan untuk bank Islam akan menjadi lebih rendah. Kos operasi yang lebih tinggi bermakna terdapat banyak kos tersembunyi dalam transaksi, jadi akan ada kos lain yang diwujudkan seperti kos pemantauan. Jika kos menjadi lebih besar, kecekapan akan menjadi lebih rendah kerana kadar pengeluaran menjadi lebih rendah berbanding dengan input. Oleh itu, adalah penting untuk mengurangkan kos operasi kerana ia akan memberi kesan kepada kecekapan kontrak.

Untuk memahami dengan lebih lanjut mengenai kos *mudarabah*. Pertama, apabila kita memberi tumpuan kepada modal, untuk *mudarabah*, bank bertindak sebagai *rabbul mal* iaitu pemberi modal dan usahawan bertindak sebagai *mudharib* yang menyediakan teknologi dan kepakaran. Dalam kontrak ini, keuntungan dikongsi berdasarkan nisbah yang dipersetujui terlebih dahulu. Untuk memastikan pengusaha mematuhi kontrak, bank Islam perlu menyediakan insentif kepada usahawan untuk menghalang usahawan daripada mengisytiharkan keuntungan yang lebih rendah daripada projek itu. Jadi, keadaan ini akan mewujudkan tiga kemungkinan yang nilai sebenar adalah lebih besar daripada nilai yang dijangka ( $R_{aph} > eR_{pb}$ )  $> 0$ , atau nilai sebenar adalah sama dengan nilai dijangkakan ( $R_{aph} = eR_{pb}$ )  $= 0$  atau kemungkinan ketiga adalah nilai yang sebenar adalah lebih rendah daripada nilai yang dijangkakan ( $R_{aph} < eR_{pb}$ )  $< 0$ . Dalam keadaan ini, hanya kemungkinan pertama bank Islam boleh memberikan insentif kepada usahawan. Selain itu, berdasarkan *mudharabah*, bank Islam juga mempunyai kuasa untuk menilai kerja atau usaha yang dilakukan oleh usahawan, dan akhirnya kos untuk pemantauan juga akan dihapuskan kerana usahawan akan memberikan maklumat yang benar. Dalam kes ini, hanya kos memproses maklumat akan terhasil dan kos ini biasanya adalah tetap kerana ia telah ditetapkan sebelum perjanjian ditandatangani. Manakala keadaan linear akan wujud kerana kos adalah tetap dan keadaan ini akan menjadikan sesebuah kontrak itu optimal.

Jadi, kesimpulan daripada model *mudarabah* di atas menunjukkan *mudarabah* merupakan model yang optimal yang dapat menjadikan ia sebagai model PLS yang cekap. Walaupun begitu, telah wujud kos pemprosesan akibat daripada masalah *asymmetric information*. Namun begitu, kos ini secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah *asymmetric information* yang wujud serta dalam masa yang sama tidak perlu menanggung kos transaksi seperti kos pemantauan dan kos carian.

## KESIMPULAN

Perbincangan dalam kertas kerja ini menghasilkan kesimpulan berikut: Pertama, kecekapan sektor perbankan Islam dikatakan lebih tinggi berbanding kecekapan perbankan konvensional akibat daripada konsep PLS yang digunakan dalam transaksi harian perbankan Islam. Manakala model *mudarabah*, ia mendedahkan bahawa kos adalah linear. Ini disebabkan oleh kenaikan kos operasi yang mungkin mengurangkan pulangan dijangka daripada bank-bank Islam. Kos operasi yang lebih tinggi bermakna terdapat

7 Persamaan ini boleh dirujuk pada Muda et. al (2013)



banyak kos tersembunyi dalam transaksi, jadi tidak akan membawa kos lain yang diwujudkan seperti kos pemantauan. Secara tidak langsung, kos bagi pembiayaan *mudarabah* adalah linear kerana pembiayaan *mudarabah* tidak perlu menanggung kos transaksi lain seperti kos carian mahupun kos pemantauan. Ini menjadikan pembiayaan *mudarabah* adalah cekap dari sudut pengurusan kos kerana ia dapat meminimumkan kos yang ada.

## **RUJUKAN**

- Ariff, M. (1998). Islamic Banking. *Asian-Pacific Economic Literature*, 2(2), 48-64
- Banker, R. D. dan Natarajan, R. (2008). Evaluating contextual variables affecting productivity using data envelopment analysis. *Oper Res*, 56, 48-58
- Banya, R., dan Biekpe, N. (2017). Banking efficiency and its determinants in selected frontier African markets. *Econ Change Restruct*, Springer
- Batir, T. E., Volkman, D. A. dan Gungor, B. (2017). Determinants of bank efficiency in Turkey: Participation banks versus conventional banks. *Borsa Istanbul Review*, 17(2),86-96
- Berger, A. N., dan Humphrey, D. B. (1997). Efficiency of financial institutions: International Survey and directions for future research. *European Journal of Operational Research*, 98(2), 175-212
- Dar, H. A., dan Presley, J. R. (2000). Lack of profit and loss sharing in Islamic banking: Management and control imbalances. *International Journal of Islamic Finance Services*, 2(2)
- Estelle, S. M., Johnson, A. L. dan Ruggiero, J. (2009). Three stage DEA models for incorporating exogenous inputs. *Forthcoming in Computers and Operations Research*.
- Gulati, R. dan Kumar, S. (2016). Asseing the impact of the global financial crisis on the profit efficiency of Indian banks. *Economic Modelling*, 58, 167-181
- Hai-bo, K. dan He-zhang, L. (2009). Research on X-efficiency measure of Chinese Ports. *Systems Engineering Theory and Practice*, 29(2), 1-9
- Hassan, M.K. (2006). The X-efficiency in Islamic banks. *Islamic Economic Studies*, 13(2), 49-77

- Hassan, M. K. dan Hussein, K. A. (2003). Static and dynamic efficiency in the Sudanese Banking system. *Review of Islamic Economics*, 14, 5-48
- Hussein, K. A. (2003). Operational Efficiency in Islamic banking: the Sudanese experience, Working Paper No. 1, Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank, Jeddah, Saudi Arabia.
- Ismail AG, Tahir H M dan Zakaria Z (2012) *Applied Shari'ah in Financial Transactions (Volume I)*. Germany: LAP LAMBERT Academic Publishing. ISBN-13: 978-3-8473-3985-4.
- Ismail AG, Mat Zain M N dan Shahimi S (2013) *Applied Shari'ah in Financial Transactions (Volume II)*. Germany: LAP LAMBERT Academic Publishing. ISBN-13: 978-3-8484-1833-6.
- Kamarudin, F., Sufian, F., dan Nassir, A. M. (2016). Does country governance foster revenue efficiency of Islamic and conventional banks in GCC countries? *EuroMed Journal of Business*, 11(2), 181-211
- Kamarudin, F., Sufian, F., Loong, F. W., Anwar, M. N. A. (2017). Assessing the domestic and foreign Islamic banks efficiency: Insights from selected Southeast Asian countries. *Future Business Journal*. 3, 33-46
- Matthews, K. dan Ismail, M. (2006). Efficiency and productivity growth of domestic and foreign commercial banks in Malaysia, (No. E2006/2). Cardiff University. Cardiff Business School, Economics Section.
- McDonald, J. 2009. Using Least Squares and Tobit in Second Stage DEA Efficiency Analyses. 97(2): 792-798.
- Muda R, Ismail A G, Shahimi S and Jamaan S H (2013) The Dynamic Value Creation of Profit- Loss Sharing Arrangement in Islamic Banking Industri. *Current Research in Malaysia* Vol. (2) (1), 25-64
- Olson, D., dan Zoubi, T.A. (2008). Using accounting ratios to distinguish between Islamic and conventional banks in the GCC region. *International Journal of Accounting*, 43(1), 45-65
- Rahim, S. R. M., Bakar, J. A., dan Ganapathy, T. (2015). How efficient are Islamic banks in Malaysia. *Journal of Business Studies Quarterly*, 6(3), 164-174
- Rizvi, S. F. A. (2001). Post-liberalisation efficiency and productivity of the banking sektor in Pakistan. *The Pakistan Development Review*, 40(4) Part II (Winter 2001), 605-632
- Saha, A., Ahmad, N. H., dan Dash, U. (2015). Drivers of technical efficiency in Malaysian banking: a new empirical insight. *Asian-Pacific Economic*

Literature, The Australian National University and Wiley Publishing Asia Pty Ltd. 161-173

- Simar, L. dan Wilson, P. W. (2007). Estimation and inference in two-stage, semi-parametric models of productive efficiency. *Journal of Econometrics*, 136, 31-64
- Song, I. dan Oasthuizen, C. (2014). Islamic Banking Regulation and Supervision: Survey Results and Challenges. *IMF Working Paper. WP/14/220*
- Stivalkova, Z. (2014). Comparison and evaluation of bank efficiency in selected countries in EU. *Procedia Economics and Finance*, 12, 644-653
- Sufian, F. (2004). The efficiency effects of bank mergers and acquisitions in a developing economy: Evidence from Malaysia. *International Journal of Applied Econometrics and Quantitative Studies*. 1(4), 53-73
- Sufian, F. (2016). Determinants of efficiency in the Malaysian banking sektor: Evidence from Semi-parametric Data Envelopment Analysis Method. *Studies in Microeconomics*, 4(2), 1-22
- Sufian, F., dan Kamarudin, F. (2015). Determinants of revenue efficiency of Islamic banks. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 8(1), 36-63
- Tahir, I. M., Bakar, A. N. M., dan Haron, S. (2009). Evaluating Efficiency of Malaysian Banks Using Data Envelopment Analysis. *International Journal of Business and Management*, 4(8), 96-106
- Wan Ibrahim dan Ismail. (2015). Conventional bank and Islamic banking as institutions: Similarities and differences. *Humanomics*, Vol. 31 Iss 3: 272 – 298
- Wan Kamarudin W N and Ismail A G (2013) Profit Sharing and Loss Bearing in Financial Intermediation Theory. *Investment Management and Financial Innovations* 10(2) 184-192.

# **POLEMIK SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB): TINJAUAN TERHADAP PERBEZAAN PANDANGAN HUKUM**

*(Polemic Scheme Amanah Saham Bumiputera (ASB) :  
Overview of the Legal View Difference)*

**Muhammad Haffiz Muhamad Isa<sup>1</sup>  
Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad<sup>2</sup>**

## **Abstrak**

Amanah Saham Bumiputera (ASB) merupakan unit amanah yang sering dilanda kontroversi akibat perbezaan pandangan dalam hukum pelaburannya. Terkini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada bersidang pada 27 April 2017 memutuskan hukum harus terhadap ASB sedangkan badan yang sama mengharamkan ASB pada tahun 2011. Memandangkan pelaburan ASB disertai oleh ramai rakyat Malaysia yang beragama Islam, isu-isu syariah yang dibangkitkan dalam pelaburannya mengundang polemik tentang ‘halal-haram’nya. Justeru kajian ini berhasrat membincangkan skim Amanah Saham Bumiputera (ASB), meninjau pandangan tentang hukum pelaburan ASB oleh institusi fatwa di Malaysia dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, serta mengenalpasti langkah ke arah penyempurnaan syariah dalam Amanah Saham Bumiputera. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen dan kajian kepustakaan sebagai teknik pengumpulan data. Data yang telah terkumpul dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Kajian mendapati ASB merupakan skim unit amanah terbesar di Malaysia yang mempunyai ciri dan kelebihan tersendiri. Majlis Fatwa Kebangsaan dan beberapa institusi fatwa negeri-negeri pula dikenalpasti mengeluarkan beberapa fatwa yang berbeza antara satu sama lain, manakala Suruhanjaya Sekuriti tetap dengan pendirian tidak menyenaraikan ASB sebagai unit amanah patuh syariah. ASB juga dikenalpasti memberikan komitmen untuk penambahbaikan menuju kesempurnaan syariah dalam pengoperasiannya. Beberapa cadangan dikemukakan untuk kajian lanjutan di samping saranan kepada pihak berkepentingan khususnya pihak autoriti keagamaan

---

1 Ketua Pegawai Eksekutif, Kolej Dar Hikmah, Selangor

2 Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

dalam merencana penambahbaikan dalam memastikan pelaburan ASB yang banyak disertai umat Islam menjadi suatu pelaburan yang tidak meragukan.

**Kata Kunci:** Amanah Saham Bumiputera, isu syariah, institusi fatwa, Suruhanjaya Sekuriti

### ***Abstract***

*Amanah Saham Bumiputera (ASB) is oftenly facing controversy in consequence of the disputes over its syariah legal status and hukum of investing in it. Recently, the Fatwa Committee of Selangor State as a result of its conference has issued a fatwa allowing ASB to be permissable, however contradicts its previous fatwa. As many muslims in Malaysia joining ASB investment, the syariah issues raised on its investment raises the polemics on its 'halal-haram' status. Hence, the study intends to review on ASB scheme, to review several opinions on its investment by Malaysian fatwa institutions and by Security Council, as well as to identify syariah issues pertaining ASB. The study is conducted using qualitative approach, with document analysis and literature study as the means of data collection. The collected data the being analyzed using content analysis techniques. The study shows that ASB is the largest unit trust fund product in Malaysia that possessed its own characteristic. The National Fatwa Committee and some states fatwa committess have been identified to had issued fatwas which contradict each others while Security Council stand firms in its decision to categorize ASB scheme as do not comply with its guideline on Islamic unit trust fund. ASB has also been identified to commit for complying the syariah criteria. Several recommendations for further study has been bring forward as well as suggestion to the authority in ensuring the improvement of ASB in syariah aspect – as its investment has been participated by many Muslims – and to avoid the doubt on its syariah status.*

**Keywords:** Bumiputera Unit Trust, Syariah issues, fatwa institution, Security Council

## PENGENALAN

Industri unit amanah di Malaysia diwujudkan pertama kali pada tahun 1959 dengan penubuhan *Malayan Unit Trust Limited*. Pada permulaannya, pertumbuhan dan perkembangan unit amanah adalah sangat rendah dan perlahan disebabkan faktor kurangnya minat dan kesedaran daripada khalayak. Dalam tempoh 21 tahun iaitu dari tahun 1959 sehingga tahun 1979, hanya 18 dana diperkenalkan dengan lima syarikat pengurusan unit amanah ditubuhkan. Walau bagaimanapun, sekitar tahun 1970-an, beberapa kerajaan negeri menyambut saranan kerajaan persekutuan untuk menggerakkan simpanan keluarga domestik untuk melancarkan skim unit amanah masing-masing (PNB, 2017).

Titik punca peralihan dalam industri ini berlaku apabila kerajaan Malaysia memutuskan untuk terjun ke dalam industri pelaburan dengan melancarkan unit amanah tajaan kerajaan dikenali sebagai Amanah Saham Nasional (ASN) pada tahun 1980-an (A. Yahaya, Noordin Yahaya J. Ramli, Y. Boon dan M. N. Abdul Ghaffar, 2009). Skim ASN diurustadbir dan diselia oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Pelancaran skim ASN menyaksikan peningkatan mendadak jumlah unit yang dilanggan, sebagai kesan daripada sambutan masyarakat terhadap skim ini, walaupun hanya 11 dana sahaja yang dilancarkan dalam tempoh waktu dari tahun 1980 hingga tahun 1990.

Ternyata, pelancaran Skim ASN mencipta momentum kepada pertumbuhan pesat industri ini. Dalam tempoh yang sama juga, banyak syarikat pengurusan unit amanah muncul rata-ratanya adalah merupakan subsidiari kepada institusi-institusi kewangan khususnya bank. Terbukti bahawa penyertaan syarikat pengurusan saham amanah yang disokong oleh bank-bank menandakan perkembangan penting dalam industri ini, kerana dalam konteks pemasaran dan pengagihan unit amanah telah dipermudahkan melalui jaringan cawangan-cawangan bank seluruh negara.

Perkembangan pesat industri unit amanah semakin ketara sekitar tahun 1991 sehingga 1999. Skim ASB sendiri dilancarkan sebagai skim unit amanah kedua selepas skim Amanah Saham Nasional pada 02 Januari 1990. Manakala, Suruhanjaya Sekuriti ditubuhkan pada tahun 1993 dengan objektif memperkukuh struktur pengawalan dan menggalakkan pasaran modal domestik. Dalam perkembangan yang sama, unit amanah baharu dilancarkan oleh negeri-negeri dengan lapan skim diwujudkan menjelang penghujung tahun 1999. Walaupun industri unit amanah berkembang pesat dalam dasawarsa ini, cabaran besar terhadap industri melanda apabila negara dirundung krisis ekonomi dan kewangan Asia sekitar tahun 1997/1998.

Pasca pemulihan krisis kewangan Asia 1997/1998 menyaksikan kebangkitan baharu industri ini dengan kesedaran baharu masyarakat terhadap pelaburan. Malah, kepekaan dan minat pelabur terhadap dana patuh syariah juga terlihat semakin meningkat. Semakin banyak unit amanah syariah dilancarkan selepas kejayaan dan sambutan menggalakkan iaitu Tabung Ittikal Arab-Malaysian pada tahun 1993. 13 unit amanah syariah yang diuruskan oleh 13 syarikat pengurusan unit amanah dilancarkan menjelang Oktober 2000. Dengan penyertaan bank-bank utama dalam industri ini, industri unit amanah semakin rancak dan berkembang pesat selaras dengan kepesatan pasaran modal negara.

Menurut Abdul Hadi Md Rofiee (2014), pelaburan dalam unit amanah memberikan pelabur beberapa manfaat ekonomi yang khusus seperti: (1) membantu orang ramai yang berminat menyertai pelaburan tetapi kekurangan ilmu dan modal; (2) membantu penjanaan pendapatan sampingan bagi mereka yang mempunyai lebih simpanan namun kesuntukan masa untuk melabur dengan cara memegang syer secara langsung; (3) memupuk tabiat menabung dalam kalangan masyarakat; (4) membantu mengurangkan risiko pelaburan individu atas faktor peluang melabur dengan modal kecil; (5) memberi peluang mendapatkan khidmat pengurus pelaburan profesional; (6) membantu pelabur menikmati pulangan atau dividen yang sama dengan pelaburan dalam sekuriti berharga tinggi; (7) membantu pelabur menikmati pulangan daripada portfolio pelaburan berbanding dengan jumlah sekuriti yang sedikit sekiranya mereka melabur terus dalam pasaran saham (Abdul Hadi Md Rofiee, 2014).

Sehubungan dengan itu, skim ASB juga tidak terkecuali menawarkan manfaat sepertimana manfaat am yang diperoleh daripada pelaburan dalam unit amanah yang lain. Malah statusnya sebagai antara unit amanah yang paling awal dan utama di Malaysia menjadikannya tetap utuh dengan sambutan daripada khalayak, walaupun berdepan dengan persaingan daripada pelbagai produk dan skim unit amanah lain dalam pasaran yang serba kompetitif.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Sudah semestinya skim ASB sebagai suatu skim unit amanah yang popular menjanjikan manfaat-manfaat pelaburan yang menarik, memandangkan sambutan yang diterimanya cukup menggalakkan sejak pelancarannya hampir tiga dekad yang lalu. Dalam perkembangan yang sama, selaras dengan kepesatan modal pasaran Islam di Malaysia, industri unit amanah patuh syariah juga semakin mendapat tempat dalam kalangan pelabur. Kepesatan pertumbuhan pasaran modal untuk produk unit amanah patuh syariah terbukti

dengan penyenaian sekuriti lulus syariah pada tahun 1997 sebagai langkah membantu para pengurus profesional dana patuh syariah untuk mengenalpasti portfolio pelaburan yang patuh syariah, yang pastinya memberi kesan kepada pembukaan lebih banyak unit amanah Islam di Malaysia (Suruhanjaya Sekuriti, 2003).

Suruhanjaya Sekuriti melaporkan sepanjang tempoh sehingga tahun 2016, terdapat 198 dana amanah berasaskan syariah yang mewakili 31.58% daripada jumlah 627 dana amanah yang diluluskan di Malaysia, seperti yang diindikasikan dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Dana unit amanah patuh syariah

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan dana yang diluluskan</b>	<b>Unit dalam edaran (bilion unit)</b>	<b>Nilai aset bersih, NAV (RM bilion)</b>	<b>Peratusan NAV seluruh industri (%)</b>
2001	32	4.26	2.42	5.1
2002	44	5.76	3.21	6
2003	55	8.59	4.75	6.8
2004	71	13.16	6.76	7.7
2005	83	18.62	8.49	8.6
2006	100	18.54	9.17	7.5
2007	134	36.4	16.9	10
2008	149	49.93	17.19	12.8
2009	150	56.8	22.1	11.5
2010	155	56.2	24	10.6
2011	164	61.2	27.9	11.2
2012	169	69.9	35.4	12.0
2013	178	80.31	335.51	12.8
2014	188	94.64	343.02	13.6
2015	193	t.d	346.58	15.04
2016	198	t.d	358.47	16.99

*Sumber: Laporan Tahunan Suruhanjaya Sekuriti 2001 hingga 2016*



## **PRESTASI SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)**

Sebagai tabung unit amanah terbesar negara dengan lebih sembilan juta pelabur, ASB mencapai jumlah langganan terkini sekitar RM 143 billion unit ASB. Malah cawangan ejen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang menawarkan skim ASB kini meningkat jumlahnya kepada 2,262 cawangan. (PNB, 2017). Skim ASB yang mula dilancarkan pada 02 Januari 1990. Skim ASB adalah tabung jenis ‘pendapatan’ dan dikategorikan sebagai ‘ekuiti’. ASB diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dengan AmanahRaya Trustee Berhad (ART) sebagai pemegang Amanah. Dengan tujuan “menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada toleransi risiko yang minima”, ASB menggunakan penanda aras Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan 3-bulan (“KLIBOR 3-bulan”) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Pada 31 Disember 2016, seramai 9,108,719 individu telah menyertai ASB. Saiz pegangan unit adalah seperti diindikasikan dalam Jadual 2. Majoriti pemegang unit iaitu seramai 6,661,343 orang yang mewakili 73.13% daripada keseluruhan pelabur pemilik saiz pegangan RM5,000 dan ke bawah, manakala 0.22% daripada pemegang unit (19,881 orang) memiliki saiz pegangan RM500,000 dan ke atas. Seramai 794,280 orang yang mewakili 8.72% pemegang unit pula melanggan bilangan unit terbanyak iaitu 99,422,252,829 yang mewakili 68.91% daripada keseluruhan unit dilanggan.

Untuk pembayaran pengagihan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, ASB telah memperuntukkan sejumlah RM 9,652.03 juta iaitu bersamaan dengan 6.75 sen seunit. Ini mencatatkan penurunan berbanding tahun sebelumnya di mana RM 10,255.14 Juta diperuntukkan pada tahun 2015 iaitu bersamaan 7.25 sen seunit. Pada tahun 2016, Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah memperuntukkan sebanyak RM 478.71 juta bersamaan 0.50 sen seunit bagi pembayaran bonus (Laporan Tahunan ASNB,2016).

**Jadual 2.** Jadual Saiz Pegangan Unit 2016

Saiz Pegangan	Bil. Pemegang Unit		Bil. Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	6,661,343	73.13	3,580,521,299	2.48
5,001 hingga 10,000	545,701	5.99	2,885,989,995	2.00
10,001 hingga 50,000	1,087,514	11.94	22,925,925,443	15.89
50,001 hingga 500,000	794,280	8.72	99,422,252,829	68.91

500,001 hingga ke atas	19,881	0.22	15,468,082,649	10.72
Jumlah	9,108,719	100	144,282,772,215	100

*Sumber: Laporan Tahunan ASB 2016*

Aset ASB banyak tertumpu dalam sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 32.2%, diikuti sektor kewangan dengan peratusan 24.57%, manakala sektor perladangan merupakan sektor terkecil iaitu sebanyak 1.55% (ASNB, 2016). Jadual 3 menunjukkan bahawa Malayan Banking Berhad mengungguli senarai 20 pelaburan terbesar ASB iaitu sebanyak 20.49%

**Jadual 3.** Senarai pelaburan terbesar pada nilai pasaran berbanding nilai aset bersih tabung pada 31 Disember 2016

Bil	Syarikat	% daripada nilai aset bersih tabung
1	Malayan Banking Berhad	20.49
2	Sime Darby Berhad	15.35
3	Axiata Group Berhad	3.46
4	Maxis Berhad	2.60
5	Tenaga Nasional Berhad	2.49
6	Telekom Malaysia Berhad	1.94
7	Digi.Com Berhad	1.83
8	SP Setia Berhad	1.77
9	UMW Holdings Berhad	1.55
10	I&P Group Berhad	1.45
11	Petronas Chemical Group Berhad	1.38
12	CIMB Group Holdings Berhad	1.37
13	Public Bank Berhad	1.09
14	MMC Corporation Berhad	0.99
15	MISC Berhad	0.99
16	IOI Corporation Berhad	0.95
17	Petronas Dagangan Berhad	0.79
18	Petronas Gas Berhad	0.78
19	Malaysia Airports Holdings Berhad	0.64
20	RHB Bank Berhad	0.63

*Sumber: Laporan Tahunan ASB 2016*

Walaupun begitu, dalam kepesatan pertumbuhan produk unit amanah patuh syariah di Malaysia, secara jelas ASB tidak tergolong dalam kelompok tersebut. Sehingga kini, Suruhanjaya Sekuriti tidak pernah memberikan status patuh syariah kepada skim ASB. Memandangkan ramai orang Islam menjadi pemegang unit saham dalam skim ASB dan polemik tentang hukum pelaburan yang tidak berkesudahan, maka situasi ini menimbulkan panik dan keresahan dalam kalangan para pelabur Muslim yang peka dengan status patuh syariah dalam pelaburan. Malah fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada tahun 2011 yang mengharamkan skim ASB kembali menghangatkan polemik dalam kalangan masyarakat. Fatwa ini ternyata bercanggah dengan fatwa oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada tahun 2008 dan mengharuskan skim pelaburan ASB.

Polemik berkaitan hukum 'halal-haram' skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang tidak kunjung malap mencetuskan reaksi yang pelbagai dalam kalangan masyarakat di Malaysia apabila sekali lagi menjadi bualan hangat pada tahun 2014 sehingga menggugat keyakinan para pelabur Muslim untuk terus melabur dalam ASB dan menarik balik pelaburan mereka. Situasi cemas dan panik dalam kalangan umat berkaitan isu ini akhirnya mendesak Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia mengeluarkan kenyataan media rasmi bagi meredakan ketegangan dan keresahan dalam kalangan umat. Kenyataan ini menegaskan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2008 yang mengharuskan pelaburan ASB di samping menggariskan perbezaan metodologi antara proses pengeluaran hukum antara Majlis Fatwa Kebangsaan dengan proses teknikal pengkategorian patuh syariah berdasarkan garis panduan oleh Suruhanjaya Sekuriti (JAKIM, 2015).

Walau bagaimanapun, menarik untuk digariskan perkembangan terkini keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bersidang pada 27 April 2017 telah mengharuskan pelaburan ASB. Keputusan terbaharu ini adalah berbeza dengan fatwa yang diputuskan oleh badan yang sama pada tahun 2011 yang lalu.

Oleh yang demikian, melihat kepada situasi dan posisi skim pelaburan ASB dalam himpitan pelbagai pandangan, beberapa persoalan kajian dibangkitkan, antaranya bagaimanakah prestasi skim ASB sehingga menyebabkannya didokong pelabur walaupun terus-menerus dirundung kontroversi? Bagaimanakah pandangan-pandangan yang pelbagai tentang hukum pelaburan ASB disandarkan dan diujahkan? Penting juga untuk dipertanyakan tentang apakah isu-isu syariah utama yang berlegar sekitar perbahasan dan polemik hukum skim pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB)?

## **OBJEKTIF**

Oleh yang demikian, penelitian ini meletakkan objektif-objektif berikut sebagai tujuan kajian:

1. Memerihalkan prestasi skim Amanah Saham Bumiputera (ASB); dan
2. Meninjau pandangan tentang hukum pelaburan ASB oleh institusi fatwa di Malaysia dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti;

## **KAJIAN LEPAS**

Memandangkan pengaruh besar ASB dalam produk-produk pasaran modal di Malaysia, pengkaji mendapati penelitian dan kajian tentang ASB daripada pelbagai aspek dilakukan oleh para sarjana dan pengamal ekonomi Islam secara berterusan, dari semasa ke semasa.

A. Yahaya, Noordin Yahaya J. Ramli, Y. Boon dan M. N. Abdul Ghaffar (2009) meneliti prospek penerokaan pasaran oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) untuk produk-produk di bawah pengurusannya termasuk ASB. Kajian dilakukan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan borang kaji selidik sebagai instrumen yang diedarkan kepada 90 orang responden sebagai sampel kajian. Terbukti daripada dapatan kajian, majoriti responden iaitu sebanyak 74.3% berminat dan berkecenderungan untuk memilih Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebagai produk pelaburan utama berbanding sembilan lagi produk lain di bawah pengurusan ASNB iaitu Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2), Amanah Saham Nasional 3 (ASN 3), Amanah Saham Gemilang-Health (ASG-Health), Amanah Saham Gemilang-Retirement (ASG-Retirement), dan Amanah Saham Gemilang-Education (*ASG-Education*). Malah majoriti responden memang kerap mendengar tentang perihal skim pelaburan ASB memandangkan populariti dan saiz langganan yang dicakupinya relatif besar. (A. Yahaya, Noordin Yahaya J. Ramli, et al., 2009).

Walaupun ASB menjadi pilihan masyarakat untuk melabur, tetapi data kajian berkaitan pelaburan ASB rakyat Malaysia oleh Khazanah Research Institut mengindikasikan jurang pendapatan yang besar antara golongan yang kaya dengan yang miskin. Laporan *The State of Household II* yang diterbitkan pada Ogos 2016 melaporkan majoriti pelabur terdiri daripada 71.5% rakyat Malaysia, yang melabur dalam ASB mempunyai simpanan kurang RM536.00 (Khazanah Research Institute, 2016). Walaupun jumlah pemegang unit

mencecah lebih 9 juta orang dengan langganan terkini melebihi RM 140 billion unit, ternyata jumlah simpanan pelaburan masyarakat Malaysia khususnya bumiputera adalah relatif rendah, malah majoriti pemegang unit dalam ASB merupakan pelabur terbawah. Sebaliknya 0.2% pelabur teratas mempunyai purata simpanan sebanyak RM745,038. Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat Malaysia masih berada pada tahap kritikal.

Memandangkan skim ASB tidak dikategorikan sebagai unit amanah patuh syariah, walaupun menerima status 'harus' oleh majoriti institusi fatwa di Malaysia, justeru sorotan terhadap kajian-kajian berkaitan unit amanah di Malaysia dianggap wajar bagi mendapatkan gambaran bagaimana unit amanah patuh syariah beroperasi dan perbandingannya dengan skim ASB. Mohamed Sharif Bashir dan Wan Rasyidah Wan Nawang (2001) melakukan perbandingan pencapaian antara unit amanah patuh syariah dengan unit amanah konvensional dalam tempoh tahun 2002 hingga 2006. Pencapaian diukur berdasarkan pulangan dana dan unit amanah konvensional mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan berbanding unit amanah patuh syariah. Walau bagaimanapun dalam konteks ketahanan risiko, unit amanah patuh syariah didapati lebih kukuh berbanding unit amanah konvensional. M. Yahya M. Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila A. Razak, Nurhanie Mahjom, & Faimah Salwa A. Hadi (2013) mengenalpasti sambutan memberangsangkan terhadap produk-produk unit amanah patuh syariah dalam tempoh 12 tahun. Dari tahun 2001 hingga 2012, bilangan dana yang diluluskan telah meningkat dengan begitu memberangsangkan iaitu dari 32 dana sehingga mencecah 169 dana menjelang penghujung 2012.

Operasi unit amanah patuh syariah pula diperihalkan dalam penelitian Fadillah Mansor & Fakhrudin Sulaiman (2009) dan Suhailah Jaafar (2013). Kajian kes di Public Mutual Berhad menjadi fokus dalam kajian Fadillah Mansor & Fakhrudin Sulaiman (2009) objektifnya adalah untuk mengesahkan skim tersebut mematuhi prinsip syariah dan regulasi oleh pihak berwajib. Perbandingan antara Public Mutual dengan MAAKL Mutual dalam dalam pengurusannya dapat membina gambaran bagaimana skim-skim ini mengendalikan urusan perniagaan dan pelaburannya dalam sempadan ketat yang ditetapkan pihak berwajib.

Berhubung polemik hukum pelaburan ASB, aspek akad adalah merupakan isu yang diperdebatkan. Akad dan kontrak adalah elemen penting yang dapat membezakan produk kewangan Islam dengan produk konvensional. Malah, sekiranya akad perniagaan atau pelaburan tidak sah ataupun terbatal, maka

perniagaan atau pelaburan itu secara automatik batal secara keseluruhannya tanpa mengira sama ada ia diletakkan dalam industri halal ataupun haram, pasaran Islam ataupun konvensional (Abdul Hadi Md Rofiee, 2014).

Isu ketidakjelasan jenis akad dalam skim ASB juga menjadi kajian dalam kalangan para pengamal ekonomi di Malaysia. Menariknya, ditemukan suatu kajian oleh Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail (2011) yang menyimpulkan bahawa kontrak ASB adalah berasaskan transaksi yang ‘mendekati’ akad dalam kategori *mudarabah* secara kolektif dalam sesuatu institusi kewangan (*al-mudarabah al-mushtarakah fi al-mu’assasat al-maliyyah*). *Mudarabah* secara kolektif yang dimaksudkan diuraikan secara lanjut:

*Mudarabah* secara kolektif berbeza dengan *mudarabah* biasa. *Mudarabah* biasa berlaku antara dua pihak iaitu pemilik modal dan pengusaha. Sementara *mudarabah* secara kolektif pula berlaku antara tiga pihak iaitu pemilik modal, pengusaha dan orang tengah iaitu yang memainkan peranan menyampaikan modal daripada pemiliknya kepada pengusaha. Dalam konteks ASB, pihak pertama iaitu pemilik modal ialah orang ramai yang meletakkan wang mereka di ASNB untuk dilaburkan dalam unit ASB, pihak kedua iaitu orang tengah pula adalah ASNB yang terletak di bawah PNB dan pihak yang ketiga iaitu pengusaha pula adalah portfolio pelaburan yang terdiri daripada beberapa syarikat seperti Maybank, Sime Darby dan sebagainya. Hubungan antara ketiga-tiga pihak ini membentuk akad dalam kategori *mudarabah* secara kolektif (Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail, 2011).

Menyoroti isu-isu syariah dalam muamalat dan kewangan Islam di Malaysia, terdapat beberapa isu yang sering mendapat respon daripada autoriti keagamaan khususnya pihak jawatankuasa fatwa negeri-negeri. Memandangkan Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri bagi mengurus dan mentadbir hal-ehwal agama Islam (sesuai dengan peruntukan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan), justeru menyebabkan autoriti keagamaan negeri masing-masing mempunyai hak eksklusif membuat keputusan-keputusan sendiri khususnya berkaitan hukum dalam domain muamalat dan kewangan Islam. Isu yang sama menatijahkan keputusan hukum yang berbeza atas sebab perbezaan *faqih* dan pentafsiran atas *nas*.

Beberapa kajian menunjukkan perbezaan fatwa berlaku antara autoriti agama di Malaysia, dan antara isu yang melibatkan konflik fatwa ini adalah isu tentang hukum pelaburan ASN/ASB. Kajian oleh Ahmad Hidayat Buang

(2002) dan Muhammad Ikhlas Rosele et al. (2013) meneliti fatwa-fatwa kontemporari di Malaysia dan melakukan perbandingan antara fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh institusi yang berbeza. Secara umumnya, kedua-dua kajian ini mengenalpasti beberapa faktor yang membawa kepada konflik fatwa iaitu (i) terikat dengan perlembagaan dan akta; (ii) peranan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang terhad; (iii) komposisi AJK fatwa yang tidak seimbang; (iv) Metodologi fatwa yang berbeza; dan (v) latar belakang akademik para mufti. Faktor-faktor ini membawa kepada perbezaan fatwa termasuk dalam isu hukum skim ASB.

Zulfaqar Mamat, Mohd Nasran Mohamad & Hydzulkifli Hashim Omar (2013) menjelaskan bahawa berlakunya perbezaan pandangan adalah berdasarkan keutamaan yang ditentukan oleh masing-masing pihak, institusi fatwa yang berijtihad mengharuskan skim ASB melihat dari sudut *masalah* masyarakat Islam dalam konteks ekonomi umat. Menurut mereka, skim ASB dapat memberikan manfaat kepada umat dengan penyertaan orang Islam dalam ekonomi melalui syarikat-syarikat utama tonggak dan pelaburan-pelaburan strategik. Di pihak yang lain yang mengharamkan skim ASB mengambil pertimbangan bahawa walaupun terdapat manfaat untuk umat tetapi selagi pelaburannya bercampur dalam entiti konvensional tidak patuh syariah dalam kadar yang tertentu maka ia tetap tidak boleh diharuskan.

Penelitian oleh Abdul Hadi Md Rofiee (2014) adalah suatu kajian khusus tentang perbezaan fatwa antara Majlis Fatwa Kebangsaan dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bercanggahan antara satu sama lain. Kajian ini dilakukan pada tahun 2014, iaitu ketika Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor melakukan ulanglihat atas hukum pelaburan ASN/ASB pada tahun 2011. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengharuskan skim ASB, manakala Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pula mengharamkan. Masing-masing mempunyai hujahan yang tersendiri. Kajian mendapati Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mempertimbangkan aspek masalah umat dan berhujah dengan bersandarkan kepada konsep maqasid syariah dalam penjagaan harta. Pertimbangan masalah dilihat pada sisi yang komprehensif melibatkan kesan jangka panjang sekiranya perubahan drastik berlaku atas penstrukturan baharu pelaburan dalam pegangan besar di syarikat tertentu. Manakala jawatankuasa fatwa Negeri Selangor pula melihat skim ini tidak boleh diharuskan atas faktor percampuran pelaburan antara yang halal dengan yang haram (tidak patuh syariah), skim ASB tidak memenuhi garis panduan Suruhanjaya Sekuriti untuk unit amanah patuh syariah, dan sumbangan dalam dana tidak patuh syarak yang besar dan berubah-ubah pada kadarannya menyukarkan pelabur membuat pembersihan pada hasil dividen.

Daripada sorotan terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa isu hukum ASB sebagai suatu isu yang unik. Sememangnya ASB telah wujud lebih awal sebelum evolusi pesat perkembangan pasaran modal Islam di Malaysia. Dengan objektif yang jelas dan dokongan kerajaan, skim ASB berjaya menjadi unit amanah paling popular di Malaysia dengan sambutan daripada khalayak yang sangat memberangsangkan.

Namun begitu, dengan pertumbuhan pesat pasaran modal Islam dan peningkatan penyertaan dalam pelaburan-pelaburan patuh syariah, maka tidak menghairankan sekiranya pandangan tentang hukum ASB menimbulkan perdebatan. Sesuatu skim unit amanah mestilah menepati syarat-syarat tertentu dalam konteks konsep dan operasinya agar dapat diluluskan sebagai patuh syariah. Dalam erti kata lain, unit amanah patuh syariah mempunyai ciri-ciri tersendiri dan bersifat jelas dalam konteks pematuhan syarak dalam seluruh pengoperasiannya.

Memandangkan skim ASB tidak memenuhi garis panduan unit amanah patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, maka secara teknikal, dalam industri, ia tetap tergolong sebagai unit amanah tidak patuh syariah. Atas alasan *masalah* dan kepentingan umat, maka majoriti institusi fatwa mengharuskan skim ASB. Setakat ini, senario sepertinya hanya berlaku kepada skim ASB, dan kemungkinan besar situasi ini tidak akan berlaku kepada skim lain. Perbezaan pandangan dalam pengeluaran fatwa oleh institusi-institusi fatwa dalam isu ASB secara khusus juga berpunca atas penekanan keutamaan yang berbeza di samping metodologi yang digunakan dalam memutuskan hukum.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen dan kajian kepustakaan. Rujukan dan penelitian dilakukan terhadap dokumen-dokumen daripada sumber yang pelbagai seperti Laporan Tahunan ASB, Laporan Tahunan Suruhanjaya Sekuriti, laman portal e-Fatwa JAKIM, laman web Suruhanjaya Sekuriti, buku-buku himpunan fatwa Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan terbitan JAKIM, risalah-risalah yang dikeluarkan oleh jabatan mufti negeri-negeri dan sebagainya. Menurut Bowen (2009), teknik analisis dokumen adalah prosedur sistematik untuk menyorot dan menilai dokumen sama ada bahan bercetak ataupun elektronik. Data yang telah terkumpul dianalisis secara manual menggunakan teknik analisis kandungan (*content analysis*) yang melibatkan proses imbasan (*skimming*), pembacaan mendalam (*thorough examination*) dan pentafsiran (Bowen, 2009).



## **HASIL KAJIAN**

Polemik dan perbahasan hukum skim pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) telah mengheret masyarakat ke dalam kekeliruan dan keresahan khususnya bagi para pelabur dan pemegang unit yang beragama Islam. Daripada dapatan pengkaji, beberapa peristiwa telah dikenalpasti menjadi pembangkit polemik hukum ASB, khususnya dalam zaman pertumbuhan pesat pasaran modal Islam di samping kecenderungan baharu masyarakat Muslim untuk menyertai pelaburan patuh syariah, ditambah pula dengan perkembangan pantas teknologi maklumat dan media komunikasi ini.

Pada tahun 2011, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah bersidang dan memutuskan hukum pelaburan ASN/ASB sebagai haram dengan justifikasinya yang tersendiri. Fatwa ini bercanggah dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 2008 yang mengharuskannya. Setelah beberapa tahun berlalu, polemik tercetus lagi pada tahun 2014. Wacana dan polemik berterusan memaksa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan menegaskan semula fatwa yang telah dikeluarkan pada tahun 2008. Malah penerbitan risalah-risalah ringkas bagi menjawab kekeliruan mengenai hukum ASB diterbitkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) juga dalam perkembangan terkini pada tahun 2016 menerbitkan sebuah buku berjudul “HARUS: Kompilasi Panduan Hukum Pelaburan ASB dan ASN” bagi mempertahankan kredibiliti skim yang diuruskannya. Terbaharu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah meminda fatwa pengharaman ASB sebelum ini dengan pengeluaran fatwa baharu pada April 2017. Fatwa terkini ini mengharuskan skim pelaburan ASN/ASB bersandarkan kepada justifikasi tertentu. Namun, jawatankuasa ini mengingatkan secara tegas bahawa keputusan ini akan diulanglihat semula dalam masa tiga tahun dan pemantauan semasa ke semasa akan dilakukan.

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Perak (1992) memutuskan ASB sebagai harus dengan hujah kondisi ekonomi bumiputera khususnya umat Islam yang tenat sehingga ke tahap darurat. Justeru penglibatan umat Islam dengan skim ASN dan ASB yang didukung oleh kerajaan dengan tujuan meningkatkan ekonomi orang Islam di negara ini adalah harus. Dalam aspek pelaburannya yang bercampur antara aktiviti halal dan haram, diputuskan bahawa aktiviti yang halal yang lebih banyak berbanding yang haram membolehkan ia diharuskan. Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (1993) pula mengambil langkah berhati-hati dalam memutuskan hukum dengan meletakkan status ‘tidak haram’ kepada skim ASB. Status ini

diberikan setelah meneliti bahawa tiada unsur pelaburan yang haram melainkan dalam institusi kewangan yang *syubhah*.

Dalam perkembangan yang sama, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (2008) mengambil keputusan mengharuskan ASB bagi menjaga kepentingan dan *maslahah* umat Islam serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar. Prinsip pensyariat Islam yang telah digariskan iaitu kewajipan menjaga lima (5) perkara iaitu agama, nyawa, akal, zuriat dan keturunan serta harta benda perlu dipertahankan kerana ia menjadi tunjang kehidupan seluruh umat Islam. Sekiranya terjejas salah satu daripada perkara ini, maka umat Islam akan ditimpa kehinaan yang akan menjejaskan agama dan kehidupan. Dalam hal ini, hukum ke atas pelaburan ASN dan ASB tidak boleh dilihat dari aspek tertentu sahaja, tetapi perlu mengambil kira semua kesan yang akan dihadapi oleh agama dan umat Islam (JAKIM, 2016).

Dengan melandaskan prinsip maqasid syariah dalam pertimbangan hukum skim ASB, muzakarah menghujahkan keharusan skim ASB dengan justifikasi berikut:

Dalam isu pelaburan yang bercampur antara halal dan haram, telah jelas bahawa PNB tidak melabur dalam sektor yang berkaitan dengan arak dan judi. Percampuran hanya berlaku dalam sektor kewangan di mana 70% pelaburan menepati syariah, hanya 30% sahaja pelaburan dalam Maybank yang dianggap masih tidak patuh syariah. Dalam keadaan ini, pelaburan dalam sektor yang halal lebih banyak daripada yang haram. Menurut sebahagian besar fuqaha' iaitu Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali, pendekatan untuk mengharuskan masyarakat Islam melabur dalam saham syarikat yang bercampur aktiviti halal dan haram adalah berasas. Ini kerana fuqaha' muktabar tidak mengharamkan syarikat sedemikian ketika menilai status syarikat yang dikongsi oleh orang Islam dan bukan Islam.

PNB telah melaksanakan perubahan yang terbaik khususnya dalam aspek pelaburan bagi membolehkan penguasaan umat Islam. Dalam hal ini, *maslahah* umat Islam adalah penting dan kemudharatan yang lebih besar perlu dielakkan (Amanah Saham Nasional Berhad, 2016).

Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan (2008), Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (2009), Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2012) dan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kesemuanya memutuskan bahawa skim ASB sebagai harus dengan mengambil hujahan yang dipakai oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (2008) dalam membentuk keputusan fatwa mereka.

Manakala, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (2011) mempunyai nada yang berbeza dengan institusi fatwa yang lainnya. Ketiga-tiganya mengharamkan skim ASB dengan alasan percampuran aktiviti perniagaan halal dengan haram, hasil wang yang syubhah, dan ketidakpatuhan kepada kriteria dan garis panduan unit amanah patuh syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Jelasnya dalam penghujahan kelompok ini tidak memberikan pertimbangan *masalah* walaupun menyedari perkara yang diharamkan itu mempunyai manfaat.

Berikut merupakan petikan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada tahun 2011. “Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah sebahagian besarnya adalah daripada sektor kewangan konvensional. Ini berdasarkan hadis riwayat Jabir Al-Ja’fi daripada Ibnu Mas’ud maksudnya: “Tidak bercampur antara yang halal dan yang haram, melainkan mengalahkan yang haram atas yang halal”. Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) diklasifikasikan sebagai dana unit amanah tidak patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti kerana terlibat dalam pelaburan tidak lulus syariah iaitu pelaburan dalam kaunter perbankan konvensional berteraskan faedah melalui Maybank dan pasaran wang. Sumbangan kepada tidak patuh syariah adalah terbesar yang tidak bertepatan dengan kehendak syarak serta kadar yang berubah-ubah ini menyukarkan pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen.” (Jabatan Mufti Selangor)

Selain itu, terdapat tiga alasan tambahan oleh Jabatan Mufti Selangor berhubung pengharaman skim ASB. Tiga alasan hukum tersebut dapat disimpulkan seperti berikut, sebagaimana dipetik daripada Abdul Hadi Md Rofiee, (2014):

Akad pelaburan tidak jelas:

*“Akad pelaburan yang digunakan tidak jelas sama ada qirad, mudarabah atau musyarakah. Hal ini tiada dinyatakan langsung dalam pelaburan ASB. Apabila sesebuah akad itu tidak sah dari sudut syarak, maka seluruh pelaburan adalah batal tanpa mengira pelaburannya diletakkan dalam industri halal atau haram”*

Jaminan modal dan permasalahan akad pelaburannya dari sudut syariah:

*“Termaktub bahawa modal (capital) pelaburan ASB dijamin oleh PNB. Hal ini bermakna syarat dalam akad pelaburan ini telah bercanggah dengan syarat pelaburan mudarabah dalam Islam yang tidak membenarkan pengusaha iaitu mudarib (dalam isu ini PNB) menjamin keselamatan modal para pelabur. Malah menurut mazhab Syafii, akad pelaburan tersebut dikira batal. Modal pelaburan sememangnya tidak boleh dijamin oleh pihak yang menguruskan pelaburan”*

Dana terkumpul dilabur secara bercampur dalam industri halal dan haram:

*“Pelaburan yang bercampur dengan yang haram melebihi 30%. ASB juga tidak pernah dibincangkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan oleh kerana itu, ia tidak termasuk dalam senarai kaunter yang jelas statusnya. MPS SC Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan meletakkan fatwa berwibawa untuk menentukan sesebuah kaunter atau dana pelaburan itu halal disertai oleh umat Islam atau tidak, pernah meletakkan kadar 33% industri haram sebagai had larangan melabur dalam syarikat atau pengurus dan bercampur halal haram. MPS SC Malaysia juga pernah mengeluarkan keputusan garis panduan atau ukur rujuk berkenaan pelaburan dalam syarikat (secara beli sahamnya atau lainnya) yang mana perniagaannya bercampur”*

Di peringkat Suruhanjaya Sekuriti pula, diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariahnya bahawa skim ASB adalah tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan untuk unit amanah Islam (*do not comply with the SC Guidelines on Islamic Unit Trust Fund*). Garis panduan telah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti untuk penetapan kriteria bagi memastikan pelaburan yang dijalankan mematuhi prinsip-prinsip asas syariah dan amalan fiqh muamalat, antaranya:

1. Aktiviti utama syarikat mestilah tidak berteraskan riba;
2. Aktiviti utama syarikat adalah tidak termasuk dalam kategori perjudian;
3. Aktiviti utama syarikat adalah tidak terlibat dengan pengeluaran dan penjualan barangan dan perkhidmatan yang diharamkan dalam Islam;
4. Aktiviti utama syarikat adalah tidak mempunyai elemen-elemen *gharar* (ketidakpastian) seperti perniagaan insurans konvensional.

Dalam perkembangan yang sama, bagi syarikat dengan aktiviti bercampur – yang mana aktiviti utamanya adalah terdiri daripada aktiviti yang dibenarkan syariah dengan bercampur aktiviti dengan yang haram dalam nisbah yang kecil – Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti telah mempertimbangkan beberapa kriteria tambahan bagi melayakkannya tersenarai sebagai sekuriti yang lulus syariah:

1. Aktiviti utama syarikat mestilah bukan aktiviti yang bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah manakala unsur haram adalah amat kecil berbanding dengan aktiviti utamanya;
2. Pandangan masyarakat umum tentang imej syarikat berkenaan mestilah baik;
3. Aktiviti utama syarikat perlulah mempunyai *masalahah*, iaitu untuk kepentingan umum umat Islam dan negara. Manakala unsur haram yang ada haruslah berskala amat kecil, yang hanya melibatkan perkara *umum balwa* (sesuatu situasi tidak baik yang meluas terkena kepada kebanyakan orang dan sukar untuk menghindarkan diri daripadanya), *'urf*, dan hak masyarakat bukan Islam yang dipraktikkan oleh Islam.

Dalam konteks skim Amanah Saham Bumiputera (ASB), secara jelas dan diakui oleh pihak Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) sebagai pengurus ASB sendiri, bahawa ASB tidak pernah membuat permohonan status patuh syariah kepada Suruhanjaya Sekuriti dengan beralasan bahawa PNB dan ASB ditubuhkan lebih awal berbanding Suruhanjaya Sekuriti, di mana penubuhannya diberikan mandat oleh kerajaan bagi mengembang dan meningkatkan tahap ekonomi golongan bumiputera.

Namun, pengkaji menyedari bahawa hakikat sebenarnya pengurusan ASB sememangnya mengetahui konsep dan pengoperasiannya tidak akan selaras dengan garis panduan patuh syariah Suruhanjaya Sekuriti memandangkan dewasa ini sumbangannya dalam syarikat konvensional adalah besar (rujuk jadual 4). Menurut Abdul Hadi Md Rofiee (2014), Skim ASB memang secara jelas didapati tidak mampu mematuhi garis panduan oleh Suruhanjaya Sekuriti kerana melampaui ukur rujuk yang ditetapkan.

ASB secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah, di mana sebahagian besar daripada tidak patuh syariah datangnya daripada sektor kewangan konvensional. Sebagaimana telah dijelaskan, peratusan sumbangan kepada tidak patuh syariah yang mana sebahagian besar daripadanya datang daripada sektor kewangan konvensional telah melepasi tanda aras lima peratus (5%)

yang digunakan oleh MPS SC bagi mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang jelas keharamannya (tidak selaras dengan syariah) seperti perbankan konvensional, insurans konvensional, pendapatan faedah daripada akaun-akaun dan instrumen-instrumen konvensional serta lain-lain. (Abdul Hadi Md Rofiee, 2014).

Meninjau permasalahan ini, pengurusan ASB iaitu Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional Berhad menjustifikasikan sumbangan besar dalam syarikat kewangan konvensional seperti Maybank melalui penilaian terhadap dua aspek (Amanah Saham Nasional Berhad, 2016):

### **1. Kepentingan pelaburan dalam sektor strategik untuk kepentingan Bumiputera**

Bagi mengekalkan kepentingan strategik Bumiputera dalam ekonomi negara, PNB perlu mempunyai pegangan dalam sektor perbankan negara. Pegangan PNB dalam Maybank, yang merupakan bank terbesar di negara ini, akan dapat memastikan kepentingan dan keperluan masyarakat Bumiputera terhadap keperluan perbankan di negara ini dijaga dan dilindungi. Selain daripada itu, pada masa ini, tiada bank berasaskan Islam yang mempunyai saiz sebesar Maybank, yang boleh menggantikan Maybank dalam portfolio pelaburan PNB/ASNB.

### **2. Saiz Transaksi Perbankan Harian**

Transaksi harian unit amanah ASNB adalah sangat besar dan hanya bank yang berkapasiti tinggi mampu mengendalikannya. Ketika ini, Maybank dan dua bank lain menjadi ejen transaksi bagi mengendalikan urusan jual beli harian operasi unit-unit amanah ASNB. Untuk menggantikan ketiga-tiga bank berkenaan dengan dua bank Islam tempatan yang ada di negara ini ketika ini adalah sukar kerana kedua-duanya tidak mempunyai rangkaian dan kapasiti yang diperlukan untuk mengendalikan urusan transaksi harian ASB/ASN yang bersaiz besar.

Walaupun begitu, beberapa langkah ke arah penyempurnaan syariah telah diambil oleh ASB dari semasa ke semasa. Berikut merupakan pendirian oleh Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional Berhad dalam pengurusan ASB (Amanah Saham Nasional Berhad, 2016):

PNB sebagai sebuah instrumen kerajaan yg mempunyai peranan utk membangunkan masyarakat Bumiputera majoriti beragama Islam di negara ini. Oleh yg demikian, PNB telah mendapatkan pandangan dan nasihat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, yang merupakan badan tertinggi di negara

ini yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran dan penyelarasan hukum dalam isu-isu yang bersifat nasional yang melibatkan *masalah* ummah (seperti pelaburan ASN dan ASB ini) – pendekatan yg diambil dari sudut hukum adalah lebih menyeluruh dengan mengambilkira kepentingan ummah dan negara secara keseluruhannya.

PNB mempunyai Majlis Penasihat Syariahnya yg tersendiri (yang terdiri daripada pakar-pakar dan ulama-ulama berwibawa tanpa terikat dengan garis panduan atau metodologi yang berbeza) bagi memberi nasihat dan pandangan mengenai urusan berkaitan pelaburan unit amanah.

PNB memfokuskan pelaburannya terhadap sektor-sektor strategik yang telah dikenalpasti seperti perbankan dan perkhidmatan kewangan, automotif dan hartanah. Sektor-sektor strategik ini merupakan sektor yang berkepentingan kepada negara, terutama kepada masyarakat Bumiputera yang beragama Islam. Risiko dan pulangan juga penting untuk dinilai sebelum pelaburan dibuat. Namun demikian, sekiranya pulangan yang dijanjikan adalah tinggi, tetapi tidak mempunyai keperluan strategik khususnya kepada masyarakat Bumiputera juga bertentangan dengan aspek agama Islam, PNB tidak akan melabur dalam sektor-sektor tersebut, contohnya seperti industri perjudian dan arak.

Falsafah pelaburan PNB adalah tidak melabur dalam syarikat yang menjalankan aktiviti utama yang bertentangan dengan syariah, seperti syarikat-syarikat yang terlibat secara langsung dengan aktiviti perniagaan arak, judi, daging babi dan pelacuran.

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR**

Berdasarkan hasil penelitian ini, pengkaji mendapati bahawa skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) mempunyai prestasi pelaburan dengan pulangan yang baik dan mengekalkan secara konsisten prestasi baik tersebut. Keadaan ini pastinya memberikan manfaat buat kira-kira sembilan juta pemegang unit dalam ASB.

Walau bagaimanapun, institusi fatwa dan pihak berwajib seperti Suruhanjaya Sekuriti mempunyai pandangan yang berbeza dalam menentukan hukum bagi skim ASB ini. Perbezaan pandangan ini berlaku atas sebab berbezanya peranan institusi yang mengeluarkan pandangan di samping metodologi yang digunapakai. Sebagai contoh perbandingan peranan dan metodologi antara Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dengan Majlis Penasihat Syariah

Suruhanjaya Sekuriti seperti dalam Jadual 4. Sehingga ke hari ini, hanya dua negeri sahaja yang mengharamkan ASB iaitu negeri Pulau Pinang dan negeri Pahang, manakala negeri-negeri yang lain adalah sepakat dengan pendirian Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk mengharuskannya.

**Jadual 4.** Perbandingan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dengan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti

Aspek	Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan	Suruhanjaya Sekuriti
Peranan	Ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja, ia merupakan badan pengeluar dan penyelar hukum-hukum dan/atau apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam, yang bersifat nasional dan melibatkan kepentingan seluruh umat Islam.	Badan yang antara peranannya ialah membuat keputusan sama ada sesuatu sekuriti diklasifikasikan sebagai patuh syariah atau tidak patuh syariah (bukan hukum atau fatwa) berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti.
Metodologi	<p>Sebagai badan pengeluar hukum, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menggunakan kaedah-kaedah istinbat yang muktabar dalam membuat keputusan dengan bersumberkan kepada al-Quran, as-Sunnah, Ijmak dan Qiyas, serta dalil-dalil lain yang diiktiraf syarak.</p> <p>Hukum atau fatwa yang dikeluarkan juga mengambil kira aspek-aspek lain yang muktabar seperti kepentingan umum, keperluan dan maqasid syariyyah dan siasah syar'iyah. Melihat ruang lingkup yang luas dan menyeluruh bagi menjaga kepentingan dan <i>maslahah</i> umat Islam, serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar terhadap sosio-ekonomi umat Islam.</p>	Mengadaptasi pendekatan kuantitatif yang mengguna pakai tanda aras aktiviti perniagaan dan tanda aras nisbah kewangan. Sebagai contoh, tanda aras lima peratus (5%) diguna pakai bagi perniagaan perjudian dan perbankan konvensional, dan tanda aras 20% diguna pakai bagi perniagaan pembrokeran saham dan operasi hotel serta rumah penginapan. Untuk tanda aras nisbah kewangan, nisbah 33% diambil kira sebagai tanda aras



Domain otoriti	Badan pengeluar hukum yg diberi autoriti oleh <i>Ulii Amri</i> .	Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (MPS SC) sebagai satu badan yg diberi mandat bagi memastikan Pasaran Modal Islam di negara ini mematuhi prinsip syariah.
----------------	--	--

Sumber: Amanah Saham Nasional Berhad (2016)

Walaupun ASB menyedari kondisi ketidapatuhannya terhadap garis panduan Suruhanjaya Sekuriti, namun ia tetap berusaha melakukan penambahbaikan. Ini terbukti dengan fatwa terbaharu oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang meletakkan hukum harus bagi pelaburan ASB pada April 2017 sedangkan jawatankuasa yang sama mengharamkannya pada tahun 2011. Keputusan ini diambil melihat kepada perubahan dalam struktur sumbangan dan pelaburan ASB kesan penambahbaikannya menuju kesempurnaan syariah.

**Jadual 5.** Pandangan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Berkaitan Hukum ASB

2011	2017
<p>Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali ke-2/2011 yang bersidang pada 12hb. April 2011M bersamaan 8 Jumadal Ula 1432H telah bersetuju memutuskan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Seumpamanya adalah tidak halal kerana masih belum menepati hukum syarak dengan alasan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah sebahagian besarnya adalah daripada sektor kewangan konvensional.</li> <li>2. Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera</li> </ol>	<p>Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-3/2017bersamaan 30 Rajab 1438H memutuskan bahawa Hukum pelaburan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah harus kerana peratusan pelaburan dalam syarikat patuh syarak telah melepasi 66% mengikut piawaian Suruhanjaya Sekuriti. Pengharusan ini berdasarkan kaedah fiqhiyyah iaitu “Hukum Berubah Menurut Perubahan <i>‘Illah</i> (sebab) seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. PNB hendaklah meneruskan usaha-usaha penambahbaikan bagi memastikan pelaburan tersebut menepati syarak sepenuhnya, dan keharusan hukum pelaburan ini akan dikaji semula selepas 3 tahun dan</li> </ol>

<p>(ASB) diklasifikasikan sebagai dana unit amanah tidak patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti kerana terlibat dalam pelaburan tidak lulus syariah iaitu pelaburan dalam kaunter perbankan konvensional berteraskan faedah melalui Maybank dan pasaran wang.</p> <p>3. Sumbangan kepada tidak patuh syariah adalah terbesar yang tidak bertepatan dengan kehendak syarak serta kadar yang berubah-ubah ini menyukarkan pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen.</p>	<p>sekurang-kurangnya peratusan pelaburan patuh syarak melebihi 75%.</p> <p>2. Mesyuarat juga memutuskan pihak PNB hendaklah mengeluarkan zakat kepada pelaburan yang patuh syarak.</p> <p>3. Bagi tujuan pemantauan, pihak PNB perlu mengemukakan laporan perkembangan peratusan patuh syarak kepada jabatan ini pada setiap tahun sepanjang tempoh tiga tahun tersebut</p>
---	--

*Sumber: Laman web Jabatan Mufti Selangor*

Bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, pada April 2017 telah meminda fatwa pengharaman sebelum ini. Dengan alasan bahawa “peratusan pelaburan dalam syarikat patuh syarak telah melepasi 66% mengikut piawaian Suruhanjaya Sekuriti. Keharusan ini berdasarkan kaedah fiqhiyyah iaitu “hukum berubah menurut perubahan ‘illah (sebab)”. Dengan itu, hanya negeri Pulau Pinang dan Pahang sahaja yang masih kekal dengan fatwa mengharamkan skim ASB.

Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan dalam konteks kajian lanjut, penyelidikan baharu wajar dilaksanakan bagi menilai struktur pelaburan dan sumbangan ASB dalam portfolio dan syarikat yang pelbagai dan mencari formula bagi meneroka sektor selain sektor kewangan yang berpotensi strategik dan yang lebih utama bersifat patuh syariah. Dalam perkembangan yang sama, analisis terhadap kaedah pengoperasian ASB dirasakan perlu bagi menguji keselarasan kaedah operasinya dalam domain berbeza, sebagai contoh seperti kaedah kontrak berdasarkan prinsip-prinsip syariah.

Di samping itu, dalam konteks praktikal dan pengamalan, diusulkan supaya ASB meneroka sektor-sektor baharu dengan mengambil peluang kerancangan pertumbuhan pasaran modal Islam. Selain itu, autoriti agama khususnya institusi fatwa perlulah mempunyai penghujahan yang kukuh dan mantap dalam memberikan sesuatu justifikasi atas hukum yang diputuskan.

Malah disarankan agar hukum ASB diulangnilai dari semasa ke semasa melihat kepada perubahan-perubahan yang berlaku.

## **KESIMPULAN**

Kontroversi yang melanda Amanah Saham Bumiputera (ASB) berhubung hukum pelaburannya sememangnya mencetuskan polemik berpanjangan dalam kalangan sarjana dan pengamal kewangan Islam. Malah, dalam kalangan masyarakat Muslim sendiri, keresahan melanda sebagai kesan daripada kepedulian masyarakat terhadap hukum 'halal-haram' termasuk dalam aspek pelaburan. Walaupun begitu, justifikasi yang diberikan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang mengharuskan skim ASB ini dibuat dengan pertimbangan *maslahah* dan kepentingan awam. Skim yang menjadi instrumen bagi agenda khas negara ini telah hampir 30 diwujudkan dan ia datang lebih awal berbanding evolusi regulasi dalam pasaran modal Islam yang relatif baharu dan terus terusan berkembang. Kajian ini telah memerihalkan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan meninjau prestasi terkini dan mendapati ia masih tetap utuh dan relevan untuk agenda pembangunan bumiputera. Tinjauan terhadap fatwa-fatwa oleh pihak autoriti keagamaan menunjukkan adanya ruang penilaian semula untuk status hukum skim ASB pada masa depan mengikut kepada perubahan *'illah* (sebab). Dalam masa yang sama, ASB dan pengurusannya dikenalpasti sebagai sepenuhnya sedar tentang status mereka dalam ruang lingkup regulasi pasaran Islam dan berusaha melakukan penambahbaikan.

## **RUJUKAN**

- A. Yahaya, Noordin Yahaya J. Ramli, Y. Boon dan M. N. Abdul Ghaffar. (2009). Amanah Saham Nasional Berhad's Promotional Strategies and Its Relationship with Customer Motivation. *Journal of Social Sciences* 5(4): 283-291.
- Abdul Hadi Md Rofiee. (2014). Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) di Malaysia. Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Ahmad Hidayat Bung. (2002). Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 10, bil. 1.
- Amanah Saham Nasional Berhad. (2016). *HARUS: Kompilasi Panduan Hukum Pelaburan ASB dan ASN*. Kuala Lumpur: Amanah Saham Nasional Berhad.

- ASB & ASN Adalah Harus-Majlis Fatwa: Ulasan UZAR. (2017). Portal Zaharuddin.net Rujukan Informasi Islam. <http://www.zaharuddin.net/>. (diakses pada 20 Julai 2017)
- Fadillah Mansor & Fakhrudin Sulaiman. (2009). Operasi Dana Saham Amanah Secara Islam: Kajian Kes di Public Mutual Berhad. *Jurnal Syariah*. Jil.17, Bil.1, 68-88.
- Isu Fatwa ASN dan ASB. (2017). E-Muamalat Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). [http://e-muamalat.islam.gov.my/sites/default/files/kertas\\_ilmiah/2014/02/isu\\_fatwa\\_asn\\_dan\\_asb.pdf](http://e-muamalat.islam.gov.my/sites/default/files/kertas_ilmiah/2014/02/isu_fatwa_asn_dan_asb.pdf). (diakses pada 20 Julai 2017).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.
- Khazanah Research Institute. (2016). *The States of Household II*. Malaysia: Khazanah Research Institute.
- M. Yahya M. Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila A. Razak, Nurhanie Mahjom, & Faimah Salwa A. Hadi. (2013). Pasaran Modal Islam di Malaysia: Mengembang atau Menguncup? *Jurnal Perspektif*, Jil.5 Bil.2, 1-14.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid. (2004). Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia. *Jurnal Syariah*. 12: 2.
- M. Yahya M. H., Fidlizan M. (2011). Analisis Perkembangan Bursa Malaysia dan Pasaran Saham Islam di Malaysia, *Jurnal Teknologi*. Jil 56 Sept.:65-80.
- Mohamed Sharif Bashir & Wan Rasyidah Wan Nawang. (2001). Islamic and Conventional Unit Trust in Malaysia: A Performance Comparison. *Journal of Islamic Economics, banking and Finance*. Vol.7, No.4: 9-24.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah Haji Ismail, Mohd Anuar Ramli. (2013). Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*. No.10: 31-56.
- Permodalan Nasional Berhad. (2017). Laman web Permodalan Nasional Berhad, <http://www.pnb.com.my/>. (diakses pada 15 Julai 2017).
- Suhaili Alma'amun. (2010). Islamic Estate Planning: Malaysian Experience. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 3-2: 165-185.
- Siaran berita. (2017). Jabatan Mufti Negeri Selangor Beri Status Harus Untuk Pelaburan PNB dan ASN Berdasarkan Maqasid Syariah. Bahagian Hal Ehwal Korporat & Komunikasi, Permodalan Nasional Berhad. 16 Mei.

- Suhailah Jaafar. (2013). Pengurusan Dana Unit Amanah Islam MAAKL Mutual dan Public Mutual: Suatu Perbandingan. Prosiding PERKEM VIII, Jil. 1: 69 – 83
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2013). *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2008). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, ed. ke-2. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, <http://www.sc.com.my>
- Unit Trust.(2017). Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM). <https://www.fimm.com.my/> (diakses pada 20 Julai 2017).
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail. (2011). Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad. Seminar Hukum Islam Semasa VII (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, anjuran Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011.
- Zulfaqar Mamat, Mohd Nasran Mohamad & Hydzulkifli Hashim Omar. (2013). Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri: Satu Analisa Persamaan dan Perbezaan Fatwa tahun 2000-2009. *IJMS*, 20(2):129-148.



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya,  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA



03-8870 7000



03-8870 7707



<http://www.islam.gov.my/>



<https://www.facebook.com/MyJakimMalaysia>



<https://twitter.com/MyJAKIM>



<https://www.instagram.com/myjakim/>



<https://www.youtube.com/user/tvjakim>

ISSN 1985 - 6156



9 7 7 1 8 5 6 1 5 0 0 8